


95-007
*Dengan Menyebut Nama Allah
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*



*'Baca, 'Bacalah Dengan Nama Tuhan
Yang Menjadikan Kamu*



**PEMIMPIN,
POLITIK
DAN
FIRASAT**

**S.H.
ALATTAS**

CETAKAN PERTAMA OKTOBER 1994

HARGA : \$15.00

TYPESETTING:

ABDULLAH AGENSI

6-3, WISMA KAH SIONG,

JALAN TUN RAZAK,

50400 KUALA LUMPUR

TEL: 03-4422700/4427700 (6 LINES)

FAX: 03-4426700

DITERBITKAN OLEH:

JAHARAH ENTERPRISE

P.O.BOX 11753

50756 KUALA LUMPUR

10
Box 11753
KLA
DICETAK OLEH:

AL-SUHAIMI

APB 715047

@HAKCIPTA S.H. ALATTAS 1994

DILINDUNGI OLEH ALLAH SWT

06 DEC 1994

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

**PEMIMPIN,
POLITIK
DAN
FIRASAT**

S.H. ALATTAS

JAHARAH ENTERPRISE

P.O.BOX 11753

50756 Kuala Lumpur



SATU PRAKTIS MENGENAI PENGAJIAN

ILMU

FIRASAT

PANDUAN DAN PEDOMAN YANG JITU
UNTUK MENGANALISA SIFAT SIFAT
MANUSIA DENGAN HANYA
MEMANDANG MIKA

KANDUNGAN

1. MUKADIMMAH
2. MUKADIMMAH II
3. MUKADIMMAH III
4. MUKADIMMAH IV
5. MUKADIMMAH V
6. ASHAARI TERMASUK UMNO
7. BAPA BOHSIA
8. REVOLUSI KEROHANIAN
9. APA ITU FIRASAT?
10. PENUTUP

*Dengan Menyebut Nama Allah
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*



Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.

(Ar-rad: Ayat 11)

*Baca, Bacalah Dengan Nama Tuhan
Yang Menjadikan Kamu*



Dr. Mahathir : Tun Daim, you tahu Rahim Tamby Chik ni punya cerita, macam ini punya panjang.

Tun Daim : Macam bateri *energizer* tok?

Dr. Mahathir : Mungkin panjang lagi, macam ini punya panjang cerita yang dilapurkan oleh akhbar dan ditulis oleh penulis-penulis politik masakan tak ada yang betul, Rahim sendiri mengaku ada yang betul.

Tun Daim : Yang mana satu yang betul? Rasuah atau was..wasan 1515?

Dr. Mahathir : Apa pulak was..wasan 1515 ni? Saya punya wawasan 2020.

Tun Daim : Rahim suka yang 15 tahun sebab itu kita kata was..wasan 1515. Datuk tak pernah buat kerja macam ini, macam mana Datuk nak tahu.

Dr. Mahathir : Bukan dia saja, ramai lagi orang kita yang mungkin lebih teruk darinya. Habis you macam mana? Mana panjang cerita you dengan Rahim? Mengikut *firasat* Pak Habib, orang yang ketinggianya sederhana berbanding dengan majoriti, *akal* dan ceritanya lebih panjang lagi, tapi mungkin bintang you sedang terang, selamatlah you.



Siapa kata Dr. Mahathir tak suka dengan orang Arqam? Siapa kata orang Arqam memusuhi Mahathir? Dan siapa kata Mahathir takut dengan orang Arqam? Gambar boleh menceritakan seribu kesah. *Lidah dan gigi lagikan tergigit, kaki sama kaki pun terhantuk, suami isteri lagikan bergaduh* inikan pula mereka yang berlainan ideologi. Marah bapa pada anak, biasalah.. tak sampai berjauh hati. *Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum juga, air dicincang tak akan putus. If you cannot fight them joint them.* Dr. Mahathir sayang nak kehilangan undi orang Arqam dan mereka yang simpati dengan mereka yang melebihi satu juta. Hari ini UMNO yang memerintah, Mahathir yang jadi bossnya. Kalau Mahathir berkenan siapa saja boleh jadi regunya. Dulu dua M, **Mahathir-Musa**, kemudian **Mahathir-Ghafar**, hari ini **Mahathir-Anwar**, tak mustahil esok **Mahathir-Ashaari**. Dan kalau mengikut teori **R.A.H.M.A.N.** Ashaari termasuk dalam senarai A.



- Ashaari : Antara Datuk dengan saya siapa lebih popular? Siapa lebih ramai pengikut dan simpati? Siapa lebih banyak tulis buku?
- Mahathir : Itu saja yang you nak tanya? You satu ulama, orang sufi, orang tarikat, Abuya, Ustaz, Imam dan baru ini Ayatullah pula, Nabi gunakan Muhammad SAW saja. Itu ke cara nak ukur popular?
- Ashaari : Dia Nabi kita, lain Datuk. Datuk pun pakai YAB Datuk Sri, gambar Datuk pun ada tergantung diseluruh negeri, dikedai-kedai kopi, dipejabat dan dimana saja.
- Mahathir : You jangan nak ikut saya, saya Perdana Menteri, you siapa?
- Ashaari : Pak Habib cakap saya pun boleh jadi Perdan Menteri?
- Mahathir : Apa punya ulama you ni, S.H. Alattas punya ramalan pun you percaya. Ini semua amalan syaitan, you tak malu ke?
- Ashaari : Nak jadi *orang politik* mana boleh *malu*, muka mesti tebal, masakan Datuk tak tahu hampir 90% ramalan S.H. Alattas menjadi kenyataan, saya menghormati keistimewaan yang Tuhan berikan padanya. **frasad** bukan benda yang salah dan **frasad** bukannya amalan syaitan.
- Mahathir : Kalau macam itu masuk saja UMNO. Anwar pun lebih dahsyat dari you, tapi hari ini dia sudah duduk di kerusi no dua. Tapi biar bagaimanapun sebagai seorang doktor, saya tak percaya dengan tukang telek.



Datuk Najib : Datuk! Rahim sudah kena, saya dan team *waswasan* yang lain macam mana? Ada yang kena sama ke? Desas desus cerita rumah dan rumah tangga saya ini berat.

Anwar : Kita tengok-tengoklah, kalau Dr. Mahathir kata cerita you terlalu panjang, Utusan Malaysia dan TV 3 mahu siarkan, kita tak boleh buat apa-apa. Tapi cerita menteri di PD itu orang tak percaya. You pandai...

Najib : Bukankah TV3 dan Utusan itu UMNO yang punya?

Anwar : Kalau *media massa* lain yang keluaran berita *skandal* dan *rasuah* pemimpin UMNO, mungkin orang tak percaya, lagi pun kita mengamalkan *kebebasan akhbar*. Siapa yang bersalah dia kena. Inilah yang dinamakan *hukum karma*, Datuk tak percaya pada *hukum karma*?

Najib : Sayakan anak Arwah Tun Razak?

Anwar : Mana ada manusia yang berada diatas undang-undang, raja-raja pun sudah hilang kebal. Kenapa you tanya I banyak sangat? Ada apa-apa ke?

Najib : Tak ada apa-apa, saje.....



Brother Anwar : Ustaz dua puluh tahun jadi Menteri Besar, masih tak cukup lagi ke?

Wan Mokhtar : Cukup tu cukup, tapi Datuk jangan lupa kita menuju **wawasan 2020**. Dua puluh tahun pertama pilihan Tun Razak, dua puluh tahun kedua ana menjadi pilihan Dr. Mahathir, tak percaya tanya Presiden? Kalau bukan ana yang jadi **Ketua Perhubungan**, bukan ana yang jadi Menteri Besarnya, Terengganu akan jatuh ke tangan pembangkang.

Anwar : Yang mana yang betul ni Ustaz? Lapuran siapa yang Datuk gunakan, ana rasa kalau Datuk kekal, Terengganu lingkup. Masaalah Datuk pada rakyat Terengganu banyak sangat. Itu baru sikit saja yang didedahkan.

Wan Mokhtar : Ente cakap baik-baik Anwar. Ente baru masuk UMNO, kalau bukan kerana sokongan Menteri-Menteri Besar, ente tak menang kerusi Timbalan Presiden, ente tunggu sekali lagi pertandingan, ente tahulah nasib ente. Ana tahu siapa ente nak bubuh ganti ana, bukan Dr. Yusof Nor tapi ente sudah ada orang ente sendiri kan?

Anwar : Datuk cakap jangan sebarang cakap, kata-kata macam ini boleh menimbulkan *fitnah*.

Wan Mokhtar : Anwar, pemimpin politik tak boleh *emosional*. Kerja-kkerja *fitnah* ini memang mainan orang politik.



Brother Anwar : Rahim ingat-ingat sikit, yang duduk disebelah kita ini memang *cantik, cun* dan *sexy* tapi dia isteri orang lagipun dia menteri dalam kabinet kita, mana tahu dia boleh jadi Ketua Wanita, lagipun you kena ingat sikit you orang Melaka, you tak ingat ke macam mana Ghafar jatuh, isteri orang punya pasallah.

Rahim : Saya tahu Datuk tapi kalau *Pandai makan pandai simpan*, o.k. Saya pun sudah belajar, kita tak boleh makan ikan dalam *aquarium* kita sendiri, itu ikan perhiasan, kita kena jaga, kalau nak tangkap ikan, pergi ke lautan dalam atau ke tasik dan kalau hendak berak pun jangan berak dalam rumah. Sekarang saya dah belajar kalau nak perempuan saya nikah. Saya masih ada tiga kuota yang kosong.

Anwar : Baguslah tu kalau menteri dalam kabinet kita dah tak buat maksiat lagi. Sudah kembali ke jalan Allah, kita tak perlu nak berperang dengan AIDS dan dadah.



Nazri : Apa macam Pak Sheikh, boleh?

Brother Anwar : Hebat... Nazri, you dan EXCO you memang hebat, beginilah kalau nak jadi pemimpin, mesti pandai *tarik benang dalam tepung, benang jangan putus, tepung tak berterabur*. Begitu juga kalau nak bunuh ular, ular mesti *mati tongkat tak patah, tanah tak rosak*.

Nazri : Siapa lepas ini boss?

Brother Anwar : *We look and see*. Ini zaman *pembersihan*. *Only the good will survive*. Bila timbul yang **haq**, yang **batil** akan gugur dengan sendirinya. Saya mahukan **Pemuda** yang berakhlak mulia, **Pemuda** yang mempunyai tanggungjawab terhadap agama bangsa dan negara. **Pemuda** yang tahu menjalankan tugas sebagai **Pemuda Harapan Bangsa**.

Siapa sangka tiba-tiba Nazri boleh jadi **Ketua Pemuda**, inilah **nasib** namanya, *untung sabut terapung-apung entah kemana ikut pasang surut*. Bagaimana dengan masa depan nya bila Dr. Mahathir telah menunjukkan kemarahannya bila Rahim 'blue eye boy' Dr. Mahathir ditentang oleh Nazri?



Rahim : Mat, engkau tengoklah, kecil punya hal, kesah budak perempuan lima belas tahun saja, bukan besar sangat halnya... Lubang ini, lebih kecil dari lubang dan cerita bola hoki yang telah menjadi sebab jatuh dan hilangnya *immuniti* raja-raja, tapi macam ini kecil punya lubang dia orang sudah besar-besarkan, maka lubang yang kecil ini sudah jadi macam lubang puaka. Malu aku Mat, padahal bukan aku saja yang ada *affiar* dengan *hareem* ramai lagi Mr. **haggar**. Aku susah hati, aku malu Mat, aku sedih masa depan anak-anak aku, nak buat macam mana Mat, aku sudah terlanjur, patutnya mereka tolong aku dirikan masjid. Tapi engkau bijak Mat, aku dengar engkau diam-diam sudah *nikah* lagi satu. Lubang kau ini jaga baik-baik, jangan sampai pecah. Jangan jadi macam Engku Yah.

Tan Sri Mohd Taib diam, dia pun banyak hal juga, lubang dia dulu pun orang sudah meletup sana sini. Mat Taib sudah mengalami ini semua. Kesah dia dengan puteri Sultan Selangor, cerita Ku Yah siapa yang tak tahu. Badan Pencegah Rasuah pun dah tahu, mereka sudah baca buku **Ku Yah Lawan Mike Tyson** dan sudah ada orang yang buat lapuran, tunggu masa saja. Kalau Badan Pencegah Rasuah berani, kesahnya jauh lebih hebat tapi BPR cuma berani tangkap ikan bilis, jerung mana berani. Jangan-jangan BPR nanti jadi Badan Perlindungan Rasuah.



Dakapan kasih seorang isteri. Belaian kasih dan pujukan seorang suami

Datin Rosmah : Macam mana masa depan kita ni *darling*? Mereka sudah mula sapu bersih sana sini. Abang tolong jangan nakal-nakal lagi.

Najib : Sabar yang sabar... *Bersabar itukan separuh dari iman*. You isteri orang politik, isteri pemimpin tak boleh *emosional*. Kalau nak peluk, nak cium, nak manja-manja macam ini dalam rumah tak apalah. You nampak juru kamera keliling kita, depan belakang semua ada kamera. Pak Habib tu pun ada sama, tak-pasal-pasal gambar kita berpeluk mesra dikhalayak ramai termasuk dalam bukunya. Pada hal peluk isteri sendiri bukan salah, yang salah kalau saya peluk *hareem* dikhalayak ramai.

*Allah melihat apa yang kamu buat,
Allah mendengar apa yang kamu kata,
dan Allah tahu niat dihatimu.*

*Allah paling dekat dengan dirimu,
lebih dekat dari urat merah dilehermu.*

Perempuan itu madu dan penawar

Perempuan juga adalah racun yang berbisa

Behind the success of every man there must be a women.

Man... man... no cry...



Wanita UMNO : Betul ke Datuk, Syarikat Datuk yang hendak buat projek Gunung Jerai itu cuma syarikat \$2 saja?

Osman Arof : Datin, semua syarikat Gergasi yang mengendalikan projek besar-besar di Malaysia seperti Renung dan lain-lain asalnya syarikat \$2.00 juga. Inilah susah ni kalau pemimpin politik sendiri pun percaya, projek Gunung Jerai yang sudah membelanjakan lebih 10 juta ringgit, inikan pula orang kampung. Inilah yang susahnya Datin, macam mana nak terangkan pada orang-orang kampung bila pilihanraya nanti, yang sakit pemimpin UMNO juga.

Wanita UMNO : Macam mana boleh jadi macam ini Datuk?

Osman Arof : Ada pemimpin yang dah kena penyakit tamak, tak pandai dan tak cukup-cukup, sudah ada satu gunung emas nak satu lagi, sudah ada satu pulau mahu Gunung Jerai juga lagi. Maka *nasib* saya kurang baik, saya jadi mangsa. Bila sudah turun jadi MB lepas pilihanraya nanti projek itu mesti jadi, Datin tengoklah. Politik.. takkan Datin tak tahu... politik...



Datuk Isa : Dia ni punya pasallah saya kalah. Kalau *last minat* dia tak tarik diri, tak suruh pengikutnya semua berikan undi pada Rahim, belum tahu lagi siapa yang menang, mungkin dia yang dipilih jadi **Ketua Pemuda UMNO Malaysia**. Inilah akibat duduk dalam team waswasan. Sekarang semua sudah ada perasaan was-was antara satu sama lain.

Datuk Isa Samad dengan nama jolokan '*the good man*'. Isa pemimpin yang sentiasa taat setia kepada perjuangan UMNO dibawah pimpinan Mahathir dan tidak pernah berbelah bagi, tidak seperti Menteri Besar Negeri Sembilan sebelumnya. *Kecik-kecik cili padi*, biarpun seorang diri tanpa team, Isa tak kalah *badi*. Rahim tak mendapat *pengiktirafan* dari penulis dan penganalisa politik. Team **wawasan** punya pasal, *fidus punya pasal* menang. Kemenangan yang membawa kepada kekalahan, kerugian dan malu besar kepada agama, bangsa dan negara ternyata '*the good man always win*'. Apakah Isa akan di jadikan mangsa sesudah ini, sama-samalah kita perhatikan kerana sudah ada ura-ura hendak mengadakan undi tak percaya terhadapnya dan Isa tahu siapa yang merancangnya?



Kalau menang jangan terlampau suka, apa lagi kalau kemenangan kerana pertolongan dari Allah atau bantuan dari kuasa-kuasa lain. Yang kalah tak perlu berduka, *ada hikmat ada baiknya dan kita beruntung dalam kekalahan yang telah menyelamatkan kita. Kehidupan tak ubah seperti roda.* Belumpun sampai setahun menang sudah tak boleh duduk atas kerusi sendiri, terpaksa lari bersembunyi entah dimana, tak tahu dimana nak taruk muka. Ini satu sejarah yang amat memalukan **Pemuda** dan penyokong-penyokong mereka, belum pernah terjadi dalam sejarah **Pemuda**, ketuanya lari meninggalkan kerusi. Datuk Harun dulu masa kena tangkap dan didakwa, semua **EXCO Pemuda** dan anggota sanggup mengepung rumah Datuk Harun dan sanggup mati bersama-sama dengannya. Ini belum kena tangkap, belum dibicara, barisan **EXCO** sudah buat kenduri kendara, adakan mesyuarat yang hampir sama dengan undi tak percaya. Namun orang ramai tak tahu cerita sendiwara yang sebenarnya. *Melayu Baru... Melayu Baru...* dengan team wawasannya *Melayu Baru*. Pak Habib tetap dengan surat khabar lama.



Those who laugh last, laugh the loudest. Nasib orang politik, selagi umur masih ada, selagi hayat dikandung badan, selagi semangat berjuang masih kental, selagi pengikut masih ramai, selagi dosa masih belum terlalu banyak, selagi itu selagi melawan siapa tau **tuah nasib ikan cencaru**, rezeki datang di waktu petang. Dulu haru biru tapi hari ini siapa yang bercelaru?

Kalau tengok pada muka Pak Lah dan Sanusi, biarpun kalah tapi tetap tersenyum riang, kalah dengan orang-orang **berwang**, biasalah... kalah dengan team yang ada segala-galanya biasalah... cuba sekali lagi sesudah politik wang diharamkan. Adat berlawan yang menang tak menang semua dan yang kalah tak kalah semua. Yang penting asal jangan Datuk Sanusi dan Pak Lah buat hal masing-masing sudahlah.



Dua Anwar dalam satu zaman. Kedua-duanya pernah melalui zaman *pahit getir* yang sama. Keduanya tidak popular tapi popular, yang satu **Timbalan Presiden UMNO** dan yang satu **Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan** dibawah boss yang sama Dr. Mahathir mempunyai minat dan harapan kepada mereka berdua. Dan Anwar Ibrahim pernah memilih Annuar Musa dalam EXCO Pemuda. Dua Anwar sedang menunggu giliran, dua Anwar sedang meneruskan perjalanan.

Annuar (kanan) bersama Dato Seri Anwar Ibrahim - Ada persamaan, ada perbezaan. Persamaan dijadikan kekuatan, perbezaan dijadikan sempadan.



- Pengikut : Tan Sri nak kemana ni?
Rahim : Saya hendak pergi bercuti untuk selama-lamanya.
Pengikut : Habis... kerusi Ketua Pemuda macam mana?
Rahim : Bagi kat Annuar Musa sudahlah, dia ada bakat untuk menggantikan saya.
Pengikut : Bagaimana dengan Kamaruddin Jaafar yang dirancang untuk ambil-alih tempat Tan Sri?
Rahim : Itu saya tak tahu. *Ada mata pandang... ada telinga dengar.. ada mulut diam...* Lagu popular nyanyian Pak Pandir, tak kan you tak tahu?... ada mata nanti tengoklah siapa Ketua Menteri Melaka selepas saya. Saya dulu ada mata dan telinga tak tahu nak menggunakannya.



Datuk Yusof Nor mengajurkan supaya diadakan satu *revolusi kerohanian*. Bila agaknya apa yang dianjurkan itu akan dilaksanakan oleh UMNO? Dan bagaimana dengan tokoh akademik *sufi* yang sudah empat kali berturut-turut menduduki kerusi nombor satu di kerusi Majlis Kerja Tertinggi. Apakah beliau tidak layak menduduki kerusi Naib Presiden?

MUKADIMMAH

Segala puji bagi Allah, yang memberi kurniaan dan yang mengilhamkan ilmu hikmat. Selawat dan salam bagi RasulNya yang paling mulia, yang kepadanya diturunkan Al-Quran, yang mengandungi banyak maksud dalam ayat yang sedikit, dan juga kepada keluarganya dan para sahabatnya yang setia mengikuti jejak langkahnya serta umatnya itu pula adalah umat yang paling mulia dalam segala umat. Saya naik saksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah, tidak ada satu pun yang bersekutu dengan Dia; dan Muhammad itu pesuruh dan hambaNya. Moga-moga Allah kurniakan selamat dan sejahtera kepadanya, keluarganya dan para sahabatnya.

Sejarah telah membuktikan bahawa nama **Muhammad S.A.W.** berada di kemuncak yang tertinggi. Baginda adalah manusia yang termulia dan paling popular yang terdapat didalam buku **100 pemimpin yang paling berpengaruh dalam sejarah** oleh Michael H. Hart,

dimana Nabi kita **Muhammad S.A.W.** adalah Rasul pilihan yang menduduki tempat nombor satu. Sepatutnya kita berbangga dan beruntung menjadi umat Muhammad kerana umat Muhammad adalah umat yang terbaik. Tanpa Nabi Muhammad tidak mungkin kita mengenali asal usul diri kita, serta Allah, Tuhan yang maha agung. Muhammad adalah Nur yang memercukan ia termustaqim kepada sekalian manusia.

Yang menjadi persoalannya ialah apakah semua umat Muhammad sudah jadi baik? Sedangkan Muhammad masih menduduki ditempat nombor satu dan Allah yang *baqa* dari dulu hingga sekarang dan sampai bila-bila pun tetap satu dan bersifat maha esa, tempat kita meminta, tidak lain darinya.

Memang tidak ada pemimpin yang boleh menandingi Muhammad S.A.W. sebagai pesuruh Allah yang diutuskan khas untuk membawa *rahmat* untuk sekalian alam, selain dari mempunyai akhlak yang paling mulia dan ahli dalam semua bidang, ditambah pula sifat baginda yang *pemurah*, *pemaaf* dan *penyayang*. Baginda adalah Nabi dan Rasul yang terakhir, serta juga mempunyai *keajaiban* dari segi *kerohanian* dan mukjizat yang menakjubkan, dilengkapi pula dengan ilmu-ilmu *kerohanian* yang ditinggalkan untuk umatnya supaya umatnya menyontohi Baginda dengan akhlak yang terpuji dan keupayaan mencapai *ma'rifat* dan *maqam* yang tinggi lagi terpuji sekiranya mereka berusaha. Allah pasti akan mengkabulkannya.

Kalau kita mengkaji sejarah asal usul pemimpin, sama ada diperingkat negeri, nasional atau pemimpin dunia dari segi biologinya adalah macam kita juga. Asalnya tak lebih dari setitik air mani yang akhirnya bertukar menjadi segumpal darah, kemudian lahirlah seorang makhluk yang bernama manusia sama seperti manusia-manusia yang lain. Tapi hingga hari ini kita belum menjumpai *khalifah* yang boleh memimpin dunia seperti baginda. Sudah tidak mungkin akan lahir Muhammad kedua kerana baginda adalah '*khatamunabi*'. Namun begitu apa yang diharapkan akan muncullah pemimpin yang mewarisi sifat-sifat terpuji seperti baginda.

Kepimpinan dalam Islam sepatutnya hendaklah berasaskan kepada paradigma *tauhid* - dengan meletakkan diri di bawah kekuasaan Allah S.W.T. kerana Allah sahaja yang memiliki kuasa *de facto* dan *de jure*. Kekuasaan-Nya tidak terbatas dan tercabar.

"Bagi-Nya kerajaan di langit dan bumi dan kepada Allah dikembalikan segala urusan"

- Al-Hadiid

Dengan adanya paradigma *tauhid*, ia meletakkan semula lapisan pemimpin di bawah kekuasaan Allah dan Dia sahaja yang mempunyai kedaulatan mutlak. Segala tindak tanduk pemimpin akan dipersoalkan terhadap

kepimpinannya di kemudian hari, sama ada mereka mempercayainya atau tidak.

Sama ada anda cuma seorang Islam biasa yang mana kelahirannya *diazan* atau *diqamatkan*, sesudah itu *disunatkan* dan *dinikahkan* dengan cara Islam sebagaimana kebanyakan umat Islam lainnya. Atau sekiranya anda tidak mahu mengubah nasib anda, maka kematian anda nanti, mati melata tanpa mempunyai erti apa-apa kepada agama. Agama yang telah dipilih oleh Allah untuk semua makhluk didunia dengan pemimpin termulia dan anda berada di dalam kumpulan umat yang terbaik.

Dimanakah silapnya umat Islam didunia hari ini kalau bukan kerana *matahatinya* yang buta dan *egoisma* yang melebihi hadnya? Di akhir zaman ini sudah jarang manusia mempertingkatkan soal hidup dan kehidupan dengan '*hati*'. Sebaliknya banyak menggunakan *akal* dan *fikiran*, lantaran itu dunia semakin berkecamuk kerana *akal* itu masih dikuasai oleh nafsu.

Al-Quran mengajak kaum Muslimin dan Muslimat untuk mempelajari sejarah umat-umat terdahulu dan mengambil suatu pelajaran darinya serta merenungkan *nasib* yang menimpa mereka. Hal ini menunjukkan pengertian yang jelas bahawa *nasib* yang menimpa mereka itu mempunyai hukum, sebab akibat tidak terjadi secara kebetulan. Kalau tidak demikian (tidak

berdasarkan sebab akibat) maka perintah Allah itu tidak ada manfaatnya.

"Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar? Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta adalah hati yang di dalam dada".

Surat 22 : 46

"Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mengetahui tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati semuanya itu akan diminta dipertanggungjawabkan".

(Al-Israk : 36

Buku yang sedang anda baca hari ini memperkatakan tentang **pemimpin, politik dan firasat**. Kalau kita perhatikan dengan sungguh-sungguh, kita akan dapati bahawa yang memporak-perandakan dunia hari ini ialah *pemimpin-pemimpin politik* dan manusia juga turut bertanggungjawab kerana mereka tidak mempunyai **firasat** dalam memilih pemimpin sebagai *khalifah* mereka.

Rasulullah telah mengingatkan kita seandainya kita memilih bukan yang ahlinya untuk dikerusikan maka tunggulah kebinasaannya. Orang yang mahu memegang kuasa selain dari mempunyai ilmu dan amalan, ia harus juga mempunyai *syakhsiyah* lahir yang sempurna kerana dikalangan binatang pun mereka pandai memilih raja mereka. *Cicak* dan *mengkarung* tak dipilih sebagai pemimpin.

Maka sebab itulah saya mengandungkan ketiga-tiga hal ini dalam sebuah buku yang khusus biarpun saya pernah mencampur-adukan kesemuanya didalam buku-buku yang sudah-sudah.

Manusia tak dapat memisahkan dirinya dari pemimpin atau orang yang dipimpin. Manusia tak dapat memisahkan dirinya dari politik dan dalam perkampungan politik sesungguhnya penuh dengan *tipu muslihat* yang sukar untuk ditafsirkan melainkan dengan ilmu **firasat**.

Apakah anda tidak ingin untuk mengetahui adakah anda saja dilahirkan begitu? Dilahirkan dengan *imej-imej* buruk kerana adanya umat Muhammad yang telah *sesat*, yang *munafik* dan yang *dayus*. Lebih dahsyat lagi tentang cara pandangan Barat mengenai umat Islam diseluruh dunia berdasarkan gambaran-gambaran yang ada dalam benak kepala mereka dan yang amat menyedihkan, ianya diyakini oleh umat Islam yang lainnya. Begitu juga pandangan antara satu parti politik dengan yang lainnya.

Dalam benak kepala kita, kita selalu memandang manusia dengan pandangan yang telah tersedia ada iaitu *'The image we carry in our heads'*. Maka kita mula merasakan bahawa ada sesuatu yang tidak betul didalam Al-Quran, pesuruh yang membawa utusan dan para *ahlul baitnya* tanpa menyedari bahawa kita telah melakukan satu dosa disebabkan *tidak* menggunakan *akal* dan *fikiran* kita.

Ada insan yang bercita-cita mahu menjadi seorang *wali Allah* dan mahu mencapai ke peringkat *insan nul kamil*, mahu duduk sebaris bersama para *aulia Allah hus solehin*, tapi tak pernah memikirkan *imej* yang ada dalam pandangan manusia mengenai dirinya. Dia cuma mahu namanya dimuliakan seperti para wali tanpa mahu bertanya tahukah dia apakah *imej* yang ada pada wali Allah terdapat dalam dirinya?

Imej yang ada pada aulia Allah dan *imej* yang cuba diada-adakan oleh mereka yang cuba menyerupainya tidak sama. Pakaian dan luarannya saja mungkin sama sedangkan *dalamannya* berbeza tapi disebabkan pengikutnya tidak berilmu maka mereka terpedaya. Dengan adanya **ilmu firasat**, manusia bukan lagi menjadi satu rahsia kepada anda, sebaliknya anda dapat menyelongkari segala-galanya dengan jelas dan sampai kepada soal hakikat!

Mungkin banyak *imej* tentang seseorang manusia atau

satu-satu *puak* tidak berdasarkan *kebenaran*. Namun ianya hidup subur dan terus mempengaruhi *presepsi* kita tentang seseorang manusia dan *satu-satu puak* itu, samada ianya *puak* pemerintah atau pembangkang. Tanpa keilmuan yang cukup ia tidak memberi peluang untuk *puak* tersebut membuktikan kepada kita bahawa *presepsi* kita tentang dirinya adalah tidak benar, begitu juga sebaliknya. Pandangan mata tanpa *ilmu* boleh memperdayakan kita.

Imej-imej yang boleh merosakkan *conscience* kita yang akhirnya membuat kita menyesal dan berasa berdosa kerana sikap *prejudis* kita disebabkan *kejahilan* kita yang tidak menggunakan **mata kepala** dan *matahati* bila menilai seseorang.

Kita tidak berani berkata *benar* kerana kita tidak melihat sesuatu dengan ilmu, maka ia menjadikan kita manusia yang tidak adil, sedangkan kita dituntut supaya berlaku adil.

"Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kalian orang-orang yang benar-benar menegakkan keadilan, menjadi saksi kerana Allah, walaupun terhadap diri kalian sendiri atau ayah ibu dan kerabat kalian. Jika ia (orang yang diberi kesaksian itu) seorang kaya atau miskin, maka Allahlah yang lebih tahu tentang kemaslahatannya. Maka janganlah

kalian mengikut hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan bila kalian memutarbalikkan keterangan atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha mengetahui segala yang kalian perbuat".

Surah An-Nisa: Ayat 135

Inilah yang hendak saya huraikan. Saya mengajak anda *melihat* dalaman anda *meneropong* diri dan memandang manusia sebagai *individu*, bukan satu bangsa, satu *puak* yang *imej* bangsa itu telah ditetapkan oleh orang lain dalam benak kita. Memandang dan cuba mempelajari tentang manusia itu sebagai amanah dan pemegang rahsia Allah.

Sebagai contoh misalnya pandangan *puak-puak* PAS terhadap UMNO, orang-orang *ahlul sunnah* terhadap *syiah*. *Presepsi* pemimpin UMNO terhadap Al-Arqam dan gambaran pengikut Ustaz Ashaari terhadap Dr. Mahathir kerana terbawa-bawa oleh kemarahan mereka sebab itulah Abuya ditahan dibawah ISA. Didalam hal ini mungkin Mahathir tidak memandang Ashaari sebagai '*hamba*' yang cuba menjaga amanah Allah, sebaliknya begitu juga Ashaari terhadap Mahathir. Keduanya bercita-cita untuk membawa kebaikan tapi dijurangkan oleh perbezaan ilmu atau pegangan sahaja.

Seandainya mereka mengingat kembali apa yang telah

dilakukan oleh Nabi Allah Khidir terhadap seorang anak yang dibunuh dan kapal yang dibocorkan oleh Nabi Khidir a.s. sebagai iktibar kepada Nabi Musa, mungkin pandangan mereka tentang sesuatu kejadian tidak berbeza dan tidak terpengaruh oleh emosi.

Buku ini perlu dibaca walaupun anda menganggap kandungannya *absurd* kerana selain dari memperkatakan tentang **pemimpin** dan **politik**, ia juga memperkatakan tentang *dalaman* manusia. Ia memperkatakan tentang *tauhid*. Biarpun anda menganggap bahawa soal *spirit*, *roh*, *kebatinan* atau *kerohanian* ini soal peribadi.

Sebagai seorang manusia terutama orang-orang yang berfikiran ala barat, soal *spirit* adalah '*private and confidential*'. Apakah selaku umat Muhammad kita mesti mencontohi mereka, para pemikir barat bukan guru kita?

Setiap manusia berhak bermimpi dan mempunyai cita-cita. Tetapi bolehkah anda menjamin yang cita-cita dan *nawaitu* anda tak akan merosak dan memporak-perandakan manusia lain? Dunia dan alam maya yang menjadi milik kita bersama, patutkah anda selaku seorang pemimpin memperkotak-katikkan *nasib* pengikut sekehendak hati anda semata-mata disebabkan kuasa berada ditangan anda? Dan anda terlupa bahawa kita mempunyai tanggungjawab bersama dalam menjalankan fardu *kifayah*. Apakah anda mahu saya membutakan mata dan tak berbuat apa-apa?

Dari itu apakah anda juga tidak mahu melihat dan merenung *hati* anda sebelum ianya diperhatikan oleh orang lain? Mari kita sama-sama menengok diri kita di cermin, terutama mereka yang mahu memimpin. Apakah ruginya sesekali meneropong diri sendiri? Kata Imam Al-Ghazali *'sesaat memikirkan soal diri, sama dengan 100 rakaat mendirikan solat sunnah'*.

Pada kebiasaannya kita tak nampak dan tak ketemu seseorang pemimpin yang cekap *berpolitik* dan mempunyai keperibadian yang *ideal*, yang dimimpikan oleh Mahathir dalam mimpi **bersih**, **cekap** dan **amanah** kerana adanya orang yang kurang *kuat agamanya*. *Cekap berkerja* tapi tak *cekap berpolitik*. Ada pula pemimpin yang *tak kuat agama* tetapi politik dan pentadbirannya hebat.

Bagaimanapun kita tetap nak mencari pemimpin yang ada ciri-ciri yang terdapat pada khalifah-khalifah selepas Rasulullah, supaya negara dan rakyat kita dilindungi oleh Allah.

Syarat-syarat tersebut memangnya paling ideal, namun untuk tujuan hari ini, tentulah amat sukar untuk mendapatkan seseorang pemimpin yang memiliki empat sifat yang ada pada Nabi - *siddiq, tabligh, fatanah* dan *amanah*.

Dalam waktu kita cuba meneropong diri orang lain

terutama mereka yang sedang **memimpin** kita, kita teropong diri kita juga. Ini khusus bagi ahli politik dikalangan parti yang sedang memerintah dan mereka yang mahu memimpin kita, yang mana lebih baik diantara mereka. Yang sedia ada atau yang akan menggantikan mereka?

Pertama dari sudut akhlak dan kedua sudut pelaksanaan dalam sesuatu institusi (pentadbiran). Keadilan dari sudut akhlak menuntut supaya seseorang pemimpin itu bersifat dengan akhlak yang mulia menurut agama.

Seseorang yang peribadinya tidak menurut tatacara akhlak dengan meninggalkan suruhan agama dan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan agama adalah disifatkan sebagai orang *fasiq* - orang yang mengekalkan dosa kecil dan melakukan dosa besar. Patutkah kita pilih sebagai pemimpin kita, sedangkan kita sudah kenali siapa mereka seperti kita mengenali Tan Sri Rahim Tamby Chik Ketua Pemuda UMNO Malaysia?

*Sesal dahulu pendapatan,
sesal kemudian tak ada gunanya.
Janganlah kerana wang dan wawasan,
kita sanggup mengadaikan agama maruah
bangsa kita.*

Selama ini kita mengukur pemimpin dari *imej* yang

telah disematkan dalam kepala kita. Dalam kepimpinan UMNO hari ini mereka menilai pemimpin mengikut kelompok seperti membeli buah borong yang berlonggok di pasar. Mereka tidak menilai peribadi pemimpin itu secara terperinci. Pemilihan seperti inilah membawa mudarat, fenomena itu disahkan oleh kebanyakan pemimpin UMNO, antaranya Annuar Musa seperti mana dalam bukunya, **ANNUAR MUSA DIDEPAN API DIBELAKANG DURI**:-

Saya ada bukti. Ada gerakan yang berjalan secara pasukan yang digerakkan oleh orang tertentu. Ahli disuruh pilih secara blok. Ada pemimpin bertanding satu jawatan dan arah ahli pilih calon mengikut 'alignmentnya'. Ada perbincangan sulit untuk memberikan sokongan kepada calon tertentu dan menolak orang tertentu. Sudah ada satu bentuk tekanan dalam pemilihan UMNO. Pemilihan tak bebas lagi. Lebih buruk jika timbul penaniayaan, ada unsur untuk menyingihkan orang yang tidak ada dalam kumpulan.

Sudah ada unsur politik wang dan penggunaan kuasa untuk memberikan favour (pilih kasih) kepada orang yang disokong dalam kumpulan yang sama. Siapa bertanding dimana dan dalam kumpulan mana dan siapa kawan siapa.

Calon sebenarnya perlu rapat dengan semua

ahli dan bukan dengan satu kumpulan tertentu dan tidak berbaik dengan kumpulan lain. 'Alignment' ini semakin ketara. Orang UMNO jangan jadi hipokrit dan pengecut untuk menyuarakan gejala yang mula melanda parti. Apabila kurangnya ahli mendokong idealisme perjuangan UMNO dan mengejar kedudukan semata-mata sehingga sanggup berpuak-puak, itulah petanda UMNO akan menghadapi masalah dari dalam.

Adanya para pemimpin yang berani menyuarakan *kebenaran* yang *haq* seperti ini telah menyebabkan UMNO dapat terus hidup, biar pun ia ditempuh oleh ribut taufan dan gelombang yang amat besar kerana selaku sebuah pertubuhan politik, UMNO tak dapat mengelakkan diri dari hal-hal yang serupa ini. Maka kalau pun ada kerosakan dan kecacatan ini tidak secara total. Pemimpin datang dan pergi, image pemimpin yang rosak, tapi kepercayaan orang Melayu masih hidup selagi adanya pemimpin yang berani menyuarakan *kebenaran*.

Maka terselamatlah UMNO disebabkan seorang pemimpin UMNO, misalnya, cuma boleh memimpin orang-orang *sekular saja*, benarkah begitu? Tidak seperti pemimpin PAS atau pemimpin Arqam, mereka adalah pemimpin agama dan tak siapa yang boleh mempersoalkan mereka. Adakah pemimpin PAS dan Arqam dianggap manusia sempurna? Mari kita bertanya

Abuya Ashaari dan Nik Aziz yang dianggap sebagai 'Ayatullah' dikalangan pengikut mereka?

Walaupun ada perbezaan yang amat ketara antara pertubuhan PAS dan Islam, Islam pasti *suci* sedangkan PAS hanya mengaku *suci* dan belum tentu *suci*, begitu juga Al-Arqam yang memperjuangkan Islam. Para pemimpinnya ada *nawaitu* politik.

Pertubuhan dibuat oleh manusia, ianya sesuatu yang baru sedangkan *agama Islam* Allah yang menciptakannya, ia kekal dari mula hingga ke akhir.

Lihatlah saja pergolakan Al-Arqam hari ini, belumpun memerintah negara sudah terdapat unsur-unsur politik yang tidak sehat didalam perkampungan mereka hingga kerajaan terpaksa meletakkan mereka dibawah ISA.

Patutkah apa saja tindak tanduk pemimpin mereka dari segi keagamaan tidak boleh dipersoalkan lagi? Apakah para pemimpin mereka seolah-olah sudah jadi manusia yang sempurna? Inilah akibat imej dan pemujaan yang berlebih-lebihan. Mereka boleh menggunakan saluran agama untuk tujuan politik tetapi kerajaan tak boleh menggunakan agama untuk menerajui permainan politik mereka. Apakah para pengikut telah berlaku adil terhadap diri sendiri bila menjatuhkan hukum yang kerajaan bersalah bila menahan pemimpin mereka?

Siapa saja yang cuba menegur dianggap seteru

sedangkan pemimpin-pemimpin mereka adalah alat '*vehicles*' untuk mencapai matlamat politik sama seperti pemimpin UMNO juga.

Kita semuanya *hamba Allah* yang tidak terlepas dari melakukan kesalahan dan kesilapan. Apakah Ustaz Ashaari tidak dapat dipergunakan oleh pengikut dan anak isterinya untuk mencapai matlamat politik mereka? Patutkah ribuan pengikut yang tak berdosa dijadikan mangsa?

Siapakah Abu Lahab, Abu Jahal dan Abu Sufian? Bukankah mereka kaum Quraisy yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Nabi Muhammad SAW?

Siapakah yang menjatuhkan orang UMNO, yang cuba merosakkan PAS dan Al-Arqam kalau bukan dari kalangan mereka? Dan kalau kita melihat secara meluas semua mereka ini Melayu belaka dari golongan Ahlul Sunnah wal jamaah, mungkinkah ada pengaruh *mutzilah khawariz*, *Wahabi* dan *Syiah* dikalangan kita? Dan siapakah yang cuba memporak-perandakan kita semua?

Tidak mustahil sewaktu anda sedang membaca buku ini anda sedang memikirkan tentang *tuah nasib* anda kerana tajuk buku ini ada kaitannya dengan *firasat*, dan tentunya bila kita bercakap tentang *firasat* kita sedang bercakap tentang hal-hal yang ada kaitannya dengan *ilmu* yang berkaitan dengan *tuah* dan *nasib* anda, sekurang-kurangnya *untung nasib* orang disekeliling.

Jarang sekali terjumpa manusia yang tidak ingin tahu tentang masa depannya.

Kalau mereka tak mahu tahu tentang diri mereka sendiri, apakah mereka tak akan ambil tahu tentang anda, tentang nasib dan masa depan bangsanya? Mereka pun ada teropong juga, lebih-lebih lagi mereka yang menceburkan diri dibidang *ekonomi* kerana apa saja perbuatan dan kita kata diri makhluk yang bernama *orang politik*, ia boleh menguntungkan dan memporak-perandakan manusia lain.

Menungkanlah apa telah terjadi pada pasaran saham di Malaysia bila Tun Daim kata *'saya main saham untuk seronok saja'*. Itu Tun Daim baru *batuk*, orang ramai telah membuat macam-macam tafsiran. Ada yang terjun, bangun dan jadi sasau kerana tak sanggup menahan kerugian.

Dalam arena politik hari ini, tak ada kawan setia. Sudah jadi satu macam *trend* hari ini bila rakyat biasa berjumpa sesama sendiri mereka akan mempersoalkan *apakah makanan yang dapat jadi rezeki mereka hari ini? Bagi orang korporat yang hidupnya memang memilih, hendak makan dengan pemimpin mana hari ini? Tapi bagi para pemimpin yang menganuti politik ala muawiyah, mereka memikirkan 'siapakah yang akan dimakan hari ini?'*

Tak mustahil disebabkan *firasat* ada kaitan dengan

ketentuan *untung nasib* seseorang manusia, anda mahu bertanya pada diri sendiri kenapakah *nasib* seseorang berbeza dengan yang lain? Kenapa ada orang boleh jadi presiden, jadi jutawan, jadi pencipta, jadi pendita, jadi *the rich and famous* atau *insan nul kamil*, wali Allah yang mempunyai **karamah** yang boleh membantu manusia dengan *do'a* saja? Tapi nasib *gurkah* dan *pencacai* politik berapa kali bertukar *taukeh*, tukar *boss*, nasib mereka macam tu macam tu juga. Malahan ada yang tambah hari tambah *teruk*, bila boss-boss sudah menang, politik wang diharamkan.

Bagi pemimpin dalam satu pertubuhan politik, mereka nak tahu pertubuhan yang dianggotainya. Kalau kita tanya orang UMNO, mereka nak tahu dapatkah mereka mengambilalih Kelantan dari PAS dipilihanraya akan datang? Memang sifat manusia lebih berminat untuk mencari keuntungan daripada menanggung rugi.

Dan bila BN menang nanti siapa yang akan jadi Menteri Besarnya? Tapi berkerja untuk memberi kemenangan pada parti tak mahu, mereka kira kalau orang yang *dipilih bukan puak mereka*, pakat ramai-ramai bagi kalah. Bila sudah kalah seperti apa yang berlaku pada Barisan Nasional di Kelantan masing-masing menuding jari kearah musuh mengatakan *puak-puak* yang tak di senangilah yang bersalah.

Persoalannya *siapa yang nak diangkat dalam buku ini dan siapa yang nak dijatuhkan?* Baca perlahan-

perlahan, anda akan dapat mengetahui yang *tersirat*. Yang bintangnya terang, dia naik kerana *nasibnya* bukan kerana ramalan saya, itu cuma kebetulan saja.

Saya tahu sebagai peramal dan penganalisa politik, kalau pun nama anda tak menjadi mahsyur di seluruh dunia, sekurang-kurangnya tentu anda ingin mendapat pengiktirafan dan penghargaan dinegara sendiri. Itulah yang menjadi cita-cita manusia politik, apa lagi jika dia sudah sampai ke peringkat sebagai *political animal* dan anda tahu bahawa bakat dan kemampuan anda untuk menjadi pemimpin. Namun disebabkan *imej* yang telah dilabelkan kepada anda oleh musuh-musuh politik maka cita-citanya menjadi beku. Akibatnya perjalanan terbantut dan terkandas seperti apa yang sedang berlaku kepada Abuya Ashaari. Perkara macam ini pernah terjadi pada Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah dan amat menyedihkan ia sedang berlaku kepada Ketua Pemuda UMNO Malaysia merangkap Ketua Menteri Melaka. Maka *terjunlah Si Luncai dengan labu-labunya* seperti apa yang pernah terjadi pada Tun Hussein Onn dan juga Ghafar Baba.

Inilah *nasib* malang namanya bila bintang mulai gelap, bila *gerhana* sedang menggelapkan *nasib* anda. Buat apa pun tidak kena. Bukan perlu sebab yang besar sangat. Raja-Raja Melayu hilang *immuniti* kerana sebiji bola hoki, sebab menampar seorang bukan Melayu akibat keangkuhan, kesombongan dan kezaliman seorang raja yang sudah sampai ke kemuncak. Semua

raja-raja hilang kebal mereka. Bila manusia sudah merasakan dirinya berada diatas undang-undang, ia memiliki *super power*. Jadilah dia seperti firaun, mati lemas ditengah lautan tanpa boleh berbuat apa-apa.

Contoh yang terkini Tan Sri Rahim Tamby Chik, entah berapa banyak *hareem* yang telah menjadi habuannya. Entah berapa banyak manusia yang menjadi mangsa pembohongannya, kena pada tangan awek anak ABU (*bohsia*) namanya tercemar. Padahal entah berapa banyak pantai di Melaka yang Rahim rosakkan, sampai di Pantai Kundur tanah sejuring kepunyaan orang Melayu, pusaka datuk nenek mereka dari sejak zaman Hang Tuah lagi, Rahim pun tersungkur ke dalam perigi Hang Li Po. Itulah kisah adanya untuk renungan kita bersama.

Biar pun semua media massa dan cetak dikuasai oleh kerajaan yang dianggotainya, namun media kerajaanlah yang mendedah dan membongkar ceritanya. Ingat cerita '*Humpty Dumpty sat on the wall, Humpty Dumpty had a great fall.*' Bila orang *kepala besar dan-besar kepala* terjatuh, tak siapa pun pemimpin besar, jeneral dan kuncu-kuncu dapat menolong dan membantu. Inilah akibat bila mulai angkuh, merasa diri berada diatas undang-undang akhirnya Rahim jatuh kecundang.

Yang jelas anda tak mahu hidup sampai tua seperti *melukat di tepi gantang*, berjuang sana berjuang sini, sudah selangkah lagi nak sampai ke kemuncak kena

terajang, Contohnya Pak Ghafar dan Datuk Harun, mereka ini semuanya mempunyai *bakat karisma* dan *potensi* untuk menjadi pemimpin negara, kini mati mata tak pejam, apakah kerana tak mahu cermin diri sendiri, atau kerana tak berani dan tak sanggup mengikis *imej* dan *label* yang dilekatkan oleh **media massa** dan **cetak** dalam benak orang terhadap mereka?

Apakah anda mempunyai *tuah*, ada *nasib* untuk mendapatkan sesuatu dengan mudah seperti sesetengah orang, tiba-tiba saja jadi menteri, tiba-tiba saja jadi jutawan, entah apa berniaga pun tak tahu, jadi *billionaire* kerana setiap orang ada *tuah* dan *nasibnya* sendiri. Tapi bagaimana dengan anda?

Pernahkah anda membaca buku Pak Habib **Tuah Nasib Pemimpin Malaysia**? Kebanyakan ramalan didalamnya telah menjadi kenyataan (Allahu akbar) tahu kenapa? Kerana *sejarah telah menjadi saksi* dan kita belajar dari sejarah tapi orang politik hari ini tak banyak yang hendak membaca dan belajar dari sejarah.

Sepanjang masa *yes* saja pada boss pun tak boleh juga, kerana politik hari ini yang boleh mengubah *nasib* ialah perkataan **no** kepada orang yang selama ini kita kata **yes**, **yes** sepanjang hayat kita. Ini juga kita belajar dari sejarah.

Namun kita mesti pandai bila berkata **no** dan bila nak kata **yes**, sebagai contoh Tan Sri Sekaran Dandai

dengan Tun Mustapha, dulu apa kata Tun, Tan Sri tetap kata **yes** tapi bila sampai masa Tan Sri terpaksa kata **no** pada Tun, **yes** pada boss yang baru, maka jadilah Ketua Menteri. Kerana bila boss tak betul kita mesti berani kata **no**.

Begitu juga Jeffery Kettingan berani kata **no** pada boss dan abang sendiri, **yes** pada big boss di Semenanjung maka *nasib* yang buruk tiba-tiba saja boleh berubah. Di sinilah **ahli nujum** dan *spritual adviser* memainkan peranan. Untuk memberitahu pelanggan mereka tentang *nasib boss*, *bintang boss*, berapa lama *boss* boleh tahan dan siapa yang bakal ganti boss dan bila bintang kita yang gelap ini boleh terang.

Do the right thing, at the right place with the right people. Masa, waktu dan orang dikeliling amat penting

Peribahasa Inggeris ada mengatakan kesempatan hanya datang sekali dalam hidup tapi kalau anda tak pandai, tak ada ilmu tentang *nasib*, sampai tua *nasib* anda tak berubah. Bila agaknya *nasib* anda boleh berubah? Itu perkara yang penting yang anda hendak tahu bukan?

Pilihanraya sudah hampir tiba, perebutan kerusi sedang menjadi-jadi. Inilah musim Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri dijatuhkan, kuasa dan duit bertukar tangan. Mereka yang tak pandai main *catur* akhirnya sakit jiwa, sekarang ini hendak cari kawan yang boleh

dipercayai bukan senang. Lebih ramai mereka yang mengamalkan politik Kabil, politik Muawiyah dari politik Habil dan politik Syaidina Hussein cucu Nabi yang terkorban di Padang Karbala. Maka belajar-belajarlah cermin diri dan teropong-teropong orang dikeliling.

Yang penting bagi manusia hari ini ialah nak tahu tentang jaminan masa depan mereka, nak tahu tentang kesihatan mereka, dan bagi wanita pula mereka ingin tahu bagaimana mereka boleh jadi cantik molek untuk selama-lamanya? Yang menjadi perempuan simpanan pula bila boleh diambil sebagai isteri kedua atau ketiga. Dan bagi Mak Datin serta Puan Sri, ada ke bomoh yang boleh menyekat suami jangan kahwin lagi?

Perempuan... perempuan... biasalah tu. Mana ada perempuan yang suka dimadu. Cerita politik tak masuk cerita perempuan sikit nanti ada orang komplain, *boringlah...* Pak Habib tulis buku tak boleh boring, buku Pak Habib mesti ada humour, mesti membuat orang geli hati, ketawa seorang diri bila baca tak peduli kena tanya dengan isteri pasal apa baca buku ketawa seorang diri.

Persoalannya tahukah anda, mampukah anda yang tak pernah ambil tahu tentang *kerohaniannya* untuk mempunyai wajah yang berseri-seri? Wajah yang boleh menyebabkan orang jatuh kasih memandang anda. Kalau manusia tidak juga mahu kasihkan anda, Allah, para malaikat dan Rasul mencintai anda. Bukan sekadar

takut dimadu atau menjadi isteri kedua dan ketiga. Atau takut suami menambah kumpulan isteri, sedarlah diri bahawa kita ini hamba. Allah saja yang boleh menolong kita. Terlebih dahulu kenal diri dan kenal Tuhan, tak payah jumpa *bomoh* dan *tukang telek* lagi.

Maka apalah ruginya dan salahnya kita belajar **firasat**, belajar memilih jodoh untuk kita dan anak-anak kita. Biar pun Allah sudah menentukan orang yang baik-baik akan dikahwinkan dengan orang yang baik-baik juga dan *penzinah* jodohnya *penzinah*. Pelayan bar, kelab malam, rumah urut, lorong-lorong gelap, belakang mahkamah di Kuala Lumpur akhirnya kahwin dengan '*bohsia*' juga. Bagaimana cara anda memilih jodoh, sama dengan bagaimana cara anda memilih perempuan.

Apakah anda boleh mendapatkan jawapan dari mempelajari ilmu **firasat** dalam buku yang bercampur aduk dengan **pemimpin, politik, firasat** dan **tasauf** ini? Ia boleh, insya Allah. Mudah-mudahan boleh berfikir *positif*. Buanglah imej yang buruk jika ada, kerana saya tak penting, yang mustahak *ilmu* yang anda boleh dapat dari buku ini.

Tahukah anda manusia jadi *kaya* kerana adanya benih *kekayaan* yang tersembunyi didalam diri? Mungkin datuk, nenek, moyangnya dulu kaya raya, biarpun ayah dan ibunya papa kedana.

Manusia menjadi cantik dan mulia disebabkan mereka

dicipta sedemikian rupa dan datang dari keturunan dan keluarga yang berwajah cantik dan tampan. Anak beruk walaupun dipelihara oleh ratu cantik, mukanya tetap macam beruk juga. Tapi dalam masa yang sama berapa ramai yang papa kedana, yang bangsat, yang bodoh tiba-tiba boleh jadi cerdik dan kaya raya. Itulah sifat **rahman** dan **rahim** Tuhan kepada hambanya. Jangan putus asa, berdoa dan memintalah, Allah tidak akan menghampakan anda.

Dan kenapa pula ada orang disebabkan kesilapan yang kecil terpaksa menghabiskan hampir seluruh hidupnya menjadi *banduan*, terkurung didalam penjara seumur hidup. Ada manusia yang ditimpa kemalangan dan tidak boleh bergerak melainkan kekal di atas katil untuk selama-lamanya? Tapi ada pula selepas ditahan dibawah ISA keluar saja jadi Menteri pula.

Inilah *subjek* yang akan menarik anda supaya tidak meletakkan buku ini selagi anda belum selesai membacanya. Buku ini ditulis khas untuk anda yang berminat untuk **mengenal diri**, yang nak tahu bagaimana menjaga dan memujuk hati, terutama orang-orang politik. Mereka mesti banyak sabar, tak boleh terburu-buru dan tak boleh *emosional*.

Janganlah baca buku, bila tak ada nama sendiri, tak ada gambar, tak mahu baca dan bila kena singgung sikit marah, melenting, tuduh penulis dengan macam-macam tuduhan, bila kena puji seronok, macam ini ke nama

pemimpin? Kalau tak mahu dikritik janganlah buat kerja-kerja mengarut dan terkutuk.

Syurga, neraka, matahari, lautan, gunung-ganang tersembunyi dalam diri anda dan anda hanya mampu melihatnya menerusi *matahati*. Apakah anda sanggup mengorbankan masa untuk mempelajari apa itu *matahati*? Kalau anda tak berminat nak tahu *penyakit* yang ada dalam *hati*, letakkan saja buku ini.

Buku adalah guru yang terbaik, anda buat apa saja pada dia pun, dia tak akan marah. Jadi kalau **mukadimmah** ini panjang anda nak marah pasal apa? Baca sajalah. Perdana Menteri dan Raja-raja pun baca buku saya sampai selesai, tak percaya tanya Sultan Kedah sebab itu dia takut nak jumpa saya, bimbang ceritanya ada dalam buku saya. Dr. Mahathir pun bukan suka sangat baca berkenaan ramalan-ramalan. Dia doktor tak mahu dia percaya benda-benda yang dianggapnya *absurd*.

Tahukah anda hanya dengan pandangan *matahati* saja anda dapat melihat '*hakikat*' kebenaran? Dengan '*hakikat*' kebenaran semua *imej* yang selama ini digambarkan mengikut *istilah* dan *emosi*, *media massa* dan *cetak*, cakap-cakap serta anggapan manusia terhadap seseorang akan terkubur.

Image building perlu. Dengan *image building* yang

diberikan pada anda, anda juga boleh berada di kemuncak dengan mudah dan anda juga boleh terjunam bila timbul *character assassination*.

Image building yang menyebabkan Ashaari Muhamad berada di kemuncak, gambaran tentang kehebatan, *kerohanian* beliau sudah tertanam didalam benak kepala pengikutnya. Tapi bila sudah berlebihan sedangkan Islam menyuruh kita supaya bersifat sederhana, seperti mana sabda Rasulullah, '**sebaik-baik pekerjaan adalah pertengahan**'. Dengan itu *Image building* telah memusnahkan ketokohnya dan ini menjadi iktibar pada kita.

Begitu juga dengan Tok Guru Nik Aziz. Kebetulan pula peribadinya baik walau pun dia tak pandai sangat berpolitik dan kebetulan pula bintangnya terang, lagi pun ini semua izin Allah. Tapi kalau kita bertanya apakah Nik Aziz ada mempunyai ketokohan yang mesti ada pada seorang pemimpin yang mahu memimpin umat Islam? Dia sendiri pun susah nak menjawab. Yang melabelkan Nik Aziz sebagai Tok Guru bukan dirinya, tapi orang-orang PAS yang taksub kepadanya.

Bukan sahaja Nabi Adam a. s. yang diberi *ilmu* bahkan wahyu yang pertama sekali diturunkan kepada baginda Rasulullah s.a.w. adalah menjelaskan tentang *ilmu*. *Keilmuan* itu adalah diasaskan kepada ketuhanan (tauhid). Apabila manusia cuba memilih jalan lain

daripada jalan *ketuhanan* nescaya akan berlaku penyelewengan. Islam membawa cara hidup yang menekankan *keilmuan*. Dengan penguasaan pengetahuan masyarakat Islam pada suatu ketika telah berjaya mencipta tamadun yang tinggi yang dicontohi oleh masyarakat dunia. Dalam konteks masyarakat hari ini, kepimpinan hendaklah diterajui oleh orang yang berilmu. *Ilmu* yang dimaksudkan bukan terbatas kepada *ilmu* keagamaan semata-mata (yang difahamkan dalam konteks tradisional) akan tetapi *ilmu* dalam *ilmu* pelbagai disiplin yang boleh membawa kemajuan dan kemakmuran. Apakah para pemimpin PAS terdiri dari mereka yang ahli *ilmu*?

Nak ikutkan pandai dan *berilmu* tok guru yang menjadi Menteri Besar Kelantan bukanlah bijak macam mana sangat, begitu juga dari segi kekuatan partinya tapi UMNO lemah. *Politik Kabil* dalam UMNO dan Semangat 46 menjadi-jadi maka PAS jadi kuat. Maka apakah kita harus membiarkan perkara semacam ini berlanjutan?

Kalau pemimpin PAS mempunyai keilmuan yang sepatutnya, Kelantan yang terkenal sebagai Serambi Mekah, tempat terdapat banyak pondok dan para tok guru *tarik*, begitu juga di Bay Cottage Industri seperti batik dan kraf tangan seperti yang berada di Jepun, Semarang Indonesia tentu Kelantan terkenal didunia. Tapi apakan daya rakyat di Kelantan tidak mahu mengubah *nasib* mereka. Mereka memilih

pemimpin mengikut *emosi* dan *sentimen*. Mereka jadi macam kata orang utara '*pi mai pi mai tang tu juga*'.

Sebab itu dalam buku ini saya pusatkan perjalanan study saya ke Pantai Timur, Kelantan dan Terengganu kerana disinilah sepatutnya pemimpin UMNO memberi tumpuan kerana dinegeri ini agama dan budaya menjadi tumpuan yang utama, bukannya sebagai medan perebutan kuasa. Terutama Kelantan tempat bersemayam Puteri Saadong yang menjadi lagenda sejarah kesultanan Melayu Kelantan. Kebetulan Kampung Bukit Marak ini lahirnya tokoh kontroversi Annuar Musa yang bakal menjelma sebagai tokoh pemimpin Kelantan.

Adakah tanda-tanda yang menunjukkan tentang kejadian baik dan buruk yang bakal berlaku ke atas seorang manusia? Ada!... Allah memberikan alamatnya menerusi *mimpi*, menerusi *resa* '*hunch*', menerusi *psychic*, alamat datang melalui satu kejadian kepada mereka yang menyedarinya. Pada para Nabi *keilmuan* ini dinamakan '*mukjizat*' pada para awlia Allah dinamakan '*karamah*' dan pada manusia biasa dinamakan *bakat*.

Tidak terjadi sesuatu dengan tiba-tiba, kalau ianya tidak boleh mendatangkan alamat, misalnya tiba-tiba saja *tapak tangan* anda merasa gatal. Orang yang percaya, tahu dia nak dapat duit dan betul-betul dia dapat duit. Tapi kalau perangai dia memang *gatal*,

miang, tak boleh tengok *hareem* akibatnya memang dia nak cari penyakit. Macam apa yang sedang berlaku pada Rahim Tamby Chik, tapi kalau orang biasa yang gatal, tak apa-apa ceritanya tak keluar di media massa. Kesian dia... padahal bukan dia seorang sahaja pemimpin UMNO yang gatal, ramai lagi yang lebih tua dari dia yang lebih gatal dan miang pun ada. Bini orang ambil jadi bini dia tapi orang UMNO ramai yang buta, nak buat macam mana! Inilah *nasib* namanya, tunggu bila *nasib* tak baik nanti tak tunggu azab di neraka, diatas dunia terkena.

Menerusi panca indera keenam '*sixth sense*' dan yang utama menerusi *marifat* sama ada untuk diri anda atau untuk orang lain. Banyak perkara yang **mistik**, yang **ajaib** boleh diterjemahkan. Maka janganlah pelik sangat bila ada orang yang pandai meramal.

Persoalannya, apakah buku ini dapat menjawab soalan seperti diatas dan jawapan kepada bagaimana nak cari pasangan yang sesuai, kerana setiap lelaki mahukan seorang perempuan yang boleh membawa *tuah* dalam hidupnya, '*behind the success of everyman there must be a woman*'. Begitu juga disebaliknya, *wanitalah* yang telah menghancurkan para pemimpin. Bagaimana dengan *hareem* yang ada di keliling anda?

Nak tahu lebih tentang wanita cuba baca buku saya **Wanita, Takhta Dan Kuasa** dan **Ku Yah Lawan Mike Tyson**. Walau pun buku-buku itu politik semasa tapi kesah didalamnya tetap '*evergreen*'.

Antara sebab jatuhnya ramai pemimpin UMNO ialah wanita. Cuba baca buku saya **Hantu Bukit Cina** yang pernah menceritakan tentang gerhana politik Rahim Tamby Chik dan tak mustahil dua lagi Naib Presiden akan jatuh sama, sebabnya *hareem* punya pasal juga.

Jawapannya ada... ada... ada... baca perlahan-lahan, semua jawapan yang ada berkaitan dengan *mistik* sedang menunggu disetiap lembaran dalam buku ini. Saya menjanjikan kepada anda buku ini berbeza dengan buku-buku saya sebelumnya. Biar pun ianya penuh dengan debaran namun ianya menjanjikan satu kepastian yang boleh memberikan anda *appetizer* untuk mendekati satu *dimensi* yang baru, apa itu manusia? Apa itu *firasat* yang saya susun secara akademik?

Orang ramai hendak tahu apakah peluang Anwar Ibrahim jadi Perdana Menteri? Bagaimana dengan *nasib* Abdullah Badawi dan Sanusi Joned? Bagaimana dengan *nasib* Annuar Musa dan bila Annuar Musa jadi Menteri Besar Kelantan, apa akan jadi pada Hashim Saffin? Bacalah yang tersirat.

Kenapa saya memberi tumpuan kepada Annuar Musa di Kelantan dan Yusof Nor di Terengganu? Ada apa-apa ke? Ramai pembaca yang sudah pandai meramal bahawa Pak Habib selalunya menyokong orang yang nak naik saja dan sekali gus menjatuhkan mereka yang bintangnya sudah malap, benarkah begitu? Dan yang

terpenting bintang siapa yang lebih terang dan *nasib* siapa yang lebih baik antara Anwar dan Mahathir? Berjayakah Mahathir duduk di kerusi itu untuk selamanya? Apakah Anwar Ibrahim akan menemui *nasib* seperti apa yang telah berlaku pada Musa Hitam dan Ghafar Baba? Apakah benar Mahathir yang memamatkan karier politik mereka atau *suratan takdir* dan tindak tanduk sendiri yang menjadikan mereka begitu?

Siapakah orang-orang Anwar yang akan turut naik bersama Anwar bila Anwar mengambil-alih dari Mahathir kelak? Adakah orang-orang Anwar sanggup menderhaka demi untuk mendapatkan kerusi beliau? Inilah yang menjadi persoalan orang ramai hari ini.

Tetapi sebelum itu, renungkan juga bahawa kekuatan sesebuah negara itu bukan semata-mata bergantung kepada kewibawaan seseorang pemimpin, tapi ia juga disebabkan kuatnya pembangkang, biarpun semasa hayatnya mereka tidak disenangi namun mereka adalah tokoh *legenda* di negara kita?



AMANAT : Dr Mahathir berbincang dengan Anwar Ibrahim sebelum berangkat ke luar negara semalam.

Siapa Perdana Menteri?

Anwar : Kenapa you nampak sedih sangat Datuk?

Dr. Mahathir : Pak Belalang kata bintang saya dah macam bintang di pagi hari dan *nasib* you jauh lebih baik dari *nasib* saya.

Anwar : Datuk, *nasib* saja baik tak guna. Datuk, **hati** dan **nawaitu** yang mesti baik, tingkahlaku dan perangai pun mahu baik sama, banyak orang yang bintangnya terang lepas itu jatuh tonggang langgang kerana mereka bergantung pada *nasib* yang baik dan bintang yang terang saja.

Gambar Berita Harian 24hb, September 1994 sebelum berlepas ke luar negeri.



MESRA. Dr. Mahathir Mohamad berjabat tangan dengan Ali Akbar Hashemi Rafsanjani selepas pertemuan meeting Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur semalam. — Gambar oleh SAIFUL BAHARI.

Alhamdulillah.. akhirnya pemimpin Islam *Syiar*, Ali Akbar Hashemi Rafsanjani dan *ahlul sunnah*, Dr. Mahathir dapat bersatu padu untuk membangunkan imej Islam dan hanya mereka berdua sahaja selaku pemimpin dunia Islam yang berani menyuarakan penderitaan umat Islam di Bosnia Herzegovina kepada dunia.

Oleh
P. BALAKUMAR

KUALA LUMPUR 18 Okt. — Malaysia dan Iran berikrar untuk memperbaiki imej Islam yang kini banyak dikaitkan dengan tindakan kumpulan pelampau agama dan keganasan, khususnya oleh media Barat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Iran, Ali Akbar Hashemi Rafsanjani berpendapat, sebagai pemimpin negara Islam, mereka harus berusaha memulihkan imej Islam sebagai agama yang memberi penekanan kepada keamanan, keadilan dan pembangunan.

Persetujuan bersama itu dibuat dalam pertemuan empat mata dan dalam perbincangan delegasi kedua-dua pemimpin tersebut di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, kedua-dua pemimpin berkenaan


juga berpendapat, Malaysia dan Iran harus bergabung tenaga meningkatkan kerjasama bagi membuktikan mereka wajib membuat apa sahaja untuk menunjukkan bahawa kemakmuran dan keadilan boleh dicapai melalui Islam. **[Lagi berita dan gambar di muka 2 dan 4]**

"Kedua-dua pemimpin berikrar untuk berusaha mengambil langkah menjelaskan bahawa Islam bukanlah satu agama yang menggalakkan rusuhan dan kegiatan ekstrem. Kita benci semua ini. Imej Islam patut diubah. Islam bukan berimaj buruk seperti digambarkan oleh media Barat," kata beliau.

Menurut Abdullah, Perdana Menteri berkata, pemimpin-pemimpin negara Islam harus memastikan pentadbiran, pembangunan daripada ekonomi, sosial dan lain-lain dimajukan kerana terdapat anggapan, khususnya di kalangan media Barat bahawa sekiranya orang

■ Lihat muka 2

Utusan Malaysia 19hb. Oktober 1994



Almarhum Ayatullah Khomeini pemimpin Islam dari keturunan Rasulullah yang sentiasa mengingatkan umat Islam sama ada Syiah atau ahlu sunnah supaya bersatu padu. Tidak ramai manusia yang *sehebat* dan *seberani* beliau, *disegani* dan *dihormati* oleh musuh dan kawan. Inilah pemimpin *ahlu bait* yang mempunyai *karamah* yang luar biasa. *Keberaniannya* menegakkan hukum Allah yang terdapat di dalam Al-Quran patut dicontohi oleh umat Islam diseluruh dunia yang sanggup menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka.

Al-Fatehah untuk Almarhum Ayatullah Khomeini yang telah menumbangkan *raja segala raja* dan membangunkan sebuah negara Islam di dunia, biarpun menjadi musuh besar kepada *'the super power'*.



Atas : Gambar kenang-kenangan bersama Ustaz Ashaari, Ustaz Ibrahim dan Ustaz Halim Abbas sebelum di tahan dibawah ISA dulu, Ustaz Ashaari bersama pemimpin Arqam sering berkunjung ke rumah Pak Habib. Mudah-mudahan Allah memberikan *kekuatan* dan *kesabaran* semasa didalam ujian dan syukurlah mereka sudah *bertaubat* dan kembali ke pangkal jalan.

Bawah : Antara anggota **Kelab Penulis Politik Malaysia** di Sekriteriat, Daud Ibrahim, Pak Habib, Yahya Ismail, dan Ustaz Sayuti Omar.



Gambar atas Almarhum Ustaz Hussien Al-Habshi sedang mengadakan *muzakarah* dengan Ustaz Ibrahim dan para pengikut Al-Arqam di pondok Pak Habib di Janda baik, turut serta ialah keluarga Habib Hussien Al-Habshi dan diatas riba Pak Habib ialah anakanda Syed Muhamad Muhiddin.

Almarhum Habib Hussien Al-Habshi adalah seorang ulama dan aktivis politik Indonesia yang pernah berjuang bersama Almarhum Soekarno. Dari Ustaz Hussien inilah, saya selalu diingatkan supaya selalu menggunakan *akal, reason* dan jangan membiarkan diri dipengaruhi oleh *emosi*.

Saya adalah manusia yang suka belajar kerana saya sedar yang saya cuma seorang *'dropout'*, dimana saja ada guru, saya akan mendapatkan mereka, cuba menghayati apa yang mereka sampaikan. Sekiranya mengikut ajaran yang sudah ditetapkan oleh Allah dan Rasul, saya akan gunakan untuk jadikan *pegangan* dan yang tak elok dijadikan *sempadan* kerana kita telah mempunyai *sebaik-baik guru iaitu Nabi kita Muhamad SAW*, guru selain baginda saya kasih dan muliakan kerana merekalah yang telah menunjukkan kita *jalan yang lurus*, yang dituntut oleh Al-Quran tapi saya tak akan *taksuh* kepada guru-guru saya.



Semasa UMNO Johor dibawah pimpinan Tan Sri Muhyiddin mengadakan konvokesyen di Merlin Desa Ru Johor, Pak Habib datang menjual buku, saja nak tunjukkan kepada mereka kita penulis-penulis berani tulis buku, berani berhadapan dengan pemimpin yang kita tegur dan kritik kerana ramai penulis yang bersikap *lempar batu sembunyi tangan*, berani menulis tak berani bertanggungjawab, nak tulis pun pakai nama samaran. Penulislah yang mesti membetulkan perjalanan pemimpin-pemimpin dan penulis harus seiring jalan. Penulis tak perlu merasakan bahawa pemimpin itu besar dan berpengaruh serta berkuasa. Pemimpin perlu sedar bahawa *pena itu lebih tajam dari pedang* dan *rakyat lebih percaya apa yang ditulis* dari apa yang dicakapkan oleh pemimpin.

Pak Habib berterus terang dengan Tan Sri Mohd Taib semasa dia bertemu Pak Habib sedang jual buku **Ku Yah Lawan Mike Tyson** dan lain-lain pemimpin. Jika apa yang Pak Habib tulis dalam buku itu tidak benar mereka boleh ambil tindakan undang-undang seperti apa yang telah dilakukan oleh Musa Hitam dulu.

Gambar menunjukkan Rahim Tamby Chik, Muhyiddin, Mohd Taib, YB Rohani.



Mad Arof : Awak semua ramai-ramai datang jumpa saya pada hari raya, hari baik bulan baik bagus, tapi lebih bagus awak semua sokong UMNO, sokong Perdana Menteri kita macam dulu.

Arqam : Sokong tu bolehlah Tok, tapi Abuya, Datuk mesti sokong untuk jadi Perdana Menteri.

Mad Arof : Nak jadi Perdana Menteri mesti masuk UMNO dulu. Dr. Mahathir sudah beri lampu hijau, tanding kerusi **Ketua Pemuda** yang kosong, semua orang yang nak jadi Perdana Menteri mesti duduk itu kerusi **Ketua Pemuda** dulu.

Arqam : Tunku dan Dr. Mahathir tidak.

Mad Arof : Depa orang Kedah, ada istimewanya. Lain dari Tunku, Tun Razak, Hussein Omn, Anwar Ibrahim semua kena duduk di kerusi **Ketua Pemuda** dulu.

Arqam : O.K. kalau macam itu kami akan masuk UMNO.



- Datuk Izat Emir : Tahniah atas perlantikan Datuk sebagai Timbalan Menteri Kewangan. Saya yakin sekiranya pengundi di Kelantan memberika kerusi parlimen kepada Datuk, tak mustahil Dr. Mahathir akan melantik Datuk sebagai Menteri Kewangan seperti yang pernah disandang oleh Tengku Razaleigh Hamzah semasa berada didalam UMNO dulu.
- Datuk Mustapha Mohamad : Begitulah yang saya harapkan agar rakyat Kelantan memberikan kans kepada anak muda dalam UMNO peluang untuk mewakili mereka di Pusat kerana kerajaan Barisan Nasional adalah yang dapat membangunka ekonomi negeri Kelantan.

MUKADIMMAH

II

APAKAH FIRASAT bukan satu ajaran yang *sesat*, *bid'ah* dan *syirik*? Tanyalah segala soalan yang anda suka terutama yang berkaitan dengan diri anda sama ada dari sudut agama, falsafah, akademik dan apa juga selagi anda jangan berhenti membaca. Tak mustahil semua jawapannya bukan saja secara *tersirat* tapi didedahkan tanpa berselindung. Itulah sebab **Mukadimah**nya ditulis dengan panjang lebar, semoga ianya bukan saja sebagai *apetizer* kepada **Firasat** dan **Tasauf** tapi dengan sendirinya ia telah memberi satu ilmu yang baru bagi anda.

Firasat adalah sesuatu yang *mistik*. Buku saya dibaca oleh semua peringkat, terserahlah kepada kebijaksanaan anda untuk mendapat jawaban yang lebih mendalam mengikut sifat keterbukaan anda. Ramai ahli *tarikat*, guru-guru agama termasuk ulama mempunyai sifat-sifat kenabian *siddique*, *benar* dan *amanah* menjalankan tanggungjawab Allah yang telah *diamanahkan* sebagai Khalifah. *Tabligh* menyampaikan tapi dengan

kebijaksanaan, sifat *fatana*lah yang sepatutnya mesti ada kepada mereka yang mahu mengikuti jejak-jejak kenabian jika mereka benar-benar mahu menjadi ulama pewaris nabi.

Ramai alim ulama kita hidup menggunakan *emosi* berpandukan *hati* semata-mata, sedangkan yang terpenting dalam hidup manusia ialah **akal** kerana tak beragama manusia yang tak ber**akal**. Kebijakan datang dari **akal** dan *ilmu*. *Wisdom turn, wisdom* dalam *divine knowlegde*.

Berapa ramai ahli ibadat yang hidup dalam neraka kerana tak mahu menggunakan **akal**? Siapa boleh tanding *iblis* yang dulunya malaikat dari segi taat setia, sabar dan beribadat? Kesilapan *iblis* ialah tak gunakan **akal**, *iblis* lebih suka gunakan nafsunya. Hanya mereka yang ber**akal** yang dapat memerangi nafsu mereka. Orang-orang yang ber**akal** merasa malu hendak melakukan kerja-kerja yang bodoh, yang sia-sia apa lagi maksiat.

Sekiranya anda seorang politik yang membacanya, tentulah anda akan temui *mesej-mesej* politik disebalik yang tersurat. Mudah-mudahan anda akan mengenali sifat pemimpin yang tak ber**akal** melalui tabiatnya yang tak tahu malu kerana orang-orang yang beriman sentiasa merasa segan silu dan malu melakukan perkara-perkara yang sumbang.

Semua orang tahu bahawa sesuatu yang berkaitan

dengan *masa* hadapan masih merupakan suatu *misteri* yang amat sukar diperjelaskan kepada mereka yang tidak tahu apa yang dikatakan ilmu *mistik*. Padahal ramai yang tahu tentang *qada'* dan *qadar*, ada juga diantara mereka yang percaya dengan tidak. *Takdir* yang baik saja mereka terima, bila ditimpa mala petaka tidak terima *takdir*, pada hal mereka mengaku beriman kepada Allah.

Ramai yang tahu bahawa *nasib anda ditangan anda sendiri* dan yang boleh mengubah *nasib* manusia itu adalah *kemahuan* yang terbit dari hatinya. Kalau sudah terang hendak bersuluh lagi buat apa? Tapi apakah anda mempunyai sifat *redha*? Tahu *bersyukur nikmat* dan menerima kekalahan bila kalah? Berundur bila orang sudah tidak lagi mahukan anda, itu tanda bintang sudah mula malaplah. Tanda-tanda bermulanya waktu malam ialah bila matahari mula tenggelam, senja kala menandakan waktu siang sudah berakhir maka kalau anda sudah tak diterima lagi sebagai pemimpin yang mesti bangun menentang semata-mata kerana hendak memuaskan nafsu. Pasal apa buah yang masak pasti gugur dengan sendirinya?

Benarkah *you are what you believe*? Mengikut pemikir-pemikir *positif* seperti yang tercatat didalam banyak buku-buku hasil pemikir barat percaya bahawa *pemikiranlah* yang telah mengubah *nasib* mereka, sama ada melalui guru atau kitab-kitab yang dibaca. Bagaimana dengan sesuatu yang sudah ditentukan oleh

Allah? Selaku umat Islam, *qada* dan *qadar* adalah satu dari rukun iman.

Kepada mereka yang percaya bahawa *keyakinan*lah yang mengubah hidup mereka, maka *keyakinan*lah yang menjadi pegangan yang utama dan setiap umat Islam yang mengaku *beriman* mesti yakin dengan sepenuh *keyakinan* tentang kebesaran Allah. Allah berkuasa atas segala-galanya. Tidak bergerak sesuatu melainkan dengan kehendak Allah.

Inilah perkara yang payah hendak diterima oleh mereka yang percaya, yang yakin dan kononnya *beriman*. Tapi masih marah kepada manusia yang tidak mahu tunduk kepada kehendaknya, sedangkan dia tahu tidak bergerak sesuatu kalau bukan dengan kehendak Allah. Tapi bila masa orang lain hendak naik ke atas, mereka *pancing*.

Allah berkuasa menghidupkan yang mati dan mematikan yang hidup. Allah berkuasa memasukkan seekor lembu kedalam lubang jarum dan Allah berhak memberikan *kuasa* itu kepada siapa saja insan yang disukainya. Allah menghendaki Mahathir jadi Perdana Menteri maka dia duduklah dikerusi itu, yang kita hendak dengki, iri hati, marah dan benci padanya pasal apa? Dan kalau besok Tuhan hendak jatuhkan dia, jatuhlah, jatuhlah Mahathir. Mana ada Perdana Menteri yang menongkat langit?

Biar dia kuat macam mana pun bila bintang dia sudah

gelap, dia terjun le... Tengoklah sejarah Shah Iran.. raja segala raja, dia punya polis savat, polis rahsia yang jauh lebih hebat daripada ISA, tapi bila datang giliran Ayatullah Khomeini, orang tua yang berjubah dan berserban maka berakhirlah sebuah kerajaan yang zalim dan angkuh.

Walaupun mungkin Mahathir hendak hidup jadi PM sampai mati, kerana mana ada manusia boleh tongkat langit. Jadi Mahathir janganlah *over*, kalau nak buat orang, sikit-sikit sudah le... Mengikut **firasat** Pak Habib bintang Mahathir tak seterang dahulu lagi. Kalau pun terang sinarnya macam bintang diwaktu pagi, kalau ibarat pada matahari.. sudah masuk maghrib... jemur sehelai sapu tangan pun tak kering.

Mereka yang benar-benar beriman akan mendapat petunjuk dan hidayah dari Allah. *'Miracles happen to those who believe in them'*.

Apakah seseorang itu berada di kemuncak semata-mata kerana *untung nasib*, *usaha* atau disebabkan *do'a restu* dari orang-orang tertentu seperti ibubapa, guru atau wali Allah yang mempunyai **karamah** yang doanya sentiasa dimakbulkan oleh Allah?

Anda baru saja diberikan jawapan tentang kebesaran Allah dan sifat Allah yang pemurah lagi amat mengasihani, bertanya lagi untuk apa? Kalau sudah *nasib* anda mendapat kemewahan didunia, jahat macam

mana sekalipun, kejam dan zalim dalam segala tindak-tanduk, kemenangan tetap ditangan anda, apa lagi kiranya anda pandai mengatur strategi. Begitulah fikiran mereka yang ada harta dan kuasa dalam tangan. Tapi bila sampai masa anda nak jatuh, siapa pun tak boleh menolong. Jangan kata *team wawasan*, Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim pun tak boleh buat apa-apa. Ini adalah *kifarat* dari dosa-dosa dan perbuatan sendiri dan memang Allah hendak jatuhkan anda supaya ianya menjadi *iktibar* pada orang lain. Dan inilah yang sedang berlaku pada Tan Sri Rahim Tamby Chik. Apakah tak mungkin berlaku ke atas pemimpin yang lain?

Sekarang ini bukan nak tunggu sampai anak cucu baru hendak menerima pembalasan, semuanya segera, semuanya *instant*, seperti instant mee.

Tapi kalau nak tanya juga, cuba tanya berapa ramai dari kaum intelek dan para cendekiawan hari ini yang tidak datang mendekati manusia yang mempunyai *mistik* sama ada secara (*para normal*) atau mengikut *mistik* Islam *metafizik*? Datang hendak apa kalau bukan pertolongan kuasa ghaib? Kuasa yang mereka tak nampak, tapi percaya, nak cerita dekat orang lain malu hatta para pemimpin peringkat dunia sekali pun ramai yang menggunakan ilmu *mistik* melalui tukang-tukang *telek* dan para *homoh*.

Kebanyakan pemimpin ada *homoh*, ada *guru tarikat*, ada *maharashie* dan macam-macam lagi yang berkaitan

dengan alam *mistik*, lebih-lebih lagi yang banyak dosa. Lagi banyak dosa yang dilakukan lagi besar dan banyak bomoh yang disimpan, sampai peringkat yang simpan jin pun ada. Tak tahu apa nak buat dengan harta yang sudah disamun dan dirompak, nak disembunyi tak boleh lagi dah macam gunung besar. Caranya ialah dengan mengaburkan mata orang ramai dan sanggup buat apa saja agar kuasa yang ada kekal supaya boleh tongkat langit, takut nak mati kerana leka dengan dunia. Pada hal mereka tahu maut sudah sejengkal lagi tunggu saat saja nak mati.

Kenapa mereka berbuat demikian? Kalau tidak adanya sesuatu kekosongan didalam diri dan salahkah saya mencampur adukkan **firasat** dan *mistik* dalam buku ini? Adakah pemimpin politik yang *maksud* macam Nabi biarpun pengikut mengatakan guru mereka yang terbaik. Pemimpin yang mereka pilih sudah jadi manusia insan nul kamil.

Memang benar ada manusia yang mempunyai *keajaiban* terutama para aulia Allah yang mempunyai '*karamah*', dengan do'anya saja *nasib* manusia yang datang meminta pertolongan dari mereka boleh berubah. Berapa ramai pemimpin kita yang ke Indonesia yang mendekati **karamah**, menziarahi Wali Songo pergi ke kuburan **karamah**, yang lainnya pergi ke makam Habib Noh di Singapura.

Seperti juga dengan kuasa yang ada ditangan seseorang

Menteri atau Menteri Besar, *tanda tangan* dan pertolongannya boleh menjadikan manusia cepat menjadi kaya raya, berpengaruh dan berkuasa. Begitu juga sebaliknya, ramai yang jatuh miskin, hidup sengsara, menderita dan terseksa bila dimusuhinya. Contohnya bila Ustaz Ashaari didapati sudah lebih sangat, sudah takbur, satu *tandatangan* dari Mahathir, Ashaari akan kekal dibawah tahanan ISA melainkan **karamah** yang ada padanya. Kalau dia benar-benar ada **karamah** dengan mudah dia boleh terlepas. Satu do'a boleh melembutkan hati Mahathir untuk membebaskannya. Inilah masanya Abuya menunjukkan betapa dekatnya dia dengan Rasulullah.

Maka tak mustahil manusia yang mempunyai kuasa yang sudah merasakan diri macam Tuhan kecil kerana egonya sudah dipuja berlebih-lebihan boleh berkelakuan macam *Firaun*, boleh menjadi angkuh dan sombong, kejam dan zalim. Siapa yang tidak tunduk menyembah *ego* mereka, alamat hidup terseksa dan melata terutama mereka yang tak beriman. Walaupun sudah diperingkat ulama, sanggup menjual ayat-ayat Al-Quran dengan harga yang murah.

Dalam hal Mahathir mengambil tindakan yang keras terhadap pertubuhan tersebut, bolehkah Mahathir dianggap kejam dan zalim? Kalau Mahathir benar-benar zalim, angkuh dan kejam, kuasa yang ada padanya tak akan kekal lama dalam tangan. Macam mana dia buat orang, mesti ada orang lain yang akan buat dia dengan

cara yang serupa. Ini adalah fitrah alam. Tapi sekiranya ia melakukan untuk keselamatan negara, Allah akan menyelamatkannya.

Dan apa pula akan terjadi pada Tok Kiai dan Tok Guru yang mengaku kononnya mempunyai **karamah** tapi mengamalkan ilmu **mistik** cara **para normal**, menipu dan memperdayakan pengikutnya, memelihara jin dan menyimpan orang halus sebagai abdi, mengaku berjumpa Nabi? Kalau seorang mukmin sudah berjumpa Nabi Muhammad SAW, mereka menolak untuk menjadi hamba dunia dan hidup semata-mata kerana Allah SWT.

Jumpa Nabi kerana tujuan nak jadi Perdana Menteri, susahlah orang ramai nak percaya. Ini yang jadi celaru.

Untuk cari bisness cerita jumpa Nabi ini bukan pelik sangat tapi *mengexploit*, mengambil kesempatan, mencari keuntungan peribadi atas anugerah yang Allah kurniakan untuk bertemu dengan Nabi. Inilah yang tak elok, inilah yang menyebabkan timbulnya fitnah, kekeliruan dan kekecuaan dikalangan orang-orang syariat.

Saya bukan dari golongan orang wahabi yang jumpa dengan nabi, ini satu perkara bidaah, satu benda yang boleh menyesatkan, satu benda yang syirik. Saya meyakini bahawa Nabi Muhamad SAW itu hidup dan siapa juga yang baginda perkenan boleh bertemu dengan

baginda. Seperti hadis Al-Bukhari dalam kitab Al-Takbir, Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:-

"Sesiapa melihatku dalam mimpinya, maka ia seolah-olah melihatku dalam jaganya, kerana syaitan tidak mungkin menyerupai rupaku".

Nabi Musa pernah berjumpa dengan Nabi Allah Khidir, cuba buka Al-Quran dan pelajari surah Al-Kahfi, padahal Khidir cuma Nabi biasa bukannya Rasul sedangkan Nabi Muhammad adalah penghulu segala Nabi dan rasul yang menjadi kekasih Allah (Habibullah). Yang mati, yang dikebumikan sesudah dikapan dan dikuburkan ialah Muhammad Bin Abdullah dan kita wajib percaya yang Muhammad sudah wafat tapi kita juga wajib percaya yang nabi dan kita semua akan dihidupkan semula dan roh para nabi, orang mukmin, orang soleh dan solehah berkumpul di alam barzah.

Sekali kita berselawat keatas Nabi, sepuluh kali Nabi berselawat keatas kita. Sepuluh kali kita berselawat, seratus kali Nabi membalasnya. Allah dan para malaikat berselawat keatas junjungan Nabi Muhammad SAW. Kalau junjungan Nabi Muhammad SAW Rasulullah Habibullah sudah mati bagaimana baginda boleh menjawab selawat kita keatasnya? Hendak tahu lebih lanjut pergilah kepada guru yang murshid kerana perkara ini tidak boleh dibincang dihadapan umum.

Dalam sembahyang kita beri salam keatas Nabi,

sewaktu menziarahi perkuburan kita beri salam kepada roh. Kalau roh sudah mati untuk apa salam itu semua? Hatta Ibnu Saud raja Arab Saudi dan keluarga mereka berziarah dan berdoa di makam Nabi memohon doa restu kerana hubungan *kerohanian* adalah rahsia Allah.

Nabi Isa a.s dapat menghidupkan orang yang mati, mencelikkan mata orang yang buta, boleh menyumpah orang-orang Yahudi yang tidak bersyukur bertukar menjadi babi. Apa hendak dipelikkan jika manusia berjumpa Nabi dalam (yakazah) keadaan jaga? Disinilah letaknya kekuasaan dan kebesaran Allah. Allah boleh menghidupkan yang mati pada bila-bila masa dan dimana saja seperti Allah akan membangkitkan kita semua dipadang mahsyar. Allah berbuat sekehendaknya kepada manusia dan ini adalah rahsia Allah.

Yang dikatakan mati, yang dikebumikan itu cuma jasad dan manusia itu hidup kerana adanya roh, tanpa roh jasad cuma bangkai. Tapi tanpa jasad roh akan hidup lebih lama hingga *yau mal mashar* bebas kemana-mana. Mereka yang syirik berkumpul di alam arwah apa lagi mereka yang mati syahid dan para wali Allah, mereka tidak pernah mati. Kalau para wali Allah dan syuhada tidak mati boleh menjelma dimana-mana bila diseru namanya, inikan pula para ambia. Lebih-lebih lagi ketua para ambia. *Relaxlah brother* ini bukan perkara yang *pelik* sangat, *pelik* kerana kita tak tahu; *absurd* kerana ilmu kita panjang sejangkal. Janganlah kerana nak cari makan, *dipelik-pelikkan* perkara macam ini.

Seorang hamba Allah yang penuh kemungkaran yang sepatutnya ke neraka boleh ke syurga. Seorang yang hatinya keras boleh bertukar menjadi lembut, itulah kelebihan *doa* dari seorang wali Allah yang tak pentingkan dunia, tak perlu kasut, tak perlu pakaian yang cantik, tak mahu hidup dalam kemewahan seperti *'the rich and famous'* contohnya dalam kitab.

Nabi Muhammad SAW menyuruh Saidina Omar Al Khattab mencari Uwais AlQarani Al Yamani supaya mendoakan Omar agar Omar dapat masuk syurga dan Omar yang ketika itu menjadi khalifah pergi memohon do'a dari ahli sufi tersebut yang hanya memakai bulu kambing yang hidupnya sama seperti *fakir* atau ahli sufi yang lain, yang tak berkasut, yang tak memerlukan keduniaan sama sekali. Begitulah keadaan insanul kamil yang rapat kepada Allah.

Uwais AlQarani cuma menjadi seorang gembala unta. Khalifah datang kepadanya hendak menukarkan dunia dengan syurga. Tapi ada guru-guru *tarikah* hari ini yang hidup macam *'the rich and famous'* dalam keadaan *jet set* pun boleh makbulkan juga doanya jika Allah kehendaki. Para *maharasahi* dan para tok kong dibawah pokok besar dipercayai dapat membantu seseorang. Setan pun do'anya dimakbulkan Tuhan maka janganlah kita serius sangat soal *permit* dengan izin Allah kerana syaitan pun ada *permit* dengan izin Allah juga. Itulah kebesaran Allah dengan sifat pemurah dan penyayang.

Kepada orang-orang *tasauf*, orang *tarikah* dan mereka yang memahami apa itu *sufi*, apa itu *irfan*? Benda-benda yang sedang anda baca ini bukanlah satu *keajaiban* yang luarbiasa, yang pelik bukan perkara yang *absurd*, jauh sekali dari membawa manusia kepada kesesatan kerana pencuri juga yang kenal pencuri.

Allah saja yang maha mengetahui siapa yang lebih taqwa. Mungkin kita lebih sesat dari mereka yang kita tuduh sesat, kerana tidak ada paksaan dalam beragama. Maka janganlah para ulama yang duduknya seperti *ular dalam semak*, cuba nak jadi tuhan-tuhan kecil. Apakah mereka mampu membuat syurga dan neraka?

Kita hanya boleh *menyeru*, *berdakwah*. Allah saja yang boleh memberi *hidayah*. Abu Jahal bapa saudara Nabi tak dapat hidayah. Maka apa hak kita selaku manusia biasa untuk menghukum orang lain sesat semata-mata kerana orang tersebut menceritakan yang dia berjumpa dan bercakap dengan Nabi? Kerana perkara macam ini benda yang boleh percaya, boleh tidak, tergantung pada si pencerita, kredibiliti ilmunya dan kedudukannya, yang tak boleh kalau dia cerita dia jumpa dan bercakap dengan Tuhan, tapi kalau terjadi bukan satu keanehan kerana Nabi Musa a.s dapat bercakap dengan Tuhan.

Kalau kita rajin membaca sejarah para wali Allah dengan *karamah-karamah* yang telah Allah kurniakan

pada mereka, kerana kebetulan dalam negeri kita terdapat orang-orang yang mempunyai *karamah* terutama di Kelantan dan Terengganu. Kita akan menerima kekaramatan mereka dengan rendah hati. Tapi bagi mereka yang mengatakan ziarah kubur dan menemui para wali Allah ini *bidaah* dan *syirik* tentulah pendapat kita akan bertentangan. Dan inilah pendapat *wahabi*, yang menjadikan pengikut *ahlul sunnah* huru hara macam ini kerana selama ini hal-hal yang macam ini tak pernah jadi kecuah macam ini sekali.

Saya tidak berkecil hati dengan mereka yang memusuhi sesuatu yang mereka tak tahu. Saya mendoakan puak-puak ini agar mendapat *hidayat* supaya mereka dapat melihat dengan *matahati* mereka.

Macam mana kita boleh duduk semeja dengan mereka yang belum apa-apa lagi sudah menolak sesuatu yang berkaitan dengan *kerohanian* dan menganggap hubungan manusia dengan kekuasaan yang *ghaib* sebagai '*absurd*' *sesat*, sedangkan mereka tahu bahawa mustahil manusia boleh hidup tanpa *roh*. Padahal roh itu termasuk perkara yang *ghaib*. Dan tak beriman mereka yang tak percaya kepada kekuasaan yang *ghaib*. Allah itu *ghaib*.

Hari ini sudah timbul ada puak-puak yang mahukan Islam sebagai satu agama yang cuma '*ritual*' saja seperti yang menjadi amalan puak-puak Kristian, pergi gereja semata-mata untuk berkumpul, sembahyang, bernyanyi-nyanyi dan pakai cantik-cantik dalam gereja. Apa yang

berkaitan dengan *kerohanian* mesti dihapuskan dari Islam dan disebabkan kuasa berada di puak ini, mereka tetap mempertahankan *ego* bahawa pandangan mereka saja yang betul. Akibatnya akan timbullah perbalahan kerana tidak ada siapa pun yang suka dipaksa dalam hal keagamaan, lagi pun negara kita mengamalkan kebebasan beragama dalam masyarakat majmuk. Kenapa tidak orang Islam diberikan kebebasan mengikut Al-Quran dan sunnah Nabinya? Kenapa masyarakat sunni yang menjadi majoriti mesti tunduk kepada telunjuk *wahabi*? Apakah kerana kekayaan Raja Arab Saudi yang suka menderma sana dan sini?

Sepatutnya tidak begitu, mereka yang naik saksi mengaku bahawa **Laillah haillallah Muhammadur Rasulullah**, mereka yang telah menghafal Asma Ul-Husna dan memahami asma Allah. Mereka yang telah pun mempelajari 20 sifat yang wajib dan 20 sifat yang mustahil dan satu yang harus ini tidak akan hilang pedoman dengan datangnya **wawasan 2020**.

Jika sifat 20 ini menjadi pegangan umat Islam di Malaysia maka perjalanan menuju ke **wawasan 2020** pasti berjaya dengan selamat kerana tidak ada yang mustahil bagi Allah serta seperti firmanNya:-

"Dialah Allah yang Menciptakan, Yang Mengadakan, Yang Membentuk Rupa, Yang Mempunyai Nama-nama Yang Paling Baik. Bertasbihlah kepada-Nya apa yang ada di langit

dan di bumi. Dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

Al-Hasyr : 24

Kelebihan *ilmu* dan kekuatan *batin* membolehkan seseorang yang sihat **akal** dengan mudah memahami ajaran-ajaran *kerohanian*, sebagaimana ia dapat memahamkan segala perkara yang lain juga, sepatutnya kita tak perlu kepada keterangan lagi. Tapi inilah yang sedang terjadi kepada umat Islam yang tidak mahu berpegang kepada tali Allah, masih tetap tunduk kepada *berhala besar* yang duduk dalam dirinya, *egonya* yang bukan saja merosakkan diri tapi orang lain juga. Tuhan sendiri pun telah membayangkan ketetapan yang demikian didalam Quran. Firmannya:-

"Kata-kata umpamaan itu Kami perbuatkan bagi manusia, dan yang boleh menangkap maksudnya dengan akal mereka tiada lain melainkan orang-orang yang berilmu sahaja".

Al-Hasyr : 21

Dan lagi firmannya:-

Dan tiada yang tahu akan pemahaman ertinya (ayat-ayat yang tiada terang itu) melainkan Allah dan orang-orang yang tegap pendiriannya

didalam ilmu pengetahuan.

Ali Imran : 7

Dan firmanNya lagi:-

"Adakah sama di antara orang-orang yang mengetahui (orang berpengetahuan) dengan orang-orang yang tiada mengetahui (orang tiada berpengetahuan)?"

Azzumar : 9

Ruginya kalau kita tidak kenal Tuhan (Pencipta kita itu) dalam kesempatan hidup ini kerana yang kita kenal cuma diri kita dan yang kita tunduk cuma pada *ego* kita.

Kita terlupa bahawa kita ini *hamba* dan sebagai *hamba* kita tak tahu apa-apa tentang *kebesarannya* melainkan dengan kehendak dan petunjuk darinya juga.

Ruginya hidup manusia kerana kita tidak memperolehi segala nikmat-nikmat yang diperolehi oleh seseorang yang kenal dengan Tuhannya dan mereka yang telah mendapat *hidayah* terus darinya dengan dapat memahami Al-Quran yang tertulis dengan bahasa yang begitu *simbolik*. Apakah nikmat itu? Inilah perkara yang cuba diterangkan melalui ilmu **firasat**.

Kalau kita kenal seorang doktor, taukeh atau menteri

pun, macam-macam faedah kita boleh dapat, inikan pula kalau kita kenal dengan Tuhan, Raja bagi seluruh langit dan bumi, dunia dan akhirat tapi leka mengejar dunia hingga terlupa yang hidup kita ini pasti akan mati akhirnya.

Segala rahsia hidup dan mati akan terbuka pada kita nanti sesudah kita *mengenali diri* dan *Allah*. Seorang yang tidak mahu berkenalan dengan Tuhan adalah orang yang ganjil. Inilah manusia yang absurd jenis intelek kelas, apa susah nak cakap. Sebab, biasanya manusia suka mengenal sesuatu yang istimewa, hebat dan agung. Tuhan adalah satu-satunya Zat yang paling istimewa bagi seorang manusia kerana Tuhanlah yang memberi segala-galanya pada kita. Tuhan juga mampu menjahanamkan kita pada bila-bila masa saja. Tapi orang politik tak nampak ini semua, yang dia nampak cuma dengan mata kasarnya saja, maka dia merasakan manusialah yang berkuasa dan sanggup menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal, dan sanggup menjual ayat-ayat Al-Quran dengan harga yang murah semata-mata untuk menjaga kerusi. Dia mula insaf dan mengingati Allah bila dia sudah terjerumus dan segala-gala yang dipuja dan disembah telah hilang dari tangannya.

Orang yang tidak kenal Allah, PenciptaNya juga bermakna dia tidak kenal dirinya sendiri. Bila manusia tidak kenal dirinya sendiri, tentulah dia tidak tahu perkara-perkara yang boleh merosakkan dan

membinasakan dirinya. Contoh yang terbaik keadaan yang telah mengharu-birukan politik tanah air dan politik dunia hari ini adalah kerana pemimpin terlupa bahawa dia mempunyai perjanjian dengan Allah dan dia didatangkan keduniaan ini untuk menyembah Allah bukan minta disembah oleh manusia yang menjadi pengikutnya.

Orang politik tidak pasti perkara-perkara yang membawa kebaikan pada dirinya. Inilah yang terjadi didalam perkampungan politik hari ini bila mana *kemungkaran* dan *kerosakkan* dikatakan *kebaikan* dan yang *haq* dikatakan *batil* kerana manusia tidak kenal Tuhan-Nya, tidak kenal dirinya sendiri dan enggan menggunakan *akal* untuk mendekati diri kepada agama Islam yang menjadi *addin* kepadanya. Mereka masih takutkan sesuatu selain dari Allah.

Orang yang kenal Allah pasti akan jatuh cinta yang amat sangat pada Allah. Kebaikan Allah, jasa-Nya, Pengasih-Nya, Pengampun-Nya, Sabar-Nya dan lain-lain akan mengkagumkan dan membuat kita memujinya sepenuh hati. Sedangkan manusia yang *kebaikannya* pada kita tidak seberapa pun kita sudah rela berkorban apa saja keranaNya.

Sebagai contoh berapa ramai pengikut guru *tarikah* yang lemas dan hanyut dalam arus mencari yang *haq* dipermainkan oleh guru-guru mereka, masih sanggup

mati bersama. Tapi tak ada pengikut orang politik yang sanggup terjerumus bila pemimpin mereka tersungkur.

Inikan pula pada Allah yang memberi segala-galanya pada kita. Tentu kita rela hidup mati untuk-Nya tidak lagi untuk guru kita, pemimpin kita yang mempunyai kepentingan dunia dan telah menggunakan kita untuk cita-cita politik mereka. Tetapi disebabkan kita buta, Tok Guru dan Tok Sheikh telah kita sembah dan kita anggap macam dewa sedangkan kita juga berhak menduduki tempat yang sama kerana kita menolak adanya **akal** didalam diri kita. Maka kita hidup seperti orang yang buta, sedangkan kita yang akan dipertanggungjawab atas segala tindak tanduk kita didunia.

Berhala besar dalam diri yang bernama **ego** telah menutup *matahati* kita dari melihat *kemungkaran* dan *kebatilan* yang ada dalam diri Tok Guru kita. Dan *berhala* yang sama juga berada didalam dada guru kita, membuatkan tok guru mahu kita sujud padanya, menyembah dan memujanya, bukan lagi kebesaran Tuhan yang maha esa.

Dan patutkah kita membiarkan saja guru kita yang sedang dalam keadaan hendak terjun ke dalam neraka, kita membiarkan dia begitu saja dengan alasan taat setia pada guru tak boleh derhaka?

Benarkah apa juga yang akan berlaku, yang sudah

berlaku telah ditetapkan oleh Allah, dan siapa pun tak boleh mengubahnya? Apakah semua guru yang sudah berada di *maqam* yang tinggi tahu bahawa namanya ada dalam daftar ahli neraka?

Anda berhak mengemukakan pertanyaan ini kerana antara satu *ulama* dan yang lain mempunyai pandangan yang berbeza dari segi *qada'* dan *qadar* kerana jawapan yang mereka dapati dari tafsiran Al-Quran adalah mengikut *hidayah* dari Allah kepadanya. Ayat Al-Quran itu *simbolik* maka itulah yang telah menimbulkan kekeliruan sesama umat Islam hari ini.

Biar bagaimana pun sebelum saya menjawab soalan yang penting ini, saya mahu anda gunakan *akal* untuk berfikir tentang hikmah ayat **Ar-Ra'd : 13** ini, *nasibnya* dan *nasib* kaumnya seperti yang difirmankan oleh Al-Quran?

"Bahawa sesungguhnya Allah Ta'ala tidak akan mengubah apa-apa keadaan yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka sendiri mengubah apa-apa keadaan yang ada pada diri mereka".

Ar-Ra'd : 13

Bagi Allah sudah cukup untuk memberi tauladan pada peribadi Nabi Muhamad SAW, Allah pun memberi kita Al-Quran sebagai petunjuk dan Allah telah pun memberi

kita *akal* dan *daya fikir* untuk dapat membezakan yang menguntungkan dan merugikan. Contoh yang paling dekat, kita maju dibidang industri kerana kita tidak lagi mahu menggantikan diri kepada bidang pertanian seperti nenas, kelapa, kelapa sawit dan getah semata-mata.

Mahathir mahu rakyat Malaysia berubah. Dulu semua orang pandang ke Barat, Mahathir pandang ke Timur. Kita *berubah*, kita maju kerana kita mahukan *perubahan* dan kita mahukan kemajuan, maka berubahlah *nasib* kita.

Dulu kita miskin, kita dijajah, sekarang kita tidak mahu terus hidup didalam kemiskinan. Kita mahu bebaskan diri kita dari kemiskinan dan *pemikiran* kita dijajah, maka bebaslah kita *berfikir*.

Begitu juga dengan Ustaz Ashaari Muhamad, dia mahukan *perubahan*, beliau tak mahu ikut cara ulama jamud berfikir, sebab itu Al-Arqam menjadi satu pertubuhan yang sangat kuat dan boleh menimbulkan ancaman kepada kerajaan tapi *alhamdulillah* polis kita bijak, mereka cepat-cepat tahan Ashaari dibawah ISA, adakan **muzakarah** cara polis, suasana pun berubah, kalau tidak mungkin timbul huru hara.

Syaidina Abu Bakar berikrar semasa dilantik menjadi khalifah, *selagi beliau taat kepada Allah dan Rasul, dialah khalifah Ulil Amri pemimpin, tapi jika dia menyeleweng tinggalkan dia, jangan ikut dia.*

Ini bererti kita cuma disuruh taat pada guru, pada ibubapa, pada suami, pada pemimpin selagi mereka yang memimpin kita itu taat kepada Allah dan Rasul. Selagi mereka tidak *menyesatkan* kita, tidak menipu dan memperdayakan kita. Tapi kalau pemimpin kita *'double standard'*, nak menyelamatkan yang satu sanggup menghancurkan yang 500,000 seperti kata Nazri Ketua Pemuda UMNO, yang kita tidak gunakan *akal* pasal apa? Yang mengubahkan manusia adalah *akal*, yang menentukan manusia dimasukkan ke syurga dan neraka itu *akal*.

Apakah kita termasuk dalam golongan manusia yang *berakal* sekiranya kita tidak *berfikir*, main ikut orang saja, *berakalkah* manusia *'yes man'*? Manusia tak sepatutnya merasa rendah diri kerana Nabi Muhammad SAW pernah bersabda *'Tidak ada bezanya orang Arab dengan orang Ajam dan orang Ajam dengan orang Arab, kemuliaan terletak kepada siapa yang lebih taqwa'*.



Termenung .. jangan Pak Haji termenung, jika terus termenung akhirnya rosak binasa, berbanyakkanlah selawat dan membaca. Tidak ada kuasa melainkan kekuasaan Allah. Allahlah yang maha berkuasa dan boleh menentukan segala-galanya. Beristagfarlah. Dalam perkampungan politik memang banyak dugaan. Jangan tunggu lama-lama nanti lama-lama pasti diambil orang. Dulu PAS kehilangan Anwar dan ABIM, hari ini PAS kehilangan Ustaz Ashaari dan Arqam. Ustaz Fadzil bila nak bawa PAS bergabung dengan UMNO?



Bila Arqam kena haram, Mahathir buka pintu kepada ahli Arqam, pemimpin PAS tengok dengan perasaan yang tak tahu nak cakap. Pandai sungguh Dr. Mahathir, bijak akal Mahathir, memang bijak, dia tangkap Anwar dia bubuh dalam tahanan ISA, tarik masuk dalam UMNO, dia tangkap orang PBS, dia bubuh dalam ISA dia tarik dalam BN, PAS gigit jari mereka tawan Sabah, orang USNO dijadikan UMNO lepas ini apa pulak? *Hina besi kerana karat, hina manusia kerana miskin*. Rugi dan binasa manusia kerana *leka* dan *lalai* kerana tidak menggunakan *kebijaksanaan* yang dianugerahkan Tuhan.

Rakyat semua sudah senang sekarang, bagus, tak ada orang komplin, macam mana dengan *nasib* kita semua ini? Ada harapankah PAS boleh menang sesudah *wayang kulit*, *mak yong*, *menora* yang menjadi kesukaan rakyat mereka haramkan? Yang ini susah rakyat Kelantan nak pisahkan dari kebudayaan mereka. Benda-benda macam ini sudah jadi macam *budu* dan *belacan* pembuka selera.

Beri rakyat senang dulu, beri mereka yang sedap-sedap, beri rokok, beri kopi o..., rakyat mewah, *kenyang perut* baru mereka mudah lafaz *Alhamdulillah*. Kalau tak nak belajar dengan manusia cuba tengok perangai '*lembu kenyang*', *lembu kenyee* orang cakap apa pun mereka tak peduli.



- Ghafar : Tahniahlah, saya senang hati Ustaz sudah berubah dan bawa anak buah semua masuk UMNO. Itulah jalan yang sebaik-baiknya. *If you cannot fight them join them*. Anwar dulu pun macam Ustaz juga, kaki lanyak dan hentam UMNO, ada orang kata dia pernah pijak bendera UMNO. Hari ini dia sudah duduk dikerusi saya, kebanyakan orang UMNO sudah mula sembah dia. Kalau you teringat nak jadi Perdana Menteri sangat, lawanlah dia dari dalam, dari segi sokongan you jangan susah hati orang saya masih ramai dan ramai orang UMNO yang tak senang dengan *abimise*.. Saya tahulah macam mana nak atur strategi tapi ingat you tolong jangan *meramal* lagi, you *ramal* saya menang lawan Anwar, saya kalah. Tinggalkan kerja *meramal* ini pada Pak Habib seorang cukuplah.
- Ashaari : Terima kasih atas nasihat Datuk. Kami pun tak mahu buat kerja sia-sia tu lagi. Cawangan mana hendak masuk?
- Ghafar : You orang Pilin Negeri Sembilan, masuk dikawasan Datuk Isa, dia orang baik, beri sokongan pada dia.



Inilah bas yang telah menjatuhkan Al-Arqam, belum ambil alih kerajaan, belum jadi Perdana Menteri sudah tunjuk-nunjuk, membesar-besarkan ego. Gajah berak besar, kancil pun nak ikut sama.

Orang ramai tertawan dan terpengaruh pada Arqam semasa mereka miskin dan susah dulu, semasa hidup seperti *fakir*, *berdakwah* dan membentuk *akhlak* manusia, tapi bila mereka sudah menunjuk-nunjuk, sudah mahu jadi lebih hebat dari kerajaan, terjadilah seperti keadaan hari ini. *Sebaik-baiknya adalah yang sederhana.*



Datuk Aishah Ghani : Eh.. Rafidah, engkau ni bila lagi nenggan pakai tudung? Kebanyakan wanita UMN hari ini sudah bertudung, Kalau tak percakau tengok isteri Anwar Ibrahim sendiri Siti Zaharah tu.. Macam itulah imej wanita Islam.

Datuk Rafidah : Kak Esah, soal tudung ini soal pribadi, yang penting saya boleh buat kerja dengan betul dan saya boleh jaga Wanita dibawah pimpinan saya. Saya peduli apa, siapa nak bertudung siapa tidak. Dr. Mahathir tak pernah marah saya tak pakai tudung.

Aishah Ghani : Soal tudung ini soal akidah, pucuk pimpinan menuduh Arqam tak ikut akidah, yang Wanita dan menteri-menterinya tak pakai tudung tak bertentangan dengan akidah? Cuba ikut Siti Zaharah, kalau nak kekal jadi pemimpin mestilah ikut peredaran zaman. Nasib baik ada orang yang nak selamatkan awak. Kalau tidak kerusi awak sudah tercabar tahun lepas. Ingat-ingat sikit kalau sedang berada di dalam kedatangan ombak yang ketiga dizaman kebangkitan Islam dan negara kita sedang menghadapi masalah sosial yang dihadapi Islam saja yang dapat menyelesaikannya.



Syukur alhamdulillah, wanita UMNO hari ini sudah hampir semuanya bertudung melainkan Ketua-Ketua dan ahli EXCOnya saja. Mari kita doakan semoga mereka mendapat *hidayah* dari Tuhan. Yang tak mengikut *akidah* supaya balik ke pangkal jalan. Nak harap Pusat Islam tegur Wanita UMNO *sorrylah*...





Aziz Desa juruacara TV3. Aziz dengan cermin-cerminnya supaya manusia sentiasa mencerminkan diri. Aziz Desa bukan saja hebat di TV, diatas pentas selaku pendeklamasi sajak, Aziz tak kurang hebatnya dengan pendeklamatur yang lainnya. Sudah tiga kali Pak Habib membaca puisi, Aziz Desa diudang selaku juruacaranya. Aziz sedang menjalankan tugasnya sebagai ulama moden selaku khalifah Allah dimuka bumi.

Kembali ke pangkal jalan — Anwar

KUALA LUMPUR 20 Okt. — Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap penyokong-penyokong kumpulan Al-Arqam di dalam dan luar negara menerima pengakuan terbuka pemimpin mereka, Asaari Mohamad mengenai penyelewengan akidah dan kembali ke pangkal jalan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan mengalu-alukan tindakan pemimpin kumpulan yang diharamkan itu membuat pengakuan terbuka secara sukarela untuk menjelaskan keadaan sebenar.

"Mereka memilih untuk menjelaskan keadaan sebenarnya dan mengaku kesilapan mereka.

"Oleh yang demikian kita harap penyokong-

penyokong Al-Arqam di seluruh negara bahkan di negara-negara lain akan menerima kenyataan ini dengan baik," katanya ketika ditemui di bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Beliau mengulas pengakuan terbuka Asaari dan orang-orang kanannya pada satu majlis dialog di Masjid Negara hari ini.

Kebijaksanaan

Anwar menegaskan, tindakan kerajaan untuk menahan Asaari mempunyai kebijaksanaan kerana ia digunakan sebagai peluang bagi memberi penjelasan dan keterangan yang sebenar mengenai penyelewengan akidah pemimpin kumpulan berkenaan.

Ditanya sama ada Asaari akan ditahan lebih daripada 60 hari Anwar berkata, "saya jangka kalau didapati semuanya teratur, saya tidak jangka bahawa penahanan itu memerlukan tempoh lebih daripada yang diperlukan."

Timbalan Perdana Menteri berkata, perkampungan Al-Arqam, kegiatan ekonomi dan sosial yang tidak bersangkut paut dengan ajaran serta akidah yang mengelirukan akan terus dibenarkan.

"Soal perkampungan, kegiatan ekonomi, sosial dan lain yang tidak bersangkut paut langsung dengan ajaran dan akidah yang mengelirukan itu tidak ada masalah sama sekali," tambahnya.



Akhirnya seorang bekas Guru Besar Sekolah, yang berpendidikan SPM, berumur 53 tahun, mempunyai 11 orang anak, Datuk Mohd Zin menerima watak perlantikannya sebagai Ketua Menteri Melaka daripada Yang Dipertua Negeri. Inilah dia *tuah nasib* namanya. Pemuda UMNO berperang sesama sendiri, orang veteran juga yang beruntung *nasibnya*.



Wajah terbaru Rahim Tamby Chik, nak sedih apa lagi? *Jika tangan berani mencincang, bahu mesti sanggup memikul, berani buat beranilah tanggung.* Janganlah sedap awak yang dapat, sakit dan malunya orang lain yang tanggung. Seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit tak mengapa? Hampir semua kerbau bermain dalam lumpur, yang satu saja yang dikatakan kotor, boleh member tak sedih.. *ikan sekolam.. hanyir seekor.. hanyirlah semua.*

MUKADIMMAH

III

SELAIN DARI memberi jawapan kepada soalan-soalan anda, saya juga cuba memberikan jawapan dan cara mengubati penyakit *hati* seperti contoh-contoh yang terdapat dalam **mukadimah** sebelumnya. Mudah-mudahan anda mendapat petunjuk dan cepat berubat, maklum sajarah zaman ini, mana nak cari pemimpin politik yang tak *sakit*.

Maka cepat-cepatlah berubat sebelum parah kerana nak mencari pemimpin yang baik sebagai pengganti bukan mudah. Dapat yang baik otak, cerdas, pandai berkerja, cekap berpolitik, buruk pulak tingkah laku, pantang tengok anak isteri orang sapu semacam, telan duit rakyat, pakai kereta besar-besar, mahal-mahal, duduk di rumah harga berjuta, macamlah rakyat ini bodoh sangat, buta, tak reti berkira, duit dapat dari mana. Sekali dua buat silap bolehlah Perdana Menteri tutup sebelah mata, lama-lama Dr. Mahathir pun tak tertahan juga. Maka bila kesempatan datang untuk

bertaubat, janganlah langkah-langkah lagi, pilihanraya pun sudah dekat.

Kepada anda yang telah banyak membaca buku saya akan dapati bahawa kebanyakan buku saya menekankan tentang *kemanusiaan*. **Kemanusiaan** penting, *kemanusiaanlah* yang membezakan kita yang bernama manusia ini dari binatang-binatang yang lain. Kalau tidak, tak ada bezanya. Bolehkah pemimpin yang tak *berkemanusiaan* jadi pemimpin politik lama-lama dalam negara yang mengamalkan demokrasi? Dan rakyat yang sudah celek mata, kita bukan lagi berada dizaman penjajahan. Apa tuan buat semua *yes* tuan. Kekebalan raja pun kita tarik balik, inikan pula kuasa mereka yang cuma duduk atas kerusi TOL yang perमितnya cuma lima tahun tak sampai.

Nasib malang boleh berlaku ke atas manusia disebabkan manusia pada amnya tertakluk kepada suatu pusingan *nasib*, memang hidup manusia tak lebih dari seorang *pengembara*, *tak ada yang kekal*. Dari Allah kita datang kepada Allah kita akan kembali. Kalau benda-benda yang kita dapat ini tak hilang masa hidup, masa mati hilang juga. Lagi pun nak simpan cara selamat harta yang dapat dengan titik peluh, dengan keringat dan airmata pun susah, ini pula yang *dirompak*, yang *disamun*, yang *dimakan cara rasuah*. Kalau tak kita menghabiskan, tentu anak bini yang akan menjahanamkannya. Mereka tahu rahsia suami yang

mengumpul duit cara haram tapi yang terpaksa menjawab pertanyaan dari malaikat dalam kubur nanti kita juga. Fikir-fikirkanlah selagi hayat masih ada, kalau rasa patut bersedekah cepat-cepatlah lakukannya, kapal yang sarat dengan muatan kalau tak dibuang nanti tenggelam.

Seperti pasang surut air dilaut yang dipengaruhi oleh bulan, dan hidup manusia yang dipengaruhi oleh bintang-bintang dan alam cekerawala begitu juga halnya dengan kehidupan manusia, baik dan malang *nasib* selain dari yang sudah ditentukan semasa didalam *loh mahfuz* ibu lagi seperti *jodoh pertemuan*, *rezeki*, *maut* dan *tanah kubur* yang berada didalam kekuasaan Allah.

Sebab itu mereka yang mengkaji ilmu *astrologi*, *palmestri* dapat membaca dan meramalkan *nasib* dan masa depan anda seperti mereka boleh meramal dengan tepat tentang gerhana matahari dan bulan dan bila timbulnya anak bulan. Maka janganlah anda merasa pelik jika ada manusia yang tahu masa depan anda.

Islam menegah penganutnya dari pergi kepada *tukang tenung* dan *tukang telek* disebabkan tidak mahu umatnya mendahului Tuhan. Pergi kepada *tukang telek*, *tukang tenung* adalah kerja-kerja yang menjadi *amalan syaitan*, tapi hari ini kerana nak meyakinkan pada orang ramai bahawa satu hari Ustaz Ashaari akan menjadi Perdana Menteri Malaysia selepas Mahathir, semua ramalan *tukang telek* telah dihebahkan kepada pengikutnya termasuk **firasat** saya dalam buku **TALQIN UNTUK**

UMNO Cuba baca makalah yang diedarkan oleh pengikut Al-Arqam.

Tetapi ini lagi menakutkan PM Dr. Mahathir. Secara kebetulan pengesahan Rasulullah itu sangat selari dengan beberapa ramalan lahiriah. Umpamanya Lai Loon Chong, 60, seorang peramal bangsa Cina di Klang mengatakan Abuya Imam Ashaari bakal menjadi pembesar negara dan sebelum naik, namanya dikenali di dunia. Peramal Cina di Pulau Pinang pula berkata, perlanggaran planet Jupiter tandanya ada peristiwa besar akan berlaku di kawasan Khatulistiwa, sekitar bulan Oktober, berbentuk kekuasaan, kewibawaan dan rahmat. Kejadian di bumi itu kuat katanya, akan berlaku di Malaysia. SH Alattas melalui buku Talqin Untuk UMNO pun meramalkan Abuya Imam Ashaari bakal PM selepas Dr. Mahathir. Rakyat pun merasakan begitu juga bila kerajaan Mahathir berhabis-habisan hendak mengharamkan Al-Arqam. Wajah Abuya Imam Ashaari di bulan turut dapat dilihat di Indonesia, Thailand dan di London.

Isu Abuya Yaqazah Bersama Rasulullah
Siri 39
Terbitan Al-Arqam

Kalau ditakdirkan kita jadi menteri, kita bersyukur. Dan kita menceritakan pada orang ramai ramalan yang baik mengenai kita, bagaimana kalau kita diramalkan akan jadi pencuri apakah kita akan bangga dan berkata kita boleh buat apa? Kerana Allah berhak menetapkan hambanya ke syurga atau ke neraka, tapi apakah sudah kita timbang dengan *akal* kearahnya.

Mencuri ini bukan sekadar curi duit, curi anak bini orang, curi tulisan orang dan macam-macam jenis lagi jenis pencuri. Apakah kita tidak berusaha supaya ianya tidak berlaku?

Tapi kerja ini dilakukan oleh mereka yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat sebagai penjenayah kolar putih. Mereka yang beriman tak perlu berduka jika ditakdirkan akhir hidupnya ke neraka kerana neraka pun Allah juga yang punya. Ingat berapa ramai ahli ibadat yang berkumpul di neraka kerana tidak tahu menggunakan *akal* fikiran mereka, tapi mengikut saja.

Manusia jangan sekali *menyerah* kalah sebelum mencuba, sebab itu *kesabaran* itu adalah sebahagian dari iman. Allah tidak mahu mereka yang lemah imannya dirosakkan oleh ramalan *tukang telek* dan menyerahkan seluruh hidupnya kepada *nasib* yang sudah ditentukan. Politik bukanlah matlamat melainkan alat, begitu juga kerusi yang dinaiki alat untuk jalan ke akhirat.

Manusia mesti kuat, mesti berani, mesti yakin sepenuh yakin dengan sifat-sifat Tuhan. Allah kita Maha Besar tak ada sebabnya kita mesti tunduk kepada orang lain selain dari Allah. Allah kita kaya, tak ada sebab hidup kita menjadi miskin buat selama-lamanya. Kalau sekadar miskin wang ringgit, itu belum miskin namanya. Orang yang benar-benar miskin adalah yang miskin *hati budinya* dan suntuk pemikirannya.

Maka jika kemiskinan dan kebodohan yang menyebabkan umat Islam mundur dan berpecah belah maka menjadi kewajipan kita mempertingkatkan kehidupan umat Islam dan menjadikan umat Islam sebagai umat yang berilmu dan sekiranya ada pemimpin yang membawa kita ke arah itu seperti yang sedang dilakukan oleh Mahathir maka sepatutnya menjadi ikutan kita. Menghapuskan *kemiskinan* adalah ibadat seperti kata Ali Bin Abi Talib seandainya *kemiskinan* itu makhluk akan ku bunuh *kemiskinan*.

Hari ini ramai yang menganggap Mahathir sebagai Firaun kerana terdapat adanya Karun dan Hamman dikelilinginya yang menjadikan kekayaan sebagai matlamat bukan alat untuk menuju akhirat maka kita tidak nampak ada Firaun yang lebih besar, yang sedang cuba menghapuskan kekuatan umat Islam di seluruh dunia iaitu Amerika dan kuasa-kuasa besar. Yang kita mesti termasuk dalam perangkap mereka kenapa? Kita

berganding bahu dengan Mahathir meninggikan martabat hidup bangsa Melayu.

Allah telah kurniakan manusia dengan *akal*, setinggi kebebasan yang menjadikan manusia itu bebas untuk memilih jalan hidupnya. Manusia boleh mengubahnya jika Allah mengkehendaki atas sifat *rahman* dan *rahimnya* sebab itu Allah menurunkan Al-Quran, menurunkan Nabi dan Rasul untuk mengajar manusia bagaimana boleh hidup didalam dunia yang penuh panca roba semasa dalam perjalanan menuju akhirat dan keimanan mengikut jalan yang ditunjuki. Tapi berapa ramai manusia yang nampak jalan membangunkan rakyat dan negara untuk menentang kuasa-kuasa besar yang dapat dilihat oleh Mahathir?

Sebab itu kita mesti mengutamakan *tauhid* dan *tasauf* sebelum kita menjadi seorang ahli **firasat** supaya kita dapat melihat dengan jelas kemana pemimpin dan Tok Guru hendak membawa kita. Siapakah yang lebih *sesat* antara Tok Guru dan mereka yang memerangi mereka yang ditentang kerana cuba *menyesatkan* para pengikutnya? Kalau Tok Guru benar *tersesat* dari jalan **tasauf** bukan *sesat* mengikut ulama syariat, yang kita mesti ikut pasal apa? Dan jika benar pemimpin sekular yang kita musuhi ini sedang berjuang untuk membebaskan manusia dari *kemiskinan* kenapa kita mesti menghapuskannya?

Bukan kerja manusia menjatuhkan hukuman terhadap

sesama manusia. Satu puak mengatakan satu puak Firaun dan yang satu lagi menuduh saudara mereka *sesat* sedangkan kita semua mengaku beragama, orang yang beragama sepatutnya tidak kacau kerana makna **AGAMA** dalam bahasa yang benar, *tidak kacau*.

Allah saja yang berhak menghukum, namun sekurang-kurangnya kita dapat bertindak mengikut rasional dan bukan emosi bila melihat satu-satu hukuman dijatuhkan terhadap seseorang manusia. Pengedar dadah dihukum gantung, kita nak bisung pasal apa? Itu menjadi undang-undang negara kita. Begitu juga bila pergerakan Al-Arqam di hukum, apabila ia menimbulkan masalah yang boleh mengugat kestabilan ekonomi dan politik negara.

Sebenarnya tidak ada yang menakutkan dan menyukarkan dalam perjalanan hidup ini, seandainya anda tahu dan *kenal diri* bahawa hidup ini cuma satu perpindahan dari satu bilik ke bilik yang lain dalam sebuah rumah yang kecil saja. Inilah jalan yang ditunjukkan oleh ahli *tasauf* tapi kerana ramainya guru yang membuat ilmu ini menjadi begitu *sulit*, akibatnya lahirlah dengan banyak anak-anak murid yang bercelaru dan haru biru terutama mereka yang pelajarannya tak berkesampaian.

Dan akibat dari perbuatan guru-guru yang ilmunya tak sampai kemana, kalau pun tinggi ilmu tapi akhlaknya sudah rosak masih mencintai dunia dan takut mati, masih ada yang ditakuti selain dari Allah. Dan dengan

murid-murid yang pengajiannya seperti manusia yang berselimut pendek, tutup kaki nampak kepala dan apabila kepala ditutup kaki kesejukan. Masalah umat Islam yang tambah hari tambah meruncing menjadikan masalah ummah begitu sukar untuk diselesaikan kerana akibat tidak mahu mengalah, kerana berhala besar yang ada dalam diri yang disembah selain dari menyembah illahi.

Tuhan suruh kita melihat dan mempelajari ayat-ayat yang tertulis pada makhluk yang bernama manusia. Kalau kita tak tahu untung rugi *nasib* kita macam mana kita nak mengubahnya. ***Tuhan tak akan mengubah nasib kita kalau kita tak ubahnya sendiri*** kerana Allah telah mengurniakan manusia *akal fikiran* dan Allah juga telah membuka peluang untuk bermohon kepadaNya seperti firmanNya:

Bermohonlah kepadaKu, nescaya permohonanmu akan Ku perkenankan. Kalau syurga yang kamu pinta, jalan eh dinas sira tul mus takin yang kamu ikut, macam mana boleh tersesat ke neraka?

Biar bagaimanapun dalam keadaan manusia yang hidup tak menentu, terutama umat Islam yang hidupnya *nafsi nafsi*. Biar nafsi pun bilangannya sudah mencapai lebih satu billion, ia tak membawa apa-apa erti ibarat lidi penyapu yang menyendiri. Apakah sebagai manusia yang diutuskan ke dunia sebagai *khalifah*, pemimpin

'*leader*' dimuka bumi ini kita sekadar hidup nak tahu *nasib* kita sendiri saja? Atau sekadar mahu merebut kerusi Perdana Menteri saja?

Bagaimana dengan *nasib* anak isteri kita, keluarga kita, kaum kita dan umat Islam yang menjadi saudara kita yang masih hidup terumbang ambing diseluruh dunia?

Siapa sangka umat Islam di Bosnia boleh mengalami *nasib* yang begitu malang sekali. Renungkan nasib umat Islam di Afrika. Apakah tak mustahil mala petaka yang sama boleh menimpa negara kita, jika perpecahan sesama Melayu ini dibiarkan, jika umat Islam terus hidup dalam kejahilan? Cuba ambil iktibar dari *jerebu* yang datang dari Indonesia. Itu baru '*jerebu*', tak mungkinkah benda-benda yang lebih buruk lagi akan berlaku?

Senjata yang sepatutnya digunakan oleh guru-guru *tarikat* untuk menguat dan membangunkan umat telah digunakan untuk memecah belahkan mereka. Mereka yang sepatutnya mengamalkan kasih sayang untuk menundukkan orang-orang yang tak beriman telah mula menggunakan *kekerasan*. Kemana perginya sifat-sifat *kesabaran*?

Guru-guru yang sepatutnya menarik anak buahnya supaya tertarik kepada beribadah tapi tidak diajar supaya berfikir, tidak juga diajar supaya menggunakan rasional

akhirnya mereka menjadi seperti kaum *khawarij* dalam zaman khalifah Ali Bin Abi Talib yang akhirnya membunuh baginda Imam Ali di malam lailatulqadar kononnya untuk mendapatkan pahala yang besar.

Mudah-mudahan malapetaka buruk tidak terjadi di negara kita. Semoga dijauhkan Allah, tapi seandainya terjadi sudahkah kita membuat apa-apa persiapan? Kalau kita takut *bala* itu menimpa negara kita apakah yang harus kita lakukan kerana bunga-bunganya telah pun Tuhan tunjukkan? Kalau dulu cuma PAS yang jadi musuh UMNO, kini sudah ada Al-Arqam pula sedangkan umat Melayu cuma 50% saja dari rakyat Malaysia dan apakah tak mungkin *jemaah tabligh* dan puak-puak *syiah* pula akan menjadi mangsa UMNO? Dan apakah tak mungkin mereka ini semua akan bergabung dengan PAS untuk memusuhi Dr. Mahathir yang sudah menjadi musuh tradisi UMNO kerana mereka semua adalah dari mazhab ahlul sunnah?

Biar bagaimana pun mengikut pendapat Datuk Sanusi Junid seperti yang diceritakan oleh Mohd Sayuti Omar kepada saya, bahawa Sanusi berkata *hanya sedikit sahaja orang Melayu yang akan masuk syurga*, sekiranya anda nak tahu sebabnya tanyalah Datuk Sanusi sendiri. Saya dengar akhir-akhir ini Sanusi sudah berat kepada *syiah*? Apakah untuk tujuan **nikah mutaah** atau benar-benar sudah memahami apa itu yang dinamakan *syiah*?

Sama ada para ahli sains, ulama Islam, pedita Kristian

percaya bahawa dunia akan kiamat dan masanya sudah hampir dengan tanda-tandanya apabila orang yang *jahat*, mereka yang *zalim* dan *kejam*, mereka yang tak *berhati perut* telah mengalahkan orang baik-baik. Lebih ramai yang hidup didalam kemungkarannya dari kebaikan. Itu baru kiamat kecil tapi disebabkan kita tidak tahu tentang **firasat** maka kita tak nampak.

Marilah kita berkongsi *ilmu* ini dan dengan memikirkan *nasib* umat Islam sejagat, umat Islam secara global. Masalah perselisihan faham yang kecil sekadar merebut kerusi Perdana Menteri atau sebuah negeri miskin kepunyaan Melayu di Pantai Timur yang sudah beberapa kali bertukar tangan seperti bertukarnya **Thomas Cup** dari Indonesia ke Malaysia, di ambil balik oleh Indonesia. Akhirnya yang kita berebut cuma bulu ayam saja, kalau tahi ayam yang dapat alangkah sedihnya.

Nasib umat Melayu dan umat Islam dari dulu macam itu macam itu juga. Kalau betul seperti yang diberitakan oleh orang Arqam, Allah memilih Abuya jadi Perdana Menteri apakah dia akan jadi lebih baik dari Dr. Mahathir? Begitu juga jika umat Melayu memilih Nik Aziz dikerusi yang sama, mampukah PAS menerajui negara sedangkan politik Kelantan masih bercelaru?

Keupayaan kita dapat merenungi dengan tepat penderitaan yang dialami, rakyat boleh menjadikan kita seorang manusia yang lebih bertimbang rasa. Dengan

usaha yang bersungguh-sungguh oleh setiap muslimin dan muslimat untuk melahirkan sebanyak mungkin **mukmin** di muka bumi ini. Ianya akan berjaya membawa keamanan ke dunia ini kerana orang-orang mukmin itu bersaudara. Jauh berbeza dengan orang politik, masa jadi pembangkang *under dog* mereka macam isi dengan kuku. Tetapi bila sudah berkuasa mereka mula mengadakan '*dog fighting*'.

Sejauh ini umat Islam biarpun ramai, tapi mereka tak dapat melihat penderitaan saudara-saudara mereka dengan *matahati*, pandangan *mata kasar* diselaputi oleh ego yang besar, sifat tamak, sifat bakhil, sifat dengki, iri hati, cemburu, hasad dan busuk hati yang belum dibersihkan dari hati manusia musliminnya sekadar keturunan atau hanya dengana ucapan dua kalimah syahadat. Inilah perjuangan Ustaz Ashaari pada mulanya, sebelum jadi Sheikhul, jadi Abuya dan jadi imam. Apakah bila berkuasa ia tak mungkin berubah?

Mata hanya dapat melihat apa yang dipandang, tidak pada apa yang dirasakan sebab itu timbul pribahasa *berat mata memandang berat lagi bahu memikul*. Jadi janganlah kita merasa hairan cuma dua negara Islam, Iran dan Malaysia saja yang memainkan peranan membuka mata dunia kepada apa yang sedang berlaku di Bosnia. Tidak seperti pemimpin di Saudi Arabia dimana terdapat Mekah dan Madinah yang mengamalkan sistem wahabi.

Tidak sia-sia Allah turunkan kita ke dunia ini melainkan mahu kita menjadi *khalifah*, mustahil seseorang itu boleh menjadi *khalifah* yang baik jika *mata hatinya* buta. Mengikut Al-Quran:-

"Dan barangsiapa yang buta hatinya didunia, nescaya di akhirat nanti, ia akan kekal buta "pula" dan lebih tersesat dari jalan "yang benar".

Al-Israk : 72

Mudah-mudahan dengan terbukanya mata kita semua, insya Allah umat Islam sanggup menentang syaitan-syaitan besar dunia, yang ketika ini sedang menguasai Bangsa-Bangsa Bersatu, yang sedang memberikan perhatian kepada negara kita terutama kepada Perdana Menteri kita kerana kelantangan suaranya memperjuangkan nasib umat Islam di Bosnia Herzegovina. Tapi kita tak boleh berlawan dan membinasakan kerajaan semata-mata kerana negara kita belum mampu menjadikan Islam sebagai agama resmi negara. Kita sudah lihat apa yang jadi pada Libya, Iraq dan lain-lain negara Islam yang mula menunjuk keIslaman mereka. Maka insafilah bahawa orang Islam kalau mahu berjuang mesti pandai menggunakan *kebijaksanaan*.

tertentu memutarbelikan kes pembabitkan beliau dengan pelajar itu sehingga memperlihatkannya (Rahim) seolah-olah seorang 'penjenayah'.

"Dia belum didapati bersalah tetapi akhbar dan parti (Umno Melaka) sudah hukum dia. Rahim perlu diberi keadilan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Rahim banyak memberi jasa kepada negara, khususnya kepada Melaka yang banyak membangun hasil usahanya.

"Sekurang-kurangnya bagilah keadilan pada dia ini belum apa-apa lagi, dah nak hukum dia," kata Dr Mahathir.

"Sepatutnya sebelum dia (didapati) bersalah (atau sebaliknya), kita tak boleh tuduh dia, tak boleh hukum. Ini belum kita dapat buktikan kesalahannya, awal-awal lagi orang dah buat macam-macam tohmahan," kata beliau, dan menambah bahawa perkara itu berlaku kepada Rahim kerana beliau seorang ahli politik.

Perdana Menteri berkata, Rahim perlu diberi peluang untuk membela dirinya kerana polis juga sedang menyiasat latar belakang pelajar yang dikatakan mempunyai hubungan sulit dengan Rahim.

"Kita kena periksa dan polis sedang menyiasat gadis itu untuk mengetahui cerita sebenar," kata beliau.

Beliau juga bertanya mengapa publisiti meluas hanya tertumpu kepada Rahim dan tidak kepada latar belakang gadis itu.

Dr Mahathir juga menegur cara polis berjalan-

kan siasatan sehingga mengganggu' anak dan isteri Rahim dengan bertanya kepada mereka soalan yang keterlaluan.

"Penyiasatan tak usahlah sampai setakat itu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau tahu apa yang sedang berlaku dalam Umno Melaka.

"Saya tahu siapa yang terbabit... orang Umno mana yang terbabit. Saya tahu, sebab itu saya nak tunggu sehingga dapat hasil siasatan polis," kata beliau.

Perdana Menteri mengulangi bahawa beliau bercadang mengemukakan surat perletakan jawatan Rahim kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno sebelum mendedahkannya kepada umum (melalui media massa).

Bagaimanapun, oleh kerana Pemuda Umno Melaka membuat heboh, beliau terpaksa menceritakan hasrat Rahim kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatannya ke Turkmenistan.

Pemuda Umno Melaka meminta Badan Perhubungan Umno Negeri diambil alih sama ada oleh Dr Mahathir atau Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan Rahim tidak dicalonkan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir berkata, beliau akan mengemukakan surat perletakan jawatan Rahim kepada MT yang dijadualkan bermesyuarat Rabu depan dan meminta akhbar supaya jangan membuat spekulasi mengenai apa yang akan diputuskan oleh MT. — Bernama.

Majlis Peguam kesal kenyataan PM

KUALA LUMPUR 10 Okt. — Majlis Peguam kesal dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengkritik pihak polis dalam mengendalikan penyiasatan terhadap isu Tan Sri Rahim Tamby Chik yang didakwa mempunyai hubungan sulit dengan gadis bawah umur.

Pengerusinya, Zainur Zakaria dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, dalam isu yang boleh membabitkan satu kesalahan jenayah yang serius, pihak polis seharusnya dibenarkan menjalankan penyiasatan.

Siasatan itu pula, tegasnya, harus dijalankan dengan bebas dan tanpa sebarang halangan.

Katanya, proses siasatan itu juga tidak

sepatutnya diganggu dan ia juga tidak harus mengambil kira status atau kedudukan orang yang disiasat.

"Kenyataan bahawa Rahim telah menyumbang kepada pembangunan Melaka juga bukanlah satu kelebihan untuk diberikan satu pertimbangan istimewa kerana undang-undang tidak mengenal semua itu sama ada seseorang itu rakyat biasa ataupun seorang Ketua Menteri," kata Zainur.

Majlis Peguam, katanya, dengan itu menggesa polis untuk terus menjalankan siasatannya dengan adil tanpa rasa bimbang atau memihak kepada mana-mana individu.

Utusan Malaysia 11hb. Oktober 1994

Kata Nazri, sekiranya pucuk pimpinan parti menganggap beliau menimbulkan masalah ke- lihatan jawatan dalam Pemuda.

Beliau menegaskan, jika Per- dana Menteri mahu memperta- hankan keadilan ke atas Rahim, beliau perlu juga memikirkan keadilan kepada Pemuda UMNO yang kini imejnya telah jatuh dan teruk terjejas.

Nazri menegaskan, siapa yang menadi masalah pada parti ha- rus berundur.

"Kalau hari ini saya merupa- kan masalah kepada UMNO, saya pasti berundur. Saya tidak mahu menjadi Ketua Pemuda UMNO yang tidak berwibawa," katanya.

Mengenai kenyataan Dr. Ma- hathir bahawa Rahim tidak bo- leh dihukum sebelum didapati bersalah, Nazri berkata:

"Soal Rahim bukanlah soal undang-undang. Ia adalah satu isu politik. Rahim tidak diperca- yai sebagai seorang ahli politik untuk menerajui UMNO.

"Saya tidak melihat kita me- perlukan mahkamah membuat keputusan dan oleh itu Pemuda UMNO perlu bertindak. Di de-

lam politik kita tidak boleh menunggu."

Nazri berkata beliau bertang- gungjawab penuh ke atas perka- ra itu dan berharap pucuk pim- pinan UMNO tidak mengambil tindakan terhadap Exco Pemuda UMNO dan Ketua Pemuda UMNO Melaka Asa'ari Ibrahim dalam perkara ini.

Asa'ari menegaskan semalam, Pemuda UMNO Melaka tetap menolak kepimpinan Rahim dan menafikan tindakan itu diambil akibat dipengaruhi oleh mana- mana pakatan politik.

Nazri, yang membaca kenya- taannya dari sebuah buku nota berkata, beliau berpegang teguh kepada idealisme semangat per- juangan Pemuda UMNO yang mesti berani, lantang, tegas dan bertanggungjawab dalam mene- gakkan keadilan.

Pemuda UMNO Melaka sema- lam menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta salah seorang daripada mereka mengambil alih jawatan Ketua Perhubung- an daripada Rahim.

Mereka juga merayu pucuk pimpinan tidak mencalonkan



NAZRI AZIZ

Rahim bertanding pada pilihan- raya akan datang.

Menjawab satu soalan, Nazri berkata keputusan menyokong pendirian Pemuda UMNO Mela- ka adalah keputusannya sendiri, tanpa merujuk kepada Exco Pe- muda atau mana-mana pihak dan beliau bertanggungjawab penuh di atasnya.

Pemuda NS berdiri teguh di belakang Nazri

BANDAR BARU SERTING 9 Okt. — Pemuda UMNO Negeri Sembilan menegaskan bahawa mereka berdiri teguh di belakng Pemangku Ketua Pemuda UMNO Malaysia Datuk Nazri Abdul Aziz dan mahu beliau menerajui kepimpinan pergerakan tersebut.

Ketua Pemudaanya, Ruslan Kasim berkata, Pemuda UMNO negeri yakin kepimpinan Pemuda tidak akan tergugat lagi dan berharap Nazri akan terus mendapat sokongan bukan saja sehingga 1996 malah selepas itu juga.

"Jika Nazri mahu kita akan menyinggung lengan untuk mempertahankan kedudukan beliau sebagai Ketua Pemuda UMNO selepas tahun 1996.

"Kita (Pemuda UMNO Negeri Sembilan) mahu beliau bertanding di dalam pilihanraya sebagai



RUSLAN KASIM

UMNO Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Menurutnya, adalah sesuatu yang merugikan jika keistimewaan yang ada pada Nazri tidak dimanfaatkan oleh pergerakan berkenaan pada masa sekarang dan masa hadapan.

Menurutnya, Nazri telah begitu lama masak dan intim dengan Pergerakan Pemuda kerana beliau dilahirkan dalam kepimpinan pergerakan berkenaan.

"Setiap sudut dunia pemuda' ada di hujung jari," kata beliau.

Ruslan menjelaskan, sudah tiba masanya dan wajar sekali bagi Nazri dilantik sebagai menteri bagi menggantikan lagi maruah serta martabat Pergerakan Pemuda.

Di Perlis, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bahagian Padang Besar, Zabidi Zainal Abidin ber-

kata, Pergerakan Pemuda UMNO bahagian itu menyokong kepimpinan Datuk Nazri Abdul Aziz dan menolak kehadiran semula Tan Sri Rahim sebagai ketua.

Menurut Zabidi, Pemuda bahagian itu bimbang, jika Rahim kembali menerajui kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO, kemungkinan akan menjejaskan kestabilan politik UMNO keseluruhan. "Lebih-lebih lagi dalam menghadapi pilihanraya umum akan datang.

"Bagaimanapun dalam menangani masalah UMNO dan pentadbiran Negeri Melaka, Pemuda UMNO bahagian Padang Besar menyerahkan sepenuhnya kepada beliau," ujar Dr. Mahathir, ujarnya.

Utusan Malaysia 10hb. Oktober 1994

KUALA LUMPUR, Ahad — Beberapa pemimpin kanan Umno hari ini menegur Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Nazri Abdul Aziz berhubung kenyataannya bahawa dia kecewa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Nazri tidak sepatutnya membuat kenyataan yang dianggap biadap itu, sebaliknya menyalurkan pandangannya melalui saluran parti termasuk Majlis Tertinggi (MT) yang akan bermesyuarat Rabu ini.

Beliau berkata, belum tiba masanya Nazri yang baru memangku jawatan itu membuat sebarang kenyataan selepas Dr Mahathir mengeluarkan teguran berhubung perkara itu.

"Nazri baru sahaja memimpin Pemuda Umno dan tidak patut mengulas kenyataan Dr Mahathir secara lantang serta bersifat kebudak-budakan kerana beliau boleh bersuara dalam mesyuarat MT Rabu ini," katanya kepada pemberita di kediamannya di Shah Alam hari ini.

Ketika mempertahankan pendirian Pemuda Umno Melaka menolak

kepemimpinan Rahim semalam, Nazri berkata beliau mahu penjelasan daripada Dr Mahathir mengenai siapa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri sebagai di belakang 'komplot' untuk menjatuhkan Rahim.

Nazri juga berkata, Perdana Menteri perlu berbincang dahulu dengan Pemuda Umno sebelum membuat kenyataan terbuka yang disifatkan oleh Nazri sebagai mengecewakan Pemuda.

Muhammad yang juga Menteri Besar Selangor berkata, kenyataan Nazri berbentuk peribadi dan tidak mencerminkan pendirian Pemuda Umno keseluruhannya.

Beliau sependapat dengan Dr Mahathir supaya Rahim diberi keadilan kerana siasatan ke atasnya belum selesai.

"Pada saya, Dr Mahathir tidak menentang Pemuda Umno atau menyokong Rahim 100 peratus tetapi berpendapat keadilan perlu diberi kepada Rahim. Pendirian Dr Mahathir amat waras dan tidak mengikut emosi," katanya.

Di JOHOR BAHRU: Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat berkata, tindakan sesetengah pihak dalam Umno yang terlalu mendesak Rahim, adalah tidak wa-

LIHAT MUKA 2

Berita Harian 10hb. Oktober 1994

Tiada tindakan ke atas Asa'ari

MELAKA 9 Okt. — Badan Perhubungan UMNO negeri tidak bercadang untuk mengambil sebarang tindakan ke atas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Melaka, Asa'ari Ibrahim ekoran kenyataannya mendesak supaya Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik tidak dicalonkan pada pilihanraya umum akan datang.

Ketua Penerangan UMNO negeri, Datuk Mohd. Zin Abdul Ghani memberitahu, sesiapa sahaja boleh mengemukakan pandangan dan cadangan kerana negara mengamalkan sistem demokrasi.

Katanya, Asa'ari masih kekal sebagai Ketua Pergerakan Pemuda negeri dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Ayer Molek.

Beliau memberitahu, selagi siasatan mengenai dakwaan Rahim mempunyai hubungan sulit dengan gadis berumur 15 tahun itu tidak selesai, semua orang bebas memberikan pandangan mereka.

Mohd. Zin yang kini Penanggung Tugas Ketua Menteri memberitahu demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Jawatankuasa Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Tangga Batu dan kedai Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka di Rumah Awan 11, Bukit Ramai dekat sini, hari ini.



Naib Ketua Pemuda
dan juga selaku Ketua
Penerangan Datuk
Ahmad Zahid Hamidi :

Apa yang kita hendak takut, kita ada 500.000 ahli, cuba engkau kira adakah Perdana Menteri hendak hilang yang banyak untuk mempertahankan yang satu? Suara Mat Taib ini tak sampai ke mana. Dia tahulah *nasib* dia di Pemilihan 1996, dulu menang pun kerana 400 undi dari Pemuda. Dia nak ampu Mahathir tapi tak kena cara, nak ampu boss ampulah tapi kena kira yang 400 undi Pemuda ini. Sekarang jawablah dengan 500.000 Pemuda, siapa yang lebih biadab? Siapa yang bawa lari anak raja dan tempeleng isteri di khalayak ramai? Siapa yang kasi janda 16 juta? Kita ada semua paint-paint nak sapu bersih semua pemimpin yang *curang, biadap* dan tak pandai pimpin diri dan Dr. Mahathir tahu ini semua. Dan siapa lagi kalau bukan Pemuda yang mesti *berani, lantang, agresif* untuk menghapuskan kemungkaran dan satu lagi Pak Habib sudah kata bintang kita semua terang, yang penting kita bersuara untuk menegakkan *kebenaran*, lepas ini kita tengoklah siapa lagi yang hendak melatah. Dua pemimpin muda yang sedang menuju keatas. Bintang masing-masing tengah terang, bila *nasib* tengah baik pegang besi jadi emas.

MUKADIMMAH

IV

SELAKU MAKHLUK yang digezetkan Allah sebagai paling mulia, pernahkah kita merenungi secara mendalam mengenai diri kita sendiri? Atau pernahkah kita mengenali diri sekenal-kenalnya, *kenal diri* adalah penting, kerana dengan *kenal dirilah* seseorang itu akan kenal Tuhannya. Sebelum *mengenali diri*, terlebih dahulu kita bertanya apakah kita ini mempunyai *hati*, *hati kecil* dan *semangat* yang mesti ada dalam tubuh seorang muslim? Semuanya ini ada jawabannya, bacalah terus biarpun dalam keadaan berdebar-debar kerana *mukadimah*nya yang panjang lebar, namun hijrah *pemikiran* yang baru boleh membawa kita semua ke kota hikmah, insya Allah.

Ada masanya dalam keadaan tertentu ketika anda terpaksa membuat satu *keputusan* yang sangat penting mengikut istilah orang moden ketika anda sedang dalam keadaan *between life and death*, anda merasa begitu *keseorangan*. Padahal anda berada dalam kumpulan ramai manusia, mungkin bersama teman sepejabat atau anak-anak dan isteri yang anda kasihi. Tapi anda masih

merasakan bahawa anda memerlukan seorang teman untuk memberi anda semangat sedangkan *akal* adalah sebaik-baik teman. Orang yang ber*akal* tidak akan *kesunyian* dan *keseorangan*, dia tidak merasa takut sekalipun berada di hadapan raja, pemimpin besar, penyamun atau ditengah-tengah lautan manusia.

Akal adalah sebaik-baik kawan. Itulah bukti yang orang-orang dewasa mempunyai *akal* dan di pertanggungjawabkan tentang *dosa* dan *pahala*, tetapi anak-anak yang belum akhil baligh walaupun tubuhnya sudah besar kerana belum ber*akal*, terlepas daripada tanggungjawab *dosa* dan *pahala*.

Dan hari ini minat terhadap *tasauf* dan *tarikah* berkembang seperti cendawan tumbuh. Biarpun pejabat agama cuba menekan dan menyekat perkembangannya namun ianya semakin menjadi-jadi. *Group tasauf* tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Menurut bancian Pusat Islam, terdapat lebih 70 kumpulan **tasauf** atau **tarikah**. Dan apakah dengan mengharamkan Al-Arqam, kumpulan-kumpulan yang lain akan berpeluk tubuh dan tak berbuat apa-apa? Terkubur kerana ketakutan *dilabel sesat*?

Cuba kita perhatikan, semakin media massa memberi perhatian dan kerajaan bertindak terhadap *bohsia*, ianya telah menjadi satu wabak yang menakutkan. Dan semakin ramai anak gadis yang seronok dengan *bohsia*.

Manusia suka kepada yang diharamkan. Sebagai contoh dadah, semakin hari semakin ramai anak Melayu yang dijamin oleh dadah, homoseks dan lesbian yang mengakibatkan teretusnya AIDS. Apakah ini bukan menjadi tanggungjawab PAS dan Al-Arqam yang mahu mengambil alih pemerintahan dari kerajaan yang ada?

Biar bagaimana pun Al-Arqam berjaya mendidik pengikutnya supaya tidak terjebak ke jurang maksiat. Mereka yang takut pada Allah terselamat dari AIDS. AIDS terjadi akibat melakukan kemungkaran yang ditegah oleh Islam. Dekatkan diri pada Allah, dadah, homoseks, sex bebas dan AIDS akan terhindar.

Dan bagaimana dengan Pusat Islam sendiri yang sanggup mengharamkan Al-Arqam, cuma sekadar yakazah, bagaimana dengan masalah *dadah*, *bohsia*, *lesbian*, *homoseksual* dan lain-lain penyakit yang menimpa kepada umat Melayu khususnya? Kenapa mereka tidak mencari jalan keluar dengan menyeru orang ramai supaya menjauhi larangan Allah?

Jalan penyelesaian kepada keruntuhan moral dan bala Allah ialah dengan menunjuk kepada manusia yang berketurunan Islam, bagaimana cara supaya mereka boleh memahami apa itu *tarikah* dan *tasauf* yang sangat ditakuti oleh kuasa-kuasa besar sejak zaman keagungan Islam lagi sebagai ubat penyakit masyarakat?

Apakah kita juga selaku umat Islam mesti merasa

takut kepada *ilmu* yang ada hubungan terus menerus dengan Allah yang boleh membantu manusia memerangi apa juga jenis penyakit yang berpunca dari *hati*? Kerana buta *matahati* umat Islam jadi *sesat* barat.

Kalau kita tidak senang dengan *Aurad Muhamadiyah*, kita marahkan Ustaz Ashaari kerana kita menganggap beliau telah menyesatkan para pengikutnya yang tidak berdosa. Apakah ganti yang lebih baik dari *Aurad Muhamadiyah* yang kita nak berikan kepada ahli Arqam? Keasyikan, ketagihan *zikir* dan *kerohanian* lebih dahsyat dari ketagihan dadah? Kalau tak percaya tanyalah pada para ahli *tarikah*, jangan tanya orang-orang *wahabi* yang tidak senang dengan majlis maulid dan perkara *kerohanian*.

Kita sedikit terkeliru dengan langkah Pusat Islam dalam mengharamkan Arqam. Nampaknya Pusat Islam cuba hendak menafikan konsep *ilmu* dalam Islam. Pusat Islam seolah-olah mahu menghapuskan soal-soal *yakazah* dan *tawassul*. Apa yang patut ditekankan oleh Pusat Islam ialah dedahkan teknik *yakazah* dan *tawassul* Al-Arqam itu yang tidak tepat, bukannya cuba hendak menafikan bidang *ilmu* itu. *Yakazah*, *Tawassul* memang adalah dalam Islam. Alangkah dukacitanya kita kalau Pusat Islam tidak peka kepada kecanggihan dan ketinggian *ilmu* dalam Islam ini. Pandangan itu merupakan pandangan orang-orang *tasawuf* yang saya temui.

Kiranya anda hendak melibatkan diri membuat anggapan terhadap seseorang manusia, anda pandang dengan *matahati* bukan dengan *imej* yang disogokkan dalam benak kepala anda, oleh *doktrin* media masa dan media letronik supaya anda tidak akan terbiar dalam keadaan *ditelan mati emak diluuh mati bapak*. Hidup dalam '*guilty conscience*' kerana tak menggunakan *ilmu* dan *akal* yang sempurna, nama saja orang terpelajar tapi *hebal*.

Hanya mereka yang kosong didalam, terhumban didalam keadaan *desperate* disebabkan tak tahu menggunakan *hati kecil*, tak tahu menggunakan *akal*.

Maka apalah salahnya anda mencuba **ilmu firasat**, kalau anda takut dengan *ilmu tasauf* untuk meneropong diri, sekaligus meneropong dalaman manusia yang lainnya. Yang anda *sisih* dan *benci* kerana mendengar pendapat orang lain kenapa? Padahal mereka adalah saudara anda sendiri juga. Orang tak *berakal* cepat terpengaruh dengan fitnah, kemudian menyesal.

Dalam keadaan ketika manusia yang mahukan satu jawapan yang boleh memberikan mereka semangat dan *konfiden* seperti memulakan sesuatu perniagaan dan meninggalkan satu pekerjaan yang selama ini menjadi punca pencarian yang menghidupkan keluarga mereka. Mahu bercerai dengan isteri atau suami yang amat dikasihi menerima atau menolak kekasih yang bakal menjadi teman hidup, manusia memerlukan kuasa

dalam *keajaiban* yang ada dalam diri sendiri untuk membantu semasa dalam kesepian.

Tanyakan diri dengan berpandukan kejadian manusia, apakah cara yang paling baik kalau bukan dengan jalan *kerohanian* kerana *roh* manusia ada hubungan terus menerus dengan Tuhannya? Dekatkan dirimu dengan Allah untuk menguatkan semangat supaya anda lebih mudah mendapatkan bantuan dari Allah. Percayalah bahawa takarub kepada Allah (mendekatkan diri) anda adalah sumber *spirit* kehidupan sama ada rohani atau jasmani.

Dia dalam keadaan serba salah sama ada menerima atau menolak sesuatu lamaran dan sebagainya, sedangkan perkara-perkara peribadi itu cuma satu perkara kecil kalau nak dibandingkan dengan masalah bangsa, agama dan tanahair. Seperti masalah Al-Arqam dan kerajaan hari ini, sebagai makhluk yang mempunyai *akal*, kita mesti berlaku adil.

Manusia memerlukan kekuatan *kerohanian*, apa lagi sekiranya dia seorang pemimpin yang mesti menjawab kepada Allah terhadap orang-orang yang dipimpinnya. Cuba tanya Abuya Ashaari, dia nak jawab apa pada Allah dari hal anak buahnya yang terbiar, terlantar dalam keadaan tak diajar berfikir? Sedangkan *akal* itu adalah makhluk yang terpenting didalam diri manusia.

Akal adalah makhluk yang paling dicintai oleh Allah.

Biasanya saja seseorang itu cantik tetapi belum tentu Allah memberikan *akal* padanya. Bila *akal* tidak dimiliki bersama kecantikan maka kecantikan tiada berguna. Ada orang yang diberi *harta* tetapi tidak memiliki *akal*, akibatnya 100 % dari kehidupannya hanya untuk memikirkan wang. Hal ini menunjukkan bahawa *akalnya* kurang berfungsi kecuali untuk wang. *Akan dipakai sampai bila wang itu?* Misalnya anda makan nasi dan nasi itu emas, sedangkan setiap hari anda makan nasi emas tiga piring. Padahal emas sebanyak itu boleh dimakan dan membiayai kehidupan selama 150 tahun sedangkan umur anda mungkin tinggal 20 tahun saja lagi. Akhirnya wang sebanyak itu akan jatuh ke tangan orang lain.

Akal dan agama mempunyai hubungan yang sangat erat. Agama adalah *akal*. Tiada agama bagi orang yang tidak ber*akal*. Anda dianggap tidak beragama bila tidak mempunyai *akal*. Tanpa *akal* anda akan '*nyasar*' atau *sesat* kerana tiada pedoman yang anda gunakan.

Orang yang *taqlid* buta bererti dia tidak menggunakan *akalnya* atau *akalnya* memang tidak mempunyai *conscience*, sanggup buat apa saja tanpa merasa malu dan bersalah, menipu, membohong, menganiaya, mengkhianati dan mungkir janji melakukan kerja-kerja pecah amanah tanpa merasa takut. Luarannya mereka ini *gentlemen*, dihormati dan disanjung seperti penjenayah kolar putih, telan, samun harta anak yatim,

harta rakyat yang miskin, yang menjadi tanggungjawab tanpa sedikit pun berasa berdosa. Inilah jenis manusia tak berakal. Biar pun seorang ahli akademik dan ulama besar kononnya.

Dan amat jelas dan terang sekali, kita nak mengenal orang yang tak menggunakan *akal* apabila seseorang mengatakan bahawa ia mengikuti si fulan sedang dia tidak mengetahui dan membuktikan apakah si fulan itu layak untuk diikuti. Inilah para pengikut yang buta.

Orang yang mempunyai *akal* adalah orang yang memanfaatkan *telinganya*, *matanya* dan *hatinya* yang diawasi dan dipandu oleh *akal*. Bila mata tidak dipandu oleh *akal* maka mata ini selalu ingin melihat hal-hal yang mungkar dan maksiat. Bila *akal* tidak memandu mata maka dua jam melihat film mata tidak merasa letih dibandingkan dengan sepuluh minit membaca Al-Quran.

Ilmu yang diatas ini saya pelajari dari guru saya Almarhum Habib Hussien Al-Habsyi, mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat keatas rohnya dan Allah tempatkan beliau bersama-sama awlia Allah hus Salihin.

Maka inilah yang terjadi pada manusia yang tak menggunakan *akal*. Mereka terpaksa pergi kepada rakan-rakan atau orang-orang yang lebih berumur, berpengalaman, peka dan bijak. Padahal yang patut membuat keputusan itu adalah diri sendiri. *You are the master of your own destiny* sebab itu timbul peribahasa

tepek dada tanya selera antara *rasa* dan *resa* antara *akal* dan *hati* yang mana mesti diikuti?

Berapa ramai manusia yang sedar bahawa dia dijadikan sebagai *hamba*, *hamba* cuma boleh membuat keputusan, dan bersedia menghadapi apa saja risiko dari keputusan yang diambil. Tapi selagi keputusan yang kita ambil berpandu *akal fikiran* yang berpandu kepada *ilmu* dan petunjuk Al-Quran dan sunnah bukan yang ditetapkan oleh *imej* yang dibuat oleh keputusan ramai atau oleh guru kita sahaja. Allah akan bersama-sama kita. Allah suka kepada kebijaksanaan dan kebaikan.

Apakah anda tak pernah terfikir *bahawa kawan yang paling dekat adalah diri anda sendiri*, iaitu *akal* anda, tempat yang paling baik *bertanya* ialah *hati kecil anda sendiri*. Siapakah yang lebih *mengenal diri* kita kalau bukan kita sendiri? Cuba baca balik kitab yang ditulis oleh Ustaz Ashaari bertajuk '*mengenal diri melalui rasa hati*'.

Namun bagi mereka yang tidak pernah melapangkan masa untuk *mengenal diri* anda sendiri, *mengenal Tuhan* yang boleh membantu anda dalam apa juga keadaan, dimana dan betapa berat pun masalah yang dipikul menyebabkan anda menjadi gundah gelana kerana ada **akal** tak digunakan melainkan menggunakan **hati** semata-mata. Ingat pesan orang tua-tua, *ikut resa - binasa, ikut nafsu - lesu, ikutkan hati - mati*.

Buku ini bukanlah sebuah buku *tasauf*, bukan juga satu dokumen sejarah atau satu analisis berbentuk akademik untuk memperkatakan tentang apa itu *Sufi* dan apa itu *tasauf* tapi buku ini sekadar mendekatkan anda kepada ilmu *firasat*, ilmu *kebatinan* yang menjadi cabaran manusia sepanjang zaman yang ada kaitannya dengan *tasauf*.

Buku ini untuk individu yang ingin *mengenal diri* secara lebih peribadi, kerana kawan yang baik adalah diibaratkan seperti cermin. Dan dalam dunia hari ini amat sukar hendak mencari seorang kawan yang *baik*.

Kawan yang *baik* menampakkan kekotoran yang terdapat di muka kita dan manusia tanpa *ilmu*, mustahil dapat melihat keburukan didalam diri disebabkan ada penghalang besar iaitu *ego*, yang menjadi *berhala*, yang sentiasa mengatakan dirinya saja yang betul, yang pandai dan yang sempurna. *Berhala* dalam diri menutup mata dan telinga akhirnya tanpa disedari kita jadi *pekak* dan *buta* padahal ada mata dan telinga. Inilah yang dikatakan manusia *bebal*, cerdiknyanya tak boleh diikuti, bodohnya tak boleh diajar.

Dengan perantaraan buku ini mudah-mudahan anda dapat melihat benda-benda yang selama ini tersembunyi dibalik perkataan '*marifat*' yang telah dicampur adukkan dengan ilmu yang dinamakan didikan *batin* yang sepatutnya dipelajari oleh setiap umat Islam yang mahu sujud kepada Allah seperti firmanNya:

"Tidak ku jadikan jin dan insan melainkan untuk menyembahku".

Az-Zariyat : 56

Makrifat atau *'devine knowledge'* adalah kekuatan yang sangat ditakuti oleh musuh-musuh Islam. Mereka telah cuba menghapuskan Islam melalui satu peperangan di kota Baghdad pada abad kedua belas yang menjadikan Iraq seperti padang jarak padang terkukur. Habis para ulama dibunuh, Al-Quran dan kitab-kitab bermutu dibakar, masjid dan bangunan Islam, anak-anak kecil dibinasakan sama sekali tapi Islam kekal hidup hingga ke hari ini. Kerana adanya ilmu *kerohanian* kerana adanya hubungan insan dengan alam ghaib.

Seandainya Ghengis Khan hidup dia akan mati ketakutan, apabila menyedari bahawa tidak ada kekuasaan yang boleh mematikan dan menghapuskan Islam kerana ianya milik Allah dan *'divine knowledge'* ini hanya terdapat didalam *marifat*.

Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (ugama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tidak mengkehendaki melainkan menyempurnakan cahayaNya, sekali pun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian)

At-Taubah : 32

Di dalam *kerohanian* mukmin tersimpan kekuatan umat Islam yang sebenarnya. Dan dalam buku-buku *tasauf*, terbongkar rahsia *isi hati* mukmin yang telah hidup sepanjang zaman dan melalui ilmu *tasauf*, anda akan menemui cara yang paling mudah untuk *mengenali diri*. Maka jika anda sanggup menghabiskan beberapa jam sehari untuk membaca falsafah dan teori-teori barat, kenapa tidak belajar *mengenal diri* mengikut ajaran dan petunjuk dari agama anda sendiri. Dan alangkah ganjilnya manusia yang mahu ke Johor Bahru misalnya tapi memandu kereta di lebuh raya menuju ke Alor Star.

Belajarlah kerana *tak kenal maka tak cinta*. Dan belajar mengenal manusia mengikut pandangan Al-Quran kerana melalui Al-Quran kita dapat mengenali watak dan perangai iblis, syaitan, Firaun, Karun, Haman. Kita dapat membezakan karektor Habil dan Kabil padahal mereka ini seibu sebapa, anak seorang nabi dan kita belajar membuat ramalan apa yang pernah terjadi kepada manusia seperti Abu Lahab, Abu Jahal, Abu Sufian.

Hari ini ada manusia yang macam Abu Lahab, Abu Sufian, Muawiyah, Karun, Firaun dan Kabil dalam masyarakat kita, dalam puak kita dikalangan saudara mara kita yang terdekat. Kalau tidak, Al-Quran tidak mendedahkan keburukan, kejahatan, keangkuhan, ketamakkan mereka, kalau bukan untuk menjadi petunjuk kepada kita semua. Kalau kita tidak ikut petunjuk Al-Quran dengan mengambil iktibar dari

manusia yang menyerupai manusia yang pernah dilaknati oleh Allah kerana kemungkaran mereka sebagai iktibar, nak ikut kitab mana lagi?

Itulah antara faedah membaca Al-Quran setiap hari bukan untuk menyanyikan lagunya dengan sedap saja. Bukan membaca Al-Quran semasa orang mati sahaja, seolah-olah membaca Al-Quran untuk orang mati sudah jadi kebudayaan bangsa Melayu.

Al-Quran mengajar kita supaya tidak mengikuti perangai orang Yahudi dan Nasrani yang telah cuba membunuh Nabi. Mereka mengingkari setiap perintah Allah dan bagaimana Allah telah laknat dan azabkan mereka yang ingkar. Tapi disebabkan kita *buta hati*, bebal, belajar tinggi-tinggi tapi tak memahami *defenasi Yahudi* dan *Nasrani*, kita tak perasan kedua-dua jenis manusia yang *dilaknat* oleh Tuhan itu hidup *bermaharajalela* dalam kumpulan puak-puak kita. Itulah akibat suka pandang kulit, tak mahu tengok isi.

Mudah-mudahan kita tidak terikut dengan perbuatan terkutuk kaum yang telah sesat dan dilaknat oleh Allah. Tidak terpengaruh dengan keburukan watak Firaun yang tamak haloba, zalim, kejam, angkuh dan sombong. Puak-puak dan keluarganya saja yang hidup dalam kemewahan dan kekayaan dalam keadaan rakyat hidup dalam kemiskinan. Biar bagaimanapun sebagai seorang mukmin kita mesti *bertawakal* seperti Nabi Musa, biar pun seorang diri, namun boleh menumbangkan satu

kerajaan yang amat kejam dan zalim. Contoh dizaman moden Almarhum Ayatullah Ruhullah Khomeini yang berjaya membangunkan kerajaan Islam di Iran dan menjatuhkan raja segala raja yang zalim.

Allah itu adalah merupakan *pengetahuan* yang diketahui dan yang *mengetahui* dalam satu waktu yang sama. Allah *wujud* secara sendiri dan bersifat sedia sejak azali. Sekalian kejadian adalah *wujud* dengan bersumberkan *wujud* Allah dan melalui *tasauf* anda dapat mempelajari tentang *wujudnya* Allah dalam diri *mukmin* yang anda temui dan merekalah orang-orang yang terang dan tenteram, bahagia dalam keadaan bagaimana sekalipun.

"Maka ke mana pun kamu menghadap disitulah wajah Allah".

Baqarah: 115

Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu tentang Aku, maka jawablah bahawasanya Aku adalah dekat, Aku mengkabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada Aku.

Al-Baqarah : 186

Maka apalah yang hendak dihairankan kiranya ada mukmin yang mempunyai **karamah** dapat melihat yang

'*ghaib*', sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh orang kebanyakan kerana seorang wali Allah yang bertaraf *Qutub ul aulia* boleh berada ditujuh tempat dalam satu waktu. Ini bukannya *absurd*. Cuba bandingkan dengan teori tujuh dimensi atau cahaya berlian yang memancar.

Inilah akibatnya bila perkara-perkara yang sepatutnya *dirahsiakan* perihal **karamah** dan hubungan sulit dari segi ilmu pengetahuan yang sepatutnya dirahsiakan telah digembar-gamburkan untuk menunjukkan kehebatan mereka, sedangkan perhubungan *kerohanian* antara makhluk dan penciptanya adalah *rahsia* bukan untuk *dikomersialkan*. Makin dekat seorang mukmin dengan Allah makin tersembunyi segala-galanya seperti perangai padi, makin berisi makin tunduk.

Selaku orang politik anda patut belajar, patut tahu dan tak patut menyerahkan nasib pada *tukang telek* dan bomoh saja. Kita serah diri pada Allah. Apa saja yang diberikan kita *redha* dan *sabar*. Itulah tanda-tanda orang beriman, orang yang takwa, sesudah kita menggunakan *akal* dan berikhtiar habis-habisan baharulah kita menyerahkan diri pada qada dan qadar.

Mengikut pendapat orang *tasauf*, manusia menjadi mengelabah, gusar, hilang pertimbangan bila *hati* sudah kotor. Mereka yang *ahlilah* yang berbuat sesuatu semata-mata kerana Allah, tak patut *sakit hati* dan *memberontak*, serta marah-marah bila ditimpa mala petaka. Ini adalah *kifarat* kerana semasa didalam

kesenangan, kekayaan, mereka lupa diri dan lupakan Tuhan sama sekali, lupa tentang tanggungjawab mereka terhadap sesama manusia. Mereka menganggap *hablun minan nas* tak penting. Raja-raja hidup dalam istana dan mahligai, orang-orang korporat duduk dalam banglow dan kondominium mewah di lereng bukit, rakyat duduk di rumah-rumah murah dan rumah haram.

Padahal tanggungjawab pada Tuhan dan sesama manusia adalah ubat dan penawar untuk mengubati *hati*. Maka *hati* yang tak pernah merasa sakit, sedih dan kasihan bila melihat manusia lain dalam keadaan kemiskinan, kelaparan dan hidup dalam penderitaan, lama-lama *hati* itu akan rosak. Maka manusia yang busuk dan rosak *hatinya* berjangkit pada jiwa.

Inilah dua benda penting yang anda boleh dapat dari buku ini selain dari dapat menengok dan mempelajari *nasib* pemimpin, dapat juga tahu cara nak mengubati penyakit didalam *hati* sekiranya terdapat kerosakan terutama kuman-kuman hasad, virus dengki yang sedang menjadi-jadi dan perasaan tak ada hati perut di kalangan yang kaya, tak cukup 10 juta dalam simpanan mahu dua tiga ratus juta sedangkan wang itu tak ada guna apa kalau tak dapat membantu manusia.

Tok-tok guru yang terlupa bahawa makin tinggi agama yang dipelajari makin tinggi kedudukan, makin besarlah ujian. Kalau orang-orang **tarik**at sudah turun ke padang marah-marah kepada orang **syariat** yang tak memahami

jalan mereka, apa bezanya mereka dengan orang **syariat**? Mudah-mudahan pengikut Al-Arqam dapat mengawal *perasaan* dan *hati*. Mudah-mudahan mereka terus bersabar dengan ujian Allah, bukan mudah untuk mendapatkan '*maqam*' yang tinggi kerana *kemarahan* juga adalah satu penyakit.

Maka kepada mereka yang terlupa bahawa jawatan atau kekayaan yang didapati bukan kerana mereka *baik*, bukan kerana *usaha*, tetapi kerana ketika itu *nasib* mereka yang *baik*. Mereka bolehlah cepat-cepat *bertaubat* dan mula berbuat *baik* kerana bila *nasib* sudah tak baik nanti mereka hilang segala-galanya, sekurang-kurangnya *kebaikan* mereka masih dapat menyelamatkan mereka dikala susah.

Ada juga orang yang akan kenang *kebaikan* mereka seperti *nasib* orang-orang Arqam hari ini. Tapi jika semasa kaya perangai macam *tangkai jering*, macam *haji bakhil*, hendak sedekah satu ringgit macam hendak rabak kocek tapi kalau nak berjudi, minum arak, kasi betina satu ribu ringgit senyum gembira. Seperti segolongan menteri yang sudah tersisih dari kuasa. Siapa pun tak pandang sebelah mata, masa ada kuasa dulu lainlah. Sudah jadi kebiasaan *dimana ada gula adalah semut, ada bangkai adalah langau*.

Janganlah bila sudah berhenti dari jadi menteri atau wakil rakyat hidup tersisih macam pegawai kerajaan, sama ada berjawatan tinggi atau rendah, bintang dibahu

atau calit di lengan, sebab masa ada kuasa tersalah guna, terlupa apabila hilang kuasa satu hari apa nak jadi. Nak campur dengan orang kampung malu, nak tinggal di tempat yang anda biasa peras ugut takut, takut dengan dosa-dosa sendiri.

Apakah *nasib* atau *takdir* saja yang mesti disalahkan? Terutama mereka yang tak kira *halal haram*, tak kira yang diambil dari orang itu secara *paksa*. *Rasuah* yang ditelan tanpa belas kasihan, paksaan demi paksaan biarpun datangnya dari keringat dan air mata orang yang dizalimi oleh mereka. Pada hal kuasa yang ada pada mereka bukan besar sangat tapi mereka gunakan pangkat yang kecil untuk menzalimi manusia yang jauh lebih terhimpit dan tersiksa dari mereka.

Baca terus sekiranya anda hendak mengesan seberat mana kerosakan *rohani* anda, jangan asyik periksa *darah tinggi*, *kencing manis* dan *sakit jantung* saja. Sesekali cuba periksa perihal *kerohanian* anda, penyakit dalam *hati* yang selalu membuat anda resah gelisah dan hidup ini *tak seronok*, *tak puas*, sedangkan anda berkuasa dan kaya raya.

Dan jangan bila *malaikat maut* sudah berada didepan mata baru hendak tersekar. *Too late brother*. Macam Firaun, sudah tenggelam baru hendak ingat Tuhan dan baru hendak *bertaubat*, masa berkuasa dulu merasakan dirinya itulah sebagai Tuhan. Kejadian yang berlaku pada para pemimpin adalah sebaik-baik iktibar.

MUKADIMMAH

V

KENAPA SAYA terpaksa menulis buku ini sekarang? Kenapa tidak semasa saya menyiapkan buku pertama saya '**Firasat Rahsia Mengenal Diri sendiri**' pada tahun 1969? Di antara sebabnya adalah kerana akhir-akhir ini banyak sangat orang yang datang menemui saya sambil mengemukakan bermacam-macam pertanyaan seperti yang baru saya sebutkan tadi. Dan sekarang ini ramai sangat orang yang hendak jadi *peramal* termasuk beberapa orang pemimpin Al-Arqam.

Saya fikir inilah sebaik-baik masa bagi kita umat Islam di Malaysia duduk dan melihat diri kita dari *dalam*, sambil mencari satu *identiti* siapa kita sebenarnya? Patutkah kita diperdayakan oleh ustaz-ustaz yang sudah sanggup jadi *tukang telek* seperti *ahli nujum Pak Belalang*?

Apa yang sedang berlaku kepada umat Islam di Malaysia hampir sama dengan masalah umat Islam di seluruh dunia. Masing-masing tidak mahu *mencerminkan*

diri sendiri, tak berani melihat *ego* yang menjadi *berhala besar* yang hidup subur dalam diri. Semua orang lain tak betul, mereka saja yang betul, mereka saja yang cerdas, semua orang lain bodoh belaka. Pendapat begini sebenarnya dipengaruhi oleh nafsu, dipengaruhi oleh *ego* yang menyebabkan umat Islam tidak boleh bersatu. Mereka merasakan puak mereka saja yang dipilih untuk memimpin umat Islam diseluruh dunia. Cukuplah Nabi Muhamad SAW sebagai pemimpin.

Semasa baginda Rasulullah kembali dari perang badar, ada sahabat yang bertanya, *apakah ada perang yang lebih besar?* Jawab baginda, *ada, perang nafsu, berperang dengan berhala yang dinamakan nafsu yang ada dalam dada.* Maka bila manusia di pengaruhi *nafsu* hilanglah *kebijaksanaan*. Semua sifat kenabian lainnya ada *siddique*, *amanah* dan *tablig* ada tapi tak ada sifat *fatimah*. *Ego* menutup semua sifat yang lainnya. *Ego* membunuh dengan kejam, *kebijaksanaan* yang ada dalam diri. *Ego* mematikan *akal*, membutakan *matahati* sebab itu orang-orang *tarikah* mematikan diri sebelum mati, menghapuskan *berhala* dan *ego* dalam diri.

Benarkah *Islam* itu *Melayu* dan benarkah *Melayu* itu *Islam*. Orang Arab yang nabinya diturunkan dari bangsa Arab, Al-Quran dipilih dalam bahasa Arab pun masih teraba-raba mencari *identiti*. Mereka tak tahu apakah *Arab* itu *Islam* dan *Islam* itu *Arab* sedangkan Allah memurkai orang-orang yang menghina bangsa Arab

tapi orang Arab sendiri telah meletakkan diri mereka didalam keadaan *jahiliyah* akibat *ego*.

Ego masing-masing terlalu tinggi. Masing-masing berfikir puak merekalah yang paling betul, mereka tak mahu meneropong *diri*, tak mahu bertanya siapa diri apakah diri itu *tuan* atau *hamba*? Sebab itu dari dulu hingga sekarang mereka leka berperang sesama sendiri, terlupa yang diperangi itu siapa. Kerana mereka ada kuasa, ada kuasa-kuasa besar dibelakang dan kerana hidup kaya raya pula dan kerana itu saja yang membolehkan mereka berlagak besar kepala. Contohnya negara-negara Timur tengah seperti Arab Saudi yang mengamalkan amalan *wahabi*. Apakah *ego* mereka boleh jadi sebesar itu dan mahu memaksa puak *ahlul sunnah* supaya tunduk kepada kehendak *wahabi* sekiranya mereka tak punya apa-apa? Allah menguji mereka dengan kekayaan yang menjadi amanah pada mereka. Selagi ada Amerika dan kuasa-kuasa besar dibelakang, bolehlah besar kepala. Kebetulan Mekah dan Madinah menjadi tumpuan umat Islam seluruh dunia.

Hari ini dalam masyarakat Melayu sudah timbul perbalahan antara bangsa Melayu dari satu *puak* dengan yang lain, mereka telah berpecah belah dalam kelompok politik dan perbezaan mazhab. Mereka mendakwa bahawa puak mereka lebih baik dari yang lain, sanggup menggunakan agama Allah untuk menguasai politik negara. Kalau kita ikhlas, tak perlu memperjuangkan

Islam atas nama *pertubuhan*, sama ada *politik* atau *dakwah*, semua yang kita lakukan hari ini adalah kerana Allah. Cukuplah sudah kita gunakan Islam sebagai satu pertubuhan yang terbesar didunia.

Manusia mempunyai sifat kekurangan. Mereka tak terhindar dari kesalahan. Manusia akan selalu cenderung untuk salah dalam *ucapan* dan *perbuatannya* selama ia tidak mengenal alam ghaib, dan selama pemikiran dan keinginannya diperoleh dari hal-hal yang tidak tentu. Manusia akan selalu jatuh ke lembah dosa selama dalam dirinya ada naluri *rela* dan *marah*, *cinta* dan *benci*, serta naluri *nafsu makan* dan *seks*.

Oleh kerana itu, *kesempurnaan* seseorang itu nisbi (*relatif*). Barang siapa merasa bahawa pemikiran dan pendapat-pendapatnya adalah hanya merupakan gambaran dari suatu kejadian yang terkadang *benar* dan terkadang *salah*, maka orang tersebut adalah *sempurna*, jika dikiaskan dengan orang yang mengetahui hakikat kejadian. Tapi hari ini susah nak jumpa manusia yang mahu merasakan yang dirinya *bersalah*. Yang dia nampak cuma *kesalahan* orang lain sahaja.

Akal yang cerdas selalu mencari *kebenaran*, mengerahkan keterbatasan usahanya untuk sampai pada *kebenaran* dan setelah kita sampai pada *kebenaran*, maka sepatutnya kita melaksanakannya hingga timbul kebaikan pada diri kita.

Barangsiapa yang sentiasa merasakan bahawa dirinya saja yang *benar* dan siapa saja yang tidak setuju dengan pendapatnya *salah* dan suka mempertahankan *egonya* dengan berkata dialah yang paling *benar*. "***Inilah pendapatku, pendapatku pasti benar, tidak boleh ditolak,***" maka sebenarnya orang itu adalah orang yang paling jauh dari *kebenaran*.

Prinsip *ilmu* adalah supaya penemu *ilmu* tersebut menganggap bahawa pemikirannya mengandung *kebenaran* dan *kesalahan*. Boleh jadi pendapatnya *salah* dan boleh jadi *benar*. Jika kita berada ditempat yang *salah*, apalah salahnya kita mengaku dan mengikut mereka yang *benar*. Inilah sifat orang intelek dan para akademik yang boleh dimuliakan.

Apakah tak mungkin kalau *berhala* besar tak dihapuskan dari dalam diri mereka yang merasakan dirinya saja benar, satu malapetaka besar akan mempengaruhi diri? Dan akhirnya merebak keseluruh negeri, contoh pergaduhan PAS dengan UMNO dan hari ini Arqam dengan kerajaan. Semua pihak merasakan pendapatnya saja yang *benar* sedangkan *salah* dan *benar* satu perkara yang *subjektif*.

Nampaknya puak-puak Al-Arqam lebih sayang pada ego, lebih sayang pada *logo*, lebih sayang pada *aurad muhamadiyah* dari saudara-saudara mereka. Apakah tanpa *logo*, tanpa *aurad muhamadiyah* mereka tak boleh berada ditempat yang *benar*, mereka tak boleh berjaya?

Tidak akan hilang bisa ular yang menyelusur di akar. Apa ada pada *logo* kalau kita sudah beriman pada Allah? *Allah hu Akbar*. Cukuplah Allah dan Muhammad untuk kita jadikan *logo* kita bersama, kalau *logo* yang menjadi keutamaan kita.

Apakah dengan mengaku kesilapan dan bertaubat Arqam akan dipandang rendah. Tentu sekali tidak, nama Ashaari akan lebih disanjung kerana begitulah sepatutnya yang dilakukan oleh seorang yang berani, seorang pemimpin dan guru *tarik*at yang mulia peribadinya. Saya mengharapkan ada pihak ketiga yang dapat mendamaikan mereka. Harapan saya tok-tok guru PAS yang menjadi orang tengah, rupa-rupanya PAS sekadar nak menanguk di air keruh.

Mudah-mudahan huraian saya mengikut kaca mata ilmu **firasat**, boleh memberikan *keinsafan*, dan jika kita *tersesat diujung jalan marilah kita kembali ke pangkal jalan*.

Selaku seorang pahlawan, berundur tiga tapak untuk hendak maju seratus tapak menandakan kewarasan dan sifat pemimpin yang mempunyai *kebijaksanaan*. Ambillah iktibar, apa jadi pada puak-puak serpihan yang terkeluar dari UMNO akibat *ego* dan tak mahu berundur setapak ke belakang. Pak Habib pernah menasihati mereka dalam buku-buku sebelum ini. Tapi para pemimpin Semangat 46 terus mahu hidup dengan *ego-ego* mereka. Cuba baca balik buku **Politik Serpihan**.

Dan cuba tanya Tok Guru Nik Aziz, pemimpin PAS antara beliau dengan Datuk Annuar Musa dari parti UMNO yang juga sebagai anak Tok Guru agama yang terkenal di Kelantan biarpun dianggap *sekular*, siapa yang akan duduk di syurga dan siapa yang akan dihumban ke neraka? Dan Siapakah yang lebih banyak membuat sumbangan terhadap sesama manusia terutama yang miskin dan memerlukan bantuan?

Apakah perjalanan hidup politik cara orang PAS menjamin syurga? Sebagai manusia biasa jika dibanding dari segi pakaian dan cara hidup seperti yang dilabel oleh budaya dan keadaan hari ini, orang-orang PAS jalan mereka secara kasarnya, luarannya lebih Islamik tapi benarkah kita mengatakan yang cara hidup Annuar Musa dan para pemimpin UMNO yang lainnya tak Islamik? Kayu ukur siapa yang mereka gunakan untuk menentukan siapakah yang lebih layak memimpin umat Islam di Kelantan?

Penghapusan *wayang kulit*, *dikir barat* tak boleh ubah akidah dan cara hidup umat Islam di Kelantan. Malahan jika kita ada sifat *fatanah* dalam diri seperti para *wali songgo* di Indonesia semasa mengembangkan Islam di Jawa, *dikir barat*, *mak yong* dan *wayang kulit* boleh kita jadikan sebagai *vehicels* yang terbaik bagi mendidik moral dan *mental* orang kampung yang tak suka dan tak mahu membaca.

Kebetulan di Kelantan terdapat ramai Tok Guru Tarikat, Tok Guru Pondok tapi tak kurang juga mereka yang mengaji tak sudah, ilmu tak kesampaian.

*Berburu ke padang datar,
Dapat rusa belang kaki,
Berguru ke palang ajar,
Ibarat bunga kembang tak jadi.*

Orang beginilah yang banyak buat susah. Mereka akan membenarkan sesuatu ayat Al-Quran dan hadith yang menyebelahi bagi pihak puak-puaknya saja. Dan akibatnya sudah sah yang terbang itu burung tapi *egonya* tetap mengatakan kambing maka burung yang terbang itu dikatakan kambing juga.

Bagaimana kita boleh mencari jalan untuk dapat duduk bersama bermusyawarah dan sama-sama berpegang pada tali Allah dan tak bercerai berai, kerana kita telah lihat perpecahan tak membawa apa-apa faedah. Sekejap BN menang, sekejap PAS menang, dari segi peningkatan ekonomi, ilmu dan politik tak banyak perbezaan dari dulu hingga sekarang.

Marilah kita berdoa dan berusaha agar bangsa Melayu dan umat Islam di Malaysia supaya berwaspada, jangan mudah terpengaruh oleh permainan orang tertentu yang akan membawa kehancuran bangsa Melayu. Seperti yang sedang berlaku pada umat Islam yang lainnya. Gunakanlah *politik* sebagai alat untuk menjamin

kesempurnaan dalam kehidupan *beragama*, *bermasyarakat* dan *berbudaya*. Bukan *berpolitik* untuk menghancurkan *agama*, *bangsa* dan *negara*. Ingatlah, politik bukanlah satu tujuan, ianya cuma satu alat untuk mencapai matlamat yang direndhai oleh Allah. Maka pemimpin politik hendaklah belajar menggunakan *firasah* sebelum melakukan sesuatu yang melibatkan agama, bangsa dan tanah air.

YA TUHANKU!

JADIKANLAH NEGARA INI

SEBUAH NEGARA AMAN DAN MAKMUR

ANUGERAHKANLAH RAKYATNYA

DENGAN REZEKI YANG MELIMPAH

JADIKANLAH RAKYATNYA

ORANG-ORANG YANG BERIMAN

KEPADAMU...

YA ALLAH

Doa Nabi Ibrahim
Al-Baqarah : Ayat 126

Wabillah hi taufik wal hidayah.



S.H. Alattas

Pondok Pak Habib

Wadi Hussien,

Kampong Janda Baik,

Bentong, Pahang.



Gambar dan firasat Pak Habib dalam buku **Talqin Untuk UMNO** ini telah diexploit oleh Ummu Jah dan lain-lain pemimpin Arqam, untuk mereka menonjolkan Ustaz supaya berlawan dengan Dr. Mahathir. Mereka terlupa bahawa dalam tulisan seterusnya Pak Habib kata '*sekiranya Ashaari dan pengikutnya menyertai UMNO*', biar bagaimanapun masih belum terlambat. Ashaari berada didalam *transit* ISA untuk ke peringkat menteri dan Dr. Mahathir sudah membuka pintu UMNO kepada Arqam. *Perahu sudah ada di air, dayung sudah berada ditangan, tunggu apa lagi menyeraplah keseluruhan cawangan. Masakan rakyat Malaysia nak berikan kerusi Perdana Menteri buta-butanya macam itu saja, macam orang-orang Arqam memberikan isteri kepada pemimpin mereka.*

Ashaari boleh sertai UMNO

KUALA LUMPUR 5 Ogos — Perdana Menteri berkata, pemimpin Al-Arqam, Ashaari Muhammad boleh menyertai UMNO tetapi harus mematuhi prinsip-prinsip parti berkenaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO tidak menghalang kemasukannya kerana sebelum ini pun ada beberapa pemimpin yang pernah menentang kerajaan turut diterima menyertai parti itu.

"Seperti yang diketahui, orang nombor dua UMNO sekarang (merujuk kepada timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim) dulu menentang kerajaan, dia bersama Angkatan Belia Islam...yang dahulu antikejaan. Kita tidak menghalangnya," kata Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir memberitahu, Ashaari juga boleh menubuhkan parti politik dan bertanding dalam pilihanraya mengikut peruntukan undang-undang.

Bagaimanapun, beliau berkata, pemimpin Al-Arqam itu harus menghentikan ajaran-ajarannya yang menyeleweng.

"Dia boleh kembali ke tanah air, menghentikan ajaran-ajarannya dan membentuk parti politik untuk bertanding dalam pilihanraya.

ASHAARI TERMASUK UMNO

Bila orang popular jadi tak popular ego, orang tak popular jadi popular ego, popular dan tak popular, tak popular dan popular Ego. Ashaari Mohamad jadi tak popular ego, Mahathir Mohamad jadi popular ego. Mahathir Mohamad jadi tak popular ego, Ashaari Mohamad jadi popular ego... ego... ego... Ego... ego.. ego... Anak-anak Pak Mohamad mengharu-birukan umat.

"Apa itu Pak Habib, popular tak popular ego, tak popular popular ego", tiba-tiba saja saya dikejutkan oleh Fazli Osman penganjur **malam puisi** anjuran Akhbar Buletin Utama.

"Sajak Fazli, sajak, sajak untuk mereka yang ego". Akhir-akhir ini sejak Pak Habib sudah jadi *seniman jalanan* dan pendeklimator sajak, hari-hari kena tulis sajak. Seronok tulis sajak.

"Tulis sajak itu baguslah, tapi tak kan dah tak mahu tulis politik lagi".

Dia tengok Pak Habib diam, dia sambung lagi.

"Pak Habib kena buat sesuatu, tak boleh tulis sajak dan berdiam diri saja. Ini masalah berat, ini masalah negara. Dr. Mahathir Mohamad kawan Pak Habib dan Ustaz Ashaari Mohamad guru Pak Habib pernah kata kedua-dua anak Pak Mohamad ini dekat dihati Pak Habib".

"Sebenarnya Pak Habib dah malas, dah letih, kalau nak dikatakan bosan, dah bosan menulis mengenai personaliti politik. Dah 23 buah buku sejak tahun 1972 bermula dengan '**Temanku Pemimpin-Pemimpin (Sabah)**' dan berakhir dengan '**Ku Yah Lawan Mike Tyson**' dan entah berapa puluh rencana yang sudah ditulis. Lagipun apalah yang hendak kita hairankan pergaduhan antara kerajaan dengan Arqam. Mahathir sendiri pernah berkata '*yang menang tak boleh menguasai semuanya dan yang kalah bukan kalah segala-galanya*'. Pak Habib bila diberi peluang bercakap bukan tahu sekejap.

"Itu betul, tapi banyak yang tak faham sebab sebenarnya kenapa Al-Arqam di haramkan, banyak yang menyatakan ada motif politik dan banyak pula yang salahkan Perdana Menteri".

"Hanya masa saja yang akan menentukan, siapa yang salah dan siapa yang benar. *Sejarahlah* yang akan

menjadi *saksi* dan ia adalah *saksi* yang paling jujur kepada apa yang sedang berlaku pada hari ini. Kalau ia pun, Mahathir bukan *kecik anak*, dia yang menjadi *ulil amri* di negara ini, kuasa majoriti ada ditangannya. Manusia cuma dapat melihat, itu pun musim sekarang dengan adanya *jerebu* sana *jerebu* sini, penglihatan pun jadi tak jelas, kabur, terserahlah mereka nak tengok dengan macam-macam perasaan. Memang susah untuk menyenangkan setiap hati manusia".

"Itu jawapan yang tak ikhlas, itu jawapan orang yang *frust*. Pak Habib *Presiden Kelab Penulis Politik Malaysia*, berdiam diri menunjukkan sifat seorang yang dayus sedangkan Pak Habib pernah bercerita pada saya:-

Seorang penulis mesti berjiwa pahlawan. Pahlawan jangan jemu-jemu berjuang demi untuk mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara. Walaupun ia tahu dalam pada ia mendedahkan *kebenaran* ia mungkin dihukum penjara akibat perjuangannya itu dan nyawanya terpaksa bercerai dari jasadnya.

Bukan Fazli Osman saja, malahan hampir sepanjang waktu Pak Habib berada di Alor Setar, pada 30hb. Julai 1994 sewaktu diundang untuk mendeklamasikan sajak, di kampung dimana tempat kediaman Perdana Menteri

kita. Pak Habib menerima reaksi yang hampir sama, tak kira Pak Habib bertemu di warong, di kedai kopi, coffee house, Pak Habib telah dihujani oleh beberapa soalan yang hampir sama terutama mengenai Al-Arqam.

Dan semasa menyiapkan buku ini saya ke Singapura, Surabaya, ke Gersik menziarahi maqam Malik Ibrahim ketua kepada wali songgo, pergi ke Bangil menziarahi Almarhum Habib Hussein Al-Habsyi dan Pesenterannya, pergi ke Bandung dan akhir sekali ke Jakarta dan kebetulan pulang pada 16 September dalam satu penerbangan dengan rombongan Perdana Menteri yang membuat lawatan resmi ke Indonesia bertemu Pak Harto.

Kenapa Pak Habib dah tak menulis lagi? Dan sehingga ke bulan Julai (7) tahun ini masih belum ada sebuah buku pun yang muncul sedangkan setiap kali bila ada saja isu-isu besar dalam negara pasti Pak Habib akan terbitkan sebuah buku.

"Nak tulis apa lagi? Dulu Pak Habib menulis buku-buku *kontroversi* kerana ketika itu kerajaan kita menghadapi musuh dari luar dan dalam. Pembangkang seperti Semangat 46, DAP dan PAS mempunyai penulis-penulis yang hebat-hebat Tapi hari ini Yahaya Ismail, Zakry Abadi (Allahyarham) semua sudah duduk dalam satu kelab (KPPM) dan sambil bergurau Pak Habib berkata 'cukuplah, Musa Hitam pun dah angkat bendera hitam, sudah tak bangun lagi dah.

Dulu orang ramai kata musuh ketat Pak Habib ialah Musa Hitam. Bila musuh dah tak buat kecuhi biarpun berhenti sebagai Timbalan Perdana Menteri, sanggup terima Tan Sri saja, sedangkan Daim dianugerah Tun Daim. Lagipun kerajaan kita kuat. Mahathir sudah mendapat sambutan yang hebat didunia antarabangsa. Ekonomi kita tumbuh dengan pesat. Maka tentulah tak menjadi kesalahan kalau Pak Habib bersara dari menulis.

Kebetulan orang yang telah mengajak Pak Habib berbincang pada hari itu adalah orang yang telah menarik Pak Habib menjadi *seniman jalanan*, seperti M.H. Ainul Najib seniman berjiwa sufi di Indonesia yang menjadi seorang penulis puisi dan juga seorang pendeklimator sajak.

Saya pun bermula dari Pasar Budaya di Kuala Lumpur, membaca puisi di Johor Bahru dan malam ini di Alor Setar, Kedah. Dan Pak Habib fikir inilah cara yang terbaik untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat sambil menghiburkan mereka. Kita membuat mereka berfikir dan kita jadikan *berfikir* sebagai satu hobi dan satu hiburan untuk generasi 2020. Kita jangan jadi PAS matikan semua *semi* kononnya mahukan Islam.

Kelemahan orang Melayu lebih suka *melihat* dan *mendengar* daripada *membaca* buku-buku atau rencana-rencana yang berat, apa lagi membaca Al-Quran kalau pun mereka membaca sekadar buat sedap

saja.. Maka apakah cara yang lebih baik berdakwah kalau bukan melalui *seni*? Cuba kita teliti senikata M.Nasir dan lain-lain penyanyi yang mula berdakwah melalui nyanyian mereka.

Manusia mesti mempunyai *akal*, *berilmu*, hidup berbudi selain dari meminati *seni* dan dengan *mendengar*, *melihat* dan berkata-kata baharulah sempurna sifat manusia yang dikatakan *insan*.

Dan manusia itu adalah *seni* yang paling indah dijadikan Allah. Melalui *seni* kita lebih mudah mendekati diri dengan Allah. Kita dapat mengenal manusia dan Allah melalui *seni* kerana *seni* dan kehidupan tidak dapat dipisahkan sebab kehidupan itu adalah *seni* sedangkan *sex* pun ada *seninya*.

Pemimpin PAS tak mempunyai kebijaksanaan apabila mereka mengharamkan *wayang kulit*, *dikir barat* dan *mak yong* kerana ini adalah *keseniaan* yang sepatutnya digunakan untuk membangunkan masyarakat Kelantan tapi mereka ini tak *kreatif*.

Rasulullah cinta kepada *keseniaan*, *keseniaan* itu indah dan keindahan itu adalah sifat *ketuhanan* dan ianya adalah *media massa* terbaik untuk mendekati rakyat. Dan siapa lagi kalau bukan penulis dan pemikir Islam yang mesti jadi wartawan Tuhan.

Apakah kamu tidak melihat apa yang berada di langit

dan di bumi? Semut itu indah, ianya makhluk, janganlah kerana kita tidak senang dengan kebisingan kicau murai diwaktu maghrib kita bunuh semua burung-burung murai. Ayatullah Khomeini tidak mengharamkan radio televisyen dan pawagam, tidak juga mengharamkan segala bentuk kesenian yang ada di Iran, yang mengharamkan segala bentuk *kesenian* Islam ini cuma orang wahabi saja.

Apakah Nik Aziz mahu menukar imej Kelantan dari Serambi Mekah di zaman Nabi kepada Serambi Mekah dizaman wahabi? Kalau macam itu duduk sekongkol dengan orang Pusat Islam sajalah. Buat apa jadi pembangkang, kan lebih baik duduk dalam Barisan Nasional.

Berbalik kepada cerita Fazli tadi, yang mempersoalkan bahawa dalam keadaan ekonomi kita naik memuncak namun *akhlak* dan *moral* orang kita jatuh menjunam. Pak Habib terpaksa menjawab mengikut cara Pak Habib.

Sekadar menulis buku politik saja ia tidak akan menyelesaikan masalah sosial yang sedang berleluasa kerana kita kini sedang berada didalam *dilema*, sama ada kita kembali ke zaman jahiliah, atau kita timbulkan Islam sebagai *addin* untuk bangsa manusia di seluruh dunia seperti dizaman Nabi?

Tapi terlebih dahulu saya fikir, saya kena ajak pembaca membaca dirinya dulu. *Kita baca diri kita ini dulu,*

sesudah kita dapat *baca* diri kita, barulah kita *baca* kitab. Tahukah kita perbezaan *zat* dan sifat yang ada dalam diri?

Tahu sebab apa pertubuhan Arqam yang dulunya tak berdaftar, tak menerima padah macam hari ini. Pada mulanya Ustaz Ashaari mengajar pengikutnya supaya membersihkan *hati*, mementingkan *akhlak*, mendekati diri pada Allah. Ustaz menunjuk kepada pengikut-pengikutnya, ilmu yang wajib diketahui oleh hamba Allah iaitu ilmu *tauhid*, semulia-mulia ilmu yang boleh menjadikan akhlak manusia itu mulia.

Dia tak ajar bagaimana nak jadi orang alim menerusi kelas-kelas fardu ain kerana yang penting murid mesti belajar bagaimana menjadi *hamba* yang baik, *hamba* yang mencintai Allah dan *hamba* yang sentiasa kasihkan Allah. Apa saja yang dilakukan semata-mata kerana Allah, mencari keredhaan Allah.

Peringkat pertama cukup cantik, mendapat pertolongan dan bantuan Allah. Itulah sebabnya Arqam mendapat sokongan dan kedudukan dari orang ramai dan kerajaan.

Kita semua kena ingat bahawa Islam adalah agama *aktif* dan *praktikal* melalui *experiment*, kita akan sampai kepada titik tujuan pelajaran sains, belajar belah katak dulu, belah tikus, belah belut, belah arnab. Semua pengikut ini ada peperiksaannya, ada guru yang membimbing, bukan boleh suka-suka hati.

Guru tadika tak boleh mengajar murid tingkatan satu. Guru sekolah menengah tak boleh mengajar di kelas menengah atas. Bila guru yang tak cukup ilmu, tak ada ijazah yang sesuai didalam ilmu kedoktoran hendak mengajar sains terutama dalam bab membelah dada manusia yang hidup-hidup sedangkan masa membuat percubaan di universiti dulu cara yang dibedah mayat manusia mati, timbullah kacau bilau.

Hendak menuntut ilmu *hakikat* dan *marifat* mesti mendapatkan bimbingan dari guru yang *murshid*, sesuatu yang berkaitan dengan *ketuhanan* tak boleh nak gunakan *ilmu* dan *fikiran* semata-mata. *Fikiran* saja tak sampai ke alam *rohani* berbeza dengan sains biologi yang boleh menjadikan kita seorang doktor perubatan yang boleh memberi kita ijazah M.B.B.S. dengan menggunakan ilmu dan fikiran saja.

Ilmu *tarikah* tanpa bimbingan, guru yang *murshid* sewaktu mengamalkan '*murakabah*' dalam bahasa Melayu yang mudah ialah *mengintai*, *mengendap* rahsia-rahsia tuhan. *Tuhan itu rahsia manusia seperti juga insan adalah rahsia Tuhan*. Hanya dengan kejernihan *hati* baru dapat melihat apa yang tak dapat dilihat oleh manusia biasa yang terlindung oleh hijab. Nak tahu lebih lanjut, belajarlah membaca buku-buku *tasauf* dan dampingilah guru yang *murshid*.

Orang '*tarikah*' lari ke gunung sendirian, inilah yang

dikatakan *masuk suluk, berzikir* sepanjang saat, mengurangkan makan dan tidur dalam masa *murakabah*, diperingkat ini mereka belum tahu apa yang diintai itu betul atau tidak, rahsia yang dicari, betulkah apa yang dinampak oleh murid? Hanya guru yang *murshid* yang telah mengetahui *rahsia* Allah yang dapat mengesahkannya dan *rahsia* ini tidak boleh diceritakan kepada sesiapa melainkan dikalangan ahli-ahlinya, itu pun perlu lagi ditapis dengan sehalus-halusnya. Kalau diceritakan haram hukumnya.

Apabila murid sudah merasakan bahawa yang di intai itu *rahsia* yang sebenarnya, dia jadi kelam kabut, pulang dan menceritakan pada isteri, pada pengikut, pada murid yang lainnya maka cerita itu jadi cerita yang '*bull shit*', mengikut pandangan orang ramai, maka timbullah fitnah yang dia itu *temberang, borak*, yang rosak diri sendiri, begitulah halnya apa yang sedang terjadi pada kumpulan Al-Arqam sekarang. Samalah seperti mereka telah menceritakan kepada budak-budak kecil betapa nikmatnya bersetubuh dengan isteri.

Teman saya Mohd Sayuti Omar pernah mengingatkan kepada kumpulan Al-Arqam dan Ashaari sendiri, supaya hal-hal *kerohanian* jangan didedahkan kepada umum kerana akibatnya akan menimbulkan fitnah, seperti apa yang sudah berlaku hari ini.

Hari ini Al-Arqam telah bertukar menjadi satu group dimana ada diantara para pengikutnya telah melakukan

sesuatu semata-mata kerana *Abuya*, kerana *imam*. Seolah-olah Allah dan Rasul sudah tidak lagi menjadi keutamaan, sesudah rahsia Allah telah diceritakan pada pengikutnya, pengikutnya menjadi satu macam fanatik. Mereka cuma nampak *Abuya* saja.

Siapakah yang hendak percaya Nabi telah memerintahkan supaya *Abuya* jadi ketua kepada Bani Tamim sedangkan adik kandung *Abuya* sendiri menafikan yang abangnya keturunan Bani Tamim, sebaliknya mereka adalah keturunan Bawean?

Kalau *Abuya* kata Abu Bakar Siddiq yang memilihnya jadi pemimpin mungkin juga ada orang percaya, kerana Abu Bakar adalah dari Bani Tamim, tapi Rasulullah dari kaum Quraisyh. Inilah hukuman yang diterima, inilah cabaran yang mesti dihadapinya bila tiba-tiba saja mengaku dirinya dari Bani Tamim.

Ini satu lagi cara Allah menguji manusia bila diberi kemewahan, manusia jadi leka dengan sifat-sifat *hamba* yang ada pada mereka. Mereka sudah nak jadi tuan. Mereka terlupa perjanjian dengan Allah bahawa *tidak Allah jadikan jin dan insan melainkan untuk menyembahnya*.

Tidak lagi seperti guru-guru *tarikah* dizaman 'Salafussalleh' dimana anak raja seperti Ibrahim Idzham yang mempunyai 40 pedang emas, 40 bintang emas tergantung didada sanggup meninggalkan kuasa dan

kekayaan serta kemewahan untuk menjadikan diri sebagai orang *sufi*, sanggup menukarkan mahkota dan persalinan dengan songkok dan baju bulu kambing dengan seorang *sufi*.

Saya sudah mengingatkan Ustaz Ashaari dan dia pun pernah mengesahkan pada Sayuti Omar (ketika Sayuti bertemu dengannya di Manila sebelum beliau (Ashaari) ditangkap) tentang nasihat saya supaya beliau pulang saja ke tanah air, *cukuplah, tak ada tempat lagi didunia yang tak ada bekas tapak kaki ustaz*. Tapi disebabkan kemahuan orang disekeliling beliau tak dapat berbuat apa-apa.

Bila kita bercakap tentang Al-Arqam, kita kena bercakap tentang Dr. Mahathir. Kebetulan Ashaari Mohamad dan Mahathir Mohamad Pak Habib kenal agak mendalam, Pak Habib mengikuti perkembangan mereka sejak lebih 20 tahun lalu.

Pak Habib telah mengenali *minda* Dr. Mahathir sebelum Pak Habib mengenali *minda* Ustaz Ashaari. Keduanya Pak Habib sayang dan hormati kerana mereka adalah manusia *biasa* yang *luar biasa*.

Sebab itu Pak Habib mengambil masa yang agak lama untuk memberikan komen tentang tindakan Dr. Mahathir mengharamkan Al-Arqam, satu pertubuhan yang Pak Habib sedikit sebanyak sama-sama membangunkannya.

Saya cuba sedaya upaya untuk mencantumkan muara sungai dan muara laut, *mungkinkah si masin dan si tawar berkumpul menjadi satu, tapi yang jelas sungai mesti bertemu dengan laut*. Seperti kata pepatah *air dicincang tak akan putus, carik-carik bulu ayam lama-lama akan bercantum jua*.

Tak mengapa Dr. Mahathir menghancurkan pertubuhan Islam yang terkuat di Malaysia kerana yang dijamin namanya cuma namanya saja, orangnya tak rosak. Amerika pernah menggugurkan bom di Hiroshima. Ia tak pernah melemahkan semangat rakyat Jepun. Mereka berhenti berjuang dengan senjata tapi bangun berlawan dengan perang ekonomi. Hari ini Jepun yang dihancurkan oleh Amerika jauh lebih maju dibidang ekonomi. Apakah tak mungkin ekonomi Arqam satu hari akan lebih kuat dan kukuh dari UMNO?

Manusia mesti kembali kepada dirinya, belajar melihat *dalaman* dan berfikir menggunakan *akal*. Perhatikan kambing, *ribuan kambing disembelih diseluruh dunia, binatang tersebut tak pernah pupus malahan bertambah, kerana kambing reda dijadikan binatang korban*. Ingatlah sejarah Nabi Ibrahim dan Ismail, tapi yang pupus adalah haiwan yang tak disembelih hari-hari untuk santapan manusia, ia tak berkembang biak, disitulah kebesaran Tuhan.

Firaun membunuh setiap anak lelaki yang lahir dizaman pemerintahnya kerana takut kehilangan kuasa sedangkan

dia mengaku dirinya Tuhan, akhirnya Firaun dan bala tenterannya mati lemas ditengah lautan yang dibelah oleh Nabi Musa, ketika itu baru mahu bertaubat, sudah terlambat. Ingatlah bahawa sejarah akan berulang.

Timbulnya Al-Arqam menjadi begini subur dan terdapatnya kumpulan dakwah dan **tarik** adalah kerana UMNO tidak begitu memikirkan soal-soal *akhlak*, soal *moral*. Inilah yang dinamakan hukum *imbang*. Perjuangan UMNO tidak seimbang diantara dunia dengan akhirat.

Mandat yang diberikan kepada pemimpin UMNO supaya mereka dapat *mengimbangi* antara dunia dan akhirat tidak dijalankan dengan baik, biarpun terdapat beberapa orang ahli akademi Islam didalam UMNO. Pucuk pimpinannya masih tidak takut menentang hukum Allah.

Maka Dr Mahathir mesti berfikir secara serius bila mahu menggantikan pemimpin di Pusat Islam. Bagaimana mungkin umat Islam di Malaysia yang mengamalkan *mazhab Shafie* dalam *ahlul sunnah* dipimpin oleh dua tiga orang *wahabi* yang duduk diatas?

Sebab itulah terdapat jurang yang luas dan timbul kekecuan. Dari itu pilihlah Ketua Pusat Islam itu dari kalangan *mazhab Shafie* juga, baru tidak ada '*komunikasi break down*'. Lagi pun Dr. Mahathir

sendiri ahli sunnah wal jamaah, tapi tak tahulah kalau kini Mahathir sudah jadi wahabi.

Tapi dalam pada itu saya juga ingin ingatkan kepada Dr. Mahathir yang sudah lebih umur, *janganlah banyak bercakap* mengenai Islam. Agama bukan bidang Dr. Mahathir. Misalnya soal *hudud*, patut Dr. Mahathir tidak sentuh *hudud*, itu bukan bidangnya, serahkan sahaja hukum Allah ini pada orang yang *berilmu* dan *berakal*. Disebabkan campurtangannya dalam hal *akhlak* dan *agama*, telah membuatkan ahli-ahli UMNO di Kelantan dalam keadaan susah. Begitu juga bila beliau kata orang-orang Arqam menjadikan isteri sebagai hamba sex. Padahal perbuatan Rahim, anak emasnya itu jauh lebih teruk. Nasib baik tak ada ulama yang sanggup mengeluarkan fatwa, membela Rahim.

Orang UMNO pun sudah sampai ke peringkat leka bila diuji dengan kemewahan. Segala-galanya sudah berjaya, tak ada lagi yang hendak diperjuangkan mengikut kata mereka. Mana nak cari orang susah, orang lapar tak makan, kerja cari orang, kadar ekonomi sudah meningkat 8.5 peratus dan berapa ramai orang Melayu yang bukan saja jadi jutawan tapi seribu kali lebih kaya dari jutawan terutama mereka yang berada dikeliling orang yang berkuasa.

Manusia yang sedang diuji dengan kekayaan lebih cepat tersungkur kelembah kehinaan dari yang diuji dengan *kemiskinan*, kerana sifat *takbur*, sifat *tamak*,

sifat *bakhil*, yang tumbuh subur dalam diri orang bila jadi kaya. Semua sifat ini dibenci dan di murkai Allah, kerana Allah yang mengizinkan kekayaan dan kuasa kepada manusia. Tapi manusia lupa dengan janji bila berada didunia padahal janji itu telah diikat semasa berada di alam arwah lagi. Manusia berjanji akan sujud dan sembah Allah, akan taat dengan perintahnya, tapi bila sudah kaya nak jadi lebih kaya lagi dan mengikut saja segala kehendak nafsunya dan yang disembah adalah *ego* dan harta dunia.

Disebabkan enggan berperang dengan nafsu yang membawa manusia kepada kesesatan, lahirlah penyakit yang berbahaya dengan sifat *hasad*, *dengki*, *tamak*, *khianat*, *pendendam*, *angkuh* maka **butalah** matahati mereka.

Hari ini ibubapa dah tak kenal anak, anak tak kenal ibubapa, tak kenal saudara, bayi yang baru lahir dilontar seperti sampah. Sedikit pun tak merasa takut pada Allah. Maka inilah akibat bila yang kaya sudah tak takut pada Allah, pemimpin pun tak takut pada Allah, berani menentang hukum Allah secara terang-terang, jawabnya lahirlah pencuri, perompak, pembunuh yang jauh lebih kejam. Inilah hukum *imbang*, semakin jauh para pemimpin lari dari tanggungjawab agamanya semakin rosak masyarakat yang dipimpinya. Contohnya Amerika bila rakyat yang takut pada Allah sudah sampai ke darjah kurang dari lima peratus maka hampir setiap lima minit ada saja jenayah, rompak, samun, peras ugut, curi,

bunuh, pelanggaran, sakit jiwa dan lain-lainnya. Dan ekonominya kian hari kian meruntuh. Inilah cita-cita Al-Arqam pada mulanya, mahu memperbaiki ummah dan cara yang paling cepat ialah mengambil alih kerusi Perdana Menteri.

Kalau kita baca semula sejarah, kita akan dapati lahirnya puak **mu'tazilah**, lahirnya golongan *khawarij* ialah dizaman Khalifah Ali Bin Abi Thalib dan sahabat yang paling lama menduduki takhta pula ialah Khalifah Usman Bin Affan. Disinilah bermulanya politik *nepotisme*. *Nepotisme* memulakan puak-puak, mementingkan puak, mematikan perasaan kasih sayang sesama saudara Islam, bila hilang kasih datanglah bara iri hati dan dengki. Penyakit inilah yang sedang menjadi jadi didalam masyarakat kita hari ini dan wabak inilah yang patut kita semua perangi. Puak-puak yang berada dikalangan umat Melayu.

Syaidina Usman mengamalkan *nepotisme*, kaum kerabat dan puak-puaknya saja yang dapat segala-galanya, terutama jawatan yang penting tanpa memikirkan siapa yang lebih layak. Dan bila *matahati* manusia sudah **buta** kerana *sakit hati* disebabkan tidak dipedulikan lagi, mulalah perbalahan dan pembunuhan sesama saudara, kerana syaitan memang sudah tunggu lama untuk mencetuskan perbalahan sesama manusia yang *hatinya* sudah rosak.

Begitulah yang terjadi pada UMNO hari ini, sejarah

nepotisme bermula dari Tun Razak kepada Hussein Onn, puak-puak mereka saja yang memegang tampuk kuasa dan ia membiak hingga ke hari ini. Orang bukan dari kelompok mereka tak merasa apa-apa, lahirlah perasaan dengki, iri hati dan benci membenci, pancung memancung dan politik Muawiyah mula bermaharajalela.

Mereka yang rosak akhlak, rosak moral memegang kuasa tapi kalangan mereka yang cuba dekatkan diri pada Allah disisih. Mereka mula merasakan bahawa *kuasa* dan semua kekayaan mesti dibagi dikalangan keluarganya saja, tak cukup dengan *dua tiga juta* ditambah hingga *ratusan juta*. Rakyat yang tengok menderita, sakit hati, sakit jiwa akibatnya seluruh negara ditimpa mala petaka, yang kaya tambah kaya, yang miskin terus menderita.

Kalau pemimpin UMNO sanggup berkongsi kekayaan, tak ada diskriminasi, tak ada yang nak jadi Firaun, Hamman, Qarun, tak timbul masalah macam ini. Masyarakat tak akan sakit begini teruk kalau pemimpin kasihkan rakyat yang dipimpin, tahu tanggungjawab dan amanah Allah. Kalau pemimpin ada perasaan takut terhadap *hak Allah* dalam kekayaan yang dimilikinya yang sepatutnya dibagi-bagikan kepada orang miskin, tak *dipulun* semua menjadi milik keluarganya saja. Kestabilan politik dan ekonomi akan kekal lama.

Tindakan Dr. Mahathir melumpuhkan kegiatan Al-Arqam mendapat dua pandangan. Ramai yang suka

kerana puaslah hati mereka yang selama ini marah, dendam dan kebencian mereka terhadap kumpulan yang telah berjaya membawa lari anak-anak dan isteri mereka supaya tidak terlalu memikirkan dunia. Padahal kalau mereka fikir kenapa anak-anak itu lari tentu mereka akan insaf?

Anak yang sudah *bahligh*, sudah tahu *halal haram* terpaksa tinggalkan keluarga yang hidup tidak mengikut Al-Quran dan sunnah. Anak-anak diberi makan hasil dari pendapatan yang *haram*, wang rasuah dan duit yang bukan dari titik peluh yang *halal* maka wajarlah kalau anak-anak itu meninggalkan keluarga mereka. Nak salahkan Arqam pasal apa? Teroponglah diri, kini Arqam sudah dilumpuhkan, dipulun cukup-cukup apakah anak-anak yang sudah lari itu akan kembali? Kalau kembali ke pangkuan mereka apakah mereka boleh memberi didikan agama yang lebih baik?

Satu puak lagi suka kerana mereka telah diberi gambaran yang jelas tentang Arqam terutama mengenai akidah, mengenai Sheikh Suhaimi menjadi Imam Mahdi mengikut pandangan mazhab ahlul sunnah yang ditetapkan oleh majlis fatwa. Kerana bukan semua yang mengikut Al-Arqam tahu '*Aurad Muhammadiyah*' dan telah ber'*baiat*' kepada Abuya Ashaari, mereka cuma senang hati dengan kelas fardu ain yang diadakan oleh Al-Arqam dan siapa pun tak nafikan terutama ibubapa yang anak mereka telah mendapat didikan yang cukup baik ditadika Al-Arqam.

Disebaliknya ramai juga yang marahkan Mahathir kerana banyak kebaikan yang telah dibawa oleh Arqam, antaranya yang ada didepan mata, tak ada anak muda Al-Arqam yang menjadi *penagih dadah*, tak ada yang *lepak sana lepak sini*, tak jumpa anak gadis Al-Arqam yang *rosak akhlak*nya hingga sanggup jadi '*bohsia*', mengamalkan *free sex*, *buang anak*, *homosex*, *lesbian* dan benda-benda yang ditegah dan dikutuk oleh Allah.

Dan yang paling dikesali dan dimarahi oleh umat Islam, kalau pemimpin Arqam sesat, yang kerajaan mesti menghancurkan kegiatan ekonomi mereka pasal apa? Sedangkan kerajaan mahu menaikkan ahli perniagaan dan koprat Melayu. Dahlah tak bantu, bubuh pasir pulak dalam periuk nasi orang Islam, tindakan ini agak lebih sikit dari adat. Tak apalah jika Mahathir sanggup jawab didepan Allah nanti.

Kesalahan besar Ashaari Muhamad ialah sudah merasakan diri jauh lebih popular dari Perdana Menteri, sudah merasakan diri sebagai pemimpin '*spritual*' bertaraf *world leader* yang ada hubungan terus dengan Nabi Muhamad dan Allah, maka bila timbul *riak* disebabkan oleh *ego*, datanglah degil dan tak mahu mengalah. Ulama tak elok menyombong diri.

Bila pemimpin degil, angkuh, enggan mendengar nasihat ikhlas orang lain maka akan rosaklah dia. Dia akan berajakan kepada nafsunya sendiri dan kerja-kerja

macam ini tak patut dilakukan oleh Abuya Ashaari, tapi pengaruh orang dikeliling nak buat macam mana?

Sifat semula jadi orang Melayu yang tak suka melihat penganiayaan dan kekejaman serta kezaliman dilakukan pada bangsanya, biarpun yang dihukum itu bersalah apa lagi kalau sengaja dicari kesalahan dari segi akidah. Padahal berapa ramai lagi yang terang-terang tidak mengikut akidah sama sekali tapi tak diambil tindakan? Bagaimana dengan mereka yang jelas murtad?

Bagaimana dengan pemimpin Melayu yang mengikut dan jadi anggota *freemason* dan kelab yang ada kaitan dengan *freemason*? Macam mana dengan perjudian, rumah urut, karaoke dan banyak lagi yang jelas bertentangan dengan akidah terutama dari segi pembaziran dan sifat tidak keadilan, yang kaya tambah kaya, yang miskin tambah miskin. Bolehkah Pusat Islam jawab ini semua?

Selama lebih dari 7 tahun bergaul rapat dengan pertubuhan Al-Arqam dan menjadi seorang kawan, bolih dikatakan juga sebagai sahabat akrab Ashaari. Kalau tidak masakan Ashaari mempercayakan Pak Habib sebagai wakil peribadinya untuk menemui Presiden Iraq Saddam Hussein pada tahun 1991.

Pondok Pak Habib di Janda Baik adalah tempat *transit* kepada puak-puak Arqam. Mereka datang beramai-ramai, lelaki dan perempuan, mereka adakan seminar

dan macam-macam lagi aktiviti. Kadang-kadang sampai lebih 100 orang tidur dirumah dan Ustaz sentiasa mengingatkan anak buahnya bahawa saya adalah orang yang rapat dengannya dan satu-satunya sahabat yang digelar Arqam '*blue jean*' yang sentiasa menegur Arqam secara terbuka dalam sesi dailog terbuka dan saya berterus terang kepada Arqam biarpun Ustaz saya anggap seperti guru saya tapi taat setia saya pada agama, bangsa dan negara tak berbelah bagi.

Pak Habib selain mendekati dan membaca minda Ashaari, membaca buku-bukunya. Berani menfirasatkan bahawa Ashaari sememangnya seorang pemimpin yang mempunyai *karismatik*. Memang kehebatan kepimpinannya boleh mengugat kestabilan politik dan keamanan negara. PRnya dengan para pengikut dan juga dengan siapa saja yang ditemuinya membuatkan orang amat tertarik dan mudah dipengaruhi oleh keperibadian dan akhlakunya yang unggul. Walaupun beliau belum menduduki kerusi Perdana Menteri.

Dia sememangnya seorang '*biasa yang luar biasa*'. Siapa pun tidak akan dapat menafikan bahawa dia adalah seorang Islam yang baik terutama dari segi lahiriahnya, bermisai, berjanggut, berserban, berjubah, pakai minyak atar dan wangi-wangian, wajah sentiasa tersenyum, sembahyang lima waktu, tak tinggal berjemaah, setiap malam berzikir, membaca Al-Quran selain berdakwah. Dari segi ini Dr. Mahathir jauh tertinggal ke belakang.

Memanglah susah nak cari pemimpin yang macam ini membawa para isteri kemana saja beliau pergi dan isteri-isterinya dididik menjadi wanita solehah. Dan para isterinya pula membantu dibidang dakwah. Patutkah kita memusuhi dan menzalimi orang macam ini? Kalau dia tersilap akidah, bagaimana dengan mereka yang bukan saja terkeluar dari akidah malah secara terbuka menentang hukum Allah terutama penjenayah kolar putih yang boleh menghancurkan ekonomi negara?

Disamping puak Arqam, puak-puak Syiah, golongan yang dikecam sebagai anti hadith, orang Wahabi dan mereka yang lain-lain agama, Hindu, Buddha, Kristian dan *Free thinker* pun datang tinggal di pondok Pak Habib ini. Kami selalu berbincang mengenai berbagai-bagai masalah. Pak Habib mengamalkan *open konsep*. Kaum penulis mesti mempunyai sifat terbuka, tak perlu takut pada puak mana sekalipun akan pengaruhi kita selagi kita berpegang kepada *kebenaran*. Allah sukakan *kebenaran* dan suara Allah adalah suara *kebenaran*.

Sebagai seorang penulis yang telah menulis tentang Tun Mustafa yang mempunyai karisma dan mempunyai peribadi yang hebat sehingga Tun itu USNO dan USNO itu adalah Tun. Dan bila tidak ada Tun USNO musnah. Begitulah juga dengan Tengku Razaleigh Hamzah, seorang anak raja yang berjiwa rakyat. Kehebatan peribadi dan budi bahasanya membuat mereka yang kasihkannya berpindah beramai-ramai keluar dari UMNO dan menubuhkan Semangat 46 semata-mata

kerana keperibadian selain dari perasaan kecewa dalam arena politik dibawah pimpinan Mahathir.

Begitu juga dengan Tan Sri Musa Hitam, para pengikutnya kagum dengan kehebatannya, kecerdikkan dan ketinggian ilmu politik dan kepekaannya dalam mengatur strategi tak ada tolak bandingnya di Malaysia ini. Tapi *nasib* mereka tak baik, bintang mereka tak seterang bintang Mahathir, namun *pengorbanan mereka, keberanian mereka menentang kepimpinan Mahathir adalah antara faktor yang membuatkan ekonomi kita naik dengan begitu pesat.*

Kita tak boleh ketepikan jasa-jasa mereka biarpun kita bertentangan pendapat. Disini kita patut angkat topi pada Dr. Mahathir yang berani mengamalkan demokrasi jika dibandingkan dengan pemimpin negara ASEAN yang lain terutama dibidang kebebasan akhbar.

Dan hancurnya parti serpihan dan lemahnya pembangkang dinegeri kita kerana dalam kumpulan mereka tak ada yang berani menegur dan menentang mereka seperti beraninya mereka menentang Mahathir dan kerajaan. Pucuk pimpinan PAS dan Arqam tak senang bila ditegur, maka penulis-penulis mereka sekadar menjadi pelapur, pada hal maklum balas dari penulis amat penting untuk menstabilkan politik negara.

Kalaulah seandainya Ustaz Ashaari bukan seorang pemimpin pertubuhan agama, beliau dengan mudah boleh dikategorikan sama seperti Musa Hitam, Tengku

Razaleigh, Datuk Harun, Tun Mustafah dan Tunku Abdul Rahman. Yang telah menjadi *legenda* dalam sejarah politik Melayu, mereka semuanya tewas ditangan Dr. Mahathir, kenapa? Apakah kerana kuasa berada di tangan Dr. Mahathir sehingga dapat menewaskan musuh-musuhnya? Atau kerana keberanian Mahathir mengamalkan kebebasan demokrasi dan kebebasan bersuara? Bagaimana kedudukan Mahathir melawan Ashaari? Dr. Mahathir menang kerana kehebatan polis dibawah kepimpinan Tan Sri Rahim mengendalikan mereka semasa dibawah tahanan ISA, kalau tidak kerana kebijaksanaan polis, mereka tidak akan bertaubat dan sanggup meninggalkan pengajaran yang sudah menjadi darah daging mereka.

Mereka yang berani bertempur di arena politik mesti sanggup mati dalam gelanggang, itu baru nama orang perjuangan. Ashaari telah menjadikan dirinya orang politik, maka Bukit Aman saja yang pandai membetulkan orang politik macam Ashaari. Maka janganlah Pusat Islam dan ulama nak besar hati, kalau mereka sudah lakukan tisis mereka dengan betul, pehak polis tidak akan mencampuri hal-hal yang berkaitan dengan agama.

Jika takut dikerumuni semut jangan jadi gula. Inikan pula mereka yang membawa ajaran Allah dijalan *tauhid*. Ujiannya jauh lebih besar. Cuba pelajari dan renung kembali apa yang pernah dialami oleh Nabi Ibrahim a.s., Nabi Yusof a.s. dan Nabi Yunus a.s.

Ashaari dan beberapa pengikutnya baru ditahan dalam

tahanan ISA. Nabi Yunus a.s. yang dihumban dalam perut ikan kedalam laut. Nabi Ibrahim a.s. dilemparkan pada lautan api sedangkan Nabi Yusof dipenjarakan. Ini baru disuruh tinggalkan **Aurad Muhamadiyah** dan logo Arqam dah tak sanggup berpisah. Nabi Ibrahim sanggup sembelih anaknya sendiri. Bukan kerajaan suruh sembah selain dari Allah dan suruh mengikut selain dari Nabi Muhamad atau ikut UMNO?

Nabi Yusuf di buang dalam perigi oleh saudara kandungnya sendiri di penjara, Nabi Musa dihanyutkan ke dalam sungai Neil, dibesarkan dalam istana Firaun. *Dimana saja kamu mengadapkan mukamu disitu ada Allah. Allah paling dekat denganmu sedekat urat hamreh dilehermu.*

Kalau sudah kenal diri, kenal Allah, takut apa dengan ujian begini, reda dan merelai kalau pun ada yang boleh dibinasakan itu cuma sifatnya saja. Zat yang berdiri atas sifat tak akan binasa.

Perhubungan orang politik dengan pengikutnya tak sama dengan perhubungan orang *hakikat* dengan murid yang telah berguru kepadanya. Jadi apakah nak dihairankan sekiranya Ashaari masuk UMNO dan memberi sokongan pada Mahathir, taat setia pengikutnya tetap pada Ashaari juga.

Dalam pada itu saya terfikir, apakah tidak mungkin disuatu masa nanti Datuk Sri Dr. Mahathir membawa masuk ke dalam kabinetnya Ustaz Ashaari? Tidak dapat

dikatakan tidak mungkin, kerana hal ini adalah disebaliknya. Mahathir sudah mula menampakkan kebimbangan terhadap para ulama yang sudah tidak lagi mendapat penghormatan dari masyarakat, hingga Dr. Mahathir sendiri terpaksa bercakap perkara-perkara yang berkaitan dengan agama.

Kalau seumpamanya Ashaari bersedia dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab di Pusat Islam, yang hendak jual mahal pasal apa? Bukankah Arqam pernah menawarkan diri untuk mengambil-alih pentadbiran Pusat Islam? *Pucuk dicinta, ulam mendatang, orang mengantuk disorongkan bantal.*

Sejak ceramah pertama Pak Habib di Kampung Sempadan semasa Ustaz Ashaari sendiri yang melancarkan buku '**Talqin Untuk UMNO**' tentang lemahnya *pemikiran* pengikut Ashaari yang tak memahami *mindanya* masih belum terdapat perubahan. Mereka tak baca buku Ashaari dan tak tahu kemana sebenarnya Ashaari nak bawa mereka? Dan apakah sesudah pemimpin mereka dalam ISA, mereka masih tak nampak juga lagi bahawa mereka yang terlibat dengan politik saja yang ditahan dibawah ISA? Dan bukan sebarang politik melainkan ianya boleh memberikan ancaman kepada negara.

Tak kenal maka tak cinta, disinilah letaknya sifat bijaksana yang mesti dimainkan oleh pengikut Ashaari. Berbaktilah pada ibu pertiwi, berbakti dan ubatilah

penyakit yang ada dalam UMNO, jika benar-benar Ashaari nak jadi Perdana Menteri. Berkerjasamalah dengan Dr. Yusof Nor, kita belum mampu untuk menghancurkan satu pertubuhan seperti UMNO, janganlah kerana keburukan beberapa pemimpinnya, janganlah kerana satu jari yang sakit kita membunuh seorang manusia, tak mengapa kita membuang sebatang jari. Mahathir bukan UMNO, janganlah kerana marahkan Mahathir, UMNO menjadi sasarannya dan kita memecah belahkan umat Melayu.

Wahai bangsaku! Wahai pemimpin ku! Ingat-ingatlah kamu! Sebelum nasi menjadi bubur! Sebelum yang hidup mati! Sebelum yang mati menjadi busuk! Sebelum hujan turun dengan tidak henti-hentinya! Sebelum banjir melanda tanpa belas kasihan! Sebelum benteng pecah! Sebelum tambak runtuh! Sebelum tiang roboh! Sebelum ribut taufan mengañas tanpa belas kesihan! Sebelum pendayung patah! Sebelum bulan dan matahari menghilangkan diri.

Berfikirilah..., beringatlah..., sebelum terlambat. Ingat pada Allah... Tidak bergerak sesuatu melainkan dengan kehendak Allah jua. Ingat pembalasan di akhirat. Kalau bukan kamu siapa lagi yang akan membawa amanah Allah dan sebagai Khalifahnya dimuka bumi ini?

Saudara-saudaraku yang dikasihi, kita semua adalah pemimpin dan kita akan dipertanggungjawabkan tentang kerosakan yang berlaku diatas muka bumi ini. Ingat kembali perjanjian kita dengan Allah, bahawa hanya

Allah saja yang disembah. Benarkah cuma Allah saja yang kita sembah?

Berapa ramai dari kita yang telah mungkir janji? Berapa ramai dari kita yang telah berdusta pada Allah dan berapa ramai dari kita yang diberi *amanah* sebagai *khalifah Allah* telah merosakkan *amanah* Allah? Apakah kita terlupa sifat-sifat orang yang munafik? Bila mereka bercakap mereka berbohong, mereka tidak menepati janji, mereka mungkir dan mereka mengkhianati amanah, inilah sifat-sifat orang yang munafik. Apakah tidak terdapat sifat serupa ini didalam diri kita?

Beristigfar! Bertaubatlah, sebelum negaramu menjadi Bosnia Herzegovina, Rwanda, Somalia. Astargfirullah... Astagfirullahil Azim... Apakah kita tak takut apa yang telah kita bina bersama ini akan berkecai kerana telah *berdusta, mungkir janji* dan tidak menjalankan amanah Allah kerana sibuk dengan urusan dunia. Kita merasakan diri kita kuat dan berkuasa sedangkan semua yang ada pada kita cuma pinjam-pinjaman belaka terutama pemimpin politik. Ingatlah kuasa yang kamu duduk itu kerusi T.O.L.

Renungilah dan teroponglah diri, matikan nafsumu, perangilah nafsumu habis-habisan. Bunuhkan sifat *tamak, takbur, hasad dengki, iri hati* dan menyembah *ego* yang menjadi berhala besar dalam diri, gantikan dengan sifat terpuji, dengan menjadikan diri kita insan yang penuh dengan kasih sayang dan cinta kepada saudaramu sendiri. Cinta kepada agama, bangsa dan

tanahair, cinta akan mengatasi segala-galanya dan hanya dengan mendekatkan diri pada Allah, negara kita akan terselamat dari malapetaka buruk yang sedang menimpa bangsa kita.

Saya pernah dipesan oleh guru dan saya juga pernah berpesan kepada teman-teman penulis dan pesanan ini untuk teman-teman penulis yang berada di dalam Arqam terutama mereka yang tak sedar yang mereka sudah terjebak dalam sangkar politik.

Wahai para penulis! Wahai orang-orang politik! Berkata benarlah kamu tentang bangsa mu, negara mu dan agama mu, kerana perbuatan dan kata-kata mu dihari ini adalah sejarah. Ingatlah yang kamu adalah khalifah Allah. Ingatlah kamu adalah wartawan Allah. Kamulah pewaris Nabi yang sebenarnya, maka sampaikanlah amanah Allah melalui penamu.

Manakala Allah berfirman:

Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu orang fasik membawa berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada satu-satu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan itu.

Al-Hujerat Ayat 6.

Tidak sia-sia Tuhan turunkan ingatan yang diatas ini di dalam Al-Quran. Ingatan ini untuk manusia, untuk kamu yang mahu berfikir, berfikirilah kerana Tuhan bersifat Maha Mengetahui tentang kejadian dilangit dan dibumi. Al-Quran diturunkan untuk mereka yang mahu berfikir. Janganlah disebabkan berpolitik, leka menulis hingga lupakan Allah, menipu diri dan menipu orang ramai semata-mata untuk mendapatkan wang, untuk mengejar pangkat dan kuasa.

Ingatlah bahawa dunia ini *bangkai*, begitu juga isinya. Contoh lihat sajalah bila seseorang menjadi pemimpin, mempunyai kuasa dan harta. Datanglah *lalat* dan *langau* mengerumuninya tapi bila *bangkai* itu sudah tak ada, maksud saya bila sudah tak jadi menteri, tak ada kuasa, *langau* menuju dan mengerumuni *bangkai* bernyawa yang lain pula. Pemimpin politik yang sudah jatuh patut dijadikan iktibar tentang *langau* mengerumuni *bangkai*.

Al-Quran telah mengingatkan kita supaya berhati-hati dengan berita-berita yang dibawa oleh orang-orang yang *fasik*, berita-berita yang mengelirukan. Allah tahu hambanya yang bersifat lalai akan termasuk perangkap orang yang suka kita berbuat dosa dan berpecah belah serta bergaduh sesama sendiri. Apakah tak mungkin orang ini mengambil kesempatan *menfitnah* Mahathir sebagai *anti Islam* dan *anti dakwah* sedangkan mereka sendiri pun banyak mempunyai kelemahan dan kesilapan? Kalau betul Mahathir yang bersalah biar Tuhan yang

menghukumkan dia, yang kita hendak timbulkan huru hara dalam negara buat apa

Kita kini berada dizaman kebangkitan Islam. Kita mesti sentiasa ingat bahawa Nabi Muhamad SAW mengajar kita supaya menanamkan sifat bermaaf-maafan, berkasih sayang, tolong menolong, bantu membantu serta sentiasa menyambungkan silaturahmi antara sesama kita. Mungkin Mahathir bersalah dan agak keterlaluan dalam tindak tanduknya terhadap Al-Arqam, pernahkah kita bertanya berapa lama Mahathir sudah bersabar? Tahukah kita benda-benda yang dilakukan oleh Ashaari di luar negara yang boleh menjadikan politik negara ini tak stabil? Tapi hal-hal serupa ini rakyat tak tahu.

Cukuplah sejarah yang menunjukkan keburukan telatah bangsa Melayu dizaman silam. Ia terjadi kerana ketika itu orang kita belum ramai yang pandai. Negara kita belum merdeka dan belum ramai orang yang mengenali ajaran Islam. Tetapi bila perbuatan ini dilakukan oleh pemimpin yang kononnya berada di peringkat wali boleh menyusahkan negara, salahkah Mahathir bertindak mengharamkan Arqam yang telah menjadi ancaman kepada politik negara? Mahathir seorang doktor *in order to be kind you have to be cruel*.

Hari ini ramai umat Islam sedang giat meninggikan syiar Islam. Dan bila kita menghayati ajaran Al-Quran dan Sunnah, kita sepatutnya memilih pemimpin muda

yang ada kekuatan rohani, ada akhlak yang baik untuk dijadikan calon pemimpin bukan pemimpin berlagak macam orang alim tapi kerja-kerja mengarut buat juga.

Nabi kita berpesan suruh kita semua berbaik-baik walaupun dengan orang Kristian, orang Yahudi dan orang kafir. Tapi hari ini jangan nak buat baik dengan orang PAS dan pertubuhan politik lain, orang yang bukan dari kem di pancung. Maka sebab itu Al-Quran menceritakan peristiwa *Habil* dan *Kabil*, kerana sepanjang zaman akan ada dua puak yang berbeza ini, satu mengikut syaitan, yang satu lagi mengikut perintah Allah. Maka lahirlah watak *Firaun*, *Karun* turun kepada *Abu Lahab*, *Abu Sufian* kepada anaknya *Muawiyah*. Dan bila lagi kamu hendak belajar mengenal siapakah *Kabil*, *Firaun* dan *Muawiyah* dikalangan kamu supaya kamu tidak terkeliru dengan kebaikan *Habil* dan *Ahlul Bait* kamu jadikan seteru?

Wahai manusia! Sesungguhnya Kami jadikan kamu dari seorang lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berkaum-kaum dengan tujuan supaya kamu berkenal-kenalan (bersefahaman). Sesungguhnya yang lebih mulia diantara kamu pada sisi Allah, ialah orang yang lebih taqwa".

Surat Al-Hujurat : 13



Amanat orang tua-tua, *benih yang baik tercampak ke laut jadi pulau*. Inilah dia anak Tok guru agama yang mendapat kepercayaan untuk memimpin UMNO Kelantan.

Jelas hari ini bintang Annuar terang. Mana ada orang berani lawan Sultan di Kelantan, lawan Ku Li dia menang. Dari mula lagi kawasan pilihanraya DUN Peringat yang sebelum ini tidak pernah dikuasai oleh BN sejak 1959. Tapi dalam pilihanraya 1986 Annuar menang dengan kelebihan 136 undi. Semua calon BN kalah pilihanraya. Annuar dilantik jadi senator, dilantik oleh PM jadi Menteri Belia dan Sukan bertanding rebut kerusi MKT dalam tahun yang sama. Hari ini Annuar sudah banyak berubah, tidak agresif macam dulu lagi. Mudah-mudahan perubahannya dapat mengubah *minda* rakyat Kelantan.

Apakah Annuar akan dilantik sebagai menteri atau kekal sebagai Menteri Pusat sesudah BN menguasai Kelantan sesudah memenangi pilihanraya nanti?



Inilah dia wajah Saudara Yang Berhormat Ahmad Sabu, musuh tradisi Yang Berhormat Ibrahim Ali. Walaupun sebenarnya mereka berkawan baik, Ahmad Sabu telah mengalahkan Datuk Annuar Musa di Nilam Puri pada pilihanraya lalu, yang menjadi persoalannya sekarang, apakah Ahmad Sabu yang sangat kontroversi dan lantang sikapnya ini akan diberi kawasan yang sama apabila PAS Kelantan sudah menimbulkan perasaan anti orang luar yang bertanding atas tiket mereka?



Datuk Ibrahim Ali : "Itu Mat Sabu, Ahli Parlimen Nilam Puri, dia kata gigi saya boleh buat tajak. Mana boleh pimpinan PAS cakap pasal pribadi orang. Cuba dia tengok rambutnya yang tebal dan kasar macam sabut. Kalau kena hidung kerbau tentu kerbau pun boleh '*berheshim*'. Kita ini bakal menggantikan pemimpin negara, kena cakap molek-molek".

Itulah senda gurau antara Datuk Ibrahim Ali dan Yang Berhormat Mohd Sabu. Ibrahim Ali telah menunjukkan *keberaniannya* memimpin dari sejak dipengajian tinggi lagi, dia pemimpin pelajar yang suka mencetuskan kontroversi, orang nak kata apa saja, Ibrahim tak kesah, keluar masuk parti bukan satu dosa yang boleh jadikan kita *sesat*. *Sistem politik* dah macam itu, yang penting orang kena kaji *perjuangan* kita, duduk dalam satu parti sampai mati tak jadi *lagenda* buat apa? Manusia mesti berani membawa *perubahan*, cuma mereka yang berani membawa *perubahan* saja akan diperkatakan orang. Ibrahim Ali adalah jaguh dalam mengumpulkan orang, terutama di Kelantan, jangan kata dua tiga ribu, dua tiga puluh ribu pun boleh.

Diperingkat antarabangsa pula Ibrahim pernah bergaul dengan mudah Muamar Ghadafi dan Timbalan Presiden Amerika hari ini adalah kenalan Ibrahim Ali, selain pernah bersembahyang berimankan Ayatullah Khomeini, biasa bergaul dengan Abul Ala Al Mudi Meriam Jamila dan lain-lain pemimpin antarabangsa.



Cikgu Musa Salleh, kini Haji antara orang yang berjuang untuk memulihkan PAS. Setelah kalah teruk pada tahun 1978, Cikgu Musa berjuang sampai habis harta benda tapi sayang pejuang yang komited macam Cikgu Musa tidak diberi perhatian sewajarnya.

Sekarang ini Cikgu Musa sedang giat untuk menubuhkan sebuah parti baru bernama Angkatan Keadilan Islam (AKIM) yang sedang dalam proses pendaftaran sekarang. Apa harapan PAS untuk menang pilihanraya jika AKIM berjaya ditubuhkan dan 46 tidak dapat berfungsi lagi.

Perkataan biadab: 500,000 Pemuda UMNO tersinggung

Katanya sebahagian kemenangan Menteri Besar Selangor itu ketika bertanding merebut jawatan Naib Presiden yang lalu adalah datangnya dari undi 400 perwakilan Pemuda seluruh negara.

"Pemuda UMNO Padang Besar memandang berat anggapan Tan Sri Muhammad Taib itu dan mengingatkan beliau supaya tidak mencetuskan perang dingin dengan Pemuda UMNO," katanya.

Beliau mahu ahli Exco Pemuda meminta penjelasan dari Menteri Besar Selangor tentang difinasi BIADAB kerana ia boleh menjejaskan kedudukan Pemuda UMNO di mata masyarakat keseluruhannya.

"Menganggap Pemangku Ketua Pemuda UMNO Datuk Nazri Tan Sri Aziz sebagai seorang BIADAB, samalah seperti pukul anak sindir menantu," tambahnya.

Encik Zahidi memberitahu ERA BARU lagi sepatutnya Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjawab kenyataan Datuk Nazri dan beliau (Dr



Zahidi Zainal Abidin

Mahathir) sekiranya beliau mahu menggunakan apa sahaja perkataan termasuk biadab.

Menurutnya sedangkan pemimpin-pemimpin lain yang turut memberi kenyataan hanya menggunakan perkataan yang Datuk Nazri sudah keterlaluan dan emosional.

Sementara itu Exco Pemuda UMNO, Tamunif Mokhtar juga melahirkan rasa kesal kerana Muhammad Taib terlalu cepat mencampuri urusan Pemuda dan perka-

taan biadab yang ditujukan kepada Pemangku Ketua Pemuda itu dianggap keterlaluan.

"Teguran Perdana Menteri dan kenyataan balas Datuk Nazri boleh dianggap sebagai 'masalah kecil' antara anak dengan ayah sahaja tetapi campurtangan Menteri Besar Selangor itu boleh mengeruhkan lagi suasana dan mewujudkan hubungan tidak selesa antara Naib Presiden itu dengan Pemuda UMNO," jelas beliau.

Menurutnya, kalau Muhd Taib boleh menasihatkan Datuk Nazri menyelesaikan masalah itu dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT), tentu Muhammad Taib juga boleh membawa perkara itu ke MKT dan tidak menuduh Nazri biadab.

Manakala Ketua Pemuda UMNO Bahagian Seputih, Ghazali Ibrahim berharap agar segala masalah yang membabitkan Pemuda dengan pucuk pimpinan dapat diselesaikan dengan semangat musyawarah UMNO yang menjadi amalan kita selama ini.

ERA BARU
14 Oktober 1994



Datuk Nasir *Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Melaka*, apa yang menarik perihal pemimpin *veteran* politik Melaka ini adalah wajah Datuk Nasir yang menjadi *Ketua Bahagian Kota Melaka* ini, wajahnya mirip Bapa Presiden Suharto, Presiden Indonesia. Beliau adalah segelintir orang lama yang masih dapat mempertahankan kerusinya walaupun telah melalui berbagai ujian. Di musim pemimpin UMNO kembali mencari guru sekolah untuk memimpin mereka, nampaknya *cencaru makan petanglah* para *veteran* yang banyak berjasa.

CAKAP TAK SERUPA BIKIN
SENJATA MAKAN TUAN

Konsep Ilmu Dan Pemikiran Perlu Demi Kebangkitan Islam

Kuala Terengganu: Era kebangkitan umat Islam dalam abad ke-21 ini akan menjadi hambar dan tidak berhasil sekiranya keseluruhan proses ini tidak berdasarkan konsep ilmu dan pemikiran. Ilmu akan memberi manusia hikmat dan kebijaksanaan.

Sebaliknya, ada ilmu tetapi tidak boleh berfikir pun merupakan satu kekurangan yang boleh melemahkan kemantapan sesuatu umat. Jadi, kesepaduan ilmu dan pemikiran serta keimanan dan pengamalan merupakan sesuatu yang harus dipastikan.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Tan Sri Rahim Tamby Chik menegaskan demikian semasa berucap merasmikan Konvensyen Kebangkitan Islam Dalam Abad Ke-21 di salah sebuah hotel terkemuka di sini Jumaat lalu.

Menurut Rahim, apabila menyentuh tentang era kebangkitan umat Islam, maka tergambar dalam sanubari kita bahawa bagaimanakah corak era kebangkitan yang kita harapkan. Adakah kebangkitan umat Islam ini merupakan kebangkitan yang bercorak sehalia sanaja tanpa ada timbul balik sebagai prasyarat kemantapan umat sejagat? Atau pun era kebangkitan yang bersifat duniawi sahaja tanpa dilingi soal-soal keakhiratan ataupun ketaksabutan tentang kebahagiaan diakhirat semata-mata tanpa penyelesaian tentang soal-soal keduniaan?

Kata Rahim lagi, walaupun apa corak era kebangkitan itu akan muncul, kita mengharapkan agar kesan atau naljah daripada kebangkitan itu merupakan satu aset penting kepada umat Islam keseluruhannya supaya umat Islam boleh bersama-sama bersaing dengan umat lain di dunia ini.

"Saya berpendapat bahawa kebangkitan ini tidak akan berhasil selagi umat atau masyarakat itu sendiri tidak bersatu, mempunyai perasaan ini hati dan hasad dengki serta tidak ada pembangunan rohani dan jasmani insan itu sendiri," tambahnya.

Menurutnya juga, aspek pembangunan umat amat penting

kerana wujudnya kepincangan masyarakat adalah berpunca daripada aspek pembangunan rohani dan jasmani insan itu sendiri," tambahnya.

Menurutnya juga, aspek pembangunan umat amat penting kerana wujudnya kepincangan masyarakat adalah berpunca daripada aspek pembangunan manusia yang tidak menepati kehendak dan lulus-lulus yang telah di tetapkan oleh Allah.

"Kita tidak mahu lagi dalam era kebangkitan umat Islam ini terdapat kepecahan dan penindasan terus berliku. Kita tidak mahu umat Islam terus alpa dan mengikut teunjuk dan kita tidak mahu pembangunan dan kemajuan umat itu tidak selaras dengan pembangunan manusia. Ini kerana tujuan pembangunan manusia adalah untuk menyempurnakan perasaan manusia di dunia ini sebagai hamba Allah untuk beribadah, memakmurkan alam dan mencari kebahagiaan dunia dan akhirat," ujarnya lagi. Seterusnya Rahim menegaskan, dalam keghairahan kita menikmati dan mengecapi arus kemajuan dan pembangunan kita sewajarnya menyingkap semula tentang masalah manusia atau umat pada hari ini supaya pembangunan manusia tadi dapat benar-benar dicapai demi merealisasikan kebangkitan umat. Ketua Pergerakan Pemuda UMNO itu menggariskan beberapa permasalahan yang dimaksudkannya itu. Di antaranya, masalah keruntuhan akhlak seperti rasuah, dadah dan pecah amanah. Kedua, masalah kemiskinan harta, ilmu dan pemikiran. Ketiga, masalah kekurangan pengalaman dalam nilai-nilai tamadun. Keempat, masalah keselamatan jiwa dan harta yang tidak berjamin ekoran penindasan sesama umat. Kelima, masalah keruntuhan institusi keluarga dan akhirnya masalah pencemaran alam dan ketidakseimbangan ekonomi.

"Saya ingin mengajak barisan Pemuda dan Wanita serta ahli-ahli UMNO supaya bersama-sama dapat memikirkan pelan tindakan dan hala tuju yang perlu di cernakan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut," tekannya.



ambar hanni MOHD ANIF EMAN TERLUKI saat bekas komandan tentera menentahkan Shari' Hassan



Pemimpin UMNO takut pada *hukum hudud* kerana tak seronok, hampir setiap jumaat nanti, ada saja manusia yang tangan akan dipotong, ada yang disula, disebat, silap-silap kepala dipotong. Siapalah agaknya menteri yang pertama kena sebat 100 kali kerana berzina? Kena potong tangan kerana mencuri? Dan kena pancung kerana membunuh? Ini kena tanya pada Dato' Megat, sekiranya *hukum hudud* dilaksanakan sekarang kerana siapa yang tak takut dengan hukum Allah yang maha adil terlepas di dunia, diakhirat kena juga.

NEW YORK: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tindakan akan dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang terbukti menyahgunakan jawatannya untuk kepentingan diri sendiri.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, kerajaan tidak akan memaafkan perbuatan rasuah kerana masalah itu, jika dibiarkan, akan membawa kehancuran kepada masyarakat.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan, katanya, beliau menyambut baik laporan mana-mana pihak yang mempunyai maklumat mengenai perbuatan rasuah dan peyalahgunaan kuasa.

"Kami telah mengambil banyak tindakan," katanya ketika menjawab soalan hadirin pada pertemuannya dengan pelajar Malaysia di sini, malam semalam.

Kira-kira 200 pelajar dari pelbagai universiti di sekitar bandar raya ini menghadiri pertemuan itu di pejabat perwakilan Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Semua aduan yang diterima, baik mengenai diri saya, mengenai rakan saya, pemimpin parti atau kerajaan, telah saya hantar kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR).

"Biarlah BPR yang menjalankan siasatan, saya tidak pernah mempengaruhi mereka dan itulah risiko yang harus saya ambil.

"Kita pegang kuasa dan

kita dipertanggungjawabkan oleh Allah. Inilah prinsip pertanggungjawaban," katanya apabila seorang pelajar bertanya mengenai pendirian beliau terhadap rasuah.

Di majlis kira-kira sejam itu, Anwar menghuraikan pelbagai perkara termasuk prestasi ekonomi negara dan budaya keilmuan selain menjawab kemusykilan pelajar.

Beliau beberapa kali mendapat tepukan gemuruh apabila memberikan jawapan bernas kepada soalan yang dikemukakan serta diselang-selikan dengan jenakanya.

Anwar berkata, Malaysia mendapat pujian Bank Dunia dalam laporan terbaharunya, kerana mencatat pertumbuhan tinggi 8.5 peratus dengan kadar inflasi yang rendah sebanyak 3.6 peratus.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan kenyataan baik itu tidak seharusnya melalaikan sehingga menyebabkan wujudnya budaya selesa.

"Ini kerana agenda pembangunan belum selesai. Apa maknanya pembangunan yang dapat kita capai jika program pembealan nasib rakyat miskin dan program perumahan kos rendah belum menemui sasarannya jika mutu pendidikan dan kesihatan tidak dipertingkatkan," katanya.

"Agenda belum selesai ini perlu dipenuhi dengan perancangan rapi melalui penguasaan ilmu yang

tinggi. Ini diperolehi melalui tradisi keilmuan atau kecintaan kepada ilmu dan inilah yang masih kekurangan dalam masyarakat kita," katanya.

Beliau berkata, semuhal lain bagi pelajar menjadi soal kedua berbanding matlamat hidup yang di isi dengan kecintaan kepada ilmu. Negara tidak akan dapat bertahan pada tahap yang diinginkan jika ia hanya melahirkan rakyat yang sederhana tingka ilmunya.

Mengenai kemerosotan moral di kalangan rakyat Malaysia, Anwar mengakui bahawa perkara itu berlaku, "tetapi persoalannya kita harus yakin bahawa ia tidak sepatutnya dibiarkan berlaku".

"Oleh itu kita hendaklah berpegang kepada prinsip bahawa sambil kita membangun, jangan pula kita turut merobohkan.

"Yang hendak kita bangunkan ialah gedung kilang, industri, jalan, jambatan dan segala kemudahan asas, maka janganlah pada masa yang sama kita robohkan manusia di dalamnya.

"Ini memerlukan kekuatan moral yang dipupul antaranya melalui pendidikan agama dan asuhan ibu bapa," katanya.

Anwar juga member penjelasan mengenai Wasan 2020 dan pendirian Kerajaan Pusat terhadap undang-undang Kerajaan Pas Kelantan mengenai pelaksanaan hukum hudud - Bernama

DARI MUKA 1

Sumber-sumber yang rapat dengan Hospital Universiti memberitahu bahawa gadis itu telah diperiksa awal bulan September dan didapati memang telah hamil.

Bagaimanapun Doktor berkenaan tidak dapat menjelaskan siapakah ayah kepada bayi yang dikandung oleh pelajar yang berusia 16 tahun itu.

Pelajar tingkatan tiga itu kini dibawah perlindungan Pendakwa Raya untuk disiasat lebih lanjut mengenai hubungannya dengan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Thamby Chik.

Gadis itu yang dilahirkan pada 28hb Ogos 1979 dipercayai telah menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan telah menceritakan secara terperinci mengenai hubungannya dengan Tan Sri Rahim.

Menurut sumber itu, gadis berkenaan juga telah menceritakan bahawa dia telah diberi wang berjumlah RM1800 iaitu satu helai RM1,000, satu helai RM500 dan tiga helai RM100.

Pertemuannya dengan lelaki berkenaan didakwa secara kebetulan semata-mata bila lelaki menelefon kakaknya bernama Maslina yang kebetulan tiada di rumah ketika itu.

Lelaki berkenaan katanya, mempelawa gadis berkenaan untuk keluar dan menurigu di Ibu Sawat Telekom di Pekan Rumbia Melaka.

Sejak pertemuan itu, gadis berkenaan dikatakan sering menemui lelaki berkenaan dan sehingga di sedari oleh seorang guru di Sekolah Menengah Dato Dal Said, Alor Gajah.

Guru berkenaan difahamkan telah membuat laporan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Melaka tetapi tidak ada tindakan diambil sehingga cerita ini tersebar luas.

"Setelah akhbar Utusan Malaysia membongkar cerita itu dan Datuk Seri Dr Mahathir mengarahkan satu siasatan dijalankan, barulah tindakan positif diambil," ujar sumber itu.

Sebelum ini menurut sumber yang dipercayai, seorang doktor swasta telah menjadi sasaran ugutan dan tawaran jika bekerjasama dengan pihak tertentu untuk memastikan gadis itu menggugurkan kandungannya.

Menurutnya, bapa dan kakak gadis berkenaan telah menemui Doktor berkenaan untuk membawa pulang gadis berkenaan tetapi difahamkan ia telah diserahkan kepada perlindungan

DOKTOR SAHKAN GADIS 16 HAMIL



Klinik ini menjadi sasaran bapa dan kakaknya, Maslina kerana dituduh menyembunyikan adiknya sebelum diserahkan kepada pihak pendakwaraya untuk mendapat perlindungan

Polis.

Gadis berkenaan yang telah mengambil Peperiksaan Meringah Rendah (PMR) secara perendirian minggu lalu diberi perlindungan ketat sehingga kes ini selesai.

Pihak polis memberi perlindungan ketat dipercayai berpunca dari ugutan untuk membunuh atau menggugurkan kandungan gadis berkenaan.

Sementara itu, Tan Sri Rahim

akan dipanggil Polis untuk disoalsiasat mengenai dakwaan skandalseks yang menyebabkan beliau kehilangan semua jawatan politik dan kerajaan.

Menurut sumber yang rapat, Tan Sri Rahim mempunyai bukti yang jelas bahawa beliau tidak mempunyai hubungan apa-apa dengan gadis berkenaan.

Katanya, beliau mempunyai alibi yang membuktikan bahawa beliau tidak bersalah dalam

kes ini tetapi telah diperangkap oleh golongan tertentu untuk menjatuhkan maruahnyanya.

"Seorang pemuda yang bergelar Zaini dikatakan mengakui terlibat dengan gadis berkenaan," dakwa sumber itu.

Gadis berkenaan meskipun usianya muda tetapi rupa bentuk mukanya memang dewasa didakwa mempunyai hubungan dengan Zaini yang kononnya berasal dari Sungai Petal, Alor Gajah.

BAPA BOHSIA

DI KETIKA CERITA '*kesesatan*' Al-Arqam menjadi berita utama di semua media massa, tiba-tiba timbul cerita penglibatan Rahim Tamby Chik dengan budak sekolah berumur 15 tahun. Heboh orang memperkatakan bahawa Rahim boleh diberi gelaran sebagai '*Bapa Bohsia Malaysia*' kerana selepas skandal Ketua Menteri Melaka ini didedahkan, seluruh negara menjadi terkejut dengan wabak *bohsia*.

Beginilah *sindrom* yang boleh terjadi pada **wanita**, apabila ajaran Islam sudah tidak lagi menjadi amalan dan ikutan penganutnya. Umat Muhamad kini kembali ke zaman *jahiliah*, tanpa disedari akibat *menghalalkan* yang *haram* dan *mengharamkan* yang *halal*, tanpa disedari *perempuan* yang sepatutnya diberi penghormatan dan perlindungan tapi telah dijadikan *bahan iklan*, *bahan media massa*, *dikomersilkan kecantikan* mereka untuk memuaskan nafsu sex dan mencari keuntungan.

Dan yang amat menyedihkan lagi, para pemimpin

Islam terutama pemimpin wanita membiarkan kaum mereka hidup dalam keadaan *nafsu* yang *dikunci*. Ramai yang sanggup hidup *bermadu*, namun izin nikah tak diberi, **wanita** sengaja memansuhkan poligami.

Gadis-gadis remaja yang sepatutnya dicarikan suami, disebabkan ibubapa menaikkan hantaran belanja kahwin melambung tinggi, pemuda dan gadis mengadakan perhubungan di luar agama mengikut sekehendak hati. Para ulama dan cendekiawan Islam kemana pergi?

Tahukah kita sebabnya dizaman *jahiliah* anak perempuan ditanam hidup-hidup. Ibu bapa tidak tahan menjaga anak-anak perempuan mereka kerana gadis-gadis yang cantik molek menjadi buruan lelaki yang tidak pernah cukup dengan seorang wanita saja. Orang yang kaya raya dan berkuasa boleh menyimpan *hareem* dan *gundek* seberapa ramai yang mereka suka. Apa bezanya dengan keadaan hari ini, hendak *menikah* menimbulkan masalah yang amat besar, tanpa izin isteri lelaki tak dapat memenuhi *kuota* mereka, maka ramai pasangan kecewa dan mula membenci agama Islam yang mulia kerana kalau tak lulus ujian tak dapat lesen nikah.

Orang tua-tua cuma pandai berkata *lebih mudah jaga sekandang kerbau dari menjaga seorang anak dara*. Tapi berapa ramai ibubapa yang cuba menyelamatkan anak gadis mereka mengikut sunnah Nabi kita? Zaman sebelum perang dunia kedua dan zaman sebelum

merdeka, mana ada masalah anak dara tua dan *bohsia* seperti masa kini? Ini *'Women's lib'* punya pasallah.

Apakah kita terlupa tiga perkara yang menjadi *kewajipan* kita sebagai umat Islam yang mengaku pengikut Nabi Muhamad SAW, pertama *melayan tetamu dengan baik*, kedua *mengkebumikan mayat umat Islam dengan segera*, ketiga *mengahwinkan anak gadis apabila mereka meningkat remaja setelah mereka akhil baligh*.

Bagi mereka yang ada anak perempuan tahulah mereka bagaimana susahanya nak menjaga seorang anak dara sunti dizaman ini. Pertama, sejak dari bangku sekolah lagi lelaki dan perempuan tidak disekat dari segi pergaulan, terdedahnya mereka pada media massa dan cetak. Dan ramai ibubapa yang tidak hidup cara Islam dan siapakah yang membentuk anak-anak mereka menjadi *Yahudi* dan *Nasrani* kalau bukan ibu bapa sendiri? Apakah kita terlupa *rosak wanita rosaklah negara?*

Kesibukan ibubapa yang terlalu mengejar dunia hingga tak ada masa untuk mendidik anak-anak mereka dengan dididikan agama yang sepatutnya. Kacau bilau yang terdapat dalam adat Melayu yang tak bersendikan agama menambahkan sakit kepala, nak dikatakan Islam tak mengikut Al-Quran dan sunnah Nabi bila dikatakan *'un Islamic'* menimbulkan kontraversi.

Bukan sekadar takut dengan perogol, dengan menteri pun terpaksa diawasi kerana perbuatan seorang **Ketua Menteri** yang telah dipilih sebagai **Ketua Pemuda UMNO Malaysia** melakukan kesilapan akibat kalah dengan godaan syaitan dan lain-lain pemimpin yang sudah tidak takut lagi pada undang-undang Tuhan.

Sepatutnya pemuda menjadi pelindung bagi wanita disebabkan **Pemuda Harapan Bangsa**, tapi ditangan **Ketua Pemuda**, anak gadis diperkosa dan dijadikan mangsa untuk kepuasan nafsu semata-mata. Inilah yang dikatakan *harapkan pagar, pagar makan padi*. Itu saja sungutan yang kita dengar dari orang ramai tapi tak ramai yang sanggup kedepan dan mengubah suasana yang menjadikan kita kembali ke zaman jahiliah. Dan apabila Datuk Nazri mengambil tindakan meminta Rahim melepaskan jawatan, ada pemimpin UMNO marah-marah pada Nazri kerana Rahim adalah '*blue eye boy*' anak emas Dr. Mahathir dan Dr. Mahathir masih mahu mempertahankan Rahim.

Kebetulan *nasib* Rahim malang, padahal bukan dia saja yang curang, yang suka berpelesiran dengan gadis bawah umur tapi disebabkan kedudukannya sebagai **Ketua Pemuda UMNO** dan orang ramai mengharapkan bahawa sewajarnya beliau menunjukkan contoh *teladan* yang baik dan pemimpin mesti jadi *imam*. Tapi Perdana Menteri sanggup membiarkan '*office boynya*' buat apa yang dia suka, ahli UMNO boleh buat apa?

Apa lagi gadis itu adalah anak Melaka dimana Rahim menjadi **Ketua Menteri Melaka**, dia sepatutnya menjaga anak buahnya sendiri. Tapi nak buat macam mana, dia manusia biasa tak terlepas dari noda dan dosa. Dan ada pun pejabat agama sekadar nak cari duit tangkap pasangan yang didapati berdua-duaan dan mengenakan denda tapi tidak pula mahu menikahkan mereka? Kesalahan Rahim ini dengan sendirinya mendedahkan kelemahan Majlis Agama Islam yang tidak serius menjalankan hukum-hukum Allah.

Begitulah keadaan manusia, makin tinggi kedudukannya makin tinggilah cubaan yang mesti dihadapinya. Hingga sampai ke satu peringkat pejabat agama Islam tak berani menangkap biar pun orang-orang atasan hidup dengan penuh noda dan dosa. Apakah kerja-kerja pemimpin ini tak menjadi *teladan* dan *ikutan* dan apakah orang ramai mahu lagi menghormati Majlis Agama Islam yang *double standard*?

Seolah-olah dengan adanya media massa dan media cetak yang beraneka rupa, bermacam cerita, filem, video dan novel-novel remaja yang mendedahkan kepada anak-anak mengenai kebebasan sex dan pergaulan bebas lelaki perempuan, *dedah sana* dan *dedah sini*, para pemimpin pula yang jadi '*godfather*' **bohsia**. Balik-balik *pi mai pi mai tang tu*, kita mencari kesalahan gadis-gadis bawah umur dan pemuda-pemuda dengan masalah *dadah*, *lepak* dan **bohsia**. Kita tak mencari

satu *formula* bagaimana hendak mematikan gejala yang memalukan Islam, sedangkan *nikah* adalah sunnah Nabi kita.

Sepatutnya kita tidak memburukkan lagi keadaan *aib* yang terjadi pada pemimpin ini, kita tutup cepat-cepat dan cari jalan keluar. Apakah kita terlupa bahawa Tan Sri Rahim masih ada *tiga kuota lagi*, yang belum berisi? Kenapa tidak cari jalan selamat dunia dan akhirat? Kenapa tidak kita *nikahkan* saja mereka? Mana lebih baik, hidup berzina atau mendirikan rumahtangga?

Wanita dan para pemimpin UMNO buat apa? Isteri Rahim *wanita*, gadis yang jadi mangsa pun gadis Melayu. Siapa lagi kalau bukan Wanita yang mesti bangun dan menutup *aib* wanita Islam? *Nikahkan* saja mereka secara senyap-senyap, selesai semua masalah. Kalau iapun itulah kehendak Rahim mahu *haggar*, gadis itupun seronok dengan Rahim yang '*macho*'.

Mari kita bertanya, undang-undang agama apa yang kita pakai ini? Apakah kita terlupa manusia yang kita pilih sebagai Nabi kita mengahwini Aishah, anak sahabatnya Abu Bakar Siddiq ketika Aishah berumur sembilan tahun dan menidurinya ketika berumur 14 tahun? Allah *menghalalkannya*, kenapa kita mesti *mengharamkan yang dihalalkan oleh agama kita*? Apakah kita tidak takut pada hukum Allah?

Siapa lagi kalau bukan pemimpin **Pemuda** yang mesti

memecahkan tradisi *kafir* yang *mengharamkan* perkara yang *dihalalkan* oleh Islam? Mahathir pemecah tradisi, Anwar Ibrahim pemecah tradisi, kenapa tidak Rahim selaku Ketua Pemuda? Apa salahnya Nazri *memecah tradisi*, kerana pemimpin yang berani macam inilah yang diharapkan menjadi pemimpin pada masa akan datang. Bukannya pemimpin yang *yesman*.

Jika kita berani menghapuskan *kekebalan* yang ada pada Raja-Raja kerana ia bertentangan dengan Islam, kenapa tidak dalam hukum yang lain-lainnya? Kenapa Rahim takut mempunyai lebih dari satu isteri? Soekarno adalah contoh yang terbaik dizaman moden, kalau pemimpin tak mahu ikut contoh Nabi, ikut Bung Soekarno yang tak peduli apa dunia nak kata dan rakyat Indonesia tak marah.

Inilah susahnyahu mahu jadi orang besar dalam kerajaan sekular, mahu jadi orang ternama, mahu berkuasa, tak mahu belajar bagaimana hendak mengawal diri, akibatnya binasalah diri. Kalau takut nama tercemar, hidup mesti tahu *malu*, mesti pandai *mengawal nafsu*.

Sepatutnya bila berada tinggi diatas, mesti pandai mendekati diri dengan Allah, mesti sentiasa berhati-hati dan berwaspada, kerana tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah. Siapa tak kenal muka pemimpin yang hari-hari keluar di media massa? Kalau tak percaya, Allah melihat apa yang kamu kerjakan? Apakah kamu

tak takut pada ribuan *biji mata* rakyat yang sentiasa menonton lakonanmu?

Sebesar-besar musuh ialah *nafsu* sendiri. Kalau kita gagal hendak memerangi nafsu, kalau kita gagal hendak memimpin diri, memimpin keluarga bagaimana kita hendak memimpin rakyat? Macam mana kita hendak memimpin Pemuda di medan peperangan? Sedangkan belum apa-apa lagi kita sudah ditewaskan oleh nafsu, sebab itulah orang-orang **hakikat** mengajar ahlinya supaya pandai *mematikan* diri sebelum mati.

Rahim sepatutnya tidak diberi peluang bertanding kerusi **Ketua Pemuda** kerana *kredibilitinya* sudah rosak sebelum pertandingan lagi. Kisah *skandalnya* dengan Josphine Nonis anak gadis Portugis yang diperkosanya telah sampai ke mahkamah, semua media massa menyiarkannya tapi siapa pun tak berani menahan Rahim kerana Perdana Menteri sayangkan Rahim. Rahim buat salah macam mana sekalipun Dr. Mahathir tetap mempertahankannya. Dan orang UMNO mana berani tentang Perdana Menteri mereka, inikan pula dekat nak pilihanraya melainkan Nazri.

Seandainya peristiwa pada tahun 1984 dulu sudah diselesaikan dengan baik, sekiranya Rahim telah mengIslamkan gadis itu dan mengahwininya mungkin peristiwa yang berlaku hari ini tidak terjadi. Mungkin gadis Kristian itu sudah menjadi isteri yang baik dan dapat pula menjaga rumahtangganya. Orang ramai juga

tentu akan kagum dengan tindakan Rahim menambahkan lagi umat Muhammad SAW.

Sepatutnya ada orang yang pergi menasihati Datin Bedah supaya pergi melamar gadis itu untuk jadi isteri Rahim. Tindakan ini *pahit* tapi mempunyai erti yang sangat besar untuk menutup *aib* suami. Inilah kasih sayang sejati, tak mementingkan diri tapi demi maruah suami sanggup berkorban apa saja sekalipun terpaksa berkongsi suami. Mungkin sesudah ini Rahim akan *bertaubat nasuha* dan tak akan berbuat kerja maksiat macam ini lagi. Cakap senang tapi bukan mudah jadi isteri seorang pembesar, *berat mata memandang berat lagi bahu memikul*. Ada ke wanita yang sanggup berkongsi suami melainkan muslimah Arqam?

Kebanyakan penulis politik telah mendedahkan siapa Rahim yang sebenarnya, tetapi mungkin disebabkan Rahim diperlukan pada masa itu untuk menjatuhkan Ghafar, tanpa Rahim yang menjadi umpannya belum tentu Ghafar boleh jatuh kerana *dahan juga yang menjadi hulu kapak untuk menebang pokok*. Maka tak siapa yang menasihati Rahim supaya kembali ke pangkal jalan.

Rahim cuma tertangkap dengan gadis bawah umur sedangkan ada menteri yang ambil isteri orang jadikan isteri sendiri. Kenapakah perkara macam ini boleh berlaku? Kalau bukan kerana sistem kita yang lebih takut kepada undang-undang buatan manusia dari

undang-undang Allah. Dan kita memisahkan *politik* dengan *agama*, selama jadi pemimpin politik agama Allah mesti disisihkan dari diri dan yang tak boleh dilakukan ialah menderhaka pada boss dan parti.

Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat.

(Al-Nur:2)

Cerita Rahim dengan *hareem-hareem* dari dahulu lagi telah menjadi buah mulut rakyat. Orang kenal Rahim dan Dr. Mahathir tentu lebih tahu lagi, tapi Mahathir mahukan pemimpin macam Rahim untuk jadi contoh *teladan*, orang Melayu boleh buat apa?

Cerita Rahim dengan Jesophin anak gadis Portugis masih segar dalam ingatan orang ramai. Kalau nak cerita tentang Rahim dan *hareem-hareemnya* dengan wanita-wanita cantik di sekelilingnya dan kisah Rahim *haggar* sana *haggar* sini, satu buku besar tak cukup. Dan yang amat pelik ada dikalangan EXCO Pemuda yang menyokong kemungkarannya. Ada yang sanggup nak bakar pejabat Utusan Melayu kerana marah menyiarkan berita skandal sex Rahim. Dan ianya amat memalu dan mengaibkan.

Kita tak sepatutnya merasa seronok dan mentertawakan kesilapan dan dosa-dosa mereka yang suka berzina. Kita patut menasihati dan menegah, zina satu dosa yang besar ini menimbulkan gerun dan takut pada para penzina sekurang-kurangnya mereka yang suka berzina menaruh kebencian dan setidak-tidaknya menentang didalam hati. Dalam hal ini saya angkat topi pada Nazri yang dengan berani menentang *kemungkaran* yang dilakukan oleh Ketuanya dan Nazri sanggup menerima apa saja risiko. Inilah *Pemuda harapan bangsa*. **Pemuda** macam inilah yang akan menyelamatkan UMNO dan bangsa.

Biasalah *kambing* tua dapat pucuk muda, orang-orang tua tengok awek muda, '*cun melecun*' dan sexy pula, orang lelaki belum boleh dikatakan *tua* selagi nafsunya ada, selagi matanya terjojol cerah tengok *hareem*, tengok *awek* yang *cun*.

Bukan Rahim saja makhluk yang bernama *lelaki* yang tak boleh tengok *betina*, yang suka dedah sana dedah sini. *Betina* yang suka tubuhnya digeledah oleh lelaki. Kebanyakan lelaki hampir serupa, melainkan mereka yang *taqwa*. Sebab itu Allah tidak menghalang lelaki Islam beristeri empat asal mereka mampu dan sanggup berlaku adil. Tapi undang-undang manusia telah menimbulkan seribu satu macam masalah bila kita hendak *menikah* ikut sunnah Rasul, hendak kena pergi kursus, sepatutnya perkara hukum dan bab *halal haram nikah* ini sudah diajar di sekolah-sekolah lagi.

Bukan Rahim Tamby Chik saja yang tak boleh tengok *hareem* dalam UMNO, banyak pemimpin lain, lebih dahsyat lagi. Perkara inilah yang hendak dipertahankan oleh Dr. Mahathir. Sepatutnya sebagai bapak bila tahu anaknya buat kerja tak senonoh, ambil tindakan disiplin terhadap anaknya tapi dia pulak yang hendak jadi galang gantinya. Syukurlah semuanya dah selesai.

Inilah akibatnya bila politik dipisahkan dari agama, ia menjadikan kita tak tahu, bila kita *Islam* dan bila kita terkeluar dari Islam. Berhentilah buat kerja-kerja karut ini. Pemimpin mesti menunjukkan yang diri mereka ber**akal** dan beragama.

Akal adalah makhluk yang paling dicintai oleh Allah. Bisa saja seseorang itu cantik tetapi belum tentu Allah memberikan akal padanya. Bila akal tidak dimiliki bersama kecantikan maka kecantikan tiada berguna.

Ada orang yang diberi harta tetapi tidak memiliki akal, akibatnya 100% dari kehidupannya dihabiskan semata-mata untuk memikirkan wang. Hal ini menunjukkan bahawa akalnya kurang berfungsi kecuali untuk wang. Bila boleh habis wang yang ratusan juta itu?

Mencari-cari salah pemimpin dan mendedahkan keburukan dan *aib* mereka dengan tujuan mencari wang

ditegah oleh Islam. Kita dedahkan cerita ini supaya mereka yang rasakan diri ber**akal** cepat-cepatlah *insaf* dan *bertaubat*. Jika ia boleh berlaku pada mereka yang malang *nasibnya*, apakah tak mungkin ia berlaku terhadap kita? Kita pun manusia biasa juga. Kita pun bukan baik macam mana sangat, cuma tak terkena saja.

Mari kita sekali lagi menungkan nasihat Habib Husein Al Habsyi mengenai **akal** yang ada kaitannya dengan pemimpin politik yang terdiri dari kaum terpelajar, yang tentunya berani menggunakan **akal** untuk *melihat* dan *mencermin* diri sendiri.

Akal dan agama memiliki hubungan yang sangat erat. Agama adalah akal. Tiada agama bagi orang yang tidak berakal. Anda dianggap tidak beragama bila tidak mempunyai akal. Tanpa akal anda akan 'nyasar' atau sesat kerana tiada pedoman yang anda gunakan.

Orang yang taqlid buta bererti dia tidak menggunakan akalnya atau akalnya memang tidak mempunyai kualitas untuk hal itu. Dan jelas bukan orang yang berakal bila seseorang mengatakan bahawa ia mengikut si fulan sedang dia tidak mengetahui dan membuktikan apakah si fulan itu layak untuk diikuti.

Orang yang mempunyai akal adalah orang yang memanfaatkan telinganya, matanya dan hatinya

yang diawasi dan dipandu oleh akal. Bila mata tidak dipandu oleh akal maka mata ini selalu ingin melihat hal-hal yang mungkar dan maksiat.

Kebetulan saja bintang Rahim sudah mula pudar, Rahim sedang menghadapi *gerhana politik*. *Nasib* dia mulai tak baik, berita Rahim menjadi tajuk utama Utusan Malaysia dan TV3. Tindakan diambil keatas Rahim bukan kerana hendak membela *nasib* anak gadis yang berumur 15 tahun yang jadi habuan Rahim, tapi ada sesuatu yang tak kena dengan Rahim. Kalau kes ini tidak di timbulkan, kes rasuah Rahim mungkin jauh lebih dahsyat, ia mungkin mengugat dan memalukan Dr. Mahathir di dunia antarabangsa. Patutkah kita membiarkan perkara buruk semacam ini dibiarkan berlarutan?

Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda, *barangsiapa di kalangan kamu melihat kemungkaran maka hendaklah mengubahnya dengan tangan sekiranya tidak mampu, maka hendaklah mengubahnya dengan lidah dan sekiranya tidak mampu hendaklah merasa benci di dalam hati. Itulah selemah-lemah iman.*

Kalau nak bela *nasib* budak perempuan yang berumur 15 tahun dan masalah sosial yang terjadi pada anak gadis kita, pergi saja di belakang mahkamah di waktu malam, puluhan anak gadis Melayu yang berumur jauh lebih muda dari itu (*Bohsia*) dilacurkan di Kuala Lumpur.

Begitu juga di bandaraya lain di Malaysia. Dan amat menyedihkan masalah sosial tentang kerosakan anak gadis ini tak dijadikan isu besar di Perhimpunan Agung Wanita, kenapa? Apakah *keruntuhan akhlak* dan wanita dijadikan *hamba sex* ini bukan tanggungjawab Wanita UMNO?

Maka marilah kita bermenung sejenak dan berfikir, janganlah hendaknya kita memandang tragedi Rahim ini dari segi *kemungkarannya* saja. Sebaliknya lihat tragedi ini sebagai *iktibar* untuk membangunkan agama dan bangsa kita. Dan bagaimana supaya masalah *bohsia* ini tidak berlarutan? Salahkan anak gadis saja, tak patut... bagaimana dengan pemimpin Wanitanya? Siapakah yang menunjukkan pada anak gadis Islam supaya mereka tak perlu takut pada hukum-hukum Allah?

Tudung adalah sebagai pakaian kebesaran dan keagungan wanita Islam yang taqwa iaitu pakaian yang dicipta khas menurut aturan agama. Firman Tuhan dalam Al Ahzab ayat 59:-

Hai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin. Hendaknya ia melibatkan pakaian (jilbab)nya keseluruhan tubuh mereka yang demikian itu agar supaya wanita-wanita muslim lebih mudah untuk dikenal, dengan berbuat itu mereka tidak diganggu (si hidung

belang). Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Cuba kita tengok Rafidah dan pucuk pimpinan Wanita yang berani mendedahkan *aurat* dikhalayak ramai, padahal menutup *aurat* itu perintah Allah. Tengok betapa bebasnya pergaulan Ketua Wanita UMNO tanpa sedikit pun merasa segan silu mendedahkan *aurat* dikhalayak antarabangsa apabila Rafidah Aziz berada di luar negeri mewakili negara, sudahlah semasa perginya tidak ditemani oleh suami.

Mari kita berfikir, seandainya ibubapa gadis ini telah menjaga anak gadis mereka dengan baik mengikut tuntutan agama, bolehkah anak gadisnya terjebak dalam keadaan begini, menutup tubuh badan anak gadis mereka dari terdedah dapat menyelamatkan penyakit yang sedang melanda masyarakat.

Barang siapa yang berbuat dosa ia akan diceraikan oleh akal nya

Ajaibul Qulb Al-Ghazali

Oleh sebab itu jika *nafsu* sudah diceraikan dengan *akal (ego)*nya maka *nafsunya* sudah tak terkendali lagi maka kerosakanlah yang akan terjadi.

Seorang pengarang menulis bahawa *nafsu* itu bagaimana *kuda binal*, jika tak terkendalikan ia akan

berbuat seenaknya dan akan mencelakakan penumpangnya.

Kita kembali ke dalam ajaran Islam yang mempunyai konsep tentang pemberantasan *perzinaan*, baik yang *legal* maupun yang *illegal*. Memang sebenarnya semua agama di atas permukaan bumi ini melarang berbuat zina, tetapi agama Islam lebih keras larangannya sampai menutup jalur-jalur yang mengarah kepada perbuatan pelacuran dan perzinaan. Oleh sebab itu *jilbab* sebagai busana muslim diketengahkan dalam Al Quran sebagai dasar perundangan yang prinsipel, dan Al hadis sebagai penafsirnya adalah awal pencegahan perzinaan. Sesuai dengan bunyi surat Al Ahzab 50 : *Hai Nabi : Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuan dan isteri-isteri orang-orang mukmin supaya mereka menutup tubuhnya dengan kain selubungnya ketika ia keluar rumah.*

Dan dijelaskan dalam hadis Nabi Muhammad SAW: Rasulullah bersabda : *Wahai Asma : Sesungguhnya seorang perempuan apabila sudah datang waktu haid tidak boleh memperlihatkan tubuhnya, melainkan ini dan itu sambil ia menunjukkan muka dan dua telapak tangannya.*

Ancaman di akhirat bagi *penzina* termasuk *dosa besar* dan dimasukkan kedalam neraka. Hal yang demikian ini menunjukkan ancaman yang keras yang tidak akan ada orang yang berani lagi menjalankan zina.

Disinilah kita nampak kesalahan ibubapa dalam mendidik anak-anak perempuan mereka akibat dipengaruhi oleh kepimpinan Wanita UMNO. Mereka tidak serius dengan larangan dan tuntutan agama, hukum Allah dipermainkan, dipersendakan mengikut sesuka hati, tak menunjukkan menyesal setelah sesuatu perkara berlaku dan kembali kepada agama seolah-olah mereka tak mahu ikut sunnah rasul dan agama Islam itu kolot dan ketinggalan zaman.

Memang **bohsia** ini seronok melacurkan diri mencari '*balak*'. '*Balak*' yang boleh menyeronokkan, mereka akan ikut kemana saja lelaki yang ada motor besar atau anak muda yang pandai menggoda. Pandai '*ayat*' akhir sekali ikut '*mat kapcai*' pun jadi, *lepak sana lepak sini, rengan-rengan haggar* berdiri ditepi tangga bangunan pun jadi.

Saya meminjam perkataan '*balak*', '*ayat rengan-rengan*' ini dari anak '**ABU**' *anak bawah umur* yang seronok memuaskan nafsu tanpa perhatian dari ibu bapa, mereka sedikit pun tak rasa berdosa dan bersalah bila kita bertanya *kuah kalau tak tumpah ke nasi, kemana lagi?* Hendak mengharapkan pembelaan dari Wanita UMNO yang sepatutnya menjadi *Tiang Negara*. Pucuk Wanita UMNO nampaknya memekakkan telinga dan membutakan mata, apabila pemimpin UMNO menjadikan wanita sebagai hamba sex mereka.

Rafidah berjaya menjadikan Wanita sebagai perayu undi untuk pilihanraya. Dari segi *akhlak* Rafidah membutakan mata dan memekakkan telinga, ada pun suara wanita yang terdengar cuma dari Datuk Napsiah Omar dan Datin Paduka Zaleha Ismail.

Dr. Mahathir tak tegur, tak kata apa. Pusat Islam dan ulama tak berani cakap apa dan apabila *emaknya borek maka anaknya pun rintiklah?* Mudah-mudahan Allah celikkan *matahati* kita semua bila nak pilih Ketua Wanita. Carilah yang berakhlak mulia, yang nak buat apa pun tidak bertentangan dengan adat dan agama Islam yang mulia. Mudah-mudahan mereka akan takut dengan wabak sex bebas, penzinaan yang dikutuk dan dilaknat oleh Allah sebagai satu dosa besar.

Janganlah dekati zina... itu firman Allah yang interprestasinya, mengikut yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Wanita bertudung dengan tudung sebagai selubung kesucian wanita, dengan pembungkus kuih agar kuih itu tidak diurung lalat, dengan tudung sebagai perisai dapat menyelamatkan dari ancaman senjata lawan dengan adanya pagar agar tanaman tidak dimakan kambing. Dan kembali berjilbab keruntuhan moral, insyaAllah akan berhenti, Allah sendiri menjelaskan dalam surat Al-Ahjab 59 bahawa dengan *bertudung* sekurang-kurangnya kita akan dikenal sebagai muslimat (bukan gadis murahan) dan tidak diganggu oleh si mata keranjang.

Sabda Nabi Muhammad SAW:

"Tak ada dosa yang lebih besar disisi Allah sesudah syirik (menyekutukan Allah) daripada setitis air mani yang ditaruh oleh seorang laki-laki kedalam kemaluan perempuan yang tidak halal baginya (zinah).

(Hr. Thobrani)

Itulah sebabnya Islam mewajibkan ibubapa mencari jodoh untuk anak gadis bila sudah *akil baligh*. Kalau kita cuba menentang hukum Allah inilah jadinya, tambah hari akan tambah buruk lagi. Gadis yang sudah lebih umur kekal tak kahwin, jadi *andartu* kerana lelaki cuma mahukan *awek* muda saja, dan patutkah pemimpin wanita membutakan mata? Dalam keadaan ratio lima wanita dibandingkan seorang lelaki.

Dan barang siapa yang buta hatinya di dunia ini, niscaya di akhirat nanti ia akan lebih buta (pula) dan lebih tersesat dari jalan (yang benar).

Al-Isra' : 72

Sampai hari ini, saya tak nampak peranan Rafidah selaku Ketua Wanita UMNO dalam menegakkan agama Allah kerana tidak ada agama yang lebih baik dari Islam dalam melindungi wanita, disebabkan moden dan kebaratan kita anggap Al-Quran ketinggalan zaman dan

Islam sudah tak sesuai lagi. Kepada wanita moden yang penting ialah '*women's lib*'. Apakah '*women's lib*' itu Islamik?

"Allah memberi pertolongan pada hamba-Nya selama hamba tersebut memberi pertolongan kepada saudaranya".

"Sebaik-baik manusia adalah paling bermanfaat bagi manusia."

Sebelum cerita Rahim diketahui umum, Rahim telah berlagak seperti Tok Guru dengan menasihati Ashaari Mohamad agar segera *bertaubat nasuha* sebanyak tiga (3) kali. Sepatutnya Rahimlah yang *bertaubat*, kembali ke pangkuan, memperbaiki akhlak dan betulkan akidah untuk diikuti oleh belia Islam dibawah pimpinannya.

Mungkin juga nasihat Tan Sri Rahim terhadap Ustaz Ashaari itu ikhlas maka Abuya sanggup *bertaubat* kerana kesilapannya mengedarkan buku '*Aurad Muhammadiyah*' kepada yang bukan ahlinya. Tapi dari segi *nikah kahwin* Ashaari tidak mungkin *bertaubat*, kerana tujuannya *bernikah* dan mempunyai empat isteri adalah untuk memperbanyakkan para pengikutnya.

Diatas perkahwinannya yang sah mereka telah pun mempunyai lebih dari 36 anak dan berpuluh-puluh orang cucu dan seterusnya akan bertambah lagi dan bukankah ini yang menjadi impian Dr. Mahathir yang

mahukan 70 juta rakyat Malaysia? Sepatutnya **Ketua Pemuda** yang mesti menjayakan impian Mahathir. Duit Rahim banyak, tenaga kuat, Rahim pun *macho* orangnya, ramai gadis yang jatuh hati padanya, *hareem* pun banyak, nikah saja empat. Mungkin bila sudah sibuk dengan isteri-isteri dan anak-anak yang *ciap miap*, mana ada masa mata nak *menyelenap* dan sibuk pula dengan politik maka terselamat Rahim dari segala macam maksiat. Kalau tidak di Melaka, Rahim macam Raja maka dia buatlah apa yang dia suka.

Perbezaan diantara Rahim (Soekarno kecil) dan Ashaari sudah jelas. Bukan kata orang alim dan orang yang waraq, para *wali Allah* juga suka pada wanita kerana wanita adalah salah satu dari kesukaan Nabi dan **nikah** itu **sunnah** Nabi, yang ditegah ialah *berzina*. Tapi ramai isteri sanggup bersubahat dengan suami yang suka *berzina* dari membiarkan suami tambah satu isteri lagi. Dan yang peliknya Majlis Agama Islam menjadikan hendak *bernikah* sebagai satu hal yang sangat rumit.

Apa salahnya suami mengisikan ke empat-empat kotanya?

Sekurang-kurangnya isteri tahu yang suaminya cuma ada empat isteri yang halal dari menyimpan empat puluh GRO, perempuan kelab malam, wanita dirumah urut dan gadis-gadis **bohsia**. Apakah isteri tidak takut dosa dan takut dengan AIDS kerana membiarkan suami hidup dalam noda dan dosa.

Ramai isteri yang membiarkan suami mereka *hagar* sana *hagar* sini sekadar hendak melepaskan kebuasan nafsu sehingga bukan saja menjahanamkan anak isteri orang bahkan dapat merosakkan UMNO dan umat Melayu keseluruhannya. UMNO adalah pertubuhan Islam yang terbesar, sepatutnya pemimpin tak berbuat begitu. Pemimpin mesti **bersih, cekap dan amanah**. Tapi kebanyakan suami *dayus*, mereka lebih takut kepada isteri daripada Allah, takut pada manusia-manusia *fasik* yang *mengharamkan* perkara yang *dihalalkan* oleh Allah. Dalam hal-hal yang terkeluar dari akidah seperti ini Pusat Islam dan bijak pandai dan cendiakiawan Islam buat apa? Janganlah hidup tukang curi hadith dan ayat Al-Quran untuk membinasakan musuh-musuh bos saja. Sesekali tegakkan jugalah hukum Allah.

Dalam hal ini kita tak boleh marah kepada DAP, jika seumpamanya mereka menggunakan isu *hareem* dan *hagar* serta *rasuah* untuk menguasai Melaka kerana Rahim telah pun meminjamkan modal besar terhadap mereka dan media massa kerajaan telah mengexploitkannya tanpa menyedari ia telah membantu mengharumkan nama Buya Ashaari. Biar pun ada yang tak senang disebabkan budaya, poligami menjadi amalan puak-puak Ashaari.

*Sungguh indah Bandar Melaka,
Bandar Sejarah bertukar tahta,
Sesal dahulu tidak berguna,
Saudara Rahim yang punya angkara.*

Nasib baik yang mempermainkan isu Rahim dengan *hareem-hareemnya* ini milik kerajaan. Kalau *penulis politik* yang mendedahkannya, tentu mereka akan dikata dan dituduh dengan bermacam-macam tuduhan.

Ingatlah para pemimpin, jika cerita mu tak mahu dieksploitkan, tak mahu penulis politik mendedahkannya, janganlah buat kerja yang tak senonoh. Pemimpin mesti jadi *pemimpin yang baik, mesti tahu malu, mesti tahu apa itu aib, inikan pula pemimpin Islam*. Ikutlah sunnah Nabi, jangan buat kerja-kerja '*Harami*'.

Sebenarnya saya sendiri tak suka menjadikan cerita-cerita *sensasi* para pemimpin UMNO bahan buku saya tapi disebabkan slogan kerajaan kita, *kepimpinan melalui teladan* maka penulis wajib mengingatkan rakyat bahawa ada perbuatan pemimpin mesti dijadikan *teladan*, dan ada kita jadikan *sempadan*. Penulis-penulis Islam merupakan '*wariqawan*' Tuhan di muka bumi, maka siapakah selain dari kita yang mesti menyuarakan suara Tuhan kita?

Pemimpin tak sepatutnya jadi *penzina*, apa lagi menjadi *penzina* kepada gadis-gadis bawah umur biar pun mereka mengizinkannya atas dasar suka sama suka. Kerana Rasulullah ada menasihati seorang *penzina* akhirnya orang itu bertaubat dan tidak *berzina* lagi. Begini bunyi nasihatnya: -

Begitu pula, tak seorang pun yang sehat pikirannya memperkenankan anak perempuannya, adiknya, apalagi ibunya untuk dizinahi orang lain didepan matanya.

Tersentuhlah nuraninya pemuda yang bertanya tadi oleh jawaban Rasulullah itu. Dan bagaimana pula anda wahai manusia yang masih senang berbuat zina..! Renungkan inti sari dari nasihat-nasihat Rasulullah itu.

Kalau terasa tak dapat mengawal nafsu, Islam tak menghalang *berpoligami*. Takut apa dengan 'women's lib', takut apa dengan Pergerakan Wanita dan *hak asasi manusia* Barat yang berat sebelah.

Cukuplah kita hanya *takut* dan gentar pada hukum Allah sahaja. Kalau pemimpin kita lantang di Bangsa-Bangsa Bersatu menyuarakan *hak asasi manusia*, kenapa takut mengahwinkan anak dara ikut cara Nabi untuk menjaga keselamatan wanita Islam didalam negara kita sendiri. Cuba kita menungkan **firasat** Nabi mengenai masa depan sesebuah negara yang ada kaitannya dengan wanita.

Nabi Muhammadlah manusia yang paling menyintai umatnya, yang paling berfikir tentang ketenteraman dan kebahagiaan manusia di akhir zaman ini, sebab jauh sebelum wafatnya beliau sudah memberi peringatan untuk umatnya dizaman kita. Umat akan rosak kalau

tidak hati-hati mengenai wanita, wanitapun akan rosak jika tidak hati-hati.

Tidak ada cubaan yang berbahaya sepeninggalku, yang melebihi berbahaya cubaan soal wanita.

(HR Buhkari Muslim).

Nikah lari: Bapa menuntut pisahkan anaknya

Oleh RAMLI ABD KARIM

KUALA LUMPUR 2 Mei — Keluarga kepada wanita yang dipercayai bernikah dengan seorang pegawai kanan Pusat Islam di negara jiran baru-baru ini, akan mengambil tindakan menghalang pendaftaran perkahwinan itu di mana-mana Jabatan Agama Islam di negara ini.

Bapa wanita tersebut, Mohd. Salleh Ibrahim, 64, berkata, tindakan itu bertujuan untuk memfakkan (memisahkan) pasangan itu yang bernikah membelakangkan keluarganya dan tidak berwalikan beliau selaku wali mubjir.

Menurutnya, pihaknya akan membuat aduan rasmi kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) esok bagi menyatakan bahawa beliau tidak pernah membenarkan anaknya itu dinikahkan tanpa berwalikannya.

Dalam hubungan ini, beliau yang dihubungi di kediamannya di sini, hari ini menjelaskan, beliau akan membawa bersama salinan laporan yang dibuat di Balai Polis Setapak bagi mendesak JAWI dan JAIS supaya tidak mendaftarkan perkahwinan pasangan itu jika mereka datang untuk berbuat demikian.

"Saya difahamkan pegawai itu kini tinggal di Kajang dan berusaha mendaftarkan pernikahan mereka di JAWI atau JAIS, oleh itu pihak-pihak berkaitan per-



MOHD. SALLEH

lu menghalangnya dan mengambil tindakan terhadap mereka," tegasnya.

Sabtu lalu, *Utusan* menyiarkan dakwaan Mohd. Salleh bahawa seorang pegawai kanan Pusat Islam bernikah dengan anaknya tanpa pengetahuan beliau dan menganggapnya keterlaluan memandangkan pegawai itu adalah bekas pengarah Jabatan Agama Islam sebuah negeri serta guru agama di beberapa surau di ibu kota.

Anak perempuannya itu tidak pulang sejak 19 April lalu manakala pegawai berkenaan menghilangkan diri dari rumahnya di taman perumahan yang sama selepas isteri beliau diceraikannya pada 12 April lalu.

Pegawai itu juga diminta meletakkan jawatan sebagai pengerusi madrasah di taman itu atas permintaan jawatankuasa dan penduduk kawasan berkenaan manakala Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdul

Hamid Othman, memberitahu bahawa pegawai itu akan dikenakan tindakan disiplin.

Mohd. Salleh berkata, sebelum ini beliau sudah pun merujuk kepada beberapa tokoh agama dan pegawai jabatan agama bagi mengetahui status pernikahan anaknya dengan pegawai Pusat Islam itu dan tindakan-tindakan yang diambil.

"Saya diberitahu bahawa ada peruntukan dalam undang-undang syariah bagi memisahkan pasangan itu dan jika mereka tinggal bersama, tindakan undang-undang boleh diambil dengan tuduhan bersekedudukan," katanya.

Menurutnya, tindakan itu adalah untuk mempertahankan maruah keluarganya kerana pegawai itu menghebohkan kepada kenalannya sebelum ini bahawa dia (pegawai itu) sudah pun datang meminang dan beliau (Mohd. Salleh) pula merelakan mereka bernikah.

"Semua dakwaannya itu palsu dan sengaja diada-adakannya untuk cuba menutupi kesalahan yang beliau lakukan," katanya.

Mengikut Seksyen 13 (a) Enakmen Kekeluargaan Islam Negeri Selangor 1984, sesuatu pernikahan tidak akan diakui sah dan tidak boleh didaftarkan di bawah enakmen tersebut sekiranya bapa kepada perempuan yang dinikahkan itu tidak bersetuju terhadap pernikahan itu.

IN THE HIGH COURT OF
MALAYA AT MELAKA
CIVIL SUIT NO OF 1985

BETWEEN

JOSEPHINE DORIS NUNIS ... PLAINTIFF

AND

DATUK SERI RAHIM THAMBY CHIK... DEFENDANT

STATEMENT OF CLAIM

1. The plaintiff is a spinster residing at No. 33 N, Jalan Bandar Hilir, Melaka.
2. The defendant is the Chief Minister, Melaka
3. The plaintiff first met the defendant at Melaka Strait Inn in early 1982. The plaintiff was then working at the Melaka Strait Inn as a hostess.

Teman lelaki Josephine berkata, Josephine telah membatalkan samannya terhadap Ketua Menteri Melaka Rahim Thamby Chik di Mahkamah Tinggi hari ini adalah kerana surat saman Josephine itu terlalu mudah dan pendek serta tidak cukup keterangan. Josephine tinggal dengan keluarganya di rumah pangsa tingkat 4. Hari ini dia tidak mahu menemui pemberita, hanya teman lelaki-nya yang menjadi orang perantaraan. Josephine berkata, dia tidak mahu mengambil tahu dan campurtangan dalam hal politik. Dengan itu dia mengambil keputusan untuk membatalkan samannya itu. Pada 13.9.85, Josephine menerusi peguamnya En. Karpal Singh telah ke Mahkamah Tinggi mengemukakan saman terhadap Dato Rahim Thamby Chik. Dia menuntut saman malu kerana tidak ditunaikan perkahwinannya dan ini telah mengganggu fikirannya.

4. The defendant befriended the plaintiff and used to take her out to various places including Federal Hotel Kuala Lumpur, Ming Court, Port Dickson, Banglo Kerajaan, Tanjung Kling, Melaka, the defendant's residences at Paya Ikan and Masjid Tanah, Melaka.

5. In early 1982 and on several occasions thereafter the defendant promised to marry the plaintiff.

6. In reliance upon the said promises, the plaintiff allowed the defendant to have sexual intercourse with her on various occasions at the places mentioned in paragraph 4 herein.

7. In August or September, 1982 the defendant requested the plaintiff to resign as hostess. The plaintiff duly complied with the request.

8. The defendant presented the plaintiff with a diamond ring, a watch and a camera.

9. On or about 10th March, 1984 the defendant broke off from the plaintiff without any reasonable cause. A few months

later the plaintiff saw the defendant at his office and requested him to keep his word by marrying her. However, the defendant refused to relent.


10. The plaintiff was ready and willing to marry the defendant. However, in breach of his promises to marry the plaintiff, the defendant has refused to marry her.

11. As a result of the defendant's acts, the plaintiff has suffered humiliation and mental anguish and has suffered loss and damage.

WHEREFORE the plaintiff prays for:-

- (a) Damages;
- (b) Costs and
- (c) Any further or other relief deemed fit and proper by the Honourable Court.

Dated this 12 day of September, 1985.


.....
Solicitors for the plaintiff

This statement of claim is filed by
Messrs Karpal Singh & Co., solicitors
for the plaintiff abovenamed, whose
address for service is at No. 67, 1st
Floor, Jalan Pudu Lama, Kuala Lumpur.

女郎祖瑟芬 撤消起訴 甲州首長

【本報訊】一名廿二歲的葡萄牙裔女郎瑟芬，因向甲州首長起訴，被撤消起訴。

瑟芬在甲州起訴甲州首長，指其向瑟芬提出一項起訴，指其與瑟芬有非法關係。

瑟芬在甲州起訴甲州首長，指其向瑟芬提出一項起訴，指其與瑟芬有非法關係。

瑟芬在甲州起訴甲州首長，指其向瑟芬提出一項起訴，指其與瑟芬有非法關係。

瑟芬在甲州起訴甲州首長，指其向瑟芬提出一項起訴，指其與瑟芬有非法關係。

瑟芬在甲州起訴甲州首長，指其向瑟芬提出一項起訴，指其與瑟芬有非法關係。

瑟芬在甲州起訴甲州首長，指其向瑟芬提出一項起訴，指其與瑟芬有非法關係。

瑟芬在甲州起訴甲州首長，指其向瑟芬提出一項起訴，指其與瑟芬有非法關係。

Terjemahan dari akhbar Sin Chew Jit Poh

Tarikh : 22.9.85.

Tajuk Berita : Gadis Serani Membatalkan

Saman Ketua Menteri Melaka.

21.9.85 Melaka, Gadis Serani keturunan Portugis, Josephine telah bersumpah untuk membatalkan samannya terhadap Ketua Menteri Melaka Dato Sri Rahim Thamby Chik.

Dato Rahim Thamby Chik berkata Josephine telah datang ke pejabatnya pada jam 4.10 untuk menghantar surat pembatalan terhadap saman tersebut.

Atip bin Ali,
KM 8, Alai 74560,
Melaka.
19hb. Dis. 1985.

YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad,
Presiden UMNO Malaysia,
merangkap,
Perdana Menteri Malaysia,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn,
Kuala Lumpur.

Melalui,
Encik Mohd Nor Azam,
Setiausaha Politik kepada
YAB Perdana Menteri.

YAB Datuk Seri Presiden,

PERKARA: TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP JOSEPHINE DORIS NUNIS
DAN KARPAL SINGH;

Adalah dengan hormatnya saya memaklumkan kepada YAB Datuk Seri Presiden bahawa pada 13hb. Disember, 1985 yang lalu, saya telah mengemukakan satu writ saman terhadap kedua-dua mereka yang tersebut di atas melalui Peguam Karam Singh Variah & Co. di Mahkamah Tinggi Melaka.

Untuk makluman YAB Datuk Seri, bersama-sama ini saya kembarkan salinan writ tersebut untuk tatapan YAB Datuk Seri.

YAB Datuk Seri, sebelum saya meneruskan surat ini selanjutnya, sukaiah saya menjelaskan latar-belakang diri saya untuk pengetahuan YAB Datuk Seri:

1. Menjadi Ahli Unde sejak 1960 dan sekarang sebagai Ahli Jawatankuasa UMNO Cawangan Alai, Bahagian Kota Melaka.
2. Bertugas sebagai seorang guru sejak 1960 dan sekarang mengajar di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka sejak tahun 1980.

YAB Datuk Seri, tujuan saya mengemukakan writ saman terhadap Josephine Doris Nunis dan Karpal Singh pada 13hb. Dis. 1985 yang lalu, ialah semata-mata untuk menebus semula maruah UMNO yang telah tercemar dari tindakan Josephine Doris Nunis dan Karpal Singh yang mengemukakan writ saman terhadap Datuk Seri Abdul Rahim Tambychik Ketua Menteri dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka.

Olih kerana sudah tiga bulan perkara ini berlalu dengan tidak ada sebarang saman malu terhadap kedua-dua mereka Josephine Doris Nunis dan Karpal Singh di ambil oleh Datuk Seri Abdul Rahim Datuk Tambychik selaku Ketua Menteri dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka, ianya telah memberi kesan yang amat buruk kepada Parti UMNO dan BN di Negeri Melaka.

Semenjak kes ini bermula pada 13hb. Sep, 1985 yang lalu, Parti PAS dan DAP telah secara terus terang berceramah dan berkempen memburuk-burukkan UMNO dan BN Negeri Melaka yang dipimpin oleh Datuk Seri Abdul Rahim Tambychik

Olih kerana tidak ada sebarang tindakan Parti untuk menebus kembali maruah UMNO yang sudah tercemar dan bertindak mengatasi kempen-kempen parti pembangkang, orang ramai khususnya sebahagian besar ahli-ahli UMNO mulai mempersoalkan slogan Kepimpinan Melalui Teladan, Bersih Cekap Amanah dan Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran.

YAS Datuk Seri Presiden, di dalam surat saya bertarikh 26hb. Nov. 1985 yang ditujukan kepada Ketua Menteri Melaka, saya telah memaklumkan bahawa saya akan mengambil tindakan undang-undang terhadap kedua-dua mereka Josephine Deris Nunis dan Karpal Singh, dan untuk itu saya menubuhkan Jawatankuasa Bertindak untuk memungut derma dari ahli-ahli UMNO bagi menampung perbelanjaan guaman.

Untuk makluman bayaran pendahuluan guaman sebanyak \$5,000/- telah dijelaskan, dan bakinya sebanyak \$15,000/- lagi akan dijelaskan sebaik sahaja Kes ini dibicarakan.

Untuk membiayai pembayaran tersebut, saya akan berusaha dan mengharapkan ahli-ahli UMNO mengulurkan derma sepertimana saya terangkan awal-awal lagi, tindakan undang-undang yang saya ambil terhadap Josephine Deris Nunis dan Karpal Singh, ialah untuk menebus kembali maruah UMNO yang sudah tercemar.

Untuk makluman YAS Datuk Seri, sejak perkara ini melatus berbagai-bagai perkara telah timbul secara menendak dari pihak-pihak tertentu terhadap diri saya, seperti menggunakan Pengarah Pelajaran Melaka untuk berjumpa saya bagi menarik balik writ tersebut, menggunakan beberapa orang untuk menemani saya sehingga jam 5.00 pagi, bertujuan untuk mengugut, dan pada malam kejadian writ tersebut dikemukakan Pegawai Tugas-Tugas Khas Ketua Menteri, Encik Mohd Ali Mohd Rustam telah menalipen saya selama 45 minit berunding untuk menarik balik writ saman yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi itu. Dan lagi atas arahan Datuk Seri Abdul Rahim sendiri, Ketua UMNO Bahagian Kota Melaka digunakan untuk meminta UMNO Cawangan Alai mengemukakan Mesyuarat Khas untuk memecat saya sebagai ahli UMNO Cawangan Alai.

YAS Datuk Seri Presiden, apakah tindakan saya ini demi untuk menyelamatkan maruah UMNO yang telah dicemarkan oleh Josephine Deris Nunis dan Karpal Singh dari tindakan Datuk Seri Abdul Rahim itu melanggar disiplin parti? Boleh saya memohon jasa baik YAS Datuk Seri Presiden untuk memberi penjelasan yang adil dalam perkara ini.

YAS Datuk Seri, sepatutnya Datuk Seri Abdul Rahim selaku Ketua Menteri dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka serta kesemua ahli-ahli UMNO yang lainnya, berterima kasih kepada saya kerana bertindak untuk menebus maruah UMNO yang sudah dicemarkan oleh Josephine Deris Nunis dan Karpal Singh.

YAS Datuk Seri, untuk mengakhirinya saya meminta maaf kepada YAS Datuk Seri jika tindakan saya ini tidak disukai oleh Datuk Seri Rahim selaku Ketua Menteri dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka, yang mana YAS Datu Seri Presiden sendiri melantiknya.

Sekian, terima kasih.

Saya, yang ikhlas,

Abdullah bin Ali
(Abdullah bin Ali)
4043168

Ramalan yang menjadi kenyataan (Allahu Akbar)

“Di udara ya di udara juga bung. Tapi di udara pun kita boleh bercakap serius, bukan?”

“Jadi bapak serius dengan ramalan itu?”

“Kalau bung bermaksud pendapat saya, ya itu pendapat saya yang jujur. Tidak mustahil ketua orang-orang Arqam itu yang bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia suatu hari nanti, sekiranya mereka beramai-ramai menyertai UMNO yang baru. Orang-orang PAS dulu pun pernah jadi menteri dalam kerajaan Barisan Nasional.”

Direnungnya lagi muka saya. “Apa bapak fikir orang-orang Arqam itu akan masuk UMNO?”

“Kenapa tidak? Apa bung tidak tahu bahawa *politic is the game of the possible*? Anwar Ibrahim dulu orang ABIM. Dia masuk UMNO, hari ini dia sudah duduk di kerusi nombor tiga. Itu dia masuk seorang diri saja. Tapi Ustaz Ashaari kalau dia masuk seluruh orang Arqam di Malaysia akan ikut masuk. Tidak kurang dari 50,000 orang.”

“Apa bapak Alattas benar-benar serius?”

“Saya benar-benar serius dengan apa saja yang akan menentukan masa depan agama saya, bangsa saya dan negara saya.”

“Itu Musa Hitam bagaimana? Apa bukan dia yang bakal jadi Perdana Menteri Malaysia?”

“Musa sudah terlewat bung. Imejnya sudah kacau. Dia bukan lagi calon pemimpin kepada orang-orang Melayu di Malaysia yang sudah menerima Islam sebagai addin, sebagai cara hidup yang dihayati dalam kehidupan setiap waktu. Musa sudah *out*.”

“Kan dia masih muda. Kami orang-orang Indonesia berfikir pasti dialah calon Perdana Menteri Malaysia sesudah Mahathir. Kalau begitu Tengku Razaleigh pula bagaimana?”

“Tengku Razaleigh pun dua kali lima saja dengan Musa

Dari buku TALQIN UNTUK UMNO

Ramalan yang menjadi kenyataan (Allahu Akbar)

Hitam, sebab itu baru-baru ini mereka boleh berpakat. Sekadar bikin suasana jadi sibuk bolehlah. Hendak memerintah Malaysia tidak mungkin, kerana rakyat tahu siapa mereka yang sebenarnya. UMNO yang baru perlukan tokoh-tokoh agama yang memiliki *the mind Al Quran builds*, untuk membantu Dr Mahathir, kerana Dr Mahathir sendiri secara sedikit demi sedikit sedang memimpin UMNO ke arah itu, arah yang dikehendaki oleh Al Quran. Ustaz Ashaari dan Al Arqam menepati keperluan ini."

"Bapak ini sudah fanatik nampaknya."

"Di sini bukan fanatik soalnya bung. Kita mesti kaji pengaruh dunia sebelum memandang politik dalam negeri. Kita harus lihat politik hari ini dari pandangan global. Di Malaysia hari ini, ada rakyat sudah mula menerima Islam sebagai addin. Kerajaan akhirnya pasti ikut kehahuan rakyat. Rakyat itu macam air. Air jugalah yang akan menang akhirnya."

"Kalau begitu Datuk Sanusi anak dari Aceh itu bagaimana? Apa peluangnya untuk jadi Perdana Menteri?"

"Sanusi anak Aceh itu memang pintar orangnya. Tapi dia sudah kena belah macam Ghafar Baba juga. Gagah dia gagah anggota badannya saja, tapi sakit yang lain-lainnya masih ada, dan orang UMNO kurang senang dengan sikapnya. Sanusi ini lain sikit. Orang ramai tidak bisa mengerti perangnya. Orang yang kepintarannya luar biasa memang begitu. Nak buat macam mana, nasib dia malang sikit. UMNO mati masa dia jadi Setiausaha Agungnya. Dulu dia macam hero, tapi sekarang Sanusi senyap sunyi, macam main sembunyi-sembunyi, kenapa?"

"Kalau gitu sukar hendak tentukan pengganti Mahathir."

"Bung boleh beritahu saya siapa selepas Suharto?"

"Ini persoalan berat ni. Ini masalah negara."

"Bukankah menjadi kewajipan penulis memikir dan membincangkan masalah negara? Apakah penulis dan wartawan

Dari buku TALQIN UNTUK UMNO

REVOLUSI KEROHANIAN

NAMPAKNYA SAYA terpaksa membuat ramalan untuk pemimpin politik dunia dan bukan lagi berlegar dalam negara sendiri kerana bukan Abuya Ashaari sahaja yang sudah pandai turun ke padang jadi *peramal* tapi penulis-penulis upahan di Amerika pun sudah menunjukkan kecenderungan mereka membuat ramalan menuju abad ke 21 dan bentuk-bentuk ramalan ini semakin hebat dijalankan di Barat. Mereka terpaksa berbuat sesuatu untuk mempertahankan *ego* mereka. Mereka terpaksa menulis segala macam teori ekonomi untuk mengekalkan kuasa yang tempohnya sudah tamat dan yang peliknya barang yang terbuang yang sudah tak laku lagi di Barat menjadi rebutan cerdik pandai di Malaysia.

Peter Drucker penulis buku **Post Capitalis Society 1933** dengan berani telah membuat analisis yang berbentuk *ramalan* kerana keinginannya untuk melihat sebuah masyarakat baru di bawah payung kapitalisme, iaitu masyarakat berteraskan *ilmu* pengetahuan. Apakah Peter Drucker memikirkan yang Ibnu Arabi, Ibnu Khaldun, Imam Ghazali, Syed Qutub, Hassan Albana

dan Syed Abu Ala Maududi, bukan sumber pengetahuan? *Keilmuan* cendekiawan inilah yang dicari dari Barat, tapi disebabkan butanya *matahati* mereka yang berada di menara gading di negara-negara Islam, pemikir dan penciplak kafir pula yang diagung-agungkan oleh mereka.

Saya tak bersetuju dengan pendapat Peter Dracker kerana masyarakat baru dibawah payung kapitalisme yang diramalkan itu akan tinggal sebagai satu angan-angan belaka tanpa Al-Quran yang diturunkan sebagai *blueprint* untuk manusia. Dan Nabi Muhammad SAW yang menjadi contoh terbaik yang sepatutnya menjadi ikutan dunia dan mereka juga yang memilih Muhammad manusia yang teristimewa didunia.

Apa juga ideologi yang dibawa oleh manusia akan *binasa*, jika ianya tidak berpandukan Al-Quran seperti yang telah berlaku kepada ideologi yang dibawa oleh Karl Mark dalam Deskapitalnya, kerana manusia itu sendiri bersifat baru dan yang dijadikan pasti akan *binasa* melainkan penciptanya Allah aza wajala.

Menurut Drucker, *kapitalisme* dan *teknologi* hanya mengambil masa 150 tahun (1750-1900) untuk menguasai dunia dan sekaligus mewujudkan tamadun dunia. Tapi Drucker tidak menceritakan *bala bencana* yang telah terjadi dan akan berlaku kepada tamadun dan teknologi yang dibawa oleh Barat, yang telah mengenenpikan keagungan dan kebesaran Allah.

Drucker terlupa hidup ini bergantung kepada hukum imbang *kapitalisme* berkembang kerana ada imbangannya *komunisme* dan Islam serta Al-Quran menjadi '*the living miracle*' kerana hukum *imbang, keadilan dan kebenaran*.

Drucker memperkecilkan tamadun Cina, India dan Islam yang katanya tidak membawa apa-apa *transformasi*, Drucker berpendapat bahawa *kapitalisme* Barat dan *Revolusi Industri* telah berjaya membawa *transformasi* radikal. Sebenarnya dakwaan Drucker itu semata-mata untuk mengaburi mata supaya mereka tidak ternampak kehancuran ekonomi politik dan kehidupan manusia yang mereka ciptakan.

Hanya manusia yang tak mempunyai *mata ketiga*, yang pandangannya cuma ke Amerika sebagai *Tuhan 'super power'* saja sanggup menggantikan Tuhan yang dilangit dan dibumi dengan kerajaan *Firaun, diktator* dan para Presiden. Mereka yang ada *infiriority complex* saja yang sanggup menyembah pemimpin dunia selain dari Allah tanpa mereka sedari.

Mudah-mudahan Drucker yang baru saja datang ke Kuala Lumpur tidak dapat mempengaruhi para pemimpin kita yang cepat terpedaya oleh apa saja yang dilihat di Barat. Padahal mereka menyedari tentang kebesaran dan keagungan Tuhan.

Mudah-mudahan kapal terbang dan kapal-kapal buruk

yang datang dan benda-benda urusan termasuk *ilmu* dan *budaya* dari barat tidak dianggap ada nilainya yang tersendiri. Akhirnya berapa ramai juruterbang kita yang mati terhempas? Apa lagi mereka yang telah dipengaruhi selama ini bahawa Amerika itu adalah '*super power*' yang boleh menentukan politik dunia dan Presiden USA sudah macam *Tuhan* didunia ini. Dan mereka dengan kebodohnya sanggup memperhambakan diri menyembah dan menghidupkan *puaka* dunia yang *beraja di mata bersultan dihati*. Tanyalah diri apakah kita ini masih hidup dizaman *hamba abdi* dan kenapa *orang putih* itu **Tuan**, kita ini *kuli*?

Dengan wujudnya orientasi *ilmu* pengetahuan dalam kerangka kapitalisme, Drucker dan pemikir-pemikir upahan dari Amerika seperti Francis Fukuyama, Huntigen Alvin Tofler dan lain-lain akan terbenam dibawah keruntuhan dan keilmuan barat yang hanya menggunakan sebelah dari otak yang didakwa oleh mereka kononnya telah berjaya mewujudkan tamadun dunia. Ini adalah **firasat** saya, dan sekiranya anda juga dapat membukakan *matahati* anda, anda akan bersetuju dengan **firasat** saya.

Sejarah akan membuktikannya kerana kita telah melihat keruntuhan demi keruntuhan pemimpin dan empire-empire yang jauh lebih gagah dari Amerika menjadi debu sejarah dan yang terakhir *British empire* menjadi sebuah negara industri yang miskin. Jika *ilmu* yang dibawa oleh mereka itu bagus kenapakah barat sedang

menuju kehancuran! Kenapa Amerika menjadi *gengstar* besar dunia, *rompak, samun, tipu, peras ugut*, bunuh dengan kejam manusia-manusia yang tak berdosa? Manusia macam inilah kita nak jadikan guru kita?

Mereka tahu Islam akan bangkit, mereka tahu dan percaya tentang Imam Mahdi dan kedatangan Nabi Isa a.s., dan mereka mula sedar bahawa *bala bencana* yang mula menimpa negara mereka bukan sekadar *nasional disaster* tapi pembalasan *bala* yang Allah turunkan kerana *kekejaman, kezaliman dan keangkuhan* mereka. *Ribut, taufan, gempa bumi, banjir, AIDS, sakit jiwa* dan kemiskinan yang menimpa rakyat Amerika adalah kerana **doa** orang-orang Islam yang teraniaya.

Amerika sudah tua dan sepatutnya bila orang tua, apa lagi terlalu tua, miskin dan sakit-sakit, mereka mesti mencari *Allah*. Kerana yang hidup pasti mati. Sekarang mereka dalam keadaan *hidup segan mati tak mahu*.

Apabila umat Islam menyedari bahawa musuh-musuh mereka berada di jurang kejatuhan, sudah hendak berkubur, kenapa umat Islam tak bersatu dan tinggalkan mereka? Pertama, bebaskan diri dari *penjajahan pemikiran* yang menyebabkan kita jadi *bebal* sedangkan kita kaya dengan *ilmu* pengetahuan.

Clinton sepatutnya sebagai Presiden negara itu menerima Islam, menerima Allah sebagai Tuhan dan Muhammad sebagai pesuruh Allah sekiranya Amerika

mahu selamat. Itukan cara yang lebih baik dari mengikut kaum Yahudi yang telah *dilaknat* oleh Tuhan.

Sejarah telah membuktikan seorang manusia kecil seperti Nabi Musa a.s., boleh menjatuhkan *Firaun* dan Nabi Ibrahim a.s., boleh menjatuhkan Namrud dan yang terbaru di Iran Ayatullah Khomeini telah menjatuhkan raja segala raja, Shah Iran yang dilindungi oleh Amerika dan Barat. Jelas Amerika telah tewas kepada kerajaan Islam Iran, gagal untuk menjatuhkan Ghadafi dan Libya, dan terpaksa bergabung dengan beberapa negara untuk menentang Saddam Hussien. Yang jatuh Bush, Saddam Hussien masih ditakuti dan digeruni. Apakah kita masih buta tak dapat melihat ini semua?

Kepada mereka yang dapat melihat betapa takutnya Amerika menghadapi kebangkitan Islam terutama Yahudi yang menjadi *master mindnya* akan mentertawakan Amerika kerana orang-orang Yahudi sudah mahu berkumpul pulang ke Israil yang mereka dakwa sebagai negara mereka. Akhirnya apa akan terjadi kepada ekonomi dan politik rakyat Amerika sesudah mereka menginsafi yang mereka telah menzalimi umat Islam yang tak berdosa atas kehendak Yahudi. Mereka kini takut dengan bayang-bayang sendiri.

Amerika malu hendak mengaku bahawa yang terpenting bagi mereka ialah memikirkan bagaimana hendak menanggung beban hasil dari pengetahuan yang mereka cipta yaitu kuasa *nuklear* yang sudah tidak

mampu dibiayainya lagi. Bagaimana membiayai tentera dan senjata yang serba canggih, nasib baiklah mereka dapat memperkudakan kerajaan Arab Saudi yang berfahaman wahabi untuk menghancurkan bangsa Arab dari rumpun mereka sendiri. Kita tidak memusuhi Arab Saudi tapi kita harus berbuat sesuatu untuk menyedarkan mereka supaya *kebebalan* mereka, tak merugi dan membinasakan umat Islam diseluruh dunia.

Rakyat Amerika membiarkan diri mereka ditonggang oleh Yahudi. Bangsa yang sudah dilaknat oleh Allah. Yahudi tahu dan sedar tidak ada tempat baginya di syurga, maka apa lagi yang harus mereka buat melainkan menjahanam dan memporak-perandakan umat manusia supaya mengikut saja Yahudi ke neraka. Dengan pengaruh *media massa* dan *media cetak* dan segala bentuk habuan untuk jadikan syurga dunia yang dicipta menjadikan kita semua lupa dan lekakan akhirat perjalanan yang sebenarnya.

Kemana perginya para cendiakawan Islam yang sepatutnya bangun dan menerangkan kepada saudara-saudara mereka bahawa *zaman kita untuk membangun sudah bermula, 'so go to hell with Amerika'*. Umat Islam mesti kembali bersatu dan berpeganglah pada tali Allah, Allah pasti akan mengangkat kita semua.

Saya percaya Putera Charles yang akan menjadi Raja England tak lama lagi akan memeluk agama Islam disebabkan Islam saja yang dapat menyelamatkan

England dari keruntuhan ekonomi dan moral. Lagi pun pengikut agama protestan sudah menjadi puak minority di England yang mana gereja-gereja sudah banyak yang kosong dan diantaranya sudah pun ada yang dijual. England sudah tak boleh bergantung hidup kepada Amerika. Negaranya juga dikuasai oleh Yahudi juga.

Dalam hal ini kita umat Islam patut merasa syukur kerana semiskin-miskin orang Islam belum pernah menjual masjid kerana kekuatan imannya. Saksikanlah masjid-masjid dalam Kuala Lumpur, setiap hari jumaat penuh sesak orang bersembahyang dan terlambat sikit jangan harap dapat tempat dan begitu juga di Indonesia, dan bila tiba pada hari raya dalam masjid sudah tak cukup tempat sehingga para jemaah terpaksa bersembahyang di tanah lapang dan di jalan-jalan raya. Dan keadaan ini menambah kebimbangan pihak Amerika dan sekutunya yang tak sampai lima peratus pergi ke gereja. Yahudi berjaya menghancurkan kepercayaan orang-orang Kristian terhadap Tuhan, agama Kristian cuma tinggal pada nama, sudah diporak peranda dan dijadikan pertubuhan sosial.

Seruan supaya pemimpin Amerika dan England menerima Islam sepatutnya dibuat oleh raja-raja Arab yang turut sama menerima Amerika sebagai *Tuhan (super power)*. Mereka sepatutnya mengIslamkan pemimpin-pemimpin Amerika dengan kuasa ekonomi yang Allah kurniakan kepada mereka, dari bumi yang kering kontang menjadi kaya raya dan siapa lagi kalau

bukan orang-orang Arab yang mesti membelanjakan kekayaan mereka ke jalan Allah. Bukannya menghabiskan khazanah negara untuk membeli senjata yang sudah tidak mampu dibiayai oleh Amerika untuk membunuh sesama bangsa mereka.

Inilah masanya pemimpin-pemimpin Islam dari dunia Arab menukar haluan dan membantu negara-negara membangun untuk menghapuskan *tekanan* dan *perasugut* Amerika terhadap mereka. Sekurang-kurangnya ada imbang, sudah cukup mereka tolong Amerika, sudah tiba masanya mereka bantu negara-negara membangun supaya Amerika tidak merasakan dia saja Tuhan didunia.

Inilah pembalasan kepada puak-puak keluarga Arab Saudi yang telah memushui para wali Allah, memusuhi umat Islam yang menziarahi perkuburan, memusuhi *yakazah* dan *tawasul*. Puak yang terpaksa mencipta satu mazhab yang bernama *Wahabi* untuk kepentingan politik kerabat di Raja Saud. Dan menggunakan pertubuhan ini untuk mencetuskan permusuhan sesama Islam disebabkan ulama ahlul sunnah tidak mempunyai kekuatan ekonomi dan pengetahuan, mereka tak berdaya mempertahankan keagungan mazhab yang mereka anuti.

Kita yang sepatutnya menggunakan wali Allah yang Allah jadikan untuk menjaga dan menyelamatkan dunia tanpa membayar kos satu sen pun kerana Aulia Allah berkerja semata-mata untuk Allah, tapi kita gunakan

syaitan-syaitan besar yang menjadi musuh besar Islam kononnya sebagai penyelamat umat Islam di negara kita sedangkan kita lihat bagaimana zalimnya orang kafir terhadap saudara-saudara kita.

Apakah *matahati* kita sudah buta? Islamikkah kita bersubahat dengan orang kafir musyirik yang sedang menghancurkan saudara-saudara kita umat Islam yang tak berdosa? Yang menjadi amalan kerabat diraja Saudi bersekongkol dan sujud kepada kekuasaan kuffar untuk membunuh umat Islam yang menjadi jirannya sendiri. Nauzubillah hi minal zalik... Kemana perginya *hati perut* kita?

Keluarga di Raja Arab Saudi mengamalkan dasar pecah perintah kerana mereka takut kepada kekuatan saudara-saudara mereka sendiri maka melalui *ulama* didikan mereka, *ulama* yang ada dalam *payroll* mereka, supaya mencetuskan permusuhan, supaya puak-puak yang ada didalam jemaah Islam sentiasa bertelagah, mengkafirkan antara satu dengan lain.

Nampaknya *Wahabi* sudah memadamkan dari rukun iman mempercayai kuasa-kuasa ghaib yang datangnya dari Allah. Mereka lebih percaya kepada bala tentera Amerika.

Itulah akibatnya bila manusia tidak mengenal *Tuhan*, maka *hantu* dikatanya *Tuhan*, Amerika adalah *syaitan besar* yang menimbulkan porak peranda dunia. Amerika

bersama bangsa-bangsa bersatu yang terdiri dari umat Islam melakukan *kezaliman* dan *kekejaman* terhadap negara-negara Islam sendiri. Kenapa kita tak cari jalan dan tinggalkan saja bangsa-bangsa bersatu?

Kenapa umat Islam tak boleh bersatu dan tubuhkan bangsa-bangsa bersatu yang terdiri dari negara-negara Islam saja? Jawabnya adalah kerana kita tak *berilmu*, tak berani *bercermin diri* dan didalam negeri kita leka bermusuhan sesama sendiri?

Ulama kita leka menuduh *puak* yang tak tunduk kepada *puaknya* sebagai *kafir*, sebagai *sesat* dan ada ulama yang tertentu yang menggunakan ayat Quran untuk menghukum mereka yang tak sependapat dengannya kafir dan dihalalkan membunuh mereka.

Hutang Amerika sampai bila pun tak boleh bayar tapi umat Islam yang kaya raya yang berjumlah lebih dari satu billion leka bertelagah dan tidak yakin pada kekuatan diri, takut nak berbaik dengan umat Islam yang berlainan mazhab. Kalau macam itu sampai bila pun kita asyik menyembah kafir yang dilaknat oleh Allah. Sedangkan setiap waktu umat Islam memuja *Allah yang maha besar, Allah yang maha berkuasa* tapi dalam masa yang sama kita semua bersetuju bahawa manusia *laknat, syaitan besar* itu juga yang mempunyai '*super power*'.

Islam akan bangkit dinegara kita, bunga-bunga tentang

kebangkitan Islam sudah mula menonjol dan mendapat perhatian dunia. Dunia pun sudah mula menyedari bahawa hanya pejuang Islam dimana pemimpinnya mempunyai *kekuatan kerohaniannya* saja yang dapat menggunakan politik dan ekonominya dengan sendirinya menjadi kukuh dan dapat mempengaruhi manusia. Tapi kita diharamkan supaya percaya kepada kuasa-kuasa ghaib yang ada pada manusia, biar bagaimana pun *keimanan* adalah milik *individu*.

Maka apalah salahnya kita mengkaji saranan mengenai *revolusi kerohanian* yang dibawa oleh Dr. Yusof Nor dalam bukunya **'Ikhtisar Ilmu Tasawuf'** yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka pada tahun 1978 disalurkan ke dalam *minda* para pemimpin politik terutama ahli UMNO yang rata-rata telah menumpukan diri melonggok kekayaan, menambahkan saham, memikirkan hari sakit dan hari tua tapi tidak memikirkan *kerohanian* dan akhirat sedangkan negara-negara Islam yang lain mulai menerima Malaysia sebagai negara Islam yang boleh dijadikan contoh.

Kerana ahli UMNO telah memilih Dr. Yusof, selaku tokoh sufi untuk menduduki tempat yang tertinggi di Majlis Kerja Tertinggi UMNO selama tiga penggal berturut-turut seperti juga mereka telah memilih bekas tokoh ABIM, Menteri Kewangan Malaysia Datuk Sri Anwar Ibrahim sebagai bakal Perdana Menteri. Maka mereka patut mengimbangi antara dunia dan akhirat.

Kita tidak nafikan malahan kita bangga dengan pertumbuhan ekonomi tapi kita juga patut kesal dan merasa sedih kerana *keruntuhan moral* dan bertambah buruknya *penyakit sosial* dibawah kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri kita yang sudah cuba mempertahankan pemimpin Pemuda yang mungkar yang telah rosak akhlaknya. Syukur Alhamdulillah akhirnya dengan desakan Pemuda dibawah kepimpinan Datuk Nazri, Rahim disingkirkan.

Namun apakah kita tidak merasa kecut perut merasa gentar tentang *kejatuhan moral, akhlak* dan pendidikan anak-anak dibawah kerajaan dimana UMNO yang menjadi tonggakunya? Bolehkah kita melonggokkan semua kesalahan kepada Dr. Mahathir saja? Kerana ada beberapa orang dikeliling Mahathir yang mahukan kemungkaran dalam UMNO berlarutan.

Sudahlah Ketua Pemudaanya melakukan kemungkaran mengikut nafsu dan pucuk pimpinan Wanita UMNO pula tidak menutup aurat yang diperintah oleh Allah dan menentang akidah secara terang-terang. *Kalau guru kencing berdiri salahkah anak murid kencing berlari?*

Nak salahkan anak gadis lepak jadi *bohsia*, jadi GRO menentang hukum Allah, mereka belajar dari siapa kalau bukan kaum ibu Islam yang menunjukkan sifat tidak taat dan tidak takut pada perintah Allah? Mudah-mudahan dalam pergerakan Wanita juga, ada Wanita yang berani menegur pemimpinnya yang menggunakan

kedudukan sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya tidak menggunakan kerusi selaku pengerusi jawatankuasa untuk membuat keputusan dan *menfaraidkan* milik saham bumiputra kepada menantu, kaum keluarga dan puak-puaknya saja seperti yang dilaporkan olehnya di Dewan Rakyat. *Orang berak tengah jalan, manakan hendak mengaku.*

Datuk Seri Rafidah Aziz menafikan beliau menggunakan kuasa mutlak ketika menawarkan 1.5 juta unit saham Leader Universal Holdings Bhd kepada menantunya Fazrin Azwar.

Rafidah berkata, saham lain yang diperuntukkan kepada Fazrin Azwar ialah First Allied Corporation Berhad (FACB) sebanyak 4,173,910 unit yang juga atas perakuan syarikat sendiri.

Berita Harian
19hb. Oktober 1994

Kalau Barisan Nasional boleh mengambilalih Sabah dari PBS, tak mustahil UMNO dibawah pimpinan Timbalan Ketua Perhubungan Annuar Musa akan mengambilalih Kelantan dari PAS, tapi Wanita UMNO kena ikut cara Islam. Harta milik negara yang diamanahkan pada kita, kita kayakan anak menantu kita saja, di dunia mungkin lepas, tapi hukum *instant* hari ini belum tahu lagi.

Para ahli UMNO patut mengadakan satu *'general overhaul'* dalam diri dan organisasi. Negeri yang dianggap sebagai syurga kepada banyak negara didunia ini, mudah-mudahan menunjukkan gambaran syurga yang sebenarnya. Kita harus menghapuskan imej bahawa kerajaan yang ada ini takut pada dakwah dan tidak anti Islam.

Penghormatan rakyat pada mulanya mulai luntur pada Dr. Mahathir bila Ashaari dan keluarganya ditangkap dibawah ISA dan nasib baik Bukit Aman mendapat kebebasan sepenuhnya. Kalau macam penyiasatan kes Rahim di Melaka tentu mereka kecewa. Rakyat hari ini cuma pandang *kerusi Perdana Menteri* dan *kuasa yang ada pada Menteri Dalam Negeri* dan orang UMNO terpaksa takut pada Presiden Parti semata-mata kerana mahu menentukan yang mereka boleh dapat kerusi dipilihanraya akan datang. Tapi Presiden parti jangan lupa bahawa yang menentukan kemenangan ialah rakyat, kuasa berada ditangan rakyat.

Biar bagaimanapun, kita hormati keberanian Nazri meminta maaf kerana cara kasarnya, dia menentang Mahathir dan keberanian Mahathir tunduk kepada suara Pemuda dan keputusan Majlis Kerja Tertinggi. Syukur pada Allah, semua ada hikmahnya.

Buku yang sedang anda baca ini bukan buku *tasauf*, saya juga bukan seorang guru *tarikah*, saya cuma seorang ahli *firasat* dan saya percaya hanya melalui *firasat* kita

dapat melihat apa yang ada didalam *hati* dan didalam *fikiran* Dr. Mahathir seperti *mimpi* dan *wawasan* yang dicita-citakannya. Mahathir sudah dapat melihat tahun 2020 kerana Mahathir adalah seorang yang mempunyai *firasah* dari segi membangunkan ekonomi negara saja.

Mahathir mempunyai *wawasan* yang tidak ada pada Perdana Menteri sebelumnya dan tak ada sebab kalau Perdana Menteri boleh nampak sebatu jauhnya sedangkan kita cuma boleh nampak sejengkal. Janganlah *mimpi* yang indah itu jadi satu *igauan* kerana kita tak dapat melihat penyakit yang sedang subur dalam masyarakat kita, akibat kita mengejar dunia dan mengeneipkan agama seperti apa yang kita lihat hari ini.

Kita telah melihat bahawa *revolusi mental* yang dicetuskan oleh Datuk Senu tidak membawa *kebaikan* kepada agama dan bangsa, kita juga telah lihat negara-negara maju dengan *revolusi perindustrian* tanpa imbalan dari *kerohanian* yang pasti ia merosakkan dunia dan isi alam maya ini. Kekayaan yang dicapai mereka menerusi ekonomi hanya untuk beberapa orang gergasi yang tidak boleh membawa *rahmat* dan *kedamaian* kepada negara tersebut.

Kalau *revolusi perindustrian* dan *revolusi mental* yang dipropagandakan itu hanya untuk mengkayakan orang Melayu melalui perniagaan *korporat* tapi *kerohanian* tidak diutamakan, ia tak akan membantu meninggikan taraf hidup bumiputra dan umat Islam

amnya kerana sifat *tamak* yang ada dalam diri setiap manusia pasti menghancurkan diri sendiri.

Kita semua tahu sekiranya dia seorang *peniaga* yang tak mempunyai asas agama dan tak beriman, dia cuma nak cari untung dan sedikit pun tidak menitik berat kepada keadilan dan kebajikan. Siapa pun mereka tak takut, hatta Tuhan sekali pun mereka tak takut, yang mereka takut rugi. Siang malam, pagi petang yang ada dalam kepala hingga sewaktu melakukan umrah ditanah suci masih nak tahu harga pasaran turun naiknya saham mereka.

Tidak beriman seseorang yang boleh tidur nyenyak sedangkan ada jirannya yang tidur dalam keadaan yang lapar. Islam mewajibkan zakat, dan menggalakkan sedekah serta amal jariah lainnya, yang kaya menolong yang miskin. Bukan yang sudah kaya nak pulun semua kontrak, semua jenis perniagaan untuk keluarga sendiri saja.

Tapi bagi mereka yang takut cuma rugi, tidak akan memperdulikan saudara seagama hatta saudara seibu sebapa, yang penting *sudah kaya hendak kaya lagi*. Orang kaya mesti *lokek*, orang kaya tak mengenal puas melainkan yang beriman, yang sedar mencari kekayaan bukanlah menjadi matlamat hidup tapi mencari kekayaan untuk menuju akhirat.

Sebab itu mereka yang menjadikan *kekayaan* sebagai

matlamat hidup, sentiasa hidup dalam kerugian, kaya kebendaan tapi hidupnya resah gelisah dan Allah menurunkan segala macam penyakit kepada mereka dan keluarga mereka yang memakan *hak Allah*. Tuhan turunkan kepada diri dan keluarga mereka yang makan *harta anak yatim, hak fakir miskin* akhirnya kekayaan yang banyak itu menjadi beban dan *menyeksa* hidup disebabkan penyakit *tamak* dan *bakhil* hingga mereka terlupa bahawa manusia yang dibenci Allah adalah manusia yang *bakhil* akhirnya orang yang *bakhil* menjadi musuh manusia.

Kita dah lihat orang-orang yang terkaya didunia adalah terdiri dari umat Islam dan dimana juga ada Islam. Walaupun di negeri Cina. Dari bawah tanah fookian Allah berikan minyak tapi kerana *kerohanian* kita tidak kukuh dan mampat kita masih seperti *buih-buih diatas air*, contohnya raja-raja Arab yang kaya raya begitu juga dengan saudagar-saudagar mereka kerana *mata hati* mereka buta, tak ternampak akan kemiskinan dan kesengsaraan saudara mereka diseluruh dunia. Mereka *tutup mata, tutup telinga* dan *tutup mulut* melihat kekejaman kuasa besar menganiayai umat Islam diseluruh dunia. Mereka sudah tenggelam di lautan kemewahan, kelazatan dan kenikmatan duniawi.

Apa yang berlaku kepada ahli perniagaan di Barat pasti akan terjadi pada mereka, *matlamat* hidupnya cuma hendak mencari kekayaan semata-mata kerana manusia *korporat* di barat dan kaum *kapitalis* yang

berada dimana juga adalah jenis manusia yang sama, *tamaknya*, ada satu gunung emas mahukan sepuluh lagi. Beza *korporat* dan *kapitalis* cuma sebutannya saja. Tujuannya ialah untuk mencari kekayaan dunia semata-mata dan apa yang telah berlaku kepada Amerika, negara bangkrup dan termiskin didunia hari ini tak mustahil berlaku pada negara kita, dimana yang kaya akan bertambah kaya dan yang miskin jatuh melarat menjadi papa kedana. Dan akhirnya ia akan menimbulkan bibit-bibit *revolusi* yang membawa kehancuran kepada negara tersebut.

Apalah yang kita hendak belajar dari manusia yang mencipta komputer kemudian mencipta robot supaya dicontohi oleh manusia sedangkan antara mereka dan robot adalah sama *tak berhati perut* dan tak beragama.

Saya berpendapat jika sekiranya negara kita dapat mengadakan satu *revolusi kerohanian*, menyedarkan kepada umum betapa pentingnya *ilmu tasauf*, ianya akan menjadi satu contoh kepada negara-negara Islam yang lainnya kerana Malaysia kini sudah mula menjadi **pusat rujukan** (*center of referance*) bagi dunia Islam dan bukan saja masyarakat berbilang kaum dan agama dapat hidup bersama dalam keadaan aman dan sentosa. Semoga umat Muhammad s.a.w., yang berbeza mazhab juga tidak terus menerus bermusuhan dalam cara mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Nabi Muhammad SAW telah *merevolusikan*

kerohanian para sahabat dengan *revolusi kerohanian* melalui 13 tahun pendidikan *tauhid* untuk membangunkan Islam ditempat manusia jahiliah yang jauh lebih kejam dari keadaan manusia hari ini dan rasul kita berjaya. Pemimpin mesti belajar mengikat hati pengikut-pengikut melalui *kerohanian*. Ilmu *kerohanian* atau *tasauf* ini tak patut dibiarkan ditangan guru-guru *tarikah* saja. Ia patut diperjelaskan kepada umum supaya orang-orang syariat tidak hidup terabara-raba dalam terang.

Untuk menangani apa yang sedang berlaku diseluruh dunia, kita umat Islam perlu melihat diri kita *dari dalam*, kita perlu tahu *kelemahan* dan *kekuatan* yang ada didalam diri kita, seandainya kita tak mahu kekal sebagai *buih-buih dipermukaan air* yang lemah dipermainkan ombak kesana kemari. Satu billion umat dengan kekayaan minyak dan lain-lainnya sudah tentu kita juga boleh menjadi satu **kuasa besar** dan mempunyai bangsa-bangsa bersatu yang terdiri dari negara Islam dan kita juga boleh mempunyai kuasa veto kita sendiri.

Menerusi **firasat** yang ditunjukkan didalam ayat Quran dari sudut *kerohanian* akan mengubah yang *lemah* menjadi *gagah* dan *perkasa*. Sanggupkah anda melapangkan masa mempelajari asal usul kejadian manusia dan untuk apa manusia dijadikan? Apa akhirnya akan terjadi pada manusia? Jangan leka dengan dunia semata-mata dan berfikir, anda boleh terjadi macam itu saja. Ada kuasa yang menjadikan anda, dan anda

terhutang hidup dan nyawa kepada kuasa tersebut, *apakah kuasa itu?*

Kelahiran ilmu **tasauf** Islam boleh dianggap sebagai satu **revolusi** yang menyeluruh terhadap semua kumpulan yang ada dalam lingkungan keIslaman dan **revolusi** ini sebenarnya merupakan sebagai satu tanda dan sebagai satu kekuatan **kerohanian** yang sebenarnya wujud dalam agama Islam. Kita harus memandang *tasauf* dari satu sudut yang lebih positif 'the invisivle power' the greatest power on earth. Bukan *tasauf* saja tapi *Islam* itu keseluruhannya.

Kita sepatutnya meninggalkan kitab dan karya-karya Islam yang ditulis oleh mereka yang sengaja mahu memecah belahkan umat Islam dan kembali kepada Al-Quran dan al-sunnah yang menjadi amalan rasul pilihan kekasih Allah Nabi Muhamad SAW. Kita mesti belajar menggunakan reason dan mesti berani menerima yang benar itu sebagai kebenaran.

One learned man is harder on the devil than a thousand ignorant worshippers. The pursuit of knowledge is a divine commandment for every Muslim; and to waste knowledge on those who are unworthy of it is like putting pearls, jewels and gold on the necks of swine.

The Choice
Ahmed Hoosen Deedat

Wanita lancar projek 'selendang merah'

JOHOR BAHRU 9 Okt. — Pergerakan Wanita UMNO Malaysia akan melancarkan projek "selendang merah" bagi memerangi masalah sosial di kalangan pekerja-pekerja kilang wanita dan juga golongan bohsia, kata Exconya, Datin Paduka Zaleha Ismail.

Zaleha berkata, bagi tujuan tersebut "tentera-tentera selendang merah" yang terdiri daripada ahli-ahli Pergerakan Wanita UMNO akan pergi ke asrama-asrama pekerja yang dikenal pasti dilanda masalah sosial.

"Projek di bawah Biro Penerangan, Latihan dan Perhubungan Awam ini adalah untuk merapatkan hubungan pekerja-pekerja kilang wanita dengan

masyarakat khususnya UMNO dan mencegah masalah bohsia dari menjadi lebih serius," katanya.

Zaleha yang juga pengerusi biro itu berkata demikian kepada *Utusan* selepas merasmikan mesyuarat perwakilan khas Pergerakan Wanita UMNO bahagian Tebrau di sini petang ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua UMNO bahagian Tebrau, Bahauddin Paok, Ketua Pergerakan Wanita bahagian, Rahmah Talib dan Ketua Pemuda bahagian Maulizan Bujang.

Beliau berkata, pelancaran projek peringkat kebangsaan akan dilakukan pada 29 Oktober ini di Kuala Lumpur.

APA ITU FIRASAT

APA ITU FIRASAT? Soalan ini amat pendek dan mudah, tapi jawabannya tidak semudah soalan, entah berapa kali saya telah menjawabnya, namun soalan seperti ini masih terus ditunjukkan kepada saya. Disebabkan ramai sangat peminat saya yang bukan saja hendak tahu apakah **firasat**, **ESP** dan **Psychic**? Maka lahirlah buku ini, **Pemimpin, Politik Dan Firasat**.

Apakah **firasat** itu sama seperti **astroloji**, **palmestri**, **physignomy** atau ianya satu pengajian yang berkaitan dengan **mistik** ilmu hitam. Kalau **mistik**, apakah ianya dalam hubungan *para normal*? Atau ianya satu cabang dari **metafizik**? *Laduni* ilmu yang datangnya terus dari Allah Ta'ala.

Untuk tidak menghampakan mereka yang saya rasa wajib tahu tentang **firasat** kerana setiap manusia ada mempunyai '**Mata Hati**' dan **firasat** dalam buku ini lebih berat hubungannya dengan manusia dan politik. Saya terpaksa menulis satu bab khas apa itu **firasat**

bukan saja untuk para peminat saya tetapi untuk tatapa kepada sesiapa saja yang menaruh minat terhadap *ilmu* yang diluar garisan *panca indera* terutama par pemimpin politik.

Firasat yang membolehkan manusia melihat tanpa menggunakan dua mata yang ada dimuka perlu diketahui *definisinya* terlebih dahulu. Saya tak mahu orang belajar **firasat**, awak pun belajar **firasat** juga, orang dapat jalan keluar, awak *sesat* seperti orang yang belajar *tarik*at. Orang cakap pasal *tarik*at diapun *tarik*at juga. *Tarika* punya *tarik*at dia terikat. *Tarik*at adalah jalan yang berdekatan menuju Allah.

Mudah-mudahan buku ini akan dapat memberikan faedah yang berguna dalam membangunkan **mind** bangsa dalam menuju **wawasan** yang dituju. Kalau pun anda tak jadi ahli **firasat** sesudah turut membaca buku ini, tak ada lagi ahli **firasat** yang boleh menyesatkan anda.

Perkataan **Firasat** atau **Firasah** berasal dari bahasa Arab. Untuk mengetahui makna **Firasat** eloklah kita merujuk kepada beberapa kamus bahasa Arab yang mahsyur untuk mendapatkan pengertian daripada makna kata tersebut supaya kita tidak terkeliru.

Dalam kamus **Lisanul Arab** karangan Ibnu Manzoor **Firasah** bermakna: *memandang dan mengkaji sesuatu dengan pandangan mata hati*.

Ibnul Atsir seorang ahli tafsir dan sejarah terkemuka pula berpendapat bahawa **firasat** terbahagi kepada dua jenis.

Pertama berbentuk **Karamah** diletakkan Allah dalam **hati para wali** sehingga mereka dapat mengetahui tentang hal ehwal seseorang atau membuat suatu perkiraan ramalan yang tepat *futuristik* mengenai sesuatu kejadian yang akan berlaku dimasa akan datang.

Mereka yang mempunyai **firasat** didalam dirinya dapat melihat sesuatu yang belum berlaku dan dapat menceritakan apa yang akan berlaku sekiranya mereka mahu berbuat demikian. Seorang ahli **firasat** mempunyai pandangan yang *'transparent'*.

Kedua, adalah **firasat** yang diperolehi atas dasar *penyelidikan, pengalaman* dan bukti-bukti yang dijadikan dasar untuk mengkaji hal ehwal seseorang atau fenomena dari sesuatu kejadian. **Firasat** yang ada kaitan dengan ramalan politik.

Firasat juga boleh diterjemahkan sebagai: *"mengetahui dimensi batiniyah dari sesuatu dengan perkiraan yang tepat"*. Hingga ke satu peringkat dapat membaca *minda* dan *nawaitu* seseorang.

Firasah juga boleh didefinisikan sebagai: *"Memastikan pandangan terhadap sesuatu dan*

mengetahui segi batiniah dengan meneliti segi lahiriahnya". Saya fikir cukuplah penerangan mengenai **firasat** dari segi bahasa, kerana bukan tujuan saya untuk memberi kefahaman dari segi *linguistik*, hal serupa ini kita serahkan saja pada ahli bahasa, kepada saya soal susunan bahasa ini sekadar satu cara untuk berkomunikasi saja. Yang penting apa yang kita tulis orang mudah faham dan apa yang hendak saya sampaikan boleh tersemat di *hati* anda. Kalau sekali baca tak faham ulang sekali lagi kerana didalam penulisan saya yang penting ialah yang tersurat disebalik yang tersirat.

Bila kita memperkatakan sesuatu yang berkaitan dengan **firasat**, biarpun **firasat** yang saya maksudkan dalam buku saya adalah **firasat**, cara-cara menganalisa watak dan karekter manusia sama ada melalui *mata* yang ada di muka atau *mata ketiga* yaitu *mata hati*, namun kita tak dapat memisahkannya dari ilmu *laduni* kerana **firasat** yang sebenarnya bukanlah sekadar membaca masa depan atau *untung nasib* seseorang saja. **Firasat** akan menampakkan kita wawasan yang kita hendak tuju.

Kebanyakan mereka yang mendapatkan ilmu **firasat** menerusi pengajian *hakikat* lebih suka berdiam diri dari berkata-kata. Mereka adalah penyimpan rahsia yang boleh dipercayai, kerana *laduni* yang diperolehi adalah hasil dari amalan yang dilakukan dengan penuh keikhlasan kepada Allah bukan untuk tujuan

kebendaan, bukan nak cari duit, bukan nak jadi *ahli nujum* atau *tukang telek*. Mereka tak akan bercakap melainkan yang perlu, takut-takut kata-katanya boleh menimbulkan fitnah kerana mereka banyak mengetahui rahsia Allah.

Firasat yang berkaitan dengan alam **mistik** ini tersembunyi disebalik wajah-wajah sepi yang tidak dikenali kerana mereka bukan nak bermegah-megah, bukan nak cari nama atau hendak menunjuk-nunjukkan kehebatan mereka. Anda jangan terkejut sekiranya ada orang yang anda temui setiap hari di jalan yang selalu anda pandang sepi itu adalah seorang ahli **firasah** yang dapat melihat sesuatu di luar *dimensi* manusia biasa.

Alhamdulillah **Dewan Bahasa Dan Pustaka** sudahpun menyebarkan buku **LADUNI** hasil karya Imam Al-Ghazali yang diterjemahkan oleh Abdullah Bin Mahmud (Nakula) banyak memberi penerangan mengenai **firasah** mengikut definasi *laduni*.

Kebetulan di negara kita hari ini pengajian mengenai *falsafah* dan ilmu dari segi ketuhanan yang ada kaitan dengan *kerohanian* telah diberi satu penghormatan yang sangat tinggi dengan diadakan kerusi **Al-Ghazali** oleh Dato Sri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Kita semua beruntung kerana insan yang dipilih untuk diletakkan dikerusi tersebut Profesor Syed Muhamad

Naquib Bin Ali Alattas adalah seorang tokoh ilmu sufi, ahli falsafah agung dizaman ini maka kehadiran beliau ditempat tersebut sama seperti *meletakkan mahkota di kepala raja*, juga tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa pendekatannya dengan alam *kerohanian* jika ditinjau dari bukunya '**The Mystic Of Hamzah Fansuri**' dan '**Some Aspects Of Sufism As Understood And Practised Among The Malays**' memang sukar untuk ditolak yang Profesor Syed Muhamad Naquib Ali Alattas boleh *duduk sama rendah berdiri sama tinggi* dengan Hamzah Fansuri yang dianggap sebagai "*Muhiddin*" Ibnu Arabi dizamannya.

Begitulah kehendak Tuhan yang maha esa kerana disetiap zaman, Allah akan mengadakan seorang ahli sufi, yang Allah saja yang maha mengetahui tentang ketinggian dan kedudukan *makamnya* kerana dalam setiap kurun ada *qutub* zamannya, hanya mereka yang mempunyai pengetahuan *laduni* mengenai apa itu *rijalul ghaib* dan aulia Allah berani mempertikaikan ketinggian dan kehebatan seorang Qutub bul aulia.

Firasat yang membawa pengertian melihat dengan '**mata hati**' ertinya memandang dengan ilmu *kebatinan* atau *kerohanian* adalah hasil dari *revolusi kerohanian*. Ia merupakan *ilmu* yang datang terus dari Allah, kepada mereka yang dikehendaki atau mereka yang mencari dan mempelajarinya dengan bersungguh-sungguh menerusi penganjian mengenali dan mengkaji *hakikat diri*.

Ilmu batin yang juga dikenali sebagai 'ilmu laduni' menurut pendapat Imam Ghazali ini tidak asing bagi mereka yang sudah membaca kitabnya Ihya Ulumiddin. Biar bagaimanapun pengertian yang sebenarnya masih tak siapa pun boleh menentukannya kerana bukan mudah untuk memahami buku-buku yang maksudnya tersirat disebalik yang tersurat.

“Tiada seorang hamba pun melainkan mempunyai tiga mata, dua mata pada kepalanya yang dengannya ia dapat melihat perkara dunianya dan satu mata pada kalbunya yang dengannya dapat melihat perkara agamanya (akhiratnya)”.

Sabda Nabi Muhammad SAW

Bagi mereka yang telah mendalami ilmu *Tasauf*, atau pengamal *tarikah* yang telah melalui bermacam-macam ujian seperti melakukan *suluk* iaitu mengasingkan diri dari manusia, *beramal* dan *berzikir* dengan ikhlas demi untuk membersihkan diri dan menguatkan jiwa yang ingin tahu *rahsia diri* dan *rahsia Tuhan* melalui proses ("tajalli") '*muraqabbah*' akhirnya diangkat darjatnya oleh Allah. *Yakni* dengan mengurniakan satu pandangan '*terus mata*'. Maka dapatlah dia melihat sesuatu yang selama ini menjadi rahsia, dia dapat melihat sesuatu yang *ghaib* yang dilihat bukan dengan mata kasarnya.

Maksud *terus mata* ialah pandangan **mata rabbani** yang mana dapat melihat dengan *mata ketiga*. Anda baca terus buku ini seperti anda sedang mengumpul 'jigsaw puzzle', cuba anda fahamkan apa itu **mata**? Apa itu **hati**? Apa itu **rabbani** dan apa pula hubungan anda dengan yang menciptakan *mata hati*? Maka sesudah ini anda tidak akan mengatakan 'yakazah' dan *tawasul* itu *absurd*.

Mata hati dapat melihat apa yang sedang berlaku, akan berlaku juga apa yang telah berlaku. Kehebatan mereka yang mempunyai *mata ketiga* ini mengatasi kehebatan seorang 'magician' ahli sihir atau *tukang temung* yang terkemuka sekalipun. Kepada anda yang merasakan *ilmu* ini susah difahami adalah kerana awal-awal lagi anda tak ambil berat untuk *kenal diri*, bila anda tak *kenal diri* macam mana anda nak percaya kepada diri sendiri. Kerana selama ini anda memandangi diri cuma dari segi *biologinya* saja.

Mata hati atau *laduni* orang-orang yang demikian bertepatan dengan maksud '*rahsiamu rahsiaku dan rahsiaku rahsiamu*'. Mereka dapat melihat apa yang tidak dapat dilihat (ghaib) oleh manusia biasa yang menggunakan **mata kasar**. Cuba anda kaji apa istemewanya manusia yang mempunyai *laduni* itu? Apa bezanya dengan anda yang tidak tahu rahsia Tuhan, samakah anda yang melihat sesuatu yang jauh dengan *teropong*, *telescope* dengan anda yang cuma menggunakan cermin mata?

Kalau sekadar menggunakan **mata kepala** untuk melihat benda-benda yang halus yang tersembunyi dan yang tersirat, sedangkan anda *berilmu* pun susah hendak memahaminya, inikan pula benda-benda terselindung disebalik bahasa *simbolik*. Sukar untuk diterjemahkan oleh **akal** manusia biasa kerana mata manusia tak dapat melihat benda-benda yang tidak diketahui mereka. Sebab itu bagi golongan yang tidak mendalami *ilmu kerohanian* berbelah bagi mengenai 'yakazah', sama ada benar atau tidak..

Besi yang sepatutnya tenggelam didalam air tapi timbul, manusia boleh hidup didalamnya dan pergi ke dasar laut dengan kapal selam, boleh terbang diangkasa bila besi dinamakan kapal terbang. Kalau besi boleh timbul atas air dan terbang diangkasa apakah nak dibandingkan dengan *manusia*? Yang menjadi persoalan kerana anda tak *berilmu*, tak mahu percaya manusia itu istimewa bentuk kejadiannya.?

Kebanyakan manusia biasa tidak dapat menerokai alam ghaib, walaupun mereka cuba melakukannya menerusi *meditasi* (medatation) *bertafakur* kerana keupayaan *bertafakur* ada batasnya terutama mereka yang tidak terdedah kepada dunia *kerohanian*. Dan menjadi kebiasaan manusia mengikut sabda Nabi kita Muhamad SAW, “**manusia suka memusuhi** sesuatu yang **mereka tak tahu**, sedangkan memusuhi **sesuatu yang kita tak tahu adalah perangai iblis**.” Seperti mana yang berlaku kepada sesetengah ahli-ahli *tarikat*

yang menuduh gurunya *sesat*, apabila mereka tidak *nampak* apa yang guru mereka *nampak*. Guru mereka melihat apa yang ada disebalik tembok, sebab dia (guru) yang *kasyaf* iaitu mempunyai peningkatan *ilmu* ke tahap dimensi ketujuh, tapi murid tidak nampak. Apa yang dilihatnya hanya tembok itu sahaja. Keadaan itulah yang menimbulkan fitnah.

Perilaku orang-orang yang mempunyai *firasah* biasanya berlandaskan kepada pengetahuan *laduni* yang diterimanya menerusi *sirussir*, setiap gerak geri setiap langkahnya dikawal langsung oleh *laduni* yang bertindak secara spontan memberitahu maklumat yang sebenar kepada dirinya. Dia seolah-olah bukan lagi dirinya tapi telah *dikomputerkan* dan *dimoniterkan* oleh satu kuasa ghaib yang menguasai seluruh hidupnya. Cerita manusia begini tidak asing dizaman sebelum merdeka, semasa umat Melayu sedang menentang penjajah mempertahankan diri dari serangan komunis bintang tiga, antaranya pendekar Kiai Salleh di Batu Pahat Johor dan banyak lagi pendekar-pendekar dan wali Allah di tanah Melayu.

Mereka yang sudah sampai keperingkat ini, perjalanan hidupnya dalam menuju ke satu arah sering diingatkan oleh *laduni*, dirinya diasuh dibawah payung perlindungan Allah SWT. **Mereka akan diberitahu dengan jelasnya tentang apa yang sedang berlaku, telah berlaku dan apa yang akan berlaku** bukan saja untuk kehidupan hariannya tapi untuk mereka yang

dikelilingnya. Inilah jenis manusia yang dikatakan mempunyai "*mata hati*" atau kepada orang sufi dikatakan peringkat martabat "*Radiah*". Kalau kita rajin meneliti dan mempelajari kisah-kisah aulia Allah (wali Allah) *laduni*, *karamah* ini adalah sesuatu yang lumrah. Maka sekiranya anda tak faham, bukan kerana bahan ini berat dan susah untuk difahami, tapi kerana anda tak mempunyai *asas* dan tidak memahami apa itu **tasauf**, sebab itu anda berani menuduh seseorang *sesat*, padahal anda sendiri pun hidup dalam *kesesatan*.

Para wali Allah melihat segala sesuatu menerusi *basyirahnya*, merenung sesuatu menerusi *kasyafnya* dan tidak bertindak melulu tanpa mendapat *laduni* sebagai "*perintah ilmu*" yang datangnya terus dari Allah. Mereka ini adalah orang-orang yang *mukmin*, orang yang sentiasa *taqwa*, orang *ahlillah*. Untuk memahami ilmu **firasat**, anda sepatutnya mempunyai pengetahuan mengenai apa itu *mukmin*, siapakah mereka yang dikatakan *ahlillah* dan orang-orang yang *taqwa*? Anda jangan terkejut anda juga boleh dikategorikan salah seorang dari mereka. Tak kenal maka tak cinta.

Bagi mereka yang telah memperolehi *kashaf* juga disebut *mukasyafah* boleh mengalami dan menjengok ke alam *ghaib* atau alam *batin*. Bukanlah satu kemegahan atau kebanggaan mereka hidup semata-mata untuk berbakti, berzikir, mereka *tak tidur* dan *tak makan*. Mereka ini adalah orang yang sudah mengabadikan diri, mereka yang beriman dan berkeyakinan **Hak Kul Yakin**

tentang kebesaran dan sifat Tuhan yang maha kuasa. Orang-orang inilah yang sangat ditakuti oleh musuh-musuh Islam kerana kekuasaan '*super natural power*' yang ada pada mereka. Lihat saja imam Khomeini, beliau adalah orang *real sufi*, bagaimana beliau diatas sejadah dan di medan perang. Seorang sufi mempunyai kekuatan dan keberanian yang lebih tinggi daripada orang biasa dan beliau tahu apa yang akan dilakukan oleh musuh-musuhnya.

Ilmu *laduni* tak akan menimbulkan sengketa. Tapi disebabkan pengetahuan dan pengalaman *kashaf* ini milik peribadi orang-orang tertentu yang keilmuannya diperkenankan oleh Allah saja, ianya bukan saja menimbulkan keraguan tapi *kedengkian* dan *kebencian* yang amat sangat oleh golongan manusia yang masih di kuasai oleh nafsu yang rendah. Nafsu kebinatangan dan kerakusan iblis yang ada dalam diri. Maka cerita Ustaz Ashaari mengadakan '*yakazah*' dengan Rasulullah telah mencetuskan satu kontroversi, pada hal perkara ini kecil sangat, tak perlu digempar-gemburkan hingga ke peringkat menyesatkan sesuatu kepercayaan yang tidak dilarang oleh Islam.

Kerana *laduni* ini tetap menjadi *rahsia* hatta kepada anak dan isteri mereka sendiri. Maka manusia yang belum dapat membersihkan hati akan selalu menaruh dan menyimpan rasa cemburu kepada benda-benda yang berbentuk *rahsia*. Kesilapan besar Ustaz Ashaari ialah membocorkan *rahsianya* sendiri.

Bagaimanapun kita perlu mengenali perilaku atau sikap serta kerakter mereka yang sudah sampai ke peringkat ini. Orang-orang ini mengikut penulis buku **Rahsia Mengenali Diri** oleh Ustaz Sayuti, pengikut dan kawan baik Ustaz Ashaari:-

“Mereka berlainan dengan manusia biasa, ia mempunyai keganjilan yang luar biasa. Tingkahlaku, budi bahasanya amat santun dan halus sekali banyak mengandungi simbolik, kata-katanya simbolik, malah setiap perlakuannya yang zahir pada dirinya adalah simbolik yang mempunyai pengertian yang tersirat di sebalik yang tersurat. Jiwanya teramat seni lebih seni dari tokoh puisi, sinisnya teramat dalam yang lebih hidup dari lakunan anak wayang atau pelakun filem.

Buat pertama kali sesudah berpuluh buku politik menjadi pilihan saya kini saya cuba mengajak pembaca, untuk meneliti definasi **firasat** dari sudut pandangan dan penerimaan orang-orang *tarik* dan *hakikat* dikalangan orang politik.

Firasat dan *metafizik* seperti ikan dalam sekolam air sama-sama perlu memerlukan. Dan kebetulan ilmu *kerohanian* dan *tasawuf* sudah mula mendapat perhatian umum dan adalah tidak sehat kalau kita tidak berbuat sesuatu. Apa lagi sesudah Ustaz Ashaari ditahan dibawah ISA dan Al-Arqam diharamkan

Bila agaknya guru-guru yang *murshid* sanggup tampil kemuka umum dan menyampaikan amanah Allah dengan menggunakan sifat *fatanah* yang ada dalam diri? Adalah tidak sehat kalau kita tidak berbuat sesuatu kerana tugas kita sebagai umat Muhammad SAW yang tahu tanggungjawab mesti kita sampaikan.

Bila agaknya *tasauf* boleh terbuka seperti di zaman Hamzah Fansuri? Mungkinkah kerana masih dihantui oleh bayang-bayang Sheikh Nurulddin Al Rainy, orang yang gila jawatan sehingga terbunuhnya Hamzah Fansuri dan kitab-kitab dibakar menjadi debu menjadikan mereka takut dibunuh, sedangkan mati adalah sesuatu yang mesti. Sepatutnya perkataan *takut* tidak ada dalam kamus orang-orang *mukmin*. Pewaris Nabi mesti sanggup mati sebagai seorang *syahid*.

Kebiasaannya bila ada air adalah ikan, yang benihnya sudah sedia ada, menetas hidup dan membesar mengikut keadaan luasnya kolam. Saya meramalkan dengan adanya kerusi Al-Ghazali di negara ini dan adanya Universiti Islam Antarabangsa, pengajian *tasauf* akan timbul seperti *cendawan selepas hujan* kerana manusia sudah tidak ada *alternatif* melainkan mendekati diri dengan Allah. Jika mereka mahu menyelamatkan keruntuhan moral yang menjadi-jadi di muka bumi kita hari ini.

Allah bersifat Maha Mengetahui dan Allah saja yang tahu apa yang terlintas di dalam hati manusia. Allah

mengetahui apa yang tersembunyi di dalam diri, dan tiada akan terhindar dari pengetahuanNya segala apa pun yang tersembunyi dimuka bumi ini.

Apabila kita telah ketahui tidak ada jarak antara Allah dengan kita, dan kemana pun kita hadapkan wajah disitu ada Allah, apakah kita nak hiraukan kepada mereka yang mempunyai **kashaf** dan **laduni**, mereka *melihat tanpa mata, mendengar tanpa telinga, berkata tanpa suara*. Mereka mengatasi panca indera yang ada pada manusia biasa. Ilmu yang dikenali sebagai **firasat** juga boleh dipelajari oleh anda jika anda menghalusi makna perkataan **firasat** itu dengan teliti.

Dengan kehendak dan kemahuan Allah anda juga boleh jadi seorang ahli **firasat** dapat melihat dengan **mata rabbani** yang di sebut sebagai **mata Allah**. Sebab itu saya mengaitkan **firasat** dengan *tasauf*, tidak *astrologi* atau *palmestri* kerana yang susah peringkat untuk memahami bahasanya saja. Bahasa yang digunakan oleh orang *sufi* dan bahasa *kerohanian* ini *pelik* dan *simbolik*, orang-orang yang tidak memahami alam mereka yang penuh *rahsia* maka mereka selalu disalah mengertikan oleh orang awam, akibatnya ia boleh menimbulkan **fitnah**. Sebab itu orang-orang *sufi* lebih suka menyendiri.

Sejarah telah membuktikan bahawa begitu banyak nyawa orang *sufi* dan ahli *hakikat*, juga nyawa keluarga dan pengikut guru-guru *tarikah* telah menjadi korban.

Diantaranya di alam Melayu seorang ahli *sufi* teragung Hamzah Fansuri dan lainnya di hukum bunuh oleh sultan atas nasihat seorang *sufi* terkemuka dari Krala India yang bernama Sheikh Nuruldin Al-Rainy, begitulah bahayanya fitnah kepada raja yang tak berilmu, **raja yang bersultan dimata beraja dihati.**

Walaupun perbuatan orang-orang *sufi* tidak bertentangan dengan agama Allah, tapi disebabkan cara hidup dan perjalanan orang *sufi* terutama mereka yang punyai *laduni* banyak menggunakan bahasa yang simbolik, yang tidak mudah difahami oleh orang biasa, maka akibatnya mereka menjadi mangsanya. Orang-orang yang cemburu dan iri hati tentang keajaiban *super natural power* yang ada pada mereka.

Amal manusia, tempat niat itu ialah di hati. Seorang manusia boleh mengetahui apa yang ada di lubuk hati seseorang manusia kecuali dengan sifat ketuhanan yang maha mengetahui. Maka nak tanya apa lagi, benda yang **sudah terang lagikan bersuluh.** Janganlah kerana tak pandai menari kita kata **tanah tinggi rendah** dan malas nak berfikir. Kita menuduh orang-orang *tarik* itu *absurd* tapi apabila kita telah memahami apa itu *firasat* dengan sendirinya kita akan membiarkan mereka dengan dunia mereka. Kita akan bermohon ampun pada Allah kerana menghina dan menuduh mereka *sesat*.

Mereka yang sudah sampai ke *maqam*, perkataan *maqam* disini adalah kata yang digunakan oleh orang-

orang *sufi*. *Maqam* bererti tingkat atau darjat (peringkat) dapat melihat apa yang ada didalam hati manusia, adalah sama darjatnya dengan para wali dan aulia yang tak perlu nak tunjukkan kehebatan, tidak mengharapakan supaya semua orang percaya.

Para nabi, Allah kurniakan apa yang dipanggil *mukjizat* dimana keistemewaannya jauh lebih tinggi dan mulia dari *karamah* yang ada pada segolongan para wali tapi ada juga manusia yang bukan wali yang dikurniakan **karamah** seperti adanya wali tanpa **karamah** tapi diperolehinya sesudah wafat, sebab itu ada manusia yang dinamakan *keramat hidup*, ada juga keramat yang sesudah mati. Sebagai contoh manusia **karamah** yang sudah kembali ke alam arwah seperti di Malaysia di Pulau Besar, di Seremban dan Habib Nuh di Singapura dimana makamnya sentiasa diziarahi oleh manusia yang percaya pada kekeramatan mereka.

Mereka yang dikurniakan **kashaf** tidak perlukan mikroskop untuk melihat hama, teleskop untuk menembusi udara untuk melihat apa yang berlaku diangkasa raya. Mereka juga tidak perlukan *x-ray* untuk melihat urat saraf pada tubuh manusia. Bagi mereka yang dianugerahi *karamah* selalunya **karamah** ini ada pada 'sheikh' atau guru-guru *tarikah* yang mempunyai ramai muridnya dan kelebihan ini diketahui oleh setengah dari pengikutnya untuk menguatkan lagi keyakinan dan kepercayaan kepada 'sheikh' *tarikah* yang mereka ikuti.

Kepada manusia yang sudah sampai *ke maqam* ini, masa tidak mempunyai apa-apa sekatan. Ribuan tahun adalah hanya sekadar sekelip mata. Begitu juga tidak ada jarak yang memisahkan sesuatu masa dan mereka sentiasa boleh berhubung dengan para roh yang ada dalam barzah.

'Resa' adalah sebahagian dari ilmu **firasat**, memberi alamat pada kita, petanda atau ingatan yang bukan datangnya dari *panca indera*. Ia satu perasaan dalaman yang disampaikan oleh bahasa yang simbolik sebagai contoh misalnya *rasa tak sedap hati*, tiba-tiba saja *hati kita berdebar-debar*, datang risau dan runsing. Kadang-kadang tiba-tiba saja hati tersentak. Inilah satu message, satu penyampaian yang dikatakan '**resa**', selalunya hati yang tak sedap dan jantung berdebar-debar dengan begitu saja boleh terjadi disebabkan ada orang jauh tapi dekat dengan hati kita berada dalam musibah.

'Resa' ada *message simbolik* yang hanya dapat ditafsirkan oleh mereka yang boleh membaca bahasa '**resa**' melalui *mata kanan* atau *kiri* bergerak. Ini satu petanda nak tengok orang jauh atau nak menangis, *bibir bergerak*, *telinga bergerak*, kadang-kadang menyampaikan isyarat melalui telegram atau *wairlessnya* dengan perantaraan halus.

Tapak tangan kanan atau *tapak tangan kiri gatal* tanda duit nak masuk atau duit hendak keluar. Ini

mengikut kata dan pendapat orang tua-tua, biar bagaimanapun ianya berlaku pada mereka yang percaya.

Alamat seperti ini kadang-kadang datang dalam mimpi tapi selalunya semasa tidur malam. Kadang-kadang dalam kita tidur siang pun ianya berlaku. Kadang-kadang susah kita nak terjemahkan apakah kita bermimpi atau ia benar-benar berlaku kerana tafsir mimpi ini terdapat dalam Al-Quran dan kita boleh mentafsir mimpi. Antara buku awal saya adalah **Rahsia Mimpi Anda, firasah** dan **mimpi** adalah *ilmu* yang ada persamaan. Bacalah seterusnya untuk melayakkan diri anda untuk menjadi seorang ahli **firasah** dan sekiranya anda benar-benar minat dalam ilmu **firasat** ikutilah buku saya selepas ini **Mengenal Manusia Menerusi Matahati**.



Pairin : Datuk, saya punya *brother* you kasi jadi senator, jadi menteri kalau saya masuk UMNO, betul-betul sokong sama you, buka itu rahsia orang PBS yang masuk BN, you kasi saya balik kerusi Ketua Menteri kah? Saya pun bila-bila boleh cakap *yes, yes*, sama boss. Ini orang politik cakap *yes boss, yes boss* bukan boleh pakai punya. You ada percaya ke? Dulu sama saya pun ini macam juga, *yes Datuk, yes Datuk*, sekarang saya sudah jatuh, apa mereka cakap *sorry Datuk, no lah Datuk*. Itu cakap *no lah Datuk* kasi saya jatuh. Dan Datuk tahu siapa yang ramalkan saya jadi Ketua Menteri Sabah? Masa itu Harris Salleh buang sama saya. Itu Pak Habib, S.H. Alattas. Tak percaya tanya Zahrin Mohd Yassin dan YB Yatim, ini dua orang jadi saksi masa dia tengok *nasib* saya.



Sejak peristiwa Bukit Serene, Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yasin sentiasa dikerumuni dan menjadi tumpuan wartawan dalam dan luar negeri.

Beginilah nasib anak Arwah Cik Gu Mohd Yasin sejak duduk di kerusi yang ditinggalkan oleh Ajib Ahmad. Hingga ke hari ini ada saja masalah. Lepas satu, satu... kemudian datang satu lagi. Sekejap ada... sekejap tak ada... Walaupun muda berani berhadapan dengan raja.

Sebesar-besar jihad adalah **berani berkata benar** dihadapan raja yang zalim.

Apakah ini sebagai ujian untuk melatih Muhyiddin sebagai pelapis di peringkat Nasional atau dia akan tenggelam hanyut bersama-sama istana? Round pertama SUK Johor yang menyokong raja sudah kena pukulan K.O. dengan Abang Din.

Dari buku

Tuan Ku Mahathir Lawan Sultan Mahmud Iskandar



Siapa kata Tan Sri Muhyiddin Yassin bakal Naib Presiden UMNO tak boleh *senyum*? Tunggulah selepas 4 November nanti sesudah pengisytiharan kemenangannya. Saya yakin dia akan *senyum* memanjang dan saya percaya dia tak akan pakai baju yang besar-besar lagi, kerana dia sedar dia tidak disenangi akibat *tak pandai senyum dan berpakaian smart*. Dari segi lain *kehebatannya* dapat mengatasi *prestasi* calon Naib Presiden yang turut bertanding disamping *rumahtangganya* yang *tak bercelaru* dan *haru biru*. Pertandingan kali ini *rumahtangga* menjadi penentu kemenangan seseorang calon.

Firasat Pak Habib untuk Tan Sri Muhyiddin dalam buku *Ku Yah Lawan Mike Tyson*. Nampaknya setakat ini Muhyiddin masih mendahului Naib Presiden yang lainnya.



Anwar Haji Ibrahim
Ketua Pemuda UMNO 1982,
Insya Allah.

Dipetik dari buku **Pemuda Dizaman Mahathir**. Siapa pun tak menduga atau menyangka yang Anwar boleh mengalahkan Datuk Haji Suhaimi *the incumbent* tetapi itulah risiko yang Pak Habib alami dalam membuat ramalan dan sokongan untuk Brother Anwar. Ketika itu ada yang masih meragui ramalan politik Pak Habib berpandukan **firasat**. Mereka menganggap bahawa ini semua serkap jarang. Walaupun kebanyakan ramalan didalam buku **Siapa Selepas Musa** sudah menjadi kenyataan. Allahu Akbar. *Segala puji bagi Allah. Allah melihat dan mendengar apa juga niat dihati kita.*



Mengikut firasat saya, bintang Anwar lebih terang dari bintang Lah Badawi. Siapa tahu Anwar akan ganti Dolah Badawi sebagai Menteri Pelajaran Malaysia yang baru.

Dipetik dari buku **Musa Derhaka**.

Sesudah terbitnya buku ini Pak Lah dipindahkan ke Kementerian Pertahanan, Brother Anwar menjadi Menteri Pelajaran. Mulai dari kementerian ini bintang Anwar tambah hari tambah cerah, wajahnya pun tambah hari tambah berseri biarpun tambah hari musuh politiknya tambah ramai. Allahu Akbar. Segala-gala yang berlaku didunia ini adalah dengan *kehendak* dan *keredaaan* Allah. Manusia hanya sekadar boleh *meramal* sahaja, segala puji bagi Allah.



Y. A. B. 'Tun' Ghaffar Baba. Timbalan Perdana Menteri yang baru, menggantikan Musa.

Dipetik dari buku **Musa Derhaka**, tak berapa lama buku beredar dalam pasaran, Pak Ghafar pun dilantik jadi Timbalan Perdana Menteri. Allahu Akbar. Begitulah bergunanya **ilmu firasat** kepada manusia, kalau Allah *perkenan* apa yang dapat kita lihat dengan pandangan **firasat**, boleh menjadi kenyataan. Tidak berlaku sesuatu melainkan dengan kehendak Allah.



"Tahun 1981 kalah sekali lawan Musa. 1984 lawan Musa, Dr Mahathir tolong Musa, kalah juga lagi. 1987 campur geng Musa lawan Dr Mahathir, kalah lagi. Apa punya nasib! Apa juga ilmu yang Dr Mahathir ini pakai. Di manalah silapnya?" Ini bukan salah atau silap. Ini sudah suratan Takdir. Kalau bukan hak kita, rezeki kita, buat macam mana pun tak dapat. "1988, tak percaya suratan Taqdir, ajak Hussein Onn, Tunku, bawa istana berlawan sama. Tubuh parti baru tidak diterima oleh kerajaan." Bukan salah ibu mengandung, nasib badan!

Sayang semuanya sudah terlambat, menyesal tak berguna lagi. Satu nyanjian dari Shidee untuk Ku Li.

Gambar dan tulisan diatas diambil dari buku **Talqin Untuk UMNO 1986**, kalau kita tenung baik-baik, mungkin kita akan terfikir, kita dapat membaca bagaimana Ku Li sedang merenung dengan sedih tentang politik negeri Kelantan. Siapa pun yang ambil-alih pemimpin Kelantan selepasnya, selagi sikap pengundi tak berubah Kelantan dari dulu macam itu macam itulah juga. Bagaimana kalau nasib pemimpin itu yang baik?

untuk jadi seorang Perdana Menteri, naik keatas menggunakan kaki sendiri.

Dia lebih pentingkan rakyat dan perpaduan dalam parti sebab itu, walau pun Ku Li tahu Mahathir tidak berapa sukakannya, waktu Mahathir terdesak cepat-cepat dia sokong Mahathir. Tidak seperti Musa. Ku Li tidak mahu ada perpecahan dalam parti, Tidak mahu ada kelam kabut dan haru-biru sebab kalau parti tidak kuat, kerajaan pun tidak kuat sebagaimana nak membangunkan negara dan bangsa. Ku Li memang tahu hal itu sebab Ku Li orang kelulusan ekonomi bukan macam Musa. Pentingkan politik diri semata.

Musa tanpa sokongan Mahathir bila-bila masa saja akan jatuh. Tidak percaya tengoklah sikit hari lagi. Sedangkan sahabat Rasulullah Saidina Ali Bin Abu Talib yang juga menjadi menantunya pun boleh dibunuh oleh umat Islam sendiri yang cintakan Nabi Muhammad. Inikan pula Musa. Siapa yang kasihkan Mahathir. Orang-orang UMNO sendiri akan membunuh politik Musa bila tiba masanya nanti dengan cara yang paling sedih seperti apa yang telah terjadi pada Hussein Onn.

Pada pandangan mata kasar dan dari berita-berita di akhbar, Mahathir dan Musa seperti landasan keretapi bersama bersaing rapat tapi tidak sama pada hakikatnya. Apakah Sanusi Junid dan lain-lain kesatria Musa benar-benar setia pada Musa. Mereka bertuankan Mahathir atau bertuankan Musa? Saya sendiri adalah penyokong kuat kepimpinan dua 'M' tahun 1981 dahulu. Tahun ini saya berubah kerana jelas dan nyata perubahan dua 'M' tidak menguntungkan UMNO dan orang Melayu.

Tahun ini sudah bertambah satu lagi M. Sultan Mahmood Iskandar berada di atas dua M, mengikut kata senda Inggeris *Two is a company Three is a crowd*. Dua M


Dari buku
Tuah Nasib Pemimpin Malaysia

dulu pasangan yang cukup baik, tiba-tiba bertambah lagi satu M. Agung yang pangkal namanya bermula dengan M. *One has to go*, nampaknya satu M terpaksa berundur.

Sultan Iskandar tidak begitu setuju dengan perangai Musa. Hari jadi Baginda yang lalu Musa pemimpin besar Johor yang jadi Timbalan Perdana Menteri tidak dijemput ke Istana. Apa akan jadi pada Negara bila Timbalan Perdana Menteri tidak sesuai dengan Agungnya? Timbalan Perdana Menteri senang dicari ganti. Pilih saja yang mana satu Tuanku berkenan Mahathir akan berkata "Patik setuju Tuanku" kalau tidak percaya Tuanku cuba.

Apabila huru-hara, katakanlah waktu itu datang ribut. Siapa tahu ribut nak datang. Ribut sekarang ini macam banjir kilat, tiba-tiba saja dia datang. Sejak ada Mahathir jadi Perdana Menteri, cuaca dan Alam di Malaysia ini pun sudah jadi tidak tentu. Itu semua kuasa Allah. Usahkan ribut besar, ribut kecil pun cukup. Kapal itu akan pecah berderai. Kalau tak pecah pun nanti hanyut entah kemana-mana dibawa arus. Masa itu apa gunanya sesal kalau harapan untuk kembali menebus segala dosa yang telah lalu sudah tidak ada lagi. Muzik apa yang hendak dimainkan? Apa gong yang hendak dipalu. Menangislah tapi apa gunanya? Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tak ada gunanya.

Dari buku
Tuah Nasib Pemimpin Malaysia



Inilah dia wajah Habib Omar Bin Hud Alattas yang dianggap mempunyai *karamah* dan kuasa *spritual* yang luar biasa yang sangat dimuliakan oleh para pengikutnya di Indonesia dan juga Malaysia. Setiap tahun dirumahnya semasa mengadakan mauludul Rasul, sekurang-kurangnya tiga ribu ekor kambing disembelih, tidak termasuk ayam itek dan lembu, ribuan manusia akan membanjiri rumah dan masjidnya. Ramai pemimpin dari negara jiran akan meminta do'a dan berkat darinya. Pemimpin *spritual* yang begini masih terdapat di Indonesia tapi tak di negeri kita. Kalau ada apakah Pusat Islam tidak akan mengharamkannya sama?



... Anwar menerima cenderahati daripada Abdul Majeed di JPM, semalam.

Duta Khas Yaman temui Anwar

Berita
Harian
9-9-94

Mudah-mudahan sesudah Brother Anwar dapat *kerambit* dari Duta Khas Yaman, Brother Anwar juga akan dapat *semangat juang* yang ada pada orang Yaman. Tapi ingat *diwaktu kepala sedang panas, hati selalu mahu dingin*. Dan ingat juga *bila hati terasa panas kepala pula mesti selalu dingin*. Ini musim pemimpin melatah, mudah-mudahan Anwar tak cepat melatah. Jadikan Musa Hitam dan Ghafar Baba sebagai *iktibar*.

Komentar: A Nazri Abdullah

Kebekuan akliyah punca kelesuan syariah

"KALAU kita tidak berani membuka pintu akal kepada tafsiran baru, maka syariah Islam akan dianggap tidak dinamik, lesu dan kaku. Sebenarnya bukan syariah yang lesu tetapi akliyah kita yang kaku." Petikan daripada ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ini wajar diabadikan di pejabat Ikim, Pusat Islam, Persatuan Ulama dan Institut pengajian tinggi bagi mengingatkan generasi masa kini dan akan datang bahawa salah satu kelemahan yang membawa kemunduran umat Islam ialah sikap mereka sendiri.

Bagaimanapun, kalau dilihat dari sudut lain, teguran Dr Mahathir itu memperibatkan suatu kekuatan dalam tradisi peradaban Islam, iaitu keberanian mengkritik diri sendiri. Inilah kelebihan Islam berbanding dengan peradaban lain, khususnya Barat yang takut untuk mengakui kelemahan diri sendiri. Sesungguhnya kebangkitan Islam hari ini sebahagiannya berpuca daripada keberanian umat Islam mengkritik diri sendiri.

Justeru, golongan ulama tidak seharusnya berkecil hati dengan teguran ini, tetapi menerimanya sebagai satu cabaran biasa dalam tradisi keilmuan

Islam. Barangkali ramai yang masih ingat, ketika merasmikan bangunan baru Ikim tidak lama dulu, Dr Mahathir mengatakan bahawa kita tidak boleh meridakwa mengetahui segala-galanya kerana kita hanya tahu apa yang kita tahu, tetapi kita tidak ketahui apa yang kita tidak tahu.

Ketika berucap di Universiti Georgetown, Washington minggu lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga menyentuh soal kejehilan di kalangan umat Islam sendiri. Katanya, imej buruk Islam di mata dunia sedikit sebanyak berpuca daripada kegagalan umat Islam sendiri memantafkan ideal Islam. Kejehilan, ketidakadilan, hipokrasi tidak saja wujud di Barat tetapi juga di negara Islam.

Kedua-dua teguran ini amat besar maknanya kepada umat Islam kerana mereka pernah menjatuhkan fungsi sebagai penerak kemajuan ummah di zaman kegemilangan peradaban Islam dahulu. Fursat mereka menjadi semakin penting dalam polemik teologi Barat-Islam yang kini mulai mengambili tempat polemik ideologi.

Menilai kembali hukum-hukum Islam adalah cabaran yang amat kecil

berbandingkan cabaran yang bakal golongan ulama hadapi dalam dialog peradaban yang sudah pun menjadi agenda penting abad akan datang.

Bernard Lewis dalam bukunya "Islam and the West" antara lain berkata, "Islam dan Kristian adalah bersaudara kerana berkongsi warisan yang sama. Masing-masing mendakwa sebagai pembawa ohor Kebernaran Tuhan untuk manusia sejagat. Masing-masing melihat di antara satu sama lain sebagai musuh utama.

Kesannya ialah konflik berpanjangan yang dimulai oleh jihad, peperangan salib, menakluki dan ditakluki di antara satu sama lain—Islam menakluki empayar Eropah dan Eropah kemudiannya menajahi negara Islam. Perjuangannya ini belum selesai kerana kedua-dua peradaban ini berpecah bukan kerana perbadaan tetapi kerana pergesuan mereka."

Mengaji dan menilai kembali hukum-hukum yang Islam bukan bermakna mengubah prinsip syariah. Prinsip perundangan Islam memang jelas dalam al-Quran dan hadis tetapi kaedah-dabanya berseesuaian untuk sepanjang zaman. Kaedah riba, pembayaran za-

kat dan sebagainya memerlukan pengkajian semula kerana kaedah yang diputuskan oleh ulama beribu tahun dahulu tidak semestinya sesuai dengan keadaan hari ini. Kita semua sedar undang-undang sivil lebih banyak dipengaruhi oleh undang-undang Roman yang berasaskan kepada peradaban Kristian.

Usaha menerapkan undang-undang syariah ke dalam undang-undang sivil tidak mungkin berlaku selagi ulama syariah mengasingkan di antara ilmu yang menghantar Adam menjadi Khalifah di bumi kerana Adam dibekalkan fikiran.

Ilmu wahyu adalah asas kepada pencarian ilmu dunjawi yang bertaburan di seluruh pelusok bumi. Ulama syariah mestilah menghidratkan diri, berkongsi pendapat, bertukar fikiran dan berpolemik dengan ilmu di luar bilik mereka. Bagaimanapun, sebelum ini boleh berlaku, ulama syariah mestilah membekalkan diri mereka dengan pengetahuan dunjawi yang secukup pengetahuan kerana dunia dicipta untuk manusia.

APARILIA Penulis Bangladesh, Thelma Nasrin, menerima anaman buntut di Dhaka karena membuat kenyataan yang dianggap menghina agama Islam, negara Barat dengan segera menghulurkan bantuan bagi menyelamatkannya daripada aktivis Islam yang mereka anggap sebagai *pengganggu*.

Diplomat Barat dengan segera maklumkan kepada wakil di Kementerian Luar masing-masing bahawa tindakan segera perlu diambil bagi menenangkan aktivis Islam yang menyifatkan tindakan Taslima sebagai *anti-Islam*.

Kepada pemimpin Bangladesh, aktivis Islam hanya bersifat pengacau semata-mata. Tetapi, kepada negara Barat, ancaman aktivis dianggap lebih besar daripada pengacau.

Sehubungan itu, kerajaan Bangladesh *bertindak seirangan* dengan Amerika Syarikat dan negara Eropah, apabila membawa keluar Taslima dari tempat persembunyiannya dan terus mengahbarinya ke Sweden, dengan harapan lam-bat-lain semua orang akan melupakan episod itu.

"Reaksi Barat sebenarnya melebihi yang sepatutnya," kata seorang pegawai Kementerian Luar Bangladesh baru-baru ini.

"Bagaimanapun, mereka mendakwa kes Taslima mampu membangkitkan pergerakan aktivis Islam di peringkat antarabangsa jika dibiarkan berterusan dan sesuatu perlu dilakukan bagi mengelak perkara buruk.

Benarlah reaksi Barat terhadap aktivis Islam kini berlebihan?

"Masyrakat kita kini terbimbing di alam abstrak terus berkembang pesat di rantau mereka," dakwa Maulana Obaid ul-Huq, seorang imam di Dhaka yang mengetahui gerakan anti-Taslima.

"Mereka juga mempunyai pergerakan khas bagi menyekat kebangkitan itu."

Hari ini, sebahagian besar negara Islam menghadapi pelbagai gangguan dan ketegangan. Aktivis Islam didakwa menembak anggota polis dan warga asing di Algeria dan Mesir.

Pergerakan Islam mendapat sokongan politik di Jordan dan Yaman. Aktivis Islam kini semakin berpengaruh di kalangan penduduk Palestin serta di beberapa negara lain di Asia Timur, termasuk di Bangladesh.

Tokoh seperti Presiden Mesir, Hosni Mubarak, meminta masyarakat dunia supaya bersatu menentang kebangkitan aktivis Islam. Pengulas Barat pula menerusi penulisan mereka mengangap kebangkitan Islam sebagai "pertembungan tamadun manusia".

Bagaimanapun, ada juga pihak yang melihat kebangkitan itu secara lebih positif. Lima belas tahun selepas pemimpin Iran, Ayatollah Ruhollah Khomeini mengejutkan dunia dengan mesejnya mengenai kekuatan dan kesucian Islam, negara Barat kini berusaha mengenal pasti pejuang Islam sebenar di kalangan kumpulan *Islamists*, gelaran yang semakin kerap digunakan terhadap mereka yang mengamalkan Islam dengan politik.

Walaupun kerajaan Barat terus bersikap berjaga-jaga terhadap kegiatan aktivis Islam dan mengawasi pergerakan aktivis seperti di Dhaka, kini muncul

Sejak Revolusi Iran pada 1979, hanya Sudan menyertai Iran sebagai negara yang mengamalkan dasar Islam yang ketat. Namun, unsur fundamentalis belum terhapus sepenuhnya dari masjid dan merebak ke tempat kerajaan.

Contoh terbaik mengenai perkembangan dasar Amerika yang semakin ketara ialah Algeria, malah perjudian Amerika di negara itu menimbulkan kebimbangan sesetengah pihak di Afrika Utara.

Pada 1992, ketika Barisan Penyelamat Islam (PIS) hampir mencapai kemenangan dalam pilihan raya di Algeria, tentera secara tiba-tiba mengambil alih pentadbiran kerajaan dan mengharamkan pergerakan itu.

Ini menyebabkan berlakunya peperangan, di mana 10,000 orang terbunuh akibat perbuatan aktivis Islam mahupun pasukan keselamatan kerajaan.

Pentadbiran Presiden Bill Clinton sudah pun memulakan langkah mendesak jeneral tentera supaya berunding dengan kumpulan aktivis itu dan mereka bersetuju mengadakan rundingan dan pilihan raya baru.

Ini menimbulkan kebimbangan Perancis; mereka risaukan kebanyakan pelajar Algeria jika aktivis dibenarkan mengambil alih pentadbiran.

Bagaimanapun, negara-negara jiran Algeria lebih risau dengan kemungkinan fahaman Islam terus tersebar luas dan menaiki rantaunya itu, sesuatu yang dianggap hampir pasti berlaku.

Oleh Noreha Mohd Ripin

BENARKAH Amerika Syarikat bakal memimpin perang salib terbaru terhadap umat Islam? Jika benar, umat Islam seperti yang diingatkan al-Quran, memang dalam kerugian kerana membiarkan diri mereka menjadi senjata memusnahkan apa yang Barat label sebagai gerakan fundamentalis dan ekstremis di beberapa negara.

Amerika menafikan tohmahan bahawa ia memerangi Islam. Penasihat keselamatan negara Presiden Bill Clinton, Anthony Lake, berkata "kami tidak setuju langsung dengan pendapat itu."

"Amerika tidak menganggap Islam sebagai isme baru yang mengancam Barat atau keamanan dunia," kata ketua jabatan Asla Barat, Robert H Pelletreau, dalam satu ucapan terbarunya.

Perdana Menteri Britain, John Major, menyuarakan pendapat yang sama, berkata negaranya menghormati Islam. "Kami tidak menganggapnya sebagai ancaman," katanya.

Begitupun, aliran dasar Barat mengekalkan langkah berhati-hatinya terhadap perkembangan negara-negara maju yang mendokong Islam, malah Jabatan Negara Amerika menganggapnya sebagai kebangkitan politik Islam yang perlu diawasi.

Jolokan fundamentalis dan ekstremis yang dikaitkan dengan falsafah keganasan oleh Barat terhadap kumpulan kebangkitan Islam di seluruh dunia, menjadikan sesetengah negara melatah dan melancarkan kempen menghapuskan segelintir masyarakat yang cuma mahu kembali menggilap sinar Islam yang semakin pudar.

Doktrin pecah dan perintah Barat melalui istilah fundamentalis Islam ini jika tidak dihalusi memang nampak tidak mengancam tetapi kesannya besar kepada perpaduan dunia Islam. Di sana sini kita lihat negara Islam kucar-kacir.

Barat mengamalkan konsep tertentu bagi melemahkan Islam. Malah mereka berani menaikkan sebarang keganasan

dengan Islam.

Ketika Perang Iran-Iraq, Amerika jadi sekutu Baghdad bagi menyekat pengaruh Teheran. Kini, Iraq jadi medan Amerika dan sekutunya mempamerkan kuasa. Iraq menggerakkan bala tenteranya di wilayah sendiri pun dianggap mencabar kuasa mereka.

Sebenarnya tiada krisis terbaru di Teluk jika Barat yang diketuai Amerika, tidak ghairah membuat tanggapan awal mengenai motif Presiden Iraq, Saddam Hussein mengerahkan seramai 100,000 bala tenteranya di wilayah selatan negara itu. Implikasi tindak balas Amerika dan sekutunya mahu mengerahkan 70,000 tenteranya dan beratus-ratus jet pejuang, kononnya untuk menyekat kemaraan Iraq ke Kuwait, memperjelaskan lagi *subconscious* Barat untuk melemahkan Islam.

Dalam rencana Impact International terbitan April-Mei, Nayyar Zaidi, memetik pendapat bekas ketua perisik Perancis, Count de Marenches, dalam memoirnya bertajuk *The Fourth World War: Diplomacy and Espionage in the Age of Terrorism* berbunyi:

"Peperangan yang akan kita lalui dalam Perang Dunia Keempat adalah peperangan dengan bangsa yang mewarisi keperwiraan khalifah dan empayar Uthmaniyah. Kita sudah mulakan perang salib yang baru. Kita kalah dalam perang yang lalu.

"Kita tidak boleh kalah dalam perang salib kali ini. Perang salib yang lalu adalah peperangan untuk Barat menakluki wilayah tetapi perang salib yang akan datang adalah untuk Barat mempertahankan diri." (Komentor Pengarang, *Berita Harian*, 18 Julai 93).

Jika kepemimpinan dunia Islam terus alpa dengan idealisme Barat dan terpujuk dengan propaganda mereka, kita boleh ucapkan selamat jalan kepada pengembalian zaman gemilang Islam.

Lihat saja aliran ahli fikir Ba-

Harap anda baca semua *keratan akhbar* yang ada didalam buku ini sebelum anda dapat memahami kata penutupnya.

Berita Minggu
22/10/94



SEMANGAT... perjuangan mengembalikan martabat Islam turut disertai olah kanak-kanak di Algeria. – AFP

rat seperti de Marenches, memberi amaran supaya warga Barat bersedia untuk berkorban nyawa di negara sendiri mahupun di luar kerana musuh (dirujuk kepada Islam) yang berada di sekeliling kita, sedia berkorban nyawa kerana agama mereka (jihad).

Sedangkan kita (Barat) lebih mementingkan diri dan harta benda. (Komentar Pengarang, *Berita Harian* 10 Julai, 93).

Semangat jihad Islam ini yang paling digeruni Barat (mengam-

bil kira kemenangan Mujahidin Afghanistan menentang Soviet Union), dan sehingga kini ahli fikir Barat masih mencari *loopholes* melemahkan kunci kekuatan Islam itu.

Malahan propaganda Barat mencemar imej Islam selama ini pun menanti kegagalan saja kerana gerakan kebangkitan Islam berjaya menepis fitnah itu. Islam itu agama kebenaran. Apapun fitnah yang dilemparkan pasti berjaya ditangkis oleh kekuatan Islam itu sendiri.

Harap anda baca semua *keratan akhbar* yang ada didalam buku ini sebelum anda dapat memahami **kata penutupnya**.

Utusan
Malaysia 22/10/94



KINI puak pelampau agama di beberapa negara Arab telah mula berani menunjukkan belang mereka. Di sesetengah negara Arab, mereka telah sampai ke tahap memerangi kerajaan masing-masing dengan senjata, seperti yang berlaku di Algeria dan Mesir.

Bagaimanapun, Algeria nampaknya yang paling teruk menghadapi ancaman puak pelampau agama itu. Kini boleh dikatakan setiap hari berlaku pembunuhan di negara Arab Barat itu. Kalau tidak polis membunuh puak pelampau, mestilah puak pelampau membunuh polis.

Yang menjadi masalahnya, puak pelampau tidak saja membunuh polis, tetapi mereka membunuh juga ahli politik, pegawai kerajaan, ahli sukan, penyanyi, diplomat, orang asing, pemimpin agama yang tidak sehaluan dengan mereka dan lain-lain.

Keganasan atau pembunuhan di Algeria bukan semua dilakukan oleh puak pelampau agama saja terutama di waktu hari-hari mula meletus kacau bilau dulu. Sebaliknya ia dilakukan juga oleh unit-unit sulit kerajaan bagi tujuan menggerakkan tentera supaya campur tangan dan mengambil alih pemerintahan. Ini maksudnya keganasan Algeria itu telah menjadi keganasan politik yang dilancarkan sematamata untuk mencapai matlamat politik.

Mangsa keganasan Algeria dalam tempoh dua tahun bergaduh dan bermusuhan menjadi 10,000 orang termasuk lebih 20 warganegara asing.

Satu juta jiwa

Perlu disebutkan bahawa Algeria pernah kehilangan satu juta jiwa semasa beberapa tahun berperang menentang penjajah Perancis dulu. Oleh itu, ia dipanggil dengan negara sejuta syahid. Ditakuti, jika krisis di Algeria itu tidak dapat diatasi, mungkin negara itu akan kehilangan satu juta penduduk lagi kerana berperang sesama sendiri kali ini.

Kedalam di Algeria membimbang dan menakutkan beberapa negara Arab lain terutama yang berjiran dengannya seperti Mesir. Kerajaan Algeria kini hanya dapat menguasai kawasan tengah bandar saja sedangkan kawasan pinggir bandar dan kampung sudah dikuasai oleh pelbagai puak pelampau agama.

Yang dibimbang dan ditakutkan itu bukan saja Kerajaan Algeria akan jatuh ke tangan puak pelampau agama, tetapi jika perang saudara akan berlaku pula antara pelbagai puak pelampau Islam sendiri selepas mereka dapat menumpaskan kerajaan nanti. Tanda-tanda akan berlaku perkara itu telah pun muncul.

Lebih teruk lagi ialah perang saudara meletus antara bangsa Arab yang mahu menjaga identiti Arab dan bangsa Berber yang menuntut diktirafkan identiti mereka.

Harap anda baca semua *keratan akhbar* yang ada didalam buku ini sebelum anda dapat memahami **kata penutupnya**.

pelampau agama

usaha untuk menyelesaikan krisis secara damai dan berhasil. Ia boleh meneperti Alghamistan berperang sesama sendiri yang tidak kurang hebatnya semasa berperang dengan tentera Kesatuan Soviet dulu.

Di mana Pertubuhan Pergerakan Negara Islam Mengikuti laporan akan mengeruh akhirnya berkumpul di Maghribi pada pertengahan Disember de- Mungkinkah untuk mencincangkan isu Algeria

bagaimanapun, dalam tahap permulaan dua keganasan yang dilancarkan oleh kaum pelampau agama di Mesir mendapat dukungan kuat disebabkan pembatalan pilihanraya umum 1982 yang dimenangi oleh Ismail Penjelarnat Islam (SI), membuat mereka menentang kerajaan.

Di akhir-akhir ini, kelahiran penentangan rakyat terhadap perbuatan gila pelbagai kaum pelampau agama setelah menyedari ia tidak lagi menggunakan kekerasan untuk memerangi kerajaan, tetapi menggunakan jaja untuk membunuh orang awam.

Tidak hairan jika baru-baru ini rakyat Algeria pula sanggup mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran menentang keganasan kaum pelampau agama.

Mesir pula menduduki tempat kedua dalam kategori negara-negara Arab yang teruk menghadapi fenomena fundamentalisme agama. Di negara itu, boleh dikatakan berlaku pembunuhan setiap minggu. Tetapi sejak sebulan lalu, pertempuran dan pembunuhan berlaku setiap hari.

Orang asing terutama wartawan tidak boleh berada di kawasan-kawasan popular yang menjadi sarang kaum pelampau agama. Malah mereka perlu berhati-hati untuk ke bandar-bandar yang terkenal ramai kaum pelampau macam bandar Assut.

Sebagai sasaran

Ini kerana kaum pelampau agama di Mesir selain daripada memilih orang ternama dalam negara, seperti Naqub Mubarak sebagai sasaran, mereka juga memilih orang asing kerana mudah mendapat peroganda.

Bagaimanapun, apa yang berlaku di Mesir, tidak dapat disamakan dengan yang berlaku Algeria.

Kerajaan Mesir dikatakan masih kuat dan menguasai kaum-pelampau agama dari berhasil menumpaskan keganasan yang dilancarkan oleh mereka.



PARA penduduk Israel mengadakan tunjuk perasaan di Baaitulmaqudis membantah serangan puak pelampau terhadap sebuah bas di tengah-tengah Tel Aviv pada 19 Oktober lalu yang membunuh 22 orang dan mencederakan 40 yang lain.

Sebagai contoh, ia dapat menahak kumpulan puak pelampau agama yang menikam pemenang anugerah Nobel Mesir, Naqub Mahfuz pada Jumaat (15 Oktober) lalu dalam tempoh tidak sampai 24 jam saja.

Polis Mesir dapat bertindak secepatnya jika bukan kerana mereka berada di tempat kejadian atau ini sako yang memberitahu mereka ke mana penjenayah lari dan sembunyi. Tetapi kerana polis Mesir memiliki semua pelat pergerakan kaum-pelampau di Mesir.

Kekuatan Mesir

Jadi, Mesir berada dalam keadaan jauh lebih baik daripada Algeria dan ia tidak perlu bimbang jika kaum-pelampau agama mahu mengancamnya di dalam keadaan sekarang.

Sebenarnya kekuatan Mesir bukan saja terletak pada agensi-agensi keraguan seperti polis, tetapi terletak juga pada kekuatan rakyat di mana majoriti mereka menolak keganasan.

Ini berbeza sehalu dengan Algeria yang lemah dan betul-betul diancam oleh kaum-pelampau agama yang mempunyai simpati daripada rakyat.

Negara-negara Arab lain yang menghadapi ancaman kaum-pelampau agama ialah Maghribi, Tunisia, Mauritania dan Arab Saudi. — Utusan.

PENUTUP

PADA MULANYA berat juga hati untuk menyiapkan buku ini disebabkan ianya ada kaitan dengan agama, *maklum sajarah*. Jangan dikatakan hendak menulis buku, hendak berceramah agama pun memerlukan surat izin 'tauliah' dari pejabat agama, melainkan Dr. Mahathir saja yang punya *lesen besar* kerana dia Perdana Menteri.

Mahathir boleh *cakap* apa dia suka pasal *agama*, pasal *politik* atau apa saja. Hari ini *cakap* macam ini, besok *cakap* lain dan lusa *cakap* lain lagi, tak mengapa. Mahathir...

Tapi bila saya fikir panjang-panjang, kalau *penulis* tidak berani mengambil risiko, tak menjalankan tugas dan sikapnya selaku orang yang diamanahkan untuk *tabligh*, untuk menyampaikan yang *haq*, menyatakan yang *benar* itu *benar* dan yang *salah* itu *salah*. Biarpun jutaan manusia menyatakan yang *salah itu benar*, sampai bila pun *minda* orang Melayu tak akan berubah dan *keadilan* tidak akan dapat ditegakkan.

Dan saya selalu mengingatkan diri saya '*Allah yang menjadikan aku*', aku datang ke dunia ini bukan ada apa-apa *urusan* dengan Mahathir. Kebetulan saja... Hari ini dia jadi Perdana Menteri aku. Nak kena jawab didalam kubur nanti bukan Mahathir, aku juga. Kalau didunia dia tak boleh selamatkan *aku*, inikan pula diakhirat..... pi....

Dan siapakah selain dari kita umat Islam, *khalifah* yang mesti menyampaikan apa yang telah disampaikan oleh malaikat Jibril kepada Muhammad dan Muhammad selaku hamba dan pesuruh kepada kita? Terlebih dahulu tahukah kita, yang kita ini *khalifah*? Kalau kita tahu, kita tidak sepatutnya membuat kerosakan diatas muka bumi ini dan kita tidak akan bersubahat dengan mereka yang *mungkar* dan *fasik*.

Khalifah pertama sesudah Nabi wafat mengingatkan umat Islam terutama yang berpegang kepada amalan *ahlul sunnah wal jamaah*, "*taat kepadaku selagi aku taat kepada perintah Allah dan Rasul*". Dan Nabi Muhammad SAW telah mengingatkan umat Islam, "*sesudah aku wafat nanti, kamu semua hendaklah berpandu kepada Al-Quran dan Sunnahku*" yang kita tambah suruh ikut ijamik ulama pasal apa?

Bagi saya, yang penting saya sudah tulis, saya sudah *sampaikan*. Apa yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar Siddiq yang menjadi pegangan *ahlul sunnah* dan hampir dalam setiap buku

saya, pembaca diingatkan supaya *membaca* dengan nama Allah, kerana itulah kerja seorang *khalifah* di muka bumi ini yang tugasnya tidak lain selain dari menjadi pewaris Nabi, menyeru manusia membuat *kebaikan*, mencegah manusia melakukan *kejahatan* dan tidak bersubahat dengan orang-orang yang *fasik*.

Para penulis yang sedar akan tanggungjawabnya yang *sebenar* adalah ulama yang *sebenarnya*, pewaris yang mesti menggunakan *kebijaksanaan* untuk mengingatkan umat Islam supaya jangan takut selain dari Allah, tidak *tunduk* selain dari Allah, kerana inilah *kekuatan* dan *senjata* umat Islam yang sangat ditakuti oleh Barat.

Penulis tak perlu takut dengan *fitnah* dan *tomahan* yang menuduh penulis suka mengumpat dan menjaga tepi kain, pembuat spekulasi dan memusuhi pemimpin, selagi *nawaitu* kita untuk memberikan *kesedaran* kepada pemimpin yang sudah *menyeleweng* dan cuba *menyelewengkan* rakyat yang dipimpinnnya untuk terus hidup didalam maksiat.

Kejahatan pemimpin mesti diberitahu supaya tidak menjadi *contoh teladan* pada orang lain seperti pendedahan yang dilakukan oleh **Utusan Malaysia**, tentang penderitaan dan malu yang ditanggung oleh keluarga budak perempuan bawah umur yang teraniaya disebabkan ada perhubungan dengan Rahim Tamby Chik, dikaitkan dengan 14 orang lelaki dan didedahkan kepada umum.

Pemimpin mesti disedarkan bahawa tanggungjawabnya adalah menjadikan diri mereka *'imam'* dan pengikutnya *'makmum'*. Pemimpin tak boleh kata kepada pengikut *'jangan buat apa yang aku buat, tapi taat saja apa yang diperintah'*. Dan pemimpin mesti mempunyai *moral* dan *akhlak* yang terpuji. Pemimpin tidak boleh membuat sesuka hati kerana adanya kuasa yang boleh membebaskannya.

Kalau nak tunggu Majlis Agama Islam dan ulama kerajaan untuk menyambung perjuangan Rasulullah memerangi *kemungkaran* yang dilakukan oleh pemimpin, *sampai tu*lah kita menunggunya. Anak dara Islam telah mengaku dan membuat laporan polis ditiduri oleh 14 lelaki, lapan dari mereka telah pun disoal siasat tapi kerana mengikut Peguam Negara dia tak puas hati dengan penyiasatan polis kerana tidak ada bukti yang cukup, kes zina dan penganiayaan terhadap anak gadis bawah umur tidak seorang pun dari 14 lelaki ini dihadapkan ke mahkamah.

Melaka 21 Okt. - Nenek kepada pelajar bawah umur yang dikatakan mempunyai hubungan sulit dengan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, meminta polis membebaskan cucunya segera.

Pendek Ahmad, 57, berkata, cucunya mesti dibebaskan segera untuk pulang ke Melaka dan tinggal bersamanya.

"Kalau kes Rahim sudah ditutup, cucu saya tidak sepatutnya dikurung lagi", katanya kepada para pemberita di sini hari ini.

Beliau sekali lagi mempertikaikan mengapa cucunya dikurung sedangkan Rahim yang disiasat bebas bergerak ke mana sahaja.

Pendek tidak puas hati terhadap kenyataan Peguam Negara hari ini bahawa Rahim tidak akan didakwa kerana tidak cukup bukti untuk menghadapkannya ke mahakamah.

"Kalau tak ada angin, takkan pokok bergoyang dan kalau tak salah takkan letak jawatan", katanya ketika diminta mengulas kenyataan Peguam Negara itu.

Dan Peguam Negara Datuk Mohtar bila ditanya, sama ada keputusan yang dibuat oleh pihaknya menunjukkan bahawa gadis itu telah membuat tuduhan palsu terhadap Rahim, kata beliau, "tidak semestinya".

Mengenai nasib gadis terlibat, Mohtar memberitahu, gadis itu sehingga pagi ini masih berada dalam jagaan pihak polis.

Mengenai laporan polis yang dibuat oleh gadis itu terhadap Rahim, Mohtar mengakui gadis tersebut telah membuat aduan mengadakan hubungan seks dengan Rahim.

Beliau memberitahu, siasatan dalam kes ini telah menimbulkan syak wasangka yang kuat ke atas Rahim. "Namun demikian dalam sistem pentadbiran keadilan jenayah kita, syak wasangka sahaja tidak boleh dijadikan asas yang kukuh untuk mendakwa, walau bagaimana kuatnya disyaki seseorang itu telah melakukan kesalahan," ujar beliau.

Menurutnya, keadilan dan undang-undang memerlukan beliau melaksanakan kuasa budi bicara untuk mendakwa seseorang di mahkamah.

Katanya, semua keterangan dan pernyataan itu adalah rahsia.

Apabila ditanya sama ada Rahim bebas dan tidak bersalah, kata Mohtar: "Sama ada ia membebaskan

Rahim atau tidak, adalah bagi anda untuk membuat kesimpulan."

Utusan Malaysia
22 Oktober 1994

Kenapa para bijak pandai mesti *tutup mata, tutup telinga, tutup mulut* macam patung *beruk* dengan falsafah *speak no evil, see no evil, hear no evil*, kenapa? Beruk buat macam tu tak apalah, dia *beruk*, tapi beruk tak akan membiarkan anak *beruk* disentuh oleh manusia di zina. Syaitan pun tak akan mengizinkan anaknya dizina oleh manusia. Kalau misalnya terjadi semua syaitan akan bangun dan akan mengadakan tunjuk perasaan dihadapan Tuhan.

Macam mana kalau yang teraniaya dan dizalimi itu anak darah daging kita sendiri? Bagaimana kalau kita berada di tempat ayah yang terpaksa menanggung *aib* sepanjang hayatnya akibat perbuatan Peguam Negara?

Sesudah meneliti kisah anak yatim yang menjadi mangsa mainan orang politik dan membaca cabaran yang dibuat oleh Johan Jaafar yang kebetulan menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, seorang sasterawan dari Dewan Bahasa Dan Pustaka yang diturunkan dari langit untuk memimpin kumpulan wartawan veteran menggantikan Zam, saya merasa *tercabar*.

Kalau orang *sastera* boleh timbul *sebagai minyak*

ditengah-tengah lautan, kalau *wartawan* boleh tertawan dengan kehebatan seorang sasterawan yang dapat menawan dan menjatuhkan lawan dengan perang *saiкологи*, menentang *kemungkaran* yang dilakukan oleh Rahim Tamby Chik dan mereka yang menjadi dalang Rahim. Kenapa tidak saya?

Johan Jaafar, Ketua Editor Utusan Group mencabar supaya para penulis dan pemikir menceburi bidang *metafizik* supaya menandingi *pemikir* dan *penulis* Barat, saya fikir apa salahnya saya mencuba, risiko paling besar buku *diharamkan* atau diheret ke mahkamah. Keduanya pula telah saya alami.

Kuala Lumpur 28 Dis - Golongan pemikir di negara ini harus mencari satu pilihan baru dalam bidang ilmu terutamanya metafizik dan falsafah supaya tidak terlalu bergantung daripada pemikir barat.

"Kita harus prihatin bahawa di sebalik kehebatan ilmu Barat yang didukung oleh mesin lobi dan prestij yang dikaitkan dengan universiti besar mereka, kita harus melihat secara objektif siapa sebenarnya mereka".

Utusan Malaysia
29hb. Disember 1993

Cabaran ini dikemukakan dihadapan ahli Kelab Pemikir Muda Persatuan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dengan

kerjasama Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) serta Utusan Malaysia sewaktu beliau menutup seminar *pemikir kreatif* anjuran Kelab tersebut supaya selain dari menghafal dan menyalin kembali buku-buku orang terdahulu. Cubalah membawa satu pembaharuan supaya menukar sistem pendidikan Barat dan kembali berfikir secara Islam dengan menggunakan *akal* dan kuasa *metalfizik*.

Menurut Johan, ahli Falsafah Barat yang selama ini mendominasi pemikiran masyarakat negara lain sebenarnya tidak sehebat mana sebaliknya mereka adalah **penciplak** kepada kejayaan orang lain terutamanya daripada pemikir Islam.

Sememangnya para ilmuwan Islam seperti Ibn Rush, Farabi, Ibnu Sinna, Ibnu Khaldum dan Imam Ghazali adalah *pemikir* yang mendahului *pemikir Barat* dalam banyak perkara. Persoalannya ialah macam mana kita hendak menghasilkan karier besar dan para pelajar kembali ke pangkal jalan sedangkan para ulama mahukan mereka hidup dalam 'kukun' (kepompong)? Hendak percayakan Imam Mahdi yang tidak bertentangan dengan Al-Quran dan Sunnah sebagai *motokwasi semangat juang* pun dianggap *sesat*.

Cuba kita kaji balik semula dan buat satu penilaian terutama *kitab-kitab kuning* yang dibaca oleh tok guru yang diterjemah dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Padahal banyak kitab-kitab yang dibaca oleh ulama kita

yang sudah *'out dated'*. Apakah kerana kebudayaan *ilmu* yang kita gunakan hari ini disebabkan ianya telah menjadi kebudayaan datuk nenek kita maka ianya mesti dikekalkan?

Saranan untuk mengubah cara berfikir telah diajukan oleh Pendita Zaaba, tapi cabaran tinggal cabaran. Biar bagaimanapun cuba kita menungkan dan kita satukan dengan saranan Johan. Kenapa kita tidak kembali bersatu dibawah Al-Quran dan sunnah? Dan sekaligus kita menungkan juga saranan Nazri, Editor Berita Harian dalam suntingan yang saya muatkan didalam buku ini. Keratan-keratan akhbar dalam buku ini untuk anda buat perbandingan dengan tulisan saya supaya anda dapat melihat dengan mata kepala dan *matahati*.

Perselisihan faham di antara orang-orang umatku ialah rahmat daripada Tuhan. Hanyalah orang-orang kemudian yang kurang pengenalan sahaja telah menyempitkan kawasan ini dengan menghukumkan tidak boleh berpindah-pindah dari satu mazhab kepada lain mazhab jika tidak diketahui semuanya kaedah-kaedah tiap-tiap mazhab itu sebagaimana ahli-ahlinya sendiri. Padahal kita dan kebanyakan orang alim kita pun, pengajian atau mazhab Shafei atau Hanafi sahaja pun tidak boleh terhabiskan seumur hidup! Sesungguhnya inilah pemandangan orang yang sempit hatinya, sempit fikirannya dan sempit kira-kira - orang yang tiada harapan boleh maju

dan bersendiri dalam hal-ehwal pengajian agamanya!!

Pendita Zaaba

Dan dalam bukunya, perangai bergantung kepada diri sendiri, Pendita Zaaba mengalakkan kita supaya mempunyai *hati* dan *pemikiran* yang terbuka dan janganlah kerana kesilapan yang kecil kita menuduh seseorang cuba menyelewengkan Islam.

Sementara itu sayugialah pula diingat bahawa perselisihan faham mazhab-mazhab pada perkara-perkara furu atau cabang kecil-kecil itu sememangnya baik; kerana ia memberi lega dan lapang kepada lengkongan Islam, meluaskan tempat beredar dan berkisar, menyenangkan bergerak dan berpindah-pindah di dalamnya.

Dalam masyarakat kita, seringkali terdapat sikap yang suka merendah-rendahkan dan mencemuh orang-orang yang *berfikir* terutama mereka yang cuba membawa satu *pembaharuan*. Biasalah, setiap *pembaharuan* dan pembangunan yang dibawa mesti ada manusia yang menjadi korban *pembaharuan* dan pembangunan. Sebagai contoh *pembaharuan* yang dibawa oleh Ustaz Ashaari dan kumpulan Al-Arqam yang diharamkan. Cara *motivasi* mereka untuk mengorek *minda* dan *kerohanian* ummah ternyata berjaya.

Timbulnya perasaan tidak senang hati terhadap *pemikir*

dan mereka yang cuba membawa *pembaharuan* adalah disebabkan penyakit yang ada didalam *hati*, *cemburu*, *iri hati* dan *dengki oleh mereka yang jumud pemikirannya*, benda ini bukanlah satu perkara baru. Sejarah telah membuktikan dari lagenda Hang Nadim dengan cerita **Singapura di langgar todak** dan lain-lain lagenda yang menunjukkan penyakit yang ada didalam *hati*.

Hari ini perkara yang hampir sama berlaku kepada Ustaz Ashaari dan kumpulan Al-Arqam kerana kesilapan yang kecil iaitu mempercayai Almarhum Sheikh Suhaimi sebagai imam Mahdi, juga mempercayai yang Sheikh Suhaimi menerima *wirid* dan *zikir* yang menjadi amalan pengikut Al-Arqam dari Rasulullah dalam Kaabah, bukan menerima satu Al-Quran dan hadis yang baru sebagai menyelewengkan Islam.

Apalah salahnya Ashaari mempercayai bahawa dirinya dari keturunan Bani Tamin, biarpun dia ada salasilah Jawa dan Bawean. Inikan satu *motivasi 'positif thinking'*, Dr. Mahathir juga yang suruh bangsa Melayu supaya *'thing big'* untuk menguatkan semangatnya dan semangat pengikut supaya berjuang untuk membangunkan *minda* umat Islam. Lainlah kalau dia mengaku dia Nabi atau Sheikh Suhaimi itu Nabi yang baru. Kalau hendak persoalkan dari segi hukum, soalkan apakah *wirid* yang diamalkan disusun sendiri atau dipetik dari Al-Quran tanpa ditambah tokuk hatta satu noktah pun.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Tan Sri Rahim Nor, Ketua Polis Negara atas kebijaksanaannya menyelamatkan *maruah* para ulama dan mereka yang berada di Pusat Islam kerana para pemimpin lebih menghormati dan dengar pendapat polis dari *fatwa* ulama. Kepada saya masalah Ustaz Ashaari adalah masalah politik, Ashaari adalah ancaman yang besar dan sangat berbahaya kepada politik Dr. Mahathir.

Mungkin ada diantara ulama dan para cendekiawan akan menganggap bahawa cara saya menulis buku politik di campur-aduk dengan **firasat**, politik, pemimpin dan agama, tak masuk akal, **Absurd**. Saya tak marah kalau mereka nak kata saya *sesat* pun, *lantak pilah* lebih baik *dilabel absurd tak betul, mengarut* tapi boleh membawa *pembaharuan* dan *pembangunan mental* ummah dari menerima penghormatan sebagai sarjana. Para ilmuan yang tak berfungsi seperti sebuah perpustakaan sepi.

Cuba renungkan, nak masuk *akal* macam mana kalau awal-awal lagi *pemikiran* dan *hati* mereka sudah ditutup?

Kalau memang *fikiran sempit* dan dada kosong dengan *ilmu kerohanian* tentulah banyak perkara yang dibaca tak masuk *akal*. Apa lagi kalau *akal* sendiri pun tak tahu dimana letaknya?

Apa lagi kalau yang ada dalam *kepala*, cuma *otak* dan

fikiran, dan yang jelas besar dan dapat dilihat oleh mata cuma *kepala* atau serbannya saja yang besar.

Sepatutnya orang yang *kepalanya besar*, besar pula *otaknya* seperti gajah. Kepala gajah besar dan gajah mempunyai ingatan yang sangat kuat, seandainya gajah boleh ke *menara gading* sekurang-kurangnya setiap ekor gajah didunia ini ada kelulusan doktrate dan boleh jadi professor, kerana kelebihan gajah boleh mengingati sesuatu dengan baik. Tapi Allah tak anugerahkan *akal*, tak terdapat nama mana-mana gajah dalam sejarah *lagenda* dunia seperti manusia yang pernah mengukir sejarah.

Maka marilah kita melihat Al-Quran dan al-sunnah dari satu *prespektif* yang baru dengan menggunakan *akal*, bukan sekadar pandangan ulama jumud yang masih berpegang pada *kitab-kitab kuning* bila kita cuba menyelesaikan masalah sosial dan politik didalam negara kita. Dan janganlah benda-benda yang kecil kita besar-besarkan, yang *haram* kita *halalkan* dan yang *halal* kita *haramkan*, semata-mata kita nak tumpang cari makan.

Ingat jugalah bahawa Amerika sedang memimpin perang salib terbaru terhadap umat Islam dan janganlah keghairahan mengejar *kebendaan*, kita sanggup membiarkan diri kita menjadi senjata untuk memusnahkan apa yang Barat label sebagai gerakan *fundamentals* dan *extrimist* Islam. Padahal kita adalah aktivis, pejuang yang mempunyai hak untuk

mempertahankan agama Allah. Biarlah Astora J.B dalam pojoknya nak melabel aktivis Islam sebagai pelampau dan penjenayah, kita tetap menganggap mereka yang kasihkan agama Allah sebagai pejuang.

Yang menyebabkan kita umat Islam tak dapat duduk semeja adalah disebabkan pandangan kita mengenai aktivis dan pelampau amat berbeza. Kesilapan yang kecil kita besar-besarkan dan perkara yang menjadi ancaman terhadap umat Islam diseluruh dunia kita sembunyikan penulis-penulis yang menjadi agen-agen penyebar pemikiran Barat yang cuba menghancurkan semangat Islam. Cukuplah Arab Saudi saja yang sanggup menjual maruah dan agama Islam untuk kepentingan keluarga mereka, sepatutnya penulis yang beragama Islam tidak begitu.

Sebagai contoh ada seorang Menteri, saya tersebut pasal bahaya *wahabi* yang mula menular dalam masyarakat kita. Dia tak tahu pun apa itu *wahabi*, tapi bila saya terangkan pengaruh *wahabi* ini jika dibiarkan mempengaruhi masyarakat kita boleh merosakan ummah, dia melenting. Padahal dia bukan tak tahu tingkahlaku kakitangan kerajaan Arab Saudi terhadap umat Islam yang datang menunaikan haji atau umrah.

Islam mengajar mereka yang menjadi *khadammul haramien* supaya hormat pada tetamu Allah, tapi kita dan umat Islam yang *non Arab* di *diskriminasikan* macam rakyat *kelas tiga*. Kita terima, sedangkan hati

dan perasaan kita tidak senang dengan perilaku mereka yang bertentangan dengan Al-Quran dan Al-Sunnah. Merekalah yang takut pada pejuang-pejuang Islam kerana mereka hidup bawah payung Amerika.

Keluarga Saud seolah-olah mahu semua umat Islam di seluruh dunia mesti tunduk kepada fahaman *Wahabi*, dengan itu kita juga akan berbaik-baik dan tunduk kepada *super power* yang menjadi pelindung mereka. Merekalah yang menyebarkan aktivis Islam itu pelampau dan penganas untuk melemahkan *semangat juang* umat Islam diseluruh dunia.

Kuffar dan bangsa kulit putih diberi layanan istimewa bila berada di negara mereka. Tapi ulama kita menutup *mulut*, tutup *mata* dan *telinga*. Bila lagi kita nak berfikir dan bersuara, jangan masih leka dengan kenikmatan dunia. Kerana sesudah jatuhnya USSR umat Islam diseluruh dunia menjadi sasaran Britain dan Amerika. Dan siapa saja yang cuba memperjuangkan Islam akan dilabel sebagai penjenayah, pelampau, penganas, perampas kapal terbang seperti penjajah pernah melabelkan pahlawan Melayu sebagai perompak, penyamun dan lanun. Inilah yang dibincangkan oleh Perdana Menteri dan pemimpin Iran semasa Rafsanjani mengadakan lawatan ke Malaysia.

Kita tidak dibenarkan memperbaiki sesuatu kerosakan atau cuba memperbetulkannya biarpun ia menyentuh kepentingan kita. Kita dilarang memikirkan

tanggungjawab kita terhadap saudara kita yang beragama Islam.

Mungkin perjuangan *wahabi* atau *kaum muda* ini pada permulaannya yang dibawa oleh Abdul Wahab ada *baiknya* ketika itu, tapi bila ianya dikuasai oleh keluarga Saud dari turun temurun untuk kepentingan Britain dan Amerika, ianya telah menyimpang dan akhirnya mungkin *menyesatkan* kita semua kerana cara kehidupan yang berbeza. Dalam negeri hidup cara Islam, bila berada di luar terutama di Bangkok dah jadi lain. Dr. Mahathir pernah menyelar jenis Islam macam ini.

Tapi tentang bahaya *wahabi* kenapa sedikit pun tidak terdengar kritikan dan pandangan dari mereka yang kononnya mengaku diri sebagai *ulama bebas*, cendikiawan dan intelek Islam? Yang menjadi kemuskilan kita, kenapa yang diheboh-hebuhkan cuma kisah Arqam? Ini menimbulkan tandatanya masyarakat, apakah ini cara untuk mengalih pandangan kita supaya tidak nampak siapa musuh kita yang sebenarnya?

Apakah kebebasan mereka sekadar mengancam dan menanamkan semangat *kebencian* terhadap puak-puak yang dianggap fundamentalis tidak disenangi oleh kerajaan saja? Kita mahu melahirkan satu generasi masyarakat yang *berkualiti*. Macam mana manusia boleh mencapai ketinggian *kualiti* kalau *akalnya* tidak berfungsi, kalau *akalnya* cuma berfikir kesatu hala saja?

Jelas sifat berat sebelah oleh ulama yang mengaku diri *bebas* tapi tidak memberikan orang lain *kebebasan* untuk *bermuzakarah* dengan mereka. Kenapa kita tidak diberi peluang untuk menyoal Majlis Fatwa? Seperti kenapa gadis bawah umur yang ada hubungan dengan Rahim saja yang ditahan tapi Rahim dibebaskan?

Dr. Mahathir suruh kita kenang jasa Rahim pada Melaka dan negara, kenapa kita tak boleh kenang jasa Utsaz Ashaari terhadap pembangunan ummah, kenang cara didikan Ashaari yang menyebabkan hampir 70 peratus wanita Islam di Malaysia bertudung, kenang perjuangan Al-Arqam yang menyebabkan umat Islam hari ini memilih semua makanan sama ada mee, kicap dan lain-lain keperluan dapur mesti dibuat oleh orang Islam, hatta ubat gigi tapi dulu kita tak pernah soal haram benda-benda yang kita *nak telan*.

Kalau tak kerana *wahabi* dan keluarga Al-Saud, Amerika tak boleh bertapak dengan kukuh di Saudi Arabia. Ramai jadi bingung kerana disitulah terletaknya kubu kuat dan sangat penting bagi orang Islam dan siapa pun tak boleh buat apa-apa kerana kita tak berilmu dan fikiran kita tertutup.

Puak-puak *wahabi* terus memburukkan *mazhab* yang telah menjadi amalan jutaan manusia, puluhan dan ratusan tahun lamanya dengan alasan apa saja yang tidak sesuai dengan tafsiran mereka sebagai *bidaah*, *syirik* dan *menyesatkan*, akhirnya kita terima. Tapi *zina* dan

kezaliman terhadap wanita serta *rasuah* kita tak ambil tahu, kita tak boleh campurkan politik dengan agama.

Dan ada pula pemimpin dan ulama di kalangan *ahlul sunnah wal jamaah* yang memerlukan bantuan dari mereka dan mungkin tanpa disedari sanggup membiarkan keluarga Saud memperkudakan kita semua untuk tujuan cita-cita politik Arab Saudi yang bermusuhan sesama sendiri.

Itulah sebabnya saya menampelawa anda belajar **firasat** supaya anda akan nampak dengan jelas siapakah musuh Islam yang sebenarnya? Siapakah *Kabil* dan alat dan kakitangan *Firaun* yang menjualkan ayat-ayat Al-Quran dengan harga yang murah untuk kepentingan perut mereka.

Sepatutnya orang yang dianggap intelek dan para ilmiah dari menara gading tidak menolak *ilmu* dengan membekukan *otak*. Menolak *ilmu* kerana ianya tidak senang dengan pengetahuan hasil dari *ilmu* tersebut bertentangan dengan adat dan kebudayaan *keilmuan* mereka.

Mereka juga tidak seharusnya memusuhi *ilmu* kerana sikap prajudis. Apakah kita tidak sedar bahawa kita adalah makhluk yang *merdeka*. *Kemerdekaan* yang ada pada manusia adalah *merdeka* menggunakan *akal fikirannya*.

Selaku makhluk yang *merdeka*, sepatutnya kita *bebas* mencari *kebenaran* dan *keilmuan* dengan menggunakan *akal*. Sebab itu Allah memberi kita *kebebasan* dalam memilih agama, memilih syurga atau neraka dan *akal* adalah setinggi-tinggi anugerah untuk manusia yang *merdeka*.

Mudah-mudahan bijak pandai kita tidak lagi membekukan diri dan menolak *ilmu*, kerana perasaan takut, bimbang dan ragu terhadap sesuatu yang baru kita lihat dan dengar kerana sikap prajudis terhadap *ilmu* boleh menimbulkan prasangka buruk masyarakat terhadap para akademik. Lama kelamaan *penghormatan* masyarakat kepada para intelek akan pupus, seperti mula pupusnya *penghormatan* orang Melayu kepada pemimpin politik yang bergelar *Yang Berhormat, Datuk, Tan Sri* dan *Tun* atau seorang Perdana Menteri kerana tidak pandainya mereka ini melayakkan diri dengan *penghormatan* yang diberi. *Penghormatan* orang ramai terhadap Dr. Mahathir mula berkecai apabila kerajaan yang dipimpin olehnya membiarkan Peguam Negara melepaskan Rahim Tamby Chik begitu saja tanpa dibicarakan ke mahkamah. Dan siapa tak tahu Rahim yang cara kehidupannya sudah macam *bau buah kuini* yang tak boleh disembunyi dalam guni lagi.

Sejarah telah membuktikan bagaimana orang Melayu menolak Datuk Onn, Tunku dan Hussien Onn bila pemimpin ini terlupa *amanah* dan *tanggungjawabnya* sebagai pemimpin, orang yang sepatutnya tahu

menggunakan *akal fikiran* dan kebijaksanaan. Nampaknya **wawasan 2020** Mahathir telah mengundur ke belakang mengikut **wawasan 1515** Rahim Tamby Chik yang telah menimbulkan *delima* dikalangan ahli UMNO dan bangsa Melayu.

Orang ramai sudah tak mempeduli dan menghormati *fatwa* yang dikeluarkan oleh para ulama dan mufti, kerana orang ramai tahu mereka membuat kerja tersebut kerana sekadar nak cari makan, *nak hidup*. Dan orang ramai pun sudah hilang *penghormatan* kepada Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri bila Dr. Mahathir sudah tak pandai berfikir lagi. Kalau kita kata '*nyanyuk*' mungkin *tersinggung* dan *marah*. Sebab itu saya awal-awal lagi sudah hantar **memo** suruh *dia* berhenti saja tapi dia degil, dia telah haramkan buku saya **Memo Kepada Perdana Menteri**.

Seandainya mereka yang *berilmu* berani mengamalkan *amar makruf nahi mungkar*, pemimpin kerdil yang dipilih oleh rakyat tidak boleh menjadi *diktator*, menjadi Firaun yang akhirnya merosakkan agama, bangsa dan negara.

Pemimpin seperti juga *anak kecil*, jika ibubapa tak pandai menjaganya, di ikutkan segala kehendak, apa kata dia, kita iakan saja, akhirnya jadi anak derhaka. Bila dia jadi pemimpin, dia jadi seorang pemimpin yang *derhaka* pada agama dan bangsanya, akhirnya dia akan disingkir dan hidup didalam keadaan yang kecewa.

Mudah-mudahan kita akan memahami kenapa tokoh-tokoh Islam sukar untuk menembusi benteng kebal yang dibina disekeliling masyarakat Barat, sesudah kita mendapat penjelasan mengenai tingkah laku raja-raja Islam dan pemimpin Islam. Kesilapan dan kelemahan yang terdapat didalam cara berfikir para intelek dan cendikiawan dalam masyarakat Islam itu sendiri.

Kita terima sikap segolongan masyarakat Barat yang mungkin bersikap prejudis dan sentiasa mempunyai prasangka buruk terhadap tokoh Islam yang cuba bertapak di negara mereka. Kerana sejarah negeri mereka mengingatkan *bahaya Islam* dan *bahaya agama*, yang mempunyai pelampau dan fanatik yang sanggup berkorban harta dan nyawa untuk agama terutama yang berkaitan dengan *kerohanian* yang dibawa oleh puak-puak yang benar-benar mahu memperjuangkan agama Allah.

Siapa lagi kalau bukan ulama yang mencuri ayat-ayat Al-Quran dengan harga yang murah, dan sanggup *melebelkan* mereka yang *ahlillah* yang mahu mati *syahid* untuk mempertahankan agama Allah sebagai *extermist* dan *fanatik*, supaya umat Islam yang tak *berilmu*, yang hidupnya semata-mata untuk dunia saja takut kepada pejuang dan aktivis yang menjadi musuh Islam yang sebenarnya.

Kepada kuasa-kuasa besar yang mahu terus memerintah dunia, mereka menggunakan *doktrin* bahawa

agama keseluruhan dianggap seperti *candu* dan perkara ini adalah diantara sebab Islam masih belum dapat diterima sepenuhnya. Dan tak ada pula ulama bebas yang bangun ke hadapan untuk menyatakan bahawa Islam itu *addin `way of life'*. Islam itu *baik* dan *benar* tapi yang menyampaikannya itu kurang bijaksana dan yang banyak buat kerja-kerja mungkar adalah raja-raja dan pemimpin Islam yang jadi alat kepada kuasa yang mahu menghancurkan Islam bukannya Islam yang menjadi cara hidup umat Islam yang sebenarnya.

Ramai umat Islam dinegara kita yang *berilmu*, keberanian tapi keadaan kewangan tak mengizinkan dan tak dapat peluang maka mereka tak dapat menerangkan perancang Yahudi dan pakatan Barat untuk menghancurkan Islam. Mereka tak berkemampuan untuk bertanding dengan kecanggihan media massa Barat yang tak putus menggunakan perang saikoloji menerusi media massa dan media cetak dengan merosakkan *minda* dan kehidupan mereka. Ada pun jutawan Melayu, tak mahu membantu mereka yang mempunyai idea-idea untuk mempertingkatkan Islam ke dunia antarabangsa yang dilakukan oleh jutawan Arab Saudi kepada Amerika.

Kita bangsa Melayu tak sepatutnya mempunyai perasaan rendah diri dan gentar menghadapi ancaman musuh-musuh Islam sekiranya kita percaya dengan kedatangan Imam Mahdi yang akan membantu kita supaya mempunyai harapan kepada kekuasaan Tuhan

yang akan membantu kita dalam perang salib yang mungkin berlaku pada bila-bila masa.

Kita sedih dan kecewa melihat kebanyakan negara Islam masih mundur, hidup bermalas-malas, pengotor, suka bergaduh dan berperang sesama sendiri dan *fanatik, prajudis, taksab* dan sukar hendak diajak berunding. Tapi pernahkah kita bertanya kenapa perkara macam ini boleh terjadi? Apakah kerana kita fikir disebabkan kita miskin atau kerana mereka tidak menggunakan *akal* dan mendekati diri dengan Allah? Dan sudah tak ada semangat kerana jiwa kosong dan tidak tahu kepada siapa hendak menggantung harapan? Hanya mereka yang tak ada pegangan dan tak menggantungkan hidup kepada kuasa ghaib mudah ditakluk. Dengan alam *kerohanian* dan dengan mimpi bahawa satu hari juga Islam akan menakluk dunia dan masanya sudah pun tiba dengan datangnya Imam Mahdi seperti yang wajib dipercayai orang Islam Syiah menjadi kuat dan berani.

Sepatutnya sebagai agama yang membawa *kebaikan dan kesejahteraan*, umat Islam mengikuti jejak-jejak Nabi dan Rasulnya. Sepatutnya jutawan-jutawan Islam itu baik-baik belaka, berbuat sesuatu untuk membangunkan *industri pemikiran* yang boleh menguatkan semangat juang Islam menebus kembali maruah Islam yang sudah sekian lama hilang tapi mereka leka dengan kekecuhan antara sesama mazhab-mazhab, leka dengan puak-puak yang mahu menggunakan agama

untuk kepentingan mereka tanpa mahu membuat sumbangan moral mahupun material.

Mudah-mudahan wujudnya segolongan tokoh akademik Barat yang tidak beragama Islam tetapi tetap bersimpati terhadap agama ini dan mempunyai iltizam untuk mendalaminya. Bukan sekadar mempelajarinya, sekadar untuk memenuhi dan memuaskan kehendak akademik tapi disebabkan jiwa yang sentiasa laparkan *ilmu* dan berani memberi penjelasan dengan lebih mendalam mengenai Islam hari ini dapat membuka mata para intelek kita yang buta hatinya.

Syukurlah sejak akhir-akhir ini terdapat minat yang mendalam terhadap persoalan "**pemikiran**" dalam masyarakat kita dan saya yakin sesudah selesai masalah Al-Arqam dan kerajaan, lebih banyak lagi buku *tasawuf* dan apa saja *ilmu* agama akan berada di pasaran untuk menyelesaikan masalah sosial melalui pendekatan *kerohanian* supaya umat Islam berada di kemuncak kemuliaan dalam membangunkan *industri pemikiran*.

Dan yang terpenting sekali didalam buku ini ialah supaya ianya dapat membantu anda mengesan apakah anda masih ada '*hati perut*' ataupun *hati* anda sudah *kering*? Atau mata anda sudah jadi macam mata *ikan kering*, sudah *mati* seperti *mati* dan *keringnya* sesetengah *hati* ulama kita yang sanggup menghukum siapa saja yang tak sealiran pemikiran dengan mereka, dan *melabelkan* mereka sebagai musuh dan permusuhan

itu dikekalkan sedangkan Islam mencegah umatnya berpecah belah.

Yang membezakan manusia dengan haiwan ialah *hatinya* dan perasaan kemanusiaannya. Kita dapat melihat kalau lembu terjatuh dalam longkang, ada manusia yang akan berikhtiar untuk menyelamatkannya, apa lagi kalau manusia yang terjatuh, tapi lembu tidak akan memperdulikan lembu lain yang terjatuh kerana lembu tak ada '*hati perut*'. Maka janganlah ada manusia yang menolak manusia lain supaya terjatuh didalam gaung seperti yang sedang dilakukan terhadap Al-Arqam. Padahal yang tersilap gurunya kenapa anak isteri mereka yang tak berdosa kita jadikan mangsa?

Buku ini juga mudah-mudahan akan dapat membantu anda mengesan dan memberitahu apakah anda masih mempunyai *nilai-nilai kemanusiaan* dan bukan untuk nilai hidup di pasaran *stock exchange* kerana yang terpenting ialah hubungan anda dengan *rohani* yang ada dalam diri, tak ada orang lain yang dapat menilai diri melainkan diri anda sendiri dan buku ini cuma pengatarnya. Saya sangat mengharapkan sumbangan ini boleh memperbaiki keadaan umat Islam dinegara kita hari ini.

Dan seterusnya saya mengingatkan dan mengajak saudara yang beragama Islam, bacalah Al-Quran untuk kegunaan yang boleh membawa rahmat kepada manusia, janganlah kita membaca Al-Quran sebagai *tradisi* untuk

orang-orang yang mati sahaja. Asal ada orang mati kita ramai-ramai baca *yassin*. Teguran ini pernah dibuat oleh Dato Dr. Yusof Nor tapi senyap begitu saja.

Cuba kita ajak mereka yang suka baca *yassin* untuk orang mati itu berfikir dan meneliti setiap ayat yang diturunkan itu untuk mereka yang mati atau yang hidup?

Al-Quran diturunkan adalah untuk membawa rahmat kepada sekalian alam, bukan untuk dibaca isinya saja, *dipertandingkan*, *dihafal* tapi dalam masa yang sama mesti *dipraktikkan* juga dengan menggunakan cara berfikir yang positif dan berpandukan *akal*.

Begitu juga tentang *talqin*, ianya untuk orang hidup supaya menyiapkan diri sebelum mati. Sebab itu saya pernah bacakan *talqin* untuk UMNO sebelum UMNO mati. Alhamdulillah UMNO hidup balik, yang mati cuma parti Semangat 46. Tapi kalau pemimpin UMNO terus bersubahat dengan mereka yang *mungkar* dan *fasik*, tak mustahil Semangat 46 akan kuat semula. Kita jangan lupa bahawa ada orang yang sudah mati yang dapat menggunakan kuasa dari dalam kuburnya.

Islam adalah agama *universal*, dimana-mana terdapat *uniformity* yang tidak ada pada agama-agama lain. Islam masih suci, *fresh* seperti waktu pada mula ianya diturunkan, tak ada kurang dan cacat celanya, walaupun ramai diantara pengikutnya terutama pemimpin negara telah *menyeleweng* dan *sesat* barat

Islam tidak sempit dan tidak memaksa penganut-penganut agama lain menjadi penganutnya, namun tidak pula menegah mereka untuk mendalami *ilmu* Islam bagi dijadikan *pedoman* dan *kemudi* kehidupan mereka yang sah. Tapi apa yang kita lihat hari ini adalah disebaliknya, ianya menjadi sempit bagi umat Islam yang mahu memilih cara mereka untuk mengubah dan membangunkan semangat Islam.

Kebenaran dan ketepatan Islam sebagai '*obor keamanan*' seluruh dunia dan kemanusiaan sejagat sudah termaktub dalam al-Quran bahawa Islam tidak pernah mendidik umatnya *menindas*, *menekan* dan *memijak* penganut-penganut agama lain. Begitu juga Islam tidak mengharamkan budaya yang dianuti oleh satu-satu kaum sejak turun temurun asal tidak bertentangan dengan *akidah* Islam. Mudah-mudahan kita tidak kecewa dan putus asa dengan apa yang kita lihat di alam nyata yang juga berlaku disebaliknya hampir di seluruh negara-negara Arab.

Islam adalah *neutral*, mudah untuk dipelajari dan bersederhana dalam menegakkan syiar Islam tanpa menyinggung atau menyentuh perasaan orang lain daripada perkara sekecil-kecilnya hingga kepada perkara sebesar-besarnya. Tapi yang kita lihat hari ini jauh dari apa yang kita pelajari mengenai Islam, padahal semua pemimpin kita sentiasa bercakap mengenai Islam.

Islam bukan pula kepunyaan satu-satu puak yang menunjuk-nunjuk bahawa cara Islam yang dibawa oleh puak-puak mereka jauh lebih Islamik dari puak yang lain. Tapi apa yang berlaku amat berbeza sekali, terdapat penindasan dan kezaliman terhadap yang lemah, yang tak sependapat dengan yang berkuasa. Mudah-mudahan peminat-peminat saya yang bukan beragama Islam mendapat manfaat dari buku ini kerana Islam yang dibawa oleh Nabi yang telah dipilih sebagai manusia terulung didunia amat bertentangan dengan prilaku umat Islam yang mengaku sebagai umatnya.

Dan mudah-mudahan juga sebahagian besar dari masyarakat di negara ini yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum yang sudah mula tertarik dengan perkembangan Islam, tidak lagi takut kepada Islam kerana dengan tiba-tiba saja undang-undang hudud yang belum diberi kefahaman yang cukup kepada setiap umat Islam telah digubal untuk kepentingan pihak tertentu sedangkan Nabi Muhammad SAW tidak berbuat cara begitu.


Mudah-mudahan mereka yang menganggap bahawa Islam adalah agama yang *sempit* dan semuanya "*tidak boleh*" akan mendekati Islam menerusi *kesufian* dan menerusi ilmu *tasauf* dan terus menerima Islam menerusi jalan dan petunjuk yang dibawa oleh Rasulullah bukan Tok-Tok guru, Tok Sheikh dan Ustaz yang ada kepentingan politik.

Untuk renungan intelek kita yang tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik tapi lebih gemar tulisan dalam bahasa Inggeris. Mari kita nikmati sebuah sajak dari Khalil Gibron:-.

All things in this creation exist within you, and all things in you exist in creation; there is no border between you and the closest things, and there is no distance between you and the farthest things, and all things, from the lowest to the loftiest, from the smallest to the greatest, are within you as equal things. In one atom are found all the elements of the earth; in one motion of the mind are found the motions of all the laws of existence; in one drop of water are found the secrets of all of the endless oceans; in one aspect of you are found all the aspects of existence.

Dipetik dari buku
Reader Secret of the Heart

Please circulate this book amongst your friends. For whosoever keep the teachings of God alive shall have success and happiness in this world and the hereafter.



Pak Habib : Mamak, Teh Tarik satu.

Dr. Mahathir : Oi.. cakap baik-baik sikit, saya Perdana Menteri Malaysia tau.

Pak Habib : Sorrylah Brother, saya ingat tadi you *mamak teh tarik*.... pi.....

Gambar The Sun 17/9/94



Tan Sri Rahim

Ketua Pemuda UMNO Malaysia: Selamat tinggal semua. Maafkan saya jika ada terlanjur kata tersilap bahasa, maklum sajalah saya inikan manusia biasa. Saya sekali lagi terpaksa memohon maaf kepada kamu semua kerana perbuatan saya telah merosakkan nama Pemuda, nama UMNO dan Kerajaan Malaysia. Jangan sedih dengan pemergian saya. Tindakan parti terhadap saya memang sudah sepatutnya kerana saya memang bersalah. Sepatutnya mereka telah menghukum saya lebih awal lagi, sekarang sudah terlambat. ingat kata-kata Sazali pada ayahnya dalam filem **Anakku Sazali** oleh Allahyarham P. Ramlee: *'sudah terlambat bapak, mahu pukul Sazali sepatutnya semasa Sazali kecil dulu bapak lakukan ini semua'*.

BUKU-BUKU KARYA SYED HUSSIEN YANG SUDAH DITERBITAKAN

1. FIRASAT (RAHSIA MENGENAL DIRI) (1969)
2. MELANGKAH DAN BERJAYA (1969)
3. RAHSIA MIMPI ANDA (1969)
4. TEMANKU PEMIMPIN-PEMIMPIN (1972)
5. KENAPA ROSLI DHOBI & 3 HERO SARAWAK DIHUKUM BUNUH (1974)
6. PERANG DI KUALA LINGGI (1978)
7. SERAWAK KEPADA SIAPA HENDAK DISERAHKAN (1979)
8. BAHTERA LAMA NAKHODA BARU (1979)
9. SIAPA SELEPAS MUSA? (1981)
10. PEMUDA DIZAMAN MAHATHIR (1982)
11. TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA (1983)
12. PERDANA MENTERI YANG KELIMA (1984)
13. HANTU BUKIT CINA (1985)
14. MUSA DERHAKA? (1986)
15. MUSA A TRAITOR? (1986)
16. SIAPA LAWAN SIAPA (CHALLENGER) (1987)
17. TALQIN UNTUK UMNO (1988)
18. POLITIK SERPIHAN (1989)
19. REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT (1989)
20. WANITA, TAKHTA DAN KUASA (1989)
21. LIMA RAJA TERAKHIR (1990)
22. PERANG DI PARIT RAJA (1991)
23. MEMO KEPADA PERDANA MENTERI (1992)
24. JOKER-JOKER POLITIK (1992)
25. TUAN KU MAHATHIR LAWAN SULTAN MAHMUD ISKANDAR (1993)
26. KU YAH LAWAN MIKE TYSON (1993)
27. PEMIMPIN, POLITIK DAN FIRASAT (1994)
28. MENGENAL MANUSIA DARI PANDANGAN MATAHATI

DITERBITKAN OLEH:
JAHARAH ENTERPRISE
P.O.Box 11753, Poskod 50756,
KUALA LUMPUR.

S.H.
ALATTAS



FIRASAT

(Bahagian II)

*Mengenal
Manusia
Menerusi
Mata & Hati*

